



JOHOR CORPORATION

JOHOR CORPORATION  
Level 2, PERSADA JOHOR  
Jalan Abdullah Ibrahim  
80000 Johor Bahru  
Johor, Malaysia.

Tel : 607 219 2692  
Faks : 607 223 3175  
Emel : pdnjohor@jcorp.com.my  
www.jcorp.com.my

Laporan Tahunan 2011

JOHOR CORPORATION



JOHOR CORPORATION

JOHOR CORPORATION



Membina dan Membela

LAPORAN  
TAHUNAN 2011



# VISI

- Membina dan Membela

# MISI

- Perbadanan pelaburan negeri yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan negara melalui entiti bisnes yang dilaksanakan dengan efisien serta efektif dengan mengambil kira kepentingan masyarakat.
- Mengekalkan kedudukan sebagai entiti bisnes yang meneraju dan menguasai pasaran, berdaya saing, menjana keuntungan serta disegani.
- Berperanan sebagai pemangkin kepada pertumbuhan bisnes yang mapan dan seterusnya menempa kejayaan untuk melunaskan obligasinya sebagai perbadanan pelaburan negeri.
- Menyumbang dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat melalui kejayaan bisnes serta pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat.



# ISI KANDUNGAN

## SEKSYEN 1

|                  |   |
|------------------|---|
| PENYATA KORPORAT | 4 |
|------------------|---|

## SEKSYEN 2

### MENGENAI JOHOR CORPORATION

|   |    |
|---|----|
| Profil Korporat                                     | 14 |
| Maklumat Korporat                                   | 15 |
| Struktur Bisnes                                     | 16 |
| Struktur Korporat                                   | 17 |
| Lembaga Pengarah                                    | 18 |
| Profil Lembaga Pengarah                             | 20 |
| Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Pengarah             | 22 |
| Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah                 | 23 |
| Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU) | 24 |
| Jawatankuasa Teraju Asas Sumber Manusia (TERAS)     | 25 |
| Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)                       | 26 |
| Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS)            | 27 |

## SEKSYEN 3

|                                       |    |
|---------------------------------------|----|
| RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN 2005-2011 | 30 |
|---------------------------------------|----|

## SEKSYEN 4

|                               |    |
|-------------------------------|----|
| TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT | 34 |
|-------------------------------|----|

## SEKSYEN 5

|   |    |
|---|----|
| PROSPEK                                       | 41 |
| Laporan Ekonomi                               | 42 |
| Sektor Perladangan                            | 44 |
| Sektor Makanan & Perkhidmatan Restoran Segera | 56 |
| Sektor Prisihatin                             | 62 |
| Sektor Hospitaliti                            | 70 |
| Sektor Hartanah                               | 71 |
| Sektor Logistik/Servis                        | 80 |

## SEKSYEN 6

|                     |    |
|---------------------|----|
| BISNES INTRAPRENEUR | 90 |
|---------------------|----|

## SEKSYEN 7

|                            |     |
|----------------------------|-----|
| TADBIR URUS KORPORAT       | 102 |
| Laporan Jawatankuasa Audit | 106 |
| Ringkasan Aktiviti         | 108 |

## SEKSYEN 8

|                             |     |
|-----------------------------|-----|
| Pembangunan Modal Insan     | 114 |
| Sari Peristiwa Penting 2011 | 116 |
| Liputan JCorp Dalam Media   | 124 |
| Anugerah dan Pengiktirafan  | 126 |
| Sejarah Korporat            | 128 |

## SEKSYEN 9

|                  |     |
|------------------|-----|
| LAPORAN KEWANGAN | 133 |
|------------------|-----|



DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor mendengar taklimat mengenai pelan pembangunan Projek Tanjung Leman Intergrated Resort and Coastal Township ketika Baginda menyempurnakan program sempena Kembara Mahkota 2012 di Felda Residence, Tanjung Leman, Mersing pada 13 Mei 2012 lalu.

# SEKSYEN 1

## PENYATA KORPORAT

- PRESTASI TERUS CEMERLANG
- EKONOMI DOMESTIK 2011
- PRESTASI KEWANGAN JCOP 2011
- PERISTIWA KORPORAT
- PELAN INDUK PENSTRUKTURAN KORPORAT
- PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI
- TRANSFORMASI DALAM JCOP
- FOKUS BISNES BARU
- PEMBANGUNAN MODAL INSAN
- PENYATA TADBIR URUS KORPORAT
- INDEKS AKAUNTABILITI PENGURUSAN KEWANGAN
- ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN
- TIGA PERANAN UTAMA JCOP
- MEMBINA DAN MEMBELA SERTA CSR
- PENGHARGAAN



# PENYATA KORPORAT



**YAB DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN**

Menteri Besar Johor  
Pengerusi Johor Corporation

**YBHG TUAN HAJI KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**

Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation

## PRESTASI TERUS CEMERLANG

Kumpulan Johor Corporation (JCorp) merekodkan prestasi terbaik dalam tempoh 41 tahun penubuhannya apabila mencatatkan keuntungan selepas cukai dan zakat berjumlah RM1.05 bilion bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2011 iaitu kenaikan sebanyak 55% berbanding RM682 juta bagi tempoh sama tahun 2010.

Nilai aset Kumpulan JCorp pula mencatatkan kenaikan bernilai RM17.28 bilion berbanding RM14.38 bilion pada tahun 2010 sekaligus menjadi satu lagi elemen kecemerlangan prestasi bagi entiti pelaburan kerajaan Negeri Johor ini.

Peningkatan kecekapan dalam pengurusan serta operasi Kumpulan JCorp menghasilkan momentum kepada prestasi ini. Turut menyumbang kepada kecemerlangan ini ialah kesetiaan dan kegigihan seramai 78,141 anggota pekerja Kumpulan JCorp dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab secara dedikasi dan kolektif.

Selain daripada perimbangan semula dan pengukuhan bisnes teras, JCorp mengambil pendekatan secara bersinergi dan berstrategi dalam meneroka produk, pasaran serta bisnes baru yang mampu meningkatkan lagi perolehan mahupun menambah aset Kumpulan.

## EKONOMI DOMESTIK 2011

Tahun 2011 menyaksikan pertumbuhan ekonomi negara pada kadar 5% hingga 6% yang didorong oleh permintaan pasaran domestik yang rancak dan eksport yang agak stabil. Senario ekonomi ini adalah antara kesan daripada pelaksanaan polisi ekonomi makro yang menampakkan impak antaranya kepesatan pembangunan enam wilayah ekonomi yang menarik dana pelabur domestik dan asing. Kesan daripada dasar menggalakkan penyertaan swasta dalam pelaburan dan pembangunan negara, juga kian ketara. Ternyata, inisiatif melaksanakan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP),



kini mula membawa hasil terutama dalam meningkatkan lagi keyakinan dan kecenderungan di kalangan pelabur. Pelaburan awam juga mempunyai kesan tersendiri apabila ia difokuskan kepada penyediaan perkhidmatan yang penting dan menambahbaik sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat di samping menyokong pertumbuhan yang berlaku.

Walaupun iklim dan trend ekonomi global tidak menentu sepanjang tahun 2011, namun itu tidak menghalang permintaan terhadap komoditi khususnya minyak sawit mentah (MSM) di pasaran antarabangsa. Ini memberi kesan positif kepada JCorp khasnya melalui Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim) yang menjadi antara peneraju utama sektor sawit di negara ini untuk meraih perolehan yang baik pada tahun 2011.

## Penyata Korporat

Yakin trend permintaan dan harga MSM terus meningkat di samping tindakan memperkuuh operasinya, JCorp komited untuk terus menyumbang kepada usaha membantu melonjakkan Malaysia ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 yang mana sektor sawit dijangka menjadi penyumbang pendapatan negara dengan nilai mencecah RM100 bilion pada tempoh itu.

### PRESTASI KEWANGAN JCOP 2011

Kumpulan JCorp telah mencapai rekod terbaik dalam tempoh 41 tahun penubuhannya apabila merekodkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM1.42 bilion bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2011 berbanding RM962 juta yang dicatatkan pada tahun 2010 iaitu peningkatan ketara sebanyak 47%. Jumlah perolehan Kumpulan JCorp meningkat sebanyak 4% kepada RM7.81 bilion berbanding RM7.52 bilion bagi tahun fiskal sebelumnya. Bagi tahun 2011, gabungan perolehan semua sektor di dalam Kumpulan adalah berjumlah RM9.7 bilion. Namun oleh kerana kepentingan JCorp dalam KPJ Healthcare Berhad pada 2011 adalah sebagai syarikat bersekutu maka perolehan KPJ berjumlah RM1.9 bilion tidak disatukan dalam perolehan Kumpulan JCorp.

Pencapaian ini adalah hasil daripada usaha secara kolektif Kumpulan JCorp dan sumbangan pelbagai sektor pelaburannya. Prestasi ini juga adalah hasil perancangan strategik dan berhemah terutama dalam jangka masa satu setengah tahun lalu yang kemudian membawa kepada kewujudan program transformasi yang berjaya meningkatkan lagi kecekapan bisnes, operasi serta pengurusan Kumpulan.

Prestasi cemerlang ini merangkumi kelima-lima bisnes teras Kumpulan JCorp. Keuntungan sebelum cukai diraih Sektor Perladangan pada tahun 2011 berjumlah RM1.04 bilion berbanding RM732 juta pada tahun 2010 iaitu pertumbuhan sebanyak 42%. Sektor Makanan mencatat keuntungan berjumlah RM296 juta berbanding RM277 juta (naik 7%) bagi tempoh sama tahun sebelumnya.

Pertumbuhan Sektor Hartanah pula menyaksikan peningkatan keuntungan sebelum cukai pada tahun 2011 berjumlah RM273 juta berbanding RM64 juta pada tahun 2010 iaitu peningkatan sebanyak 326%. Di peringkat JCorp pula, keuntungan sebelum cukai sedikit menurun kepada RM114 juta berbanding RM118 juta pada tahun 2010 selepas beberapa tambahan peruntukan kos perbelanjaan dan pembangunan, manakala





perolehan telah meningkat kepada RM474 juta berbanding dengan RM388 juta pada tahun 2010 iaitu peningkatan sebanyak 22%.

### PERISTIWA KORPORAT

Beberapa peristiwa mewarnai profil JCorp sepanjang tahun 2011. Antaranya, pada 14 Disember 2011, JCorp mengumumkan cadangan untuk mengambilalih keseluruhan perniagaan dan aktiviti perusahaan KFC Holdings (Malaysia) Bhd dan QSR Brands Bhd serta semua aset dan liabiliti berjumlah RM3.75 bilion. Massive Equity Sdn Bhd (MESB), syarikat anak JCorp akan digunakan untuk tujuan pengambilalihan ini. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan CVC akan bersama JCorp sebagai pemegang saham terbesar dalam MESB. Keseluruhan skim pengambilalihan ini dijangka dapat disempurnakan sebelum akhir tahun 2012.

### PELAN INDUK PENSTRUKTURAN KORPORAT

Pelan Induk Penstruktur Korporat (PIPK) dirangka pada tahun 2002 untuk menstruktur semula obligasi bon JCorp secara berperingkat yang mana siri ketiga berjumlah RM3.6 bilion akan matang pada 31 Julai 2012. Sehingga kini, sebahagian bon siri ketiga ini telah ditebus dan baki yang akan matang pada tempoh itu adalah berjumlah RM3.2 bilion.

Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah meluluskan pemberian jaminan untuk JCorp menerbitkan Sukuk Wakalah bernilai RM3.0 bilion bagi menebus baki obligasi PIPK JCorp sebanyak RM3.2 bilion. Sukuk Wakalah ini akan ditebus dalam tiga peringkat iaitu RM400 juta dalam tempoh 5 tahun, RM800 juta dalam tempoh 7 tahun dan RM1.8 bilion dalam tempoh 10 tahun. Bagi tujuan jaminan Kerajaan Persekutuan, JCorp telah diwartakan sebagai satu Pertubuhan Perbadanan di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 (Akta 1996) pada 7 Mei 2012.

JCorp juga berhasrat untuk menebus bon siri ketiga iaitu siri terakhir di bawah PIPK berjumlah RM3.2 bilion sebelum tarikh matang dan sehingga kini sejumlah 76% daripada pemegang bon telah bersetuju dengan cadangan tersebut. Ini bermakna menjelang 31 Julai 2012, jumlah yang perlu ditebus adalah kurang RM800 juta.

### PROGRAM TRANSFORMASI EKONOMI

JCorp terus komited menyertai siri program transformasi nasional sejak dilancarkan pada tahun 2010. Antaranya, menjalin kerjasama strategik dengan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan MARA bagi melaksanakan Program Sweat Equity,

## Penyata Korporat



Program Enterpis Kecil dan Sederhana (EKS) Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS), serta perluasan pasaran produk dan servis usahawan Bumiputera korporat. Program-program ini bertujuan menambah bilangan usahawan dalam komuniti perniagaan Bumiputera serta meningkatkan lagi kapasiti modal, kecekapan dan penguasaan pasaran mereka sehingga tersenarai di Bursa Malaysia seterusnya memasuki pasaran global.

### TRANSFORMASI DALAM JCOP

Sejak jauh dengan perubahan terkini global yang menyaksikan kebanyakan pihak melaksanakan penstrukturran organisasi dan perimbangan semula operasi untuk terus berdaya saing maka JCOP turut melakukan proses yang sama supaya organisasi ini mencapai kecekapan yang optimum. Program transformasi yang telah dirangka di peringkat JCOP merangkumi tiga teras utama iaitu yang pertama, penebusan baki bon siri ketiga PIPK yang akan matang pada 31 Julai 2012 dan penerbitan Sukuk Wakalah bernilai RM3.0 billion.

Teras kedua adalah penyatuan dan penstrukturran semula bisnes sedia ada termasuk menawarkan pakej imbuhan yang setara dengan pasaran luar bagi mengekalkan kepakaran sedia ada dan menarik kepakaran dalam industri di pasaran.

Tawaran pakej imbuhan yang kompetitif juga adalah sejajar matlamat kerajaan melalui ETP untuk meningkatkan pendapatan per kapita rakyat menjelang 2020.

Sementara teras ketiga adalah fokus kepada pemesatan bisnes sedia ada dan penglibatan dalam bisnes baru (Business Acceleration) bagi menjamin aliran tunai yang mencukupi untuk menebus Sukuk Wakalah dalam tempoh yang ditetapkan di samping meneruskan tanggungjawab JCOP sebagai agensi pembangunan ekonomi negeri.

Pihak pengurusan tertinggi juga membuat pendekatan sentiasa mendampingi anggota pekerja supaya berlaku proses penyaluran idea, maklumat dan maklum balas dua hala secara telus. JCOP juga melakukan penstrukturran semula carta organisasi dan melebarkan medium dua hala dalam penyampaian maklumat kepada masyarakat.

### FOKUS BISNES BARU

Dalam perancangan JCOP untuk memastikan kemapanan bisnesnya, beberapa bisnes baru telah mula dilaksanakan seperti dalam agro makanan, minyak dan gas (O&G) serta pelancongan. Bagi tujuan itu, JCOP telah mengagihkan peranan kepada beberapa syarikat dalam Kumpulan untuk meneroka bisnes agro makanan. Kulim, contohnya, akan memperhebatkan lagi bidang penternakan lembu dan ayam.

Projek itu juga adalah bagi menyokong Program Keselamatan Makanan Negara dalam memenuhi keperluan bekalan daging negara daripada terlalu bergantung kepada daging import. Kulim turut terlibat dengan projek ladang nanas premium MD2 dengan jenama Golden Juanita seluas 1,000 hektar dan hasilnya kini memasuki pasaran antarabangsa khususnya negara-negara di Asia Barat, China, Australia serta Eropah.

Pelabuhan Tanjung Langsat (PTL) dengan kos lebih RM800 juta adalah projek yang sangat pesat di Flagship D dalam Gerbang Timur Wilayah Iskandar yang diterajui oleh JCOP. PTL

menjadi pemangkin pembangunan sektor O&G yang beroperasi dalam Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat dan sehingga kini menerima pelaburan berjumlah RM2.5 bilion.

Pembangunan PTL turut mendapat perhatian serta pengiktirafan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) apabila agensi di Jabatan Perdana Menteri itu bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor (UPENJ) menyokong PTL untuk menjadi hab O&G terpenting di rantau ini di samping menjadi hab kluster industri minyak sawit (POIC) global. Pada masa sama, kerja-kerja mengeruk dasar perairan pelabuhan giat dijalankan bagi membolehkan lebih banyak kapal besar dan bersaiz mega berlabuh.

JCorp juga akan membangunkan projek yang dikenali sebagai *Tanjung Leman Integrated Resort and Coastal Township*. Projek itu membabitkan kawasan seluas 142 hektar dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) RM1 bilion. Kerja-kerja pembinaan dijadual akan bermula pada akhir tahun 2012 dan siap keseluruhannya menjelang tahun 2022. Projek ini dijangka akan dapat menyediakan 1,500 peluang pekerjaan khususnya kepada penduduk tempatan.

Pembinaan aset masa depan JCorp itu turut mendapat sokongan sekretariat Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan pembangunan tersebut akan merubah Mersing menjadi hab pelancongan utama di Malaysia.



JCorp turut menyertai pertumbuhan sektor peruncitan kontemporari sejajar dengan usaha menjadikan Bandaraya Johor Bahru sebagai Central Business District (CBD), dengan membelanjakan lebih RM25 juta untuk melaksanakan penjenamaan semula Plaza Kotaraya menjadi Galleria@Kotaraya. Kompleks beli-belah yang akan berwajah baru itu juga menunjukkan komitmen JCorp dalam menyediakan platform kepada komuniti peniaga Bumiputera dalam sektor peruncitan dan memastikan mereka kekal berdaya saing dalam CBD.

Bagi memperkuuh penyertaan dan imej dalam CBD, JCorp juga akan membina semula serta menaiktaraf kompleks beli-belah KOMTAR dengan ciri-ciri bangunan baru menara pejabat yang lebih moden, mesra alam dan bertaraf antarabangsa.



## Penyata Korporat

JCorp turut menyertai Bidang Keutamaan Keberhasilan Negara (NKEA) dalam Sektor Pelancongan Kesihatan apabila KPJ Healthcare Berhad akan membina lima hospital baru serba canggih membabitkan pelaburan berjumlah RM760 juta dengan kemudahan 822 buah katil. Projek itu dijangka akan dapat mewujudkan kira-kira 3,000 peluang pekerjaan dan dijangka menyumbang kira-kira RM1.2 bilion kepada pendapatan kasar negara menjelang 2020.

Ringkasnya, bisnes baru yang diteroka serta projek berskala besar yang dilaksanakan oleh JCorp diyakini mampu menyumbang kepada tambahan pendapatan serta aset Kumpulan untuk jangka masa panjang.

### PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Usaha memperhebatkan komitmen mewujudkan rantaian modal insan yang mahir, separa profesional serta profesional turut dilakukan oleh JCorp melalui institusi latihan dan pendidikannya. Ini termasuk Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor (PUSPATRI) yang telah melahirkan lebih 42,000 pelatih sejak ditubuhkan pada tahun 1993. KPJ International University College (KPJIUC) pula melaksanakan pembangunan Fasa Kedua dan Fasa Ketiga membabitkan pelaburan RM135 juta bagi menampung keperluan 10,000 pelajar dalam bidang kejururawatan menjelang tahun 2015.

Sementara itu, KFCH International College yang beroperasi di Puchong Prima, Selangor dan Bandar Dato' Onn, Johor Bahru ketika ini mampu menampung 526 pelajar termasuk pelajar asing yang mengikuti pengajian peringkat diploma.

Institut Pembangunan Pengurusan Johor (IPPJ), bergiat aktif dalam bisnes pengurusan acara, pengendalian makanan, program pengurusan, keusahawanan, keselamatan dan kesihatan pekerja, bahasa dan teknikal, pembangunan pelajar dan sebagainya. Sejak ditubuhkan pada tahun 1990, syarikat tersebut telah berjaya melatih seramai 187,000 modal insan yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat. JCorp membina rantaian modal insan ini bukan sekadar memenuhi permintaan guna tenaga dalam syarikat-syarikat anak malah sebahagian daripada lulusan institusi itu menyertai pasaran pekerjaan di seluruh negara dan seberang laut sekaligus membolehkan mereka menikmati pendapatan lebih tinggi serta kehidupan yang lebih selesa dan berkualiti.

### PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pengarah JCorp komited dalam memastikan taraf tertinggi tadbir urus korporat yang meliputi proses, budaya, polisi dan undang-undang yang mempengaruhi tatacara, pentadbiran serta pengawalan organisasi dikekalkan di seluruh organisasi Kumpulan JCorp. Justeru, Lembaga Pengarah menilai dasar tadbir urus korporat secara berterusan bagi memastikan prinsip dan amalan terbaik dalam tadbir urus korporat sebagaimana termaktub di dalam *Malaysian Code on Corporate Governance* digunakan dan dipatuhi demi menjaga semua pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah serta lain-lain termasuk anggota pekerja, pembekal, pelanggan, pihak bank dan institusi kewangan, penggubal dasar serta komuniti. Lembaga Pengarah telah melaksanakan sistem kawalan dalaman yang baik dan mengiktiraf tadbir urus korporat yang sentiasa menjalankan proses evolusi secara berterusan bagi menyokong operasi dan bisnes Kumpulan JCorp.



## INDEKS AKAUNTABILITI PENGURUSAN KEWANGAN

Mempertahankan sesuatu kejayaan adalah lebih sukar berbanding untuk mencapai kejayaan tersebut. JCorp turut berdepan situasi sama apabila perlu komited mempertahankan anugerah tertinggi empat bintang bagi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan daripada Jabatan Audit Negara sejak tahun 2007.

Kejayaan JCorp mengekalkan pencapaian untuk tahun kelima berturut-turut bagi tahun 2011 mencerminkan kemantapan satu disiplin yang kian menjadi tradisi dalam organisasi ini iaitu melaksanakan tadbir urus korporat yang baik dan telus serta menambahbaik mutu pengurusan kewangan mengikut piawaian perakaunan, sepanjang masa.

## ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN

Pelbagai anugerah dan pengiktirafan diterima oleh JCorp serta syarikat-syarikat dalam Kumpulan sepanjang tahun 2011. Selain daripada pengiktirafan tertinggi empat bintang bagi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan 2011 daripada Jabatan Audit Negara, JCorp juga telah dianugerahkan Plaque of Merit pada majlis anugerah Association of Development Financing Institutions In Asia and The Pacific (ADFIAP) 2012 bagi kategori Outstanding Development Project Award for SME Development di Istanbul, Turki. Bagi tahun 2011 pula, JCorp berjaya menerima anugerah ADFIAP bagi Kategori Laporan Tahunan Terbaik dan Kategori Tanggungjawab Sosial Korporat.

## TIGA PERANAN UTAMA JCOP

Ditubuhkan pada tahun 1968 dan beroperasi pada tahun 1970 dengan misi menyempurnakan tiga tonggak peranan iaitu sebagai entiti bisnes, jentera pembangunan dan melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR), JCorp sentiasa memastikan untuk terus melaksana dan menjayakan peranan yang digariskan ketika menuju matlamatnya.



Berdasarkan prestasi kewangan yang semakin baik pada tahun 2010 dan terus meningkat pada tahap terbaik dalam 41 tahun penubuhannya pada tahun 2011, membolehkan JCorp melaksanakan program CSR dan kemasyarakatan dengan lebih berkesan serta menyeluruh.

Pada masa sama, JCorp sentiasa proaktif dalam memastikan sumbangan berterusan kepada Kerajaan Negeri Johor mampu dilaksanakan. Pada tahun 2011, sumbangan JCorp kepada Kerajaan Negeri Johor adalah berjumlah RM3.6 juta berbanding sebanyak RM2.1 juta pada tahun 2010. Sumbangan tersebut akan terus dapat ditingkatkan pada tahun-tahun hadapan selaras dengan kemantapan prestasi bisnes syarikat-syarikat tersenarai di dalam Kumpulan JCorp.

## Penyata Korporat

### MEMBINA DAN MEMBELA SERTA CSR

Berikut prestasi cemerlang pada tahun 2011 dan bagi memastikan slogan 'Membina dan Membela' terus ditunaikan, maka JCorp akan melipatgandakan usaha untuk mempertingkatkan lagi peranannya. Ini selaras dengan iltizam JCorp yang sentiasa berusaha memenuhi hasrat untuk menjadi entiti korporat yang turut menerajui kemakmuran dan meletakkan CSR sebagai satu daripada agenda utamanya.

Program CSR yang dilaksanakan mendekatkan lagi JCorp bukan sahaja dengan masyarakat umum malah dengan agensi-agensi kerajaan dan badan korporat lain. Inisiatif ini turut mengambil kira sinergi bisnes dan pendedahan syarikat-syarikat dalam Kumpulan JCorp.

Inisiatif CSR turut dilaksanakan dengan penglibatan dalam 27 persatuan dan pertubuhan bukan kerajaan yang dikategorikan oleh JCorp sebagai Organisasi Bisnes Amal (OBA) yang merangkumi empat bahagian iaitu Pembangunan Sosial dan Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan, Kebajikan Anggota Pekerja serta Sukan dan Rekreasi.

### PENGHARGAAN

JCorp merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama di atas kejayaan organisasi ini iaitu Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Persekutuan, institusi kewangan, penasihat kewangan, pelanggan, rakan strategik dan institusi pelaburan serta semua pihak yang berkepentingan. Pelbagai peringkat kejayaan JCorp selama ini juga adalah hasil perancangan serta kecekapan pengurusan dan operasi setiap syarikat dan syarikat anak. Selain itu, transformasi modal insan yang menggabungkan pengalaman, kepakaran serta kesepaduan 78,141 anggota pekerjanya di segenap peringkat turut membantu membina kekuatan organisasi

sekaligus membolehkan JCorp menangani apa sahaja situasi dan cabaran. Berdasarkan rekod pencapaian prestasi JCorp yang semakin mantap sejak beberapa tahun yang lepas, prestasi ini dijangka akan terus mapan melalui pulangan daripada bisnes sedia ada dan bisnes baru yang telah dirancang di samping berupaya memenuhi obligasi kewangannya, terutama penebusan Sukuk Wakalah mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

**DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN**

Pengerusi  
Johor Corporation

**KAMALUZZAMAN BIN ABU KASSIM**

Presiden & Ketua Eksekutif  
Johor Corporation

## SEKSYEN 2

# MENGENAI JOHOR CORPORATION

### PROFIL KORPORAT

- AKTIVITI KORPORAT
- MAKLUMAT KORPORAT

### STRUKTUR BISNES

#### STRUKTUR KORPORAT

#### LEMBAGA PENGARAH

- AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH
- PROFIL LEMBAGA PENGARAH

#### JAWATANKUASA PENGURUSAN

- JAWATANKUASA PELABURAN LEMBAGA PENGARAH
- JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH
- JAWATANKUASA PENGURUSAN TERTINGGI KUMPULAN (TERAJU)
- JAWATANKUASA TERAJU ASAS SUMBER MANUSIA (TERAS)
- JAWATANKUASA EKSEKUTIF (EXCO)
- JAWATANKUASA PENGAWASAN PELABURAN (JAWS)



# PROFIL KORPORAT

Johor Corporation (JCorp) telah ditubuhkan sebagai sebuah perusahaan awam dan badan berkanun melalui Enakmen Johor No. 4/1968 (sebagaimana pindaan di bawah Enakmen No. 5/1995). Sebagai sebuah badan pelaburan negeri, JCorp merupakan antara konglomerat terbesar di negara ini dengan bisnes utama merangkumi Sektor Perladangan, Sektor Makanan dan Perkhidmatan Restoran Segera, Sektor Prishatin, Sektor Hospitaliti, Sektor Hartanah dan Sektor Logistik/Servis serta Sektor Bisnes Intrapreneur.

JCorp kini menjadi pelopor pasaran tempatan melalui beberapa perniagaan utama khususnya dalam Sektor Perkhidmatan Perubatan Pakar serta Sektor Makanan dan Perkhidmatan Restoran Segera. Organisasi ini turut memainkan peranan penting dalam segmen bisnes sawit dan lain-lain bisnes di rantau ini dengan operasi mahupun kepentingan bisnes bukan sahaja di Malaysia malah merentasi peringkat serantau meliputi Papua New Guinea, Singapura, Kemboja, Brunei, Filipina, Kepulauan Solomon, Australia, United Kingdom dan India.

Setelah lebih 41 tahun ditubuhkan, JCorp sebagai sebuah perbadanan pelaburan negeri yang ditubuhkan oleh kerajaan

Negeri Johor telah mendapat kepercayaan sepenuhnya daripada pemegang-pemegang kepentingannya, khasnya kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Persekutuan. Kepercayaan yang diberi itu mendorong JCorp terus berusaha memperbaiki dan meningkatkan keupayaan ini diterjemahkan melalui prestasi kewangan dan korporat tahun 2011 iaitu yang terbaik sejak penubuhannya.

JCorp memiliki rekod kejayaan yang membanggakan, bukan sahaja yang berorientasikan bisnes dan korporat semata-mata, malahan yang berobjektifkan pembangunan sosioekonomi yang strategik berteraskan kaedah pacuan pasaran (*market driven*) yang berhemah, kreatif, proaktif dan inovatif.

Mengharungi gelombang transformasi pasca penstrukturkan semula, JCorp terus diiktiraf sebagai sebuah organisasi yang relevan dengan pembangunan sosioekonomi Bumiputera yang sentiasa sejajar dengan peredaran masa dalam melunaskan tiga peranan utama yang mendefiniskan halatuju Kumpulan iaitu sebuah perbadanan pelaburan negeri yang bertanggungjawab membangunkan Negeri Johor melalui penjanaan dana yang diperoleh menerusi daya usaha memaksimumkan keuntungan entiti komersilnya dan kemudian memberi balik sebahagian daripada keuntungan itu kepada masyarakat sebagai pemegang kepentingan terbesar.



# MAKLUMAT KORPORAT

**PEJABAT BERDAFTAR****JOHOR CORPORATION**

Level 2, PERSADA JOHOR  
Jalan Abdullah Ibrahim  
80000 Johor Bahru  
Johor, Malaysia.  
Telefon: 607-219 2692  
Faks: 607-223 3175  
ISO Faks: 607-224 2692  
E-mel: pdnjohor@jcorp.com.my

**PEJABAT CAWANGAN KUALA LUMPUR****JOHOR CORPORATION**

Level 11, Menara JCorp  
No 249 Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur.  
Telefon: 03-27872692  
Faks: 03-27872700

**LAMAN WEB**

[www.jcorp.com.my](http://www.jcorp.com.my)

**JURUAUDIT**


Ernst & Young  
Suite 11.2, Level 11  
Menara Pelangi  
80400 Johor Bahru  
Johor, Malaysia.

**BANK UTAMA**


MAYBANK  
Lot M1-22  
106-108 City Square  
Jalan Wong Ah Fook  
80000 Johor Bahru  
Johor, Malaysia.



# STRUKTUR BISNES



# STRUKTUR KORPORAT



# LEMBAGA PENGARAH



**1. YAB DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN**  
Menteri Besar Johor  
Pengerusi Johor Corporation



**2. YBHG DATO' SRI DR ALI BIN HAMSA**  
Ketua Pengarah, Unit Kerjasama Awam Swasta  
Jabatan Perdana Menteri  
Timbalan Pengerusi Johor Corporation



**3. YBHG TUAN HAJI KAMARUZZAMAN  
BIN ABU KASSIM**  
Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation



4 5 6

**4. YB DATO' HAJI AHMAD ZAHRI BIN JAMIL**

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan,  
Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan  
Kemudahan Awam Negeri Johor

**5. YB DATUk ABDUL RAHMAN PUTRA BIN DATO' HAJI TAHA**

Penasihat Undang-Undang  
Negeri Johor



7 8 9

**6. YB TUAH HAJI MARSAN BIN KASSIM**

Pegawai Kewangan Negeri Johor

**7. YBHG DATUK DR REBECCA FATIMA STA MARIA**

Ketua Setiausaha Kementerian  
Perdagangan Antarabangsa  
Dan Industri



10 11 12

**10. YBHG TUAN HAJI MALIAMI BIN HAMAD**

Setiausaha Bahagian Pengurusan  
Pinjaman, Pasaran Kewangan  
Dan Aktuari  
Kementerian Kewangan

**11. YBHG DATO' PADUKA ISMEE BIN ISMAIL**

Pengarah Urusan Kumpulan  
dan Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Tabung Haji



13

**12. YB DATIN PADUKA ZAINON BINTI HAJI YUSOF**

Ahli Lembaga Pengarah

**13. ENCIK MOHAMED IZAHAM BIN ABDUL RANI**

Setiausaha Johor Corporation

# PROFIL LEMBAGA PENGARAH

## 1 YAB DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN

Pengerusi Johor Corporation

Berumur 66 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 3 Mei 1995. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari La Trobe University of Australia, Ijazah Sarjana Politik Ekonomi dari University of Australia dan Ijazah Sarjana Politik Ekonomi dari University of Queensland. Beliau kini merupakan Menteri Besar Johor.

## 2 YBHG DATO' SRI DR ALI BIN HAMSA

Timbalan Pengerusi Johor Corporation

Berumur 57 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation mulai 1 November 2009 mewakili Kerajaan Persekutuan. Mulai 1 November 2011 beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi dan juga Pengarah Bebas Johor Corporation. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran dari Oklahoma State University pada tahun 1997, Ijazah Sarjana Ekonomi dari Oklahoma State University pada tahun 1986, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1979 dan Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara pada tahun 1980. Beliau kini merupakan Ketua Pengarah, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri.

## 3 YBHG TUAN HAJI KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM

Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation

Berumur 48 tahun. Beliau dilantik sebagai Presiden & Ketua Eksekutif dan Pengarah Johor Corporation mulai 1 Disember 2010. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) dari Universiti Wollongong, New South Wales, Australia pada 1987. Sebelum ini, beliau telah menjalankan tugas selaku Ketua Pegawai Kewangan dan Ketua Pegawai Operasi Johor Corporation mulai 1 Ogos 2006 sebelum dilantik selaku Naib Presiden Kanan, Kewangan

dan Khidmat Korporat pada 1 Januari 2010 dan sebagai Pemangku Presiden dan Ketua Eksekutif mulai 29 Julai 2010.

## 4 YB DATO' HAJI AHMAD ZAHRI BIN JAMIL

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 63 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation mulai 9 September 2009. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dari Universiti Malaya. Beliau kini merupakan Pengerusi, Jawatankuasa Perumahan Kerajaan Tempatan, Kerja Raya Dan Kemudahan Awam Negeri Johor.

## 5 YB DATO' HAJI OBET BIN TAWIL

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 58 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 14 Mac 2011. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau kini merupakan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor.

## 6 YB DATUK ABDUL RAHMAN PUTRA BIN DATO' HAJI TAHA

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 54 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 15 Ogos 2006. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Canterbury University, New Zealand pada tahun 1984. Beliau kini merupakan Penasihat Undang-Undang Negeri Johor.

## 7 YB TUAN HAJI MARSAN BIN KASSIM

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 57 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 28 Jun 2011. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1979. Beliau kini merupakan Pegawai Kewangan Negeri Johor.

**8 YBHG DATUK DR REBECCA FATIMA STA MARIA**

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 55 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 Julai 2011. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera Inggeris (Kepujian) dari Universiti Malaya, Master of Arts in Counselling dari Universiti Pertanian Malaysia dan PhD in Adult Education dari Universiti Georgia, Athens. Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri Malaysia.

**9 YBHG DATUK DR RAHAMAT BIVI BINTI YUSOFF**

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 55 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 November 2011. Sebelum ini iaitu mulai 1 Februari 2009, beliau adalah merupakan Pengarah Johor Corporation yang juga mewakili Kerajaan Persekutuan yang dilantik ketika menjawat jawatan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sistem Dan Kawalan), Kementerian Kewangan sehingga 18 Oktober 2011 iaitu sebelum beliau berpindah ke Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran dari Australia National University, Ijazah Sarjana Ekonomi dari Western Michigan USA, Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Kemanusiaan (Ekonomi) dari Universiti Sains Malaysia dan Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara. Beliau kini merupakan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

**10 YBHG TUAN HAJI MALIAMI BIN HAMAD**

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 58 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 Jun 2012. Beliau berkelulusan Diploma Pentadbiran Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara, Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian)

(Geografi) dari Universiti Malaya dan MBA (Kewangan) dari Universiti Oklahoma, Amerika Syarikat. Beliau kini merupakan Setiausaha Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran Kewangan dan Aktuari di Kementerian Kewangan.

**11 YBHG DATO' PADUKA ISMEE BIN ISMAIL**

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 47 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation mulai 1 November 2010. Beliau adalah ahli fello Chartered Institute of Management Accountants, United Kingdom (CIMA) dan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Beliau kini merupakan Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji.

**12 YB DATIN PADUKA ZAINON BINTI HAJI YUSOF**

Ahli Lembaga Pengarah

Berumur 59 tahun. Beliau dilantik sebagai Pengarah Bebas Johor Corporation mulai 15 Ogos 2011. Sebelum ini beliau adalah merupakan Pengarah Johor Corporation yang telah dilantik atas jawatan ketika menjawat jawatan sebagai Pegawai Kewangan Negeri Johor mulai 11 Januari 2006 dan kemudiannya telah bersara wajib pada 27 Jun 2011. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya.

**13 ENCIK MOHAMED IZAHAM BIN ABDUL RANI**

Setiausaha Johor Corporation

Berumur 45 tahun. Beliau dilantik sebagai Setiausaha Johor Corporation mulai 1 April 2011. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan) daripada Australian National University, Canberra. Beliau merupakan Akauntan Bertauliah dari Malaysian Institute of Accountants. Beliau juga merupakan ahli Certified Practising Accountants dari Australia. Beliau kini merupakan Naib Presiden (Kewangan & Undang-Undang) Johor Corporation.

# JAWATANKUASA PELABURAN LEMBAGA PENGARAH

## PENGERUSI

### 1. YAB DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN

Menteri Besar Johor  
Pengerusi Johor Corporation



## AHLI-AHLI

### 2. YB DATO' HAJI AHMAD ZAHRI BIN JAMIL

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan,  
Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan  
Kemudahan Awam Negeri Johor,  
Merangkap Ahli Lembaga Pengarah  
Johor Corporation

### 3. YB DATUK ABDUL RAHMAN PUTRA BIN DATO' HAJI TAHA

Penasihat Undang-Undang  
Negeri Johor  
Merangkap Ahli Lembaga Pengarah  
Johor Corporation

## SETIAUSAHA

### 4. ENCIK MOHAMED IZAHAM BIN ABDUL RANI

Setiausaha Johor Corporation



# JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA PENGARAH



## PENGERUSI

- YB DATIN PADUKA ZAINON BINTI HAJI YUSOF**  
Pengarah Bebas

## AHLI-AHLI

- YBHG TAN SRI DATUK DR HADENAN BIN A. JALIL**  
Ahli Bebas
- PUAN HAJAH ZAINAH BINTI MUSTAFA**  
Ahli Bebas

## SETIAUSAHA

- TUAN HAJI ABD RAZAK BIN HARON**  
Naib Presiden  
Divisyen Pematuhan



1 2 3 4

# JAWATANKUASA PENGURUSAN TERTINGGI KUMPULAN (TERAJU)

## Pengerusi

### 1. TUAN HAJI KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM

Presiden & Ketua Eksekutif



1 2 3 4

## AHLI-AHLI

### 2. TUAN HAJI ZULKIFLI BIN IBRAHIM

Naib Presiden Kanan /  
Ketua Pegawai Operasi

### 3. TUAN HAJI ROZAN BIN MOHD SA'AT

Pengarah Urusan Sindora Berhad / Ketua Eksekutif, Bahagian Bisnes Hospitaliti

### 4. TUAN HAJI LUKMAN BIN HAJI ABU BAKAR

Pengarah Urusan, Johor Land Berhad/  
Ketua Eksekutif,  
Bahagian Pembangunan Hartanah

### 5. TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN

Naib Presiden  
Divisyen Pembangunan Bisnes



5 6 7 8

### 6. TUAN HAJI ABD RAZAK BIN HARON

Naib Presiden  
Divisyen Pematuhan  
Pengerusi, Jawatankuasa Pemulihan Syarikat

### 7. TUAN HAJI YUSOF BIN RAHMAT

Naib Presiden  
Divisyen Hartanah & Bisnes Amal

### 8. ENCIK MOHAMED IZAHAM BIN ABDUL RANI

Naib Presiden  
Divisyen Kewangan & Undang-Undang

### 9. TUAN SYED ALI BIN SYED AHMAD

Penasihat Modal Insan Kumpulan  
Pengerusi, Jawatankuasa TERAS



9 10 11 12 13

## SETIAUSAHA BERSAMA

### 12. ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR

Pengurus Besar  
Pro Corporate Management  
Services Sdn Bhd

### 13. ENCIK ALFADZILAH BIN HAJI MAT ARIS

Pengurus  
Pejabat Korporat

# JAWATANKUASA TERAJU ASAS SUMBER MANUSIA (TERAS)



1 2 3 4

**PENGURUSI**

- TUAN SYED ALI BIN SYED AHMAD**  
Penasihat Modal Insan Kumpulan

**AHLI-AHLI**

- ENCIK KAMARUDZAMAN BIN SALLEH**  
Naib Presiden  
Divisyen Khidmat Korporat
- DATIN SABARIAH FAUZIAH BINTI JAMALUDIN**  
Pengurus Besar Sumber Manusia  
KPJ Healthcare Berhad

- PUAN SATIRA BINTI OMAR**  
Naib Presiden Sumber Manusia  
Kulim (Malaysia) Berhad
- ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR**  
Pengurus Besar  
Pro Corporate Management Services Sdn Bhd

- PUAN SHARIFAH MUSAINAH BINTI SYED ALWI**  
Pengurus Besar Sumber Manusia  
QSR Brands Bhd /  
KFC Holdings (Malaysia) Bhd

- CIK HAJAH SUHANA BINTI SHUIB**  
Timbalan Pengurus Besar  
TPM Technopark Sdn Bhd

- ENCIK ABDUL SHUKOR BIN ABDULLAH**  
Timbalan Pengurus Besar  
Jabatan Bisnes Intrapreneur

- TUAN HAJI ABD RAHMAN DAWI**  
Setiausaha Agung  
JCorp Intrapreneur (M) Berhad

- CIK HAJAH ARFAH BINTI MD SALLEH**  
Timbalan Pengurus Besar  
Bahagian Bisnes Hospitaliti

- CIK FADZILAH BINTI MOHD OTHMAN**  
Pengurus Kanan  
Johor Land Berhad

**SETIAUSAHA**

- PUAN HAJAH AZIZAH BINTI AHMAD**  
Pengurus Besar  
Jabatan Pembangunan Modal Insan & Pentadbiran



5 6 7 8



9 10 11 12

# JAWATANKUASA EKSEKUTIF (EXCO)

## PENGERUSI

### 1. TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN

Naib Presiden  
Divisyen Pembangunan Bisnes

## TIMBALAN PENGERUSI

### 2. PUAN HAJAH AZIZAH BINTI AHMAD

Pengurus Besar  
Jabatan Pembangunan Modal Insan & Pentadbiran

## AHLI-AHLI

### 3. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDUL SAMAD

Pengarah Eksekutif  
TPM Technopark Sdn Bhd

### 4. ENCIK MD SHAHRODIN BIN MD YUNOS

Pengurus Besar  
Jabatan Khidmat Hartanah

### 5. TUAN HAJI SHAHRUNI BIN HAJI ASLAM

Pengurus Besar  
Jabatan Bisnes Amal / Waqaf An-Nur Corporation Berhad

### 6. ENCIK MD ZIN BIN MD YASIN

Pengurus Besar  
Damansara Assets Sdn Bhd

### 7. PUAN HAJAH NORISHAH BINTI MOHD SETH

Timbalan Pengurus Besar  
Jabatan Perhubungan & Komunikasi Korporat

### 8. PUAN WAN SU BINTI ALI

Timbalan Pengurus Besar  
Jabatan Undang-Undang

### 9. ENCIK ABDUL SHUKOR BIN ABDULLAH

Timbalan Pengurus Besar  
Jabatan Bisnes Intrapreneur

### 10. ENCIK JAMALLUDIN BIN KALAM

Timbalan Pengurus Besar  
Pro Corporate Management Services Sdn Bhd

### 11. ENCIK MOHD BAHRIN BIN BAKRI

Pengurus Kanan  
Jabatan Kewangan

### 12. TUAN HAJI OTHAMANNOR BIN MUHAMAD @ WAHAB

Pengurus Kanan  
Jabatan Pengurusan Risiko Kumpulan JCIA Services Sdn Bhd

### 13. CIK NARIMAH BINTI ABDULLAH

Pegawai Khas Kepada  
Naib Presiden Kanan / Ketua Pegawai Operasi

## SETIAUSAHA

### 14. PUAN RASHIDAH BINTI MD DAUD

Eksekutif  
Pejabat Korporat



1 2 3 4



5 6 7 8 9



10 11 12 13 14

# JAWATANKUASA PENGAWASAN PELABURAN (JAWS)



1 2 3

**PENGERUSI**

- 1. TUAN HAJI AMIRUDDIN BIN ABDUL SATAR**

Pengarah Eksekutif / Ketua Pegawai Operasi  
KPJ Healthcare Berhad

**AHLI-AHLI**

- 2. TUAN HAJI AHAMAD BIN MOHAMAD**

Pengarah Urusan  
Kulim (Malaysia) Berhad

- 3. TUAN HAJI ROZAN BIN MOHD SA'AT**

Pengarah Urusan, Sindora Berhad /  
Ketua Eksekutif, Bahagian Bisnes Hospitaliti

- 4. TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN**

Naib Presiden  
Divisyen Pembangunan Bisnes

- 5. TUAN HAJI ABDUL MALEK BIN TALIB**

Pengarah Eksekutif, Johor Land Berhad /  
Timbalan Ketua Eksekutif  
Bahagian Pembangunan Hartanah

- 6. ENCIK MD SHAHRODIN BIN MD YUNOS**

Pengurus Besar  
Jabatan Khidmat Hartanah

- 7. TUAN HAJI JA'APAR BIN SAMAT**

Pengerusi  
JCorp Intrapreneur (M) Berhad

- 8. ENCIK IDHAM JIHADI BIN ABU BAKAR**

Pengurus Besar  
Pro Corporate Management Services Sdn Bhd

- 9. ENCIK MOHD Bahrin Bin Bakri**

Pengurus Kanan  
Jabatan Kewangan

**SETIAUSAHA**

- 10. PUAN MAZENAH BINTI HAJI ABU BAKAR**

Eksekutif  
Pejabat Korporat



4 5 6



7 8 9 10



PUSPATRI menawarkan latihan dalam pelbagai sektor industri termasuk kimballan.


## **SEKSYEN 3**

# **RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN 2005-2011**




# RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN 2005-2011


PEROLEHAN  
(KUMPULAN)  
(RM Juta)




KEUNTUNGAN SEBELUM  
CUKAI (KUMPULAN)  
(RM Juta)




JUMLAH ASET  
(KUMPULAN)  
(RM Juta)




PEROLEHAN  
(JCOP)  
(RM Juta)



KEUNTUNGAN SEBELUM  
CUKAI (JCOP)  
(RM Juta)




JUMLAH ASET  
(JCOP)  
(RM Juta)



**RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN 2005-2011  
(RM JUTA)**

|                          | 2005  | 2006   | 2007   | 2008   | 2009   | 2010   | 2011   |
|--------------------------|-------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|
| <b>KUMPULAN</b>          |       |        |        |        |        |        |        |
| PEROLEHAN                | 2,672 | 3,457  | 4,748  | 6,282  | 7,089  | 7,524  | 7,813  |
| KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI | 145   | 348    | 518    | 660    | 700    | 962    | 1,417  |
| KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI | 61    | 262    | 478    | 464    | 446    | 834    | 1,058  |
| JUMLAH ASET              | 8,754 | 10,264 | 11,330 | 12,273 | 13,798 | 14,384 | 17,275 |
| JUMLAH LIABILITI         | 6,901 | 7,514  | 7,604  | 8,326  | 9,056  | 9,349  | 10,890 |
| JUMLAH EKUITI            | 1,853 | 2,750  | 3,726  | 3,947  | 4,742  | 5,035  | 6,385  |
| <b>JCOPR</b>             |       |        |        |        |        |        |        |
| PEROLEHAN                | 432   | 609    | 492    | 427    | 500    | 388    | 474    |
| KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI | 133   | 121    | 126    | 82     | 100    | 118    | 114    |
| KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI | 124   | 115    | 126    | 77     | 99     | 119    | 137    |
| JUMLAH ASET              | 4,233 | 4,680  | 4,796  | 4,934  | 4,896  | 5,173  | 5,806  |
| JUMLAH LIABILITI         | 4,058 | 4,251  | 4,241  | 4,302  | 4,165  | 4,303  | 4,802  |
| JUMLAH EKUITI            | 175   | 429    | 555    | 632    | 731    | 870    | 1,004  |

**JUMLAH LIABILITI (KUMPULAN)  
(RM JUTA)**




JCorp turut menitikberatkan penyertaan anggota pekerjanya dalam aktiviti riadah bagi menyokong usaha kerajaan melahirkan komuniti yang sihat dan ceria.

## **SEKSYEN 4**

# **TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT**

- KATEGORI PEMBANGUNAN SOSIAL DAN KEBAJIKAN AWAM
- RANGKAIAN MASJID AN-NUR JOHOR CORPORATION
- HOSPITAL WAQAF AN-NUR DAN KLINIK WAQAF AN-NUR
- BRIGED WAQAF
- TABUNG TIJARAH RAMADHAN-YAYASAN JOHOR CORPORATION
- RUMAH KEBAJIKAN ANAK YATIM DARUL HANAN (DARUL HANAN)
- PERSATUAN KELUARGA JOHOR CORPORATION (PKP INDUK) DAN PERSATUAN REKREASI KELUARGA PERBADANAN JOHOR (PKP PERBADANAN JOHOR)
- MUTIARA JOHOR CORPORATION
- PEMBANGUNAN USAHAWAN
- KELAB MOTOR JOHOR
- PERSATUAN MENEMBAK CLAY TARGET JOHOR (JOHOR CLAY TARGET SHOOTING ASSOCIATION)
- PERSATUAN PELAYANG NEGERI JOHOR
- PERSATUAN PELAYARAN JOHOR
- PERSATUAN PELAYARAN MALAYSIA
- JOHOR CORPORATION FOOTBALL CLUB (JOHOR FC)
- KESIMPULAN



# TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT



Johor Corporation (JCorp) adalah sebuah organisasi amanah korporat yang sentiasa berusaha melunaskan peranan menjadi entiti korporat yang menerajui kemakmuran dan meletakkan tanggungjawab sosial sebagai satu daripada tiga agenda utamanya.

Berlandaskan prinsip ‘Membina dan Membela’, JCorp percaya kejayaan korporat dan tanggungjawab sosial bergantung antara satu sama lain. Tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini dilaksanakan menerusi pendekatan dan inisiatif yang selaras dengan prinsip Syariah serta nilai sejagat.

Dalam JCorp, persatuan, pertubuhan dan badan yang tidak berorientasikan keuntungan dikenali sebagai Organisasi Bisnes Amal (OBA). Badan ini berperanan sebagai satu saluran JCorp menyumbang ke arah pembangunan ummah dalam pelbagai aspek kebajikan, kesihatan dan riadah serta keusahawanan.

Pada tahun 2011, sebanyak 27 OBA bernaung di bawah Jabatan Bisnes Amal JCorp. OBA ini diletakkan di bawah empat kategori iaitu Kategori Pembangunan Sosial dan Kebajikan Awam, Kategori Pembangunan Usahawan, Kategori Sukan dan Rekreasi serta Kategori Kebajikan Anggota Pekerja.

## KATEGORI PEMBANGUNAN SOSIAL DAN KEBAJIKAN AWAM

### **WANCorp**

Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) adalah sebuah syarikat berhad dengan jaminan ditubuhkan untuk mengurus aset dan saham syarikat dalam kumpulan JCorp yang diwaqafkan. WANCorp berperanan sebagai ‘Maukuf Alaihi’ bagi saham dan lain-lain bentuk sekuriti syarikat yang diwaqafkan secara keseluruhannya.

WANCorp turut melaksanakan inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi pihak JCorp iaitu Rangkaian Hospital Waqaf An-Nur dan Klinik Waqaf An-Nur (KWAN), Waqaf Dana Niaga, Briged Waqaf dan menyumbang kepada masyarakat melalui pengagihan manfaat fisabilillah.

Melalui pengagihan manfaat fisabilillah oleh Waqaf An-Nur, ia telah menyumbang kepada kebajikan pesakit, mengimarahkan masjid,

program keusahawanan dan pendidikan. Sumbangan turut dipanjangkan hingga ke luar negara dengan menyumbang kepada Misi Bantuan Kemanusiaan Somalia dan Tabung Kemanusiaan Gaza. Untuk tahun 2011 WANCorp telah mengeluarkan sebanyak RM945,502.13 untuk tujuan sumbangan dan agihan bantuan dari manfaat fisabilillah.

### RANGKAIAN MASJID AN-NUR JOHOR CORPORATION

Sehingga kini sebanyak tujuh masjid termasuk sebuah masjid di Pulau Sibu diuruskan oleh JC Corp menerusi WANCorp. Khidmat yang diberikan oleh masjid bukan saja sebagai tempat beribadat malah menjadi gedung ilmu serta tempat rujukan kepada anggota masyarakat yang memerlukan. Jumlah kariah rangkaian Masjid An-Nur JC Corp kini dianggarkan lebih 15,000 orang.

Semua masjid berterusan menjalankan aktiviti harian, mingguan dan bulanan mengikut perancangan yang dijadualkan seperti kuliah Maghrib, Tahlil dan Bacaan Yasin, kelas membudayakan al-Quran dan As-Sunnah. Lain-lain aktiviti berkaitan keagamaan serta kemasyarakatan yang dianjurkan seperti qiamullail, Isra' Mikraj, Sambutan Maulidursul, Sarapan Amal, Program Dakwah Saudara Baru dan Kelas Fardhu Air.

Lain-lain perkhidmatan yang diberikan oleh Eksekutif Agama (Imam) ialah khidmat amil zakat, rundingcara dan nasihat dalam pelbagai aduan yang diterima. Selain itu, semua anggota pekerja masjid bukan saja terlibat secara langsung menjadi sukarelawan Ikhwan Muamalat dalam membantu peserta Waqaf Dana Niaga malah Imam turut dilantik sebagai juru akad dengan penerima bantuan Waqaf Dana Niaga di masjid yang terlibat.

Anggota pekerja masjid turut diberi ruang menjadi mutawwif bertauliah yang diiktiraf WANCorp. Khidmat mutawwif ini diberikan dalam perkhidmatan umrah yang ditawarkan oleh Tiram Travel Sdn Bhd, sebuah syarikat yang pegangan sahamnya telah diwaqafkan.

### HOSPITAL WAQAF AN-NUR DAN KLINIK WAQAF AN-NUR

JCorp adalah organisasi yang membangun dan menguruskan rangkaian 16 Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) dan Hospital Waqaf An-Nur (HWAN) di Pasir Gudang yang berteraskan kebaikan serta mengadaptasi konsep waqaf. KWAN dibina tidak hanya terhad di Johor malah terdapat di Negeri Sembilan, Selangor, Perak dan Sarawak yang dibangunkan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri berkenaan.

Matlamat utama penubuhan klinik waqaf dan hospital tersebut adalah untuk memberi kemudahan kesihatan serta khidmat dialisis kepada pesakit yang kurang berkemampuan.

Seramai 765,611 pesakit menerima rawatan diHWAN dan rangkaian KWAN. Daripada jumlah itu, seramai 50,833 (6%) rawatan diberikan kepada pesakit bukan Islam. Manakala pesakit buah pinggang yang menerima rawatan di HWAN dan lima rangkaian KWAN adalah seramai 113 orang.

Mulai Oktober 2011, klinik ini ditutup sementara bagi kerja pengubahsuaian Kompleks Plaza Kotaraya. Justeru, pesakit yang menerima rawatan dialisis di situ dipindahkan ke Pusat Dialisis Pasir Gudang.



## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

HWAN dan rangkaian KWAN bukan hanya menyediakan rawatan kesihatan pada caj nominal RM5 termasuk ubat-ubatan, malah menawarkan rawatan dialisis dengan harga subsidi kepada pesakit yang memerlukan. Pesakit turut menerima bantuan daripada Baitulmal, PERKESO dan agensi kebajikan lain yang membolehkan mereka menerima rawatan secara percuma.

### BRIGED WAQAF

Berpegang kepada visi menjadi organisasi sukarelawan Islam terunggul dalam pengurusan bencana di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 2009, Briged Waqaf telah membuktikan kewujudannya dengan mendapat pengiktirafan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Sesuai dengan objektif penubuhannya sebagai pertubuhan bantuan kecemasan, Briged Waqaf telah melaksanakan pelbagai misi bantuan kemanusiaan ketika bencana dan aktiviti waktu aman. Pasukan itu turut menyumbang khidmat bakti ketika bencana banjir yang melanda Segamat, Muar, Kota Tinggi dan Batu Pahat pada awal serta akhir tahun 2011. Anggota bantuan dan Pasukan Elit Briged Waqaf telah melakukan pembersihan dan pemuliharaan sekolah, masjid, balai raya dan klinik serta rumah awam yang ditenggelami banjir secara gotong-royong.

Briged Waqaf turut membantu JCorp menerima Anugerah ADFIAP sebagai organisasi yang

terlibat dalam Program CSR pada satu majlis di Acapulco, Kyrenia, Cyprus pada 20 April 2011 lalu.

### TABUNG TIJARAH RAMADHAN- YAYASAN JOHOR CORPORATION

Program Tijarah Ramadhan juga memberi peluang kepada syarikat dalam Kumpulan JCorp mahupun syarikat luar dan agensi kerajaan untuk memaparkan aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan yang dilaksanakan menerusi media televisyen. Ini kerana di samping kejayaan bisnes dan keuntungan yang dikecapai oleh organisasi, adalah menjadi tanggungjawab dan amanah mereka membantu rakyat Malaysia yang memerlukan.

Sejak dilancarkan pada tahun 2005 sehingga Disember 2011, sejumlah RM1,949,118 telah dapat dikumpulkan menerusi Tabung Tijarah Ramadhan hasil sumbangan badan korporat dan awam melalui SMS, deposit tunai serta cek daripada seluruh Malaysia selain Singapura dan Brunei.

Daripada jumlah itu, Tabung Tijarah Ramadhan telah menyalurkan sebanyak RM1,778,737 kepada golongan yang memerlukan dari seluruh negara. Bagi tempoh Januari hingga Disember 2011, sebanyak RM355,753 telah disumbangkan.

Seramai 8,153 orang termasuk badan dan individu yang memerlukan tanpa mengira kaum mahupun agama telah mendapat manfaat daripada Tabung Tijarah Ramadhan.

### RUMAH KEBAJIKAN ANAK YATIM DARUL HANAN (DARUL HANAN)

Aspirasi membuka Darul Hanan adalah bertujuan memberi sinar pada kehidupan insan kecil, yatim dan kurang bernasib baik, sekaligus merapatkan jurang antara yang senang dan susah.

Di Darul Hanan, penghuni diberi peluang bukan saja untuk hidup berdikari malah pada masa sama dididik dan dibimbing supaya menjadi insan yang cemerlang di dunia dan akhirat.





Sejak ditubuhkan, Darul Hanan telah menguruskan 304 anak-anak yang memerlukan bantuan. Darul Hanan memberi penekanan ke arah ilmu pengetahuan dan mementingkan sahsiah diri anak-anak untuk memastikan mereka mencapai taraf pelajaran yang tinggi dan sahsiah terpuji supaya menuju arah kehidupan yang lebih sempurna pada masa depan.

Bagi tahun 2011, seramai 20 penghuni lelaki dan 28 perempuan di bawah jagaan Darul Hanan. Sementara itu, 11 penghuni yang masih di bawah jagaan Darul Hanan sedang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi.

#### **PERSATUAN KELUARGA JOHOR CORPORATION (PKP INDUK) DAN PERSATUAN REKREASI KELUARGA PERBADANAN JOHOR (PKP PERBADANAN JOHOR)**

PKP Induk adalah badan yang memainkan peranan penting menyatupadu dan menyelaraskan semua persatuan anggota pekerja syarikat dalam Kumpulan JCorp. PKP Perbadanan Johor pula adalah persatuan anggota pekerja di peringkat Ibu Pejabat JCorp. Kedua-duanya bergiat aktif menganjurkan aktiviti sesama ahli terutamanya sukan dan riadah.

PKP Induk telah menganjurkan Karnival Sukan Tertutup Edisi ke 7 yang berlangsung pada setiap

Sabtu dan Ahad dalam tempoh dua bulan bermula 5 Mac hingga 16 April 2011. Selain itu, PKP Induk buat pertama kalinya menyertai Kejohanan Sukan-Sukan Persatuan Badan-Badan Berkanun 2011 di Universiti Malaysia Terengganu pada 8 hingga 14 Mei 2011.

Pada tahun 2011 juga, PKP Perbadanan Johor berjaya menganjurkan majlis sambutan Aidilfitri dan Hari Keluarga yang merapatkan lagi nilai kekeluargaan serta siratulrahim sesama anggota pekerja.

#### **MUTIARA JOHOR CORPORATION**

Mutiara Johor Corporation yang dipengerusikan oleh YBhg Puan Hajah Noor Laila Yahaya adalah sebuah kelab wanita yang dianggotai oleh anggota pekerja wanita dan isteri-isteri anggota pekerja. Ia merupakan antara persatuan yang aktif menjalankan aktiviti kebajikan, keagamaan, sosial dan akademik di kalangan ahlinya mahupun masyarakat.

Objektif penubuhan kelab ini secara amnya untuk menyumbang khidmat bakti kepada masyarakat melalui aktiviti berfaedah yang dijalankan dari semasa ke semasa termasuk berbentuk akademik, seminar dan bimbingan kerjaya.

Ia juga menerapkan nilai-nilai kekeluargaan dan hubungan antara ahli melalui perkumpulan yang dianjurkan sepanjang tahun.

## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Mutiara Johor Corporation juga menggalakkan kerjasama dengan persatuan-persatuan, pertubuhan dan badan-badan lain yang berdaftar yang mempunyai tujuan yang sama.

### PEMBANGUNAN USAHAWAN

JCorp menggalakkan generasi muda bergiat aktif dan menjalankan aktiviti keusahawanan sebagai alternatif menjana pendapatan sekaligus menjamin masa depan yang cerah. Program Tunas Bistari dilancarkan oleh Bistari Johor Berhad (BISTARI) dengan objektif memupuk semangat keusahawanan di kalangan pelajar bermula peringkat sekolah rendah hingga universiti. Program ini dinamakan Didik Bistari, Tunas Bistari dan Siswa Bistari.

JCorp melalui Bistari Young Entrepreneur Sdn Bhd menganjurkan Hari Bistari 2011 pada 24 dan 25 Februari 2011 di Dewan Tanjung Puteri, Persada Johor.

Hari Bistari 2011 adalah program tahunan yang memberi penghargaan kepada semua pihak terlibat menjayakan program Bistari Johor Corporation iaitu Tunas Bistari, Didik Bistari dan Siswa Bistari.

Sebanyak 70 sekolah menengah, 100 sekolah rendah, 340 guru pembimbing dan 2,050 pelajar sekolah rendah serta menengah terlibat dalam program ini. Ia dianjurkan bertujuan memberi pengiktirafan kepada syarikat dan sekolah terbaik bagi

program Tunas Bistari 2010 melalui Anugerah Kecemerlangan Tunas Bistari 2010.

Catur Bistari pula aktiviti papan permainan berunsurkan bisnes berteraskan Islam yang memperkenalkan konsep pembelajaran santai yang boleh memberi kesan kepada tahap pemahaman dan pengukuhan dalam usaha menimba ilmu. Catur Bistari dicipta dengan matlamat untuk mencetuskan minat dan kesedaran kepada pemain mengenai pentingnya aspek keusahawanan dan pengurusan kewangan berjaya. Di samping berhibur, permainan ini membentuk kecenderungan berniaga dan akhirnya mendapat meneroka bisnes sebagai kerjaya, beramal serta berjihad.

Bistari Young Entrepreneur begitu giat memperkenalkan Catur Bistari kepada orang ramai terutama masyarakat umum melalui penganjuran pertandingan peringkat zon dan kebangsaan melibatkan sekolah rendah, menengah dan terbuka.

### KELAB MOTOR JOHOR

Kelab Motor Johor adalah antara kelab gabungan Persatuan Automobil Malaysia (AAM) yang aktif dalam pembangunan sukan bermotor. Pelbagai pertandingan telah dianjurkan oleh Kelab Motor Johor seperti Johor Clubman Race, Johor Sprint Challenge, Lumba Pecut Malam Minggu (Saturday Nite Sprint) dan Kejohanan Petronas AAM Malaysian Cub Prix.

Kelab Motor Johor akan lebih berdaya maju pada masa akan datang dengan adanya barisan Ahli Jawatankuasa yang baru dilantik pada akhir tahun 2010. Pelbagai aktiviti sedang diusahakan bagi menarik lebih ramai peminat sukan permotoran dan sukan ekstrim.

### PERSATUAN MENEMBAK CLAY TARGET JOHOR (JOHOR CLAY TARGET SHOOTING ASSOCIATION)

Persatuan ini menyediakan platform bagi latihan menembak anjuran Malaysian IPSC (International Practical Shooting Confederation). Lapangsasaran sedia ada menawarkan 24 ruang latihan yang lengkap



dengan papan sasaran dan bahan latihan untuk kegunaan ahli. Lapang sasaran persatuan telah dilantik sebagai lapang sasaran rasmi Pertandingan Australasia IPSC Level IV.

Setiap tahun persatuan ini menganjurkan Pertandingan Menembak Piala Sultan Iskandar, anjuran bersama Persatuan dan Majlis Sukan Negeri Johor. Pada tahun 2011, pertandingan yang disertai oleh peserta dari dalam dan luar negara telah diadakan pada 14 hingga 25 April 2011.

Pertandingan ini membuktikan keupayaan Malaysia sebagai tuan rumah dalam menganjurkan kejohanan bertaraf antarabangsa. Pertandingan juga memberi peluang kepada peserta dari Malaysia untuk beraksi dan bersaing dengan peserta antarabangsa seterusnya mengukur tahap prestasi mereka.

## PERSATUAN PELAYANG NEGERI JOHOR

Persatuan Pelayang Johor adalah satu nama yang tidak asing lagi di kalangan peminat dan ahli-ahli persatuan pelayang dari seluruh negara, bahkan kini telah meniti dari bibir ke bibir sehingga ke dunia luar ekoran dari kejayaannya dalam menganjurkan festival bertaraf antarabangsa pada setiap tahun sejak 17 tahun yang lepas.

Kekuatan persatuan dapat dilihat dari kejayaan demi kejayaan yang diraih, sekaligus membuatkan nama Pelayang Johor mula dikenali ramai sehingga hari ini. Dengan penganjuran acara tahunan festival berkenaan juga secara tidak langsung telah membuatkan nama Pasir Gudang lebih dikenali di peta dunia.

Prestasi yang ditunjukkan oleh Pelayang Johor juga telah diiktiraf oleh semua persatuan-persatuan pelayang dari negeri lain yang mana sehingga hari ini, Pelayang Johor telah diberi kepercayaan untuk menerajui Majlis Pelayang Malaysia.

Tahun 2011 menyaksikan Pelayang Johor bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Kerajaan Negeri Johor,

Jabatan Pelancongan Johor serta Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Johor di dalam penganjuran Festival Layang-Layang Antarabangsa Kali Ke 16 bermula 15 Februari hingga 20 Februari 2011.

Festival ini menyaksikan penyertaan dari 30 negara yang membabitkan lebih 200 peserta dalam dan luar negara, antaranya Indonesia, Jepun, Austria, Korea, Perancis, Taiwan dan Jerman.

## PERSATUAN PELAYARAN JOHOR

JCorp turut mempelopori bidang sukan dengan penglibatannya dalam Persatuan Pelayaran Johor dan Persatuan Pelayaran Malaysia. OBA ini bergiat aktif dalam menggalakkan dan membangunkan sukan Perahu Layar di peringkat negeri. Atlet perahu layar kini telah mencapai kejayaan mengagumkan di peringkat antarabangsa. Malah mereka mampu bersaing dengan atlet dari negeri lain yang telah lama terlibat dalam sukan perahu layar di negara ini. Kini anak-anak kampung tradisional di sekitar Pasir Gudang dan Gugusan FELDA Tenggaroh di Tanjung Leman telah dilatih dalam sukan pelayaran.

Pusat Latihan Negeri Sukan Pelayaran ini telah berpindah dari Tanjung Langsat, Pasir Gudang ke Tanjung Leman, Mersing pada September 2011. Kawasan baru ini amat sesuai untuk sukan perahu layar berikutan kekuatan angin dan keadaan laut yang sesuai untuk latihan dijalankan pada bila-bila masa. Atlet yang masih belajar di Pasir Gudang akan dibawa ke Mersing untuk menjalani latihan.

Penganjuran Kejohanan Perahu Layar KFC-FELDA Terbuka telah diadakan pada 28 hingga 30 Oktober 2011. Kejohanan ini telah dijayakan dengan kerjasama Persatuan Pelayaran Malaysia, Johor Land Berhad, FELDA dan Pejabat Daerah Mersing. Selain penyertaan daripada persatuan-persatuan perahu layar dari setiap negeri, kejohanan ini telah mendapat penyertaan dua kelab dari Indonesia iaitu Bentan dan Neptunus.



## TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

### PERSATUAN PELAYARAN MALAYSIA

JCorp turut melibatkan diri dalam bidang sukan perahu layar melalui Persatuan Pelayaran Johor dan Persatuan Pelayaran Malaysia. Atletnya telah mengambil bahagian di dalam kejohanan di peringkat dalam dan luar negara serta berjaya meletakkan nama Malaysia di persada antarabangsa.

Pada 28 Disember 2010 hingga 8 Januari 2011, telah diadakan IODA World Sailing Championship 2010 bertempat di Pulau Langkawi, Kedah. Atlet Malaysia, Ahmad Syukri Abdul Aziz, telah berjaya mendapat tempat kedua individu keseluruhan dalam pertandingan tersebut.

### JOHOR CORPORATION FOOTBALL CLUB (JOHOR FC)

Johor Corporation Football Club atau Johor FC telah ditubuhkan pada tahun 1972. Pada awal penubuhan, ianya dikenali dengan nama PKENJ FC sebelum bertukar nama pada 1996. Johor FC pernah muncul juara Piala FAM pada tahun 1994 dan 1995 serta juara Liga Perdana II pada tahun 2001. Sebagai sebuah kelab yang paling lama bertanding dalam Liga Super, Johor FC telah memenangi anugerah Kelab Terbaik oleh Persatuan Bolasepak Malaysia pada tahun 2009 dan 2010. Anugerah ini adalah pengiktirafan di atas kewibawaan dan keberkesanan pengurusan kelab dalam membangunkan sukan bola sepak di Negeri Johor malahan di peringkat kebangsaan.

Dengan sokongan padu peyokong dan anggota pekerja dalam Kumpulan JCorp, Johor FC akan terus berusaha untuk mencatatkan kecemerlangan dalam Liga Malaysia. Dengan kehadiran lebih kurang 2,000 penonton pada setiap perlawanan di Stadium Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Johor FC sentiasa menjadi pasukan kelab yang digeruni dalam liga bola sepak tertinggi kebangsaan iaitu Liga Super.

### KESIMPULAN

JCorp dan syarikat dalam Kumpulannya akan terus memberikan khidmat bakti di dalam masa mencari keuntungan dan mengekalkan nilai-nilai murni melalui bisnes. Pada masa sama, JCorp komited kepada kehendak masyarakat dengan menggunakan segala sumber yang ada untuk meneruskan aktiviti-aktiviti langsung dan tidak langsung serta memanjangkan kebolehan pengurusan profesional yang dimiliki.

Sebagai organisasi korporat yang bertanggungjawab, JCorp dan syarikat-syarikat dalam Kumpulannya termasuk seluruh anggota pekerja akan terus melibatkan diri secara aktif dalam pembangunan masyarakat dan sosial melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakan.



# **SEKSYEN 5**

## **PROSPEK**

**LAPORAN EKONOMI**

**SEKTOR PERLADANGAN**

**SEKTOR MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN SEGERA**

**SEKTOR PRISIHATIN**

**SEKTOR HOSPITALITI**

**SEKTOR HARTANAH**

**SEKTOR LOGISTIK/SERVIS**



# LAPORAN EKONOMI

Pasaran kewangan global berada dalam keadaan yang tidak menentu bagi tahun 2011. Pada hakikatnya, 2011 merupakan tahun yang mencabar bagi ekonomi negara-negara maju. Kerumitan masalah hutang di negara-negara Kesatuan Eropah yang berupaya mengancam ketahanan ekonomi global telah meningkatkan kebimbangan di kalangan pelabur antarabangsa.

Satu demi satu, negara dalam kesatuan itu terjebak dalam kemelut hutang berkenaan dan sebahagian terpaksa akur dengan penurunan taraf kredit. Keupayaan negara-negara tersebut untuk menyelesaikan kedudukan hutang mereka yang menimbulkan banyak persoalan dan kesangsian turut membangkitkan kerisauan terhadap krisis kewangan yang terkini.

Situasi di Amerika Syarikat (AS) juga tidak menggalakkan. Selain diselubungi oleh kadar pengangguran yang tinggi akibat krisis kewangan yang melanda pada tahun 2008, ekonomi terbesar dunia itu terpaksa berhadapan dengan penurunan taraf kredit buat pertama kalinya. Taraf kredit AAA negara itu telah diturunkan oleh *Standard & Poor's* dan pentadbir polisi

dipersalahkan kerana gagal mengurangkan defisit belanjawannya melalui pengurangan perbelanjaan dan peningkatan perolehan. Ekonomi AS juga mempamerkan pemuliharan yang agak perlahan. Tambahan pula ketegangan politik di Timur Tengah yang mencetus gerakan revolusi dan gempa bumi kuat di Jepun sehingga menyebabkan tsunami terus melemahkan sentimen dan keyakinan pelabur.

Ekonomi tempatan yang masih belum menerima kesan yang ketara krisis ekonomi global pada ketika itu, berupaya merekodkan pertumbuhan dalam lingkungan 5% hingga 6% pada tahun 2011 sejajar dengan jangkaan Kementerian Kewangan. Pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.1% itu disokong oleh sektor perkhidmatan, penggunaan tempatan dan perkembangan



aktiviti sektor swasta. Bagaimanapun, krisis tersebut mempengaruhi prestasi pasaran saham tempatan. Ini dibuktikan oleh ketidaktentuan tanda aras pasaran, lebih-lebih lagi pada pertengahan tahun kedua 2011. Pada mulanya, indeks FBM Bursa Malaysia KLCI memberikan reaksi negatif terhadap penurunan taraf kredit AS dan krisis hutang yang berterusan di negara-negara Kesatuan Eropah, namun begitu kemudian mempamerkan pengukuhan sehingga penghujung tahun 2011 didorong oleh pengambilan langkah berjimat cermat negara-negara terbabit bagi menyelesaikan masalah hutang masing-masing.

Ketidaktentuan di pasaran saham global juga menyebabkan pelabur mengalihkan tumpuan pelaburan mereka terhadap aset yang lebih selamat terutama pasaran emas yang melonjak ke paras tertinggi melebihi AS\$1,900 seauns. Di Malaysia, matawang tempatan turut mengukuh ke paras di bawah RM3.00 bagi AS\$1 disokong oleh kemerosotan matawang AS tersebut. Dalam persekitaran yang lebih meluas, ekonomi dunia telah merekodkan pertumbuhan yang lebih perlahan dari jangkaan apabila kadar tersebut yang berada di paras 3.8% adalah lebih rendah dari jangkaan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang sebanyak 4%.

## JANGKAAN EKONOMI

Pada tahun 2012 ini, ketidaktentuan di pasaran kewangan akan terus menggugat keseimbangan ekonomi global. Menurut IMF, ekonomi yang diwakili oleh Kesatuan Eropah dijangka mengalami kegawatan yang sederhana pada 2012 apabila krisis hutangnya memberi impak yang menyeluruh terhadap ekonomi. IMF juga menjangkakan pertumbuhan ekonomi global akan merosot ke paras 3.3% terutama disebabkan oleh kegawatan ekonomi di Kesatuan Eropah, kelembapan pertumbuhan ekonomi AS dan kelemahan perkembangan ekonomi di China. Pada masa sama, perkembangan ekonomi-ekonomi membangun turut tertekan setelah persekitaran luaran mengalami kemerosotan dan permintaan dalaman pula mengalami penyusutan.



Di Malaysia, permintaan luarnya dijangka akan turut tertekan setelah pertumbuhan eksport barang dan perkhidmatan terus mempamerkan kelemahan. Ini kemudiannya mendorong kelembapan ekonomi tempatan dari segi permintaan iaitu import barang dan perkhidmatan. Pada masa sama, risiko berkaitan ekonomi dan politik termasuklah kemungkinan peningkatan perselisihan perdagangan di antara AS dan China serta ketegangan situasi sosial dan politik di Timur Tengah yang menguatkan risiko peningkatan harga minyak mentah turut mengancam pemulihran ekonomi global.

Pertumbuhan ekonomi tempatan sebagaimana yang dinyatakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dijangka menyederhana ke paras di antara 4% hingga 5% pada tahun 2012, seajar dengan kelembapan pertumbuhan ekonomi global. Risiko kenaikan inflasi hasil daripada peningkatan harga komoditi dan bahanapi utama dunia juga tidak dinafikan oleh BNM. Seterusnya, bank pusat tersebut dijangka meneruskan polisi kewangan yang mudah bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.

## SEKTOR PERLADANGAN



Kumpulan telah mencipta rekod dengan hasil melebihi RM7 bilion dan buat pertama kalinya, keuntungan sebelum cukai melepas paras RM1 bilion iaitu sebanyak RM1.36 bilion. Ketiga-tiga sektor iaitu Perladangan, Makanan dan Restoran serta Intrapreneur Ventures, masing-masing menyumbang keuntungan yang tinggi kepada Kumpulan.

Sektor Perladangan mencapai lebih banyak kejayaan. Pengeluaran buah sawit sebanyak 2.38 juta tan dan keuntungan dengan rekod tertinggi berjumlah RM1.13 bilion, mencerminkan prestasi yang sangat baik kalangan anggota pekerja operasi Kulim serta asas kukuh dalam pasaran minyak dan lemak pada tahun 2011. Selain itu, hakikat keputusan yang menggalakkan itu dicapai melalui pelbagai aktiviti korporat utama yang dilaksanakan dalam tempoh dua tahun lalu. Kilang penapisan minyak sawit di Liverpool, United Kingdom milik anak syarikat Kulim - New Britain Palm Oil Limited (NBPOL) yang tersenarai di Bursa Saham London, terus menguasai pasaran baru dan Kulim akan membina kilang membuat marjerin bakeri dan lemak bagi jaminan produk jangka panjang.

Bisnes Makanan dan Restoran Kulim telah membuka lebih banyak cawangan baru dan terus melabur dalam mengembangkan francais KFC di India. Bahagian Intrapreneur Ventures Kulim turut menunjukkan hasil yang meningkat.

Masih ada banyak perlu dilakukan bagi meningkatkan lagi bisnes dalam meletakkan Kumpulan pada kedudukan lebih baik untuk memanfaatkan semua peluang yang berpotensi dan memenuhi cabaran hari esok.

Kulim bagaimanapun yakin bahawa objektif untuk menggalakkan pengeluaran yang berdaya maju dari segi ekonomi, sosial saksama dan alam sekitar yang mapan, pemprosesan dan perdagangan kelapa sawit boleh dicapai.

## KULIM DAN KEMAPANAN

Program minyak sawit yang lestari adalah sebagai satu asas tanggungjawab korporat Kulim. Penyertaan aktif Kulim dalam Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) serta penggunaan Prinsip dan Kriteria RSPO menandakan pendekatan yang sistematis dan terancang untuk mencapai keseimbangan antara insan, alam serta keuntungan.

Bagi tujuan ini, Kulim telah menujuhkan satu dasar yang komprehensif dan menerima pakai pendekatan bersepada dalam membangunkan rangka kerja dasar bagi pembangunan lestari syarikat ini. Prestasi alam sekitar Kulim dalam kepelbagaian bio dan pemuliharaan tanah dipaparkan dengan lebih terperinci dalam laporan ini beserta liputan program sosial dan penglibatan dengan masyarakat di lokasi Kulim beroperasi. Rangka kerja dasar kelestarian Kulim berkait rapat dengan visi dan misi korporat serta selari dalam proses tadbir urus korporat Kulim untuk memastikan ia mempunyai kaitan secara langsung dengan keseluruhan strategi dan hala tuju korporat yang ditetapkan.

## PERKEMBANGAN KORPORAT

Pada Mac 2012, Kulim telah melakukan penyusunan semula modal bagi memastikan sahamnya bersifat mampu dimiliki dan membolehkan lebih ramai pelabur mengambil bahagian dalam pertumbuhan Kulim. Pelaksanaan pecahan saham yang terlibat, terbitan saham bonus dan waran bebas, juga telah membantu meningkatkan lagi kecairan dan kebolehpasaran saham Kulim di Pasaran Utama Bursa Securities. Kulim kini mempunyai 1.26 bilion saham diniagakan berbanding 312.35 juta saham sebelumnya. Selain itu, saham bonus dan waran percuma diberikan kepada pemegang saham sedia ada Kulim atas sokongan berterusan mereka dan akan membolehkan mereka terus mengambil bahagian dalam pertumbuhan masa depan Kumpulan apabila waran dilaksanakan.

Kulim pada asasnya ialah sebuah syarikat pertanian dengan minyak sawit sebagai perniagaan dominan. Oleh itu, Kulim berasa



sukacita bahawa selepas diusahakan beberapa kali, pemegang saham majoritinya iaitu Johor Corporation (JCorp), akhirnya bersetuju untuk melupuskan sebahagian besar estet kelapa sawitnya kepada Kulim. Pada 16 Ogos 2011, Kulim mengumumkan bahawa syarikat anak milik penuhnya - Mahamurni Plantations Sdn Bhd (MPSB) telah memeterai jualan bersyarat dan Perjanjian Jual Beli (SPA) dengan JCorp bagi cadangan pengambilalihan enam ladang kelapa sawit seluas 13,687 hektar, dan dua kilang minyak sawit, dengan jumlah sebanyak RM700 juta. Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) diadakan pada 22 Disember 2011 dan kelulusan pemegang saham telah diperolehi bagi cadangan pengambilalihan. Pada 31 Disember 2011, Peringkat I cadangan pengambilalihan melibatkan Ladang Sungai Papan dan Ladang Siang telah siap sekali gus menambah kira-kira 6,000 hektar lagi ladang kelapa sawit yang produktif ke dalam Kumpulan. Peringkat II pengambilalihan yang dicadangkan dijangka siap dalam tempoh separuh pertama tahun 2012.

Pada 16 Ogos 2011, Kulim telah mengumumkan satu tawaran am sukarela untuk memperoleh baki saham Sindora Berhad (Sindora) pada harga tawaran sebanyak RM3 sesaham pada Ogos 2011. Harga tawaran itu kemudian disemak semula kepada RM3.10 sesaham pada September 2011. Kemudian, pada 25 Oktober 2011, Kulim mengumumkan bahawa

Kulim kini  
mempunyai  
**1.26**  
bilion saham  
diniagakan  
berbanding  
312.35 juta  
saham  
sebelumnya.

## SEKTOR PERLADANGAN



ia telah memperolehi sembilan daripada 10 (9/10) nilai nominal saham Sindora dan mendapat pemerolehan wajib saham Sindora menurut Seksyen 222 (1) Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Pada 30 November 2011, Sindora telah dikeluarkan daripada senarai rasmi Bursa Securities. Pelaksanaannya siap pada 5 Disember 2011, apabila pemindahan secara pukal saham Sindora kepada Kulim. Sindora sejak itu telah menjadi sebuah syarikat anak milik penuh Kulim.

Pada 14 Disember 2011, Kulim telah mengumumkan bahawa Lembaga Pengarah QSR Brands Bhd (QSR) dan KFC Holdings (Malaysia) Bhd (KFCH), masing-masing menerima tawaran daripada Massive Equity Sdn Bhd (MESB) yang menyatakan tawaran bersyarat MESB untuk memperoleh hampir semua perniagaan, termasuk semua aset dan liabiliti masing-masing dalam QSR dan KFCH. Selepas itu, pada 21 Disember 2011, Lembaga Pengarah QSR dan KFCH menerima tawaran masing-masing tertakluk kepada pelaksanaan jualan yang berkaitan perjanjian perniagaan (SBA). Pengumuman selanjutnya oleh QSR dan KFCH pada 23 April 2012 menunjukkan pihak-pihak yang berkaitan dalam proses menyiapkan SBA.

Tertakluk kepada penyelesaian keseluruhan pelaksanaan, Kulim akan keluar sepenuhnya dari Perniagaan Makanan dan Restoran. Kesan langkah ini kepada prestasi kewangan dan kedudukan Kumpulan apabila pengasingan, dijangka signifikan. Bagaimanapun, sekiranya pelupusan membahukan hasil, Kumpulan berpeluang mencatatkan keuntungan besar daripada pelaksanaan ini. Tahun 2011 merupakan satu tempoh yang menggembirakan dan Kulim sukacita untuk mengiktiraf individu-individu yang banyak memberi sumbangan mereka dan khususnya peranan yang dimainkan oleh Tuan Haji Jamaludin Md Ali, Pengarah Urusan KFCH & QSR.



Satu perkembangan yang tidak kurang penting ialah pengumuman oleh NBPOL pada 25 April 2012 bahawa ia telah menerbitkan 3,333,147 saham NBPOL baru kepada Public Business Corporation of Papua New Guinea (IPBC) sebagai balasan bagi pemerolehan 20% kepentingan dalam Kula Palm Oil Limited (KPOL). Pegangan saham Kulim dalam NBPOL akan dikurangkan daripada 50.68% kepada 49.54% dan akan menjadikan NBPOL sebagai sebuah syarikat bersekutu Kulim, dan bukan syarikat anak.

Pengeluaran 3.33 juta saham baru kepada IPBC, selain daripada untuk menyelaraskan struktur pegangan saham di KPOL, juga bertujuan meningkatkan kerjasama baik yang sedia ada dan hubungan antara NBPOL dan pemerintah daerah di PNG. NBPOL juga terus merundingkan pengambilalihan pegangan minoriti tambahan dari New Ireland Development Corporation (NIDC) dalam syarikat anak KPOL, Poliamba Limited. Secara berasingan, NBPOL seterusnya mempertimbangkan penerbitan saham tambahan baru kepada New

Britain Nominees Limited (atau tempatan), yang akan diamanahkan bagi tujuan pemindahan kepada pemilik tanah PNG sebagai sebahagian daripada pembayaran bagi kedua-dua pengambilalihan yang akan berlaku dan pengambilalihan tanah pada masa depan (atau kepentingan dalam tanah) oleh NBPOL yang mewakili kesinambungan proses pengambilan tanah bagi tempoh jangka panjang.

Akan datang, Kulim tidak lagi akan menyatakan akaun NBPOL malahan ia akan dikira sebagai ekuiti. Bagaimanapun, Kulim menjangkakan kesan kepada aliran tunai Kumpulan serta Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATMI) Kumpulan akan berada pada tahap minimum.

Keluarnya dari Perniagaan Makanan dan Restoran serta perubahan dalam status NBPOL dari syarikat anak kepada syarikat bersekutu akan mengurangkan pinjaman di peringkat Kumpulan, sekali gus mengukuhkan lagi Lembaran Imbangan Kumpulan.

Pegangan saham Kulim dalam NBPOL akan dikurangkan daripada **50.68%** kepada 49.54% dan akan menjadikan NBPOL sebagai sebuah syarikat bersekutu Kulim, dan bukan syarikat anak.

## SEKTOR PERLADANGAN

### SOROTAN SEGMENT PERLADANGAN

Operasi perladangan Kumpulan menyaksikan satu lagi pencapaian yang kukuh pada tahun 2011 dengan rekod tuaian 2,640,860 tan buah tandan segar (BTS) dari ladang Malaysia, PNG dan Kepulauan Solomon (SI). Ini merupakan pertumbuhan positif sebanyak 18.43% berbanding jumlah keseluruhan 2,229,842 tan metrik BTS Kumpulan pada tahun 2010, hasil kitaran biologi tanaman dan cuaca yang baik. Ladang di Malaysia telah menghasilkan 34% daripada jumlah BTS Kumpulan (2010: 36%); PNG 61% (2010: 59%), manakala sumbangan ladang di SI ialah 5% (2010: 5%). Kawasan Kumpulan yang ditanam dengan kelapa sawit meningkat kepada 134,935 hektar berbanding 134,402 hektar pada tahun 2010.

Kumpulan akan meneruskan inisiatif 30:30 dengan objektif meningkatkan hasil buah

kepada 30 tan metrik sehektar dan kadar perahan produk sawit kepada 30%. Keputusan tahun ini adalah sangat positif dan melebihi piawaian industri sawit di Malaysia. Keuntungan dijangka berterusan oleh kerana penanaman semula menggunakan benih kacukan yang memberi pulangan lebih tinggi dan penurunan purata umur pokok.

#### Perladangan di Malaysia

Ladang di Malaysia telah mencatatkan peningkatan dalam pengeluaran BTS sebanyak 13.4% terutama disebabkan hujan yang lebih baik dan manfaat daripada tenaga kerja yang lebih stabil berbanding keadaan buruh yang wujud pada tahun 2010, menghasilkan sebanyak 902,255 tan metrik BTS pada tahun 2011. Penghasilan bagi setiap hektar pada tahun 2011 meningkat kepada 20.88 tan metrik daripada 18.03 tan metrik pada tahun sebelumnya.



Di Malaysia, jumlah pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) adalah 249,172 tan metrik pada tahun 2011 yang lebih tinggi sebanyak 13.74%, daripada 244,639 tan metrik pada tahun 2010. Pengeluaran isirong adalah 71,082 tan metrik iaitu peningkatan sebanyak 0.39% daripada 70,809 tan metrik pada tahun 2010. Kadar perahan kilang Kumpulan di Malaysia terjejas oleh cuaca basah pada awal tahun 2011 dan pembelian yang lebih tinggi kualiti BTS oleh tanaman pihak ketiga yang meningkat daripada 403,528 tan metrik pada tahun 2010 kepada 421,117 tan pada tahun 2011. Dari segi hasil minyak, perladangan Malaysia telah mencatatkan peningkatan daripada 3.71 tan metrik MSM sehektar pada tahun 2010 kepada 4.23 tan metrik pada tahun 2011.

Untuk mengekalkan pengeluaran yang lebih tinggi, Kumpulan komited untuk meningkatkan profil usia ladang. Di Malaysia, 2,998.62 hektar telah ditanam semula pada tahun 2011. Purata



umur pokok sawit di ladang Malaysia menurun sedikit iaitu 12.48 tahun pada Disember 2011, daripada 13.25 tahun pada tahun 2010.

### Perladangan di PNG dan SI

Dengan keadaan cuaca di seluruh PNG dan SI yang menggalakkan bagi pertumbuhan tanaman pada 2011, kadar perahan produk sawit keseluruhan bagi 2011 adalah 28.21%, meningkat daripada 27.50% pada tahun 2010. Pengeluaran BTS dari ladang PNG dan SI meningkat kepada kira-kira 1.74 juta tan metrik yang disokong oleh pengeluaran penuh dari ladang KPOL yang baru diperolehi di Higaturu, Milne Bay dan Poliamba di New Ireland Province, PNG.

Di PNG dan SI, NBPOL mempunyai 78,332 hektar yang ditanam dengan kelapa sawit yang mana 68,438 hektar sedang dituai dengan baki kelapa sawit belum matang yang telah ditanam dalam tempoh tiga tahun lalu. Hasil BTS sehektar di kawasan yang boleh dituai adalah 25.4 tan metrik (2010: 23.7 tan metrik sehektar).



## SEKTOR PERLADANGAN

Di PNG dan SI, NBPOL terus mengembangkan pengeluaran kelapa sawit mereka dengan penambahan 1,582 hektar penanaman baru di West New Britain dan Ramu Agri-Industries Limited (Ramu). Penanaman semula 1,544 hektar telah selesai dilakukan di seluruh Guadalcanal Plains Palm Oil Ltd (GPPOL), Higaturu, Milne Bay dan Poliamba.

Disokong oleh sumbangan penuh tuaian dari ladang KPOL yang baru diambilalih di Higaturu, Milne Bay dan Poliamba, kilang di PNG dan SI mencatatkan satu rekod 591,477 tan minyak mentah (MSM dan minyak isirung sawit), meningkat lebih 23.5% berbanding tahun 2010.



Kilang baru di Waraston telah meningkatkan jumlah kapasiti pemprosesan di West New Britain daripada 260 hingga 320 tan buah sejam. Di SI, kilang di Tetere yang dinaiktaraf dari 25 hingga 45 tan sejam telah siap manakala kilang isirung pula dalam proses untuk disiapkan. Di Ramu, kerja-kerja untuk meningkatkan keupayaan dari 30 hingga 45 tan sejam telah dimulakan di kilang kelapa Sawit Gusap.

Loji-loji pengumpulan metana pertama NBPOL di West New Britain adalah satu langkah ke hadapan yang penting bagi syarikat kerana ia mula memanfaatkan gas rumah hijau sebagai sumber tenaganya dan mengurangkan kesan karbon dalam operasi Kulim. Loji itu dijangka beroperasi pada separuh pertama 2012. Tenaga dari loji ini akan digunakan untuk keperluan kawasan perumahan dan penapisan serta bekalan kepada grid tempatan dalam menyokong bekalan elektrik luar bandar melalui perjanjian dengan PNG Power.

NBPOL memulakan pembinaan tiga projek CDM di West New Britain, Higaturu dan Milne Bay. Di West New Britain, Kulim bangga kerana berjaya menyiapkan loji pemecah kedua kilang penapisan Kumbango, yang akan membekalkan keluaran khusus untuk produk Ferrero Rocher.

#### Loji Penapis Minyak Sawit di Liverpool, UK

Kesan daripada pelaburan lanjut berjumlah berjuta-juta pound, operasi kilang penapis New Britain Oils Limited (NBOL) di Liverpool, dijadualkan menghasilkan produk berbungkus pertama untuk dijual kepada bakeri di United Kingdom dan sektor perkhidmatan makanan pada suku pertama 2012.

#### Pengeluaran gula

Pada tahun 2011, dianggarkan sebanyak 397,328 tan metrik tebu dituai daripada ladang seluas 7,311 hektar sekali gus satu peningkatan berbanding 375,822 tan tebu dituai pada tahun 2010. Peningkatan keseluruhan pemprosesan tebu bertambah baik pada tahun 2011 kepada 81.4% daripada 79.3% pada tahun 2010.





### Pengeluaran daging lembu

NBPOL kekal sebagai pengeluar terbesar daging lembu di PNG. Bagaimanapun, pengeluaran daging lembu hanya memainkan peranan kecil dalam strategi pelaburan secara keseluruhan. Saiz ternakan menunjukkan peningkatan dengan 20,000 ekor lembu diuruskan di dua lokasi berasingan. Ternakan tersebut menghasilkan kira-kira 1,284,000 kilogram daging lembu untuk pasaran PNG, menjana pendapatan PGK sebanyak RM14.9 juta. Pelaburan tambahan dalam saham dan jentera bagi kedua-dua pengeluaran sekoi dan peningkatan padang ragut kesemuanya menyumbang dalam kadar yang lebih efisien.

### MAKANAN DAN RESTORAN

Semua jenama Kulim telah diperkuuhkan pada tahun 2011 dan perkembangan terkini KFC ke India telah diselaraskan. QSR Brands Bhd (QSR) dan syarikat anaknya terus menambah cawangan baru dan melaksanakan program masing-masing bagi penambahbaikan imej, sentiasa meneroka pasaran baru dan memperkuuhkan kesetiaan pelanggan sedia ada. KFCH International College (KFCHIC) juga terus berkembang pada tahun 2011, kini mempunyai dua kampus dan berada pada kedudukan yang baik dalam menyediakan perniagaan makanan dan restoran dengan calon-calon yang terlatih dalam bidang pengurusan.

Pada tahun 2011, jumlah keseluruhan kedai yang beroperasi di bawah jenama Makanan dan Restoran - Pizza Hut, KFC, Kedai Ayamas dan Rasamas - melebihi tahap 1,000 unit



untuk kali pertama dengan peningkatan kepada 1,063 unit daripada 978 pada tahun 2010. Menjelang Disember 2011, QSR mempunyai 307 outlet Pizza Hut dan 756 outlet restoran KFC/Kedai Ayamas/Rasamas dan kini beroperasi di lima negara di Asia, dari Brunei hingga ke India.

Jumlah pendapatan bahagian Makanan dan Restoran pada tahun 2011 meningkat sebanyak 10.3% kepada RM3.35 bilion. Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukai meningkat sedikit sahaja, sebanyak 1.2% kepada RM269.96 juta berbanding RM266.86 juta pada tahun sebelumnya, akibat daripada kos memulakan perniagaan dan peningkatan perbelanjaan di restoran KFC baru di Kemboja serta India.

Tahun 2011 membawa pengiktirafan yang meluas buat QSR. Yum! Brands telah menganugerahkan Pizza Hut Malaysia Anugerah Francaisee of The Year bagi kategori 'Dine-in', People's Choice Best Remodel Award, dan Best Advertising Award. Brand Laureate pula telah memilih Pizza Hut sebagai Best Brand dalam kategori Food & Beverage Pizza, manakala majalah Readers' Digest menganugerahkan QSR Trusted Brand Gold Award.

## SEKTOR PERLADANGAN



Bagi 13 outlet KFC di India, Pune, Mumbai dan Aurangabad, hasil jualan tercatat sebanyak lebih daripada tiga kali ganda kepada RM19.8 juta. Mengambil kesempatan daripada kegairahan rakyat India terhadap sukan kriket, KFC India telah menjadi Rakan Rasmi Piala Dunia ICC 2011. Anggota-anggota pekerja memakai kemeja-T khas perlawanan, dan pelanggan juga merebut peluang dalam tawaran terhad makanan yang ditawarkan dalam Fan Bucket bertemakan kriket.

Pendaftaran pelajar di KFCHlc kini berjumlah 700 orang di kampus Puchong dan Johor Bahru. Sebanyak sembilan program diploma ditawarkan dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan Hospitaliti, Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Pentadbiran Perniagaan, Teknologi Maklumat, serta Elektrik dan Elektronik.

Sektor makanan secara relatifnya berdaya tahan tetapi ia menghadapi tekanan kos inflasi. QSR merancang untuk menjana pendapatan dengan terus memacu secara agresif melalui pembelian berulang dan pelanggan baru. QSR juga menjalankan kajian terhadap kecekapan kos yang lebih efisien dan usaha meningkatkan produktiviti pada semua segmen perniagaannya. Kemahiran masakan dan perkhidmatan yang efisien akan terus mengukuhkan kesetiaan pelanggan, manakala pendekatan kreatif dalam penghasilan produk dan pemasaran akan menarik pelanggan baru dan mengekalkan pelanggan lama.



## INTRAPRENEUR VENTURES

Kedudukan kewangan dalam bahagian Intrapreneur Venture (IV) adalah amat menggalakkan. Hasil pendapatan IV pada tahun 2011 meningkat sebanyak 35.5% kepada RM396.62 juta daripada RM292.80 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Keuntungan operasi meningkat lebih tiga kali ganda kepada RM42.94 juta daripada RM13.23 juta.

Prestasi baik bagi tahun 2011 adalah secara amnya hasil daripada pertumbuhan segmen perkapalan. Segmen lain yang di dalam peringkat permulaan dalam portfolio IV adalah pada peringkat awal pelaburan, pembinaan prototaip serta pengumpulan maklum balas dan data daripada pelanggan mereka untuk membina perniagaan yang mapan. Kulim akan meneruskan usaha mengenal pasti serta mulakan usaha dan memberikan mereka akses kepada sumber-sumber yang diperlukan untuk berkembang, berjaya,



meningkatkan pendapatan, menambah nilai, dan memaksimumkan pulangan kepada pemegang saham.

Syarikat-syarikat anak Kulim iaitu EA Technique (M) Sdn Bhd dan Orkim Sdn Bhd telah mendorong Kumpulan ke arah menjadi pemain penting sektor maritim dan meletakkan Kulim sebagai syarikat perkapalan kedua terbesar di Malaysia dalam kategori produk kapal tangki petroleum yang bersih.

Kedua-dua syarikat ini beroperasi dalam pasaran khusus yang menyediakan piagam kontrak jangka panjang bagi pengangkutan produk petroleum yang bersih, dan sokongan eksplorasi huluan kepada syarikat minyak terkemuka. Peningkatan besar prestasi dalam kedua-dua syarikat pada tahun 2011 adalah hasil kejayaan menghantar 10 kapal tangki yang baru dibina di bawah piagam kontrak jangka panjang. Sumbangan lebih tinggi bagi sepanjang tahun dari kapal baru ini akan dinikmati pada tahun 2012.

Kumpulan juga menyediakan kapal sokongan luar pesisiran pantai dan menguruskan kapal pihak ketiga. Pada masa ini, EA Technique menyediakan sembilan kapal perkhidmatan sokongan luar pesisiran pantai termasuk dua bot pengangkut krew, empat bot penambat, dua bot tunda dermaga dan sebuah bot keselamatan, manakala Orkim menguruskan dua kapal yang dimiliki oleh pihak ketiga untuk syarikat minyak utama. Pembinaan kapal tangki baru, dan penghapusan kapal lama, telah menyebabkan purata profil umur yang lebih rendah bagi Kumpulan dan membolehkan Kumpulan meletakkan kedudukannya di hadapan pesaing lain untuk merebut peluang dalam pasaran perkapalan.

Fasiliti pembinaan kapal melalui, Johor Shipyard and Engineering Sdn Bhd (JSE) berpotensi dalam menjadi penyumbang utama berdasarkan permintaan yang tinggi dalam kemudahan pemberian kapal yang mempunyai bilangan yang terhad di rantau ini.

JSE telah mengenal pasti tapak seluas 4 hektar di Hutan Melintang, Perak untuk dijadikan limbungan tetap. Pada masa ini, JSE sedang menyediakan kemudahan asas bagi limbungan kapal yang dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang akhir tahun 2012. Limbungan kapal akan dibina untuk menampung kapal-kapal sehingga 10,000 dead-weight tonnage (DWT) bagi pembinaan atau pemberian. Selain pembinaan kapal, untuk mempelbagaikan pendapatan, limbungan kapal juga akan terlibat dalam fabrikasi keluli bagi industri minyak luar pesisiran pantai dan industri gas.



Hasil pendapatan IV pada tahun 2011 meningkat sebanyak **35.5%** kepada RM396.62 juta daripada RM292.80 juta pada tahun kewangan sebelumnya.

## SEKTOR PERLADANGAN

**Prospek Dan Pelan**

Pengeluaran di Indonesia, yang merupakan pengeluar minyak sawit utama di dunia, dianggarkan meningkat sebanyak 1.5 juta tan metrik kepada 25 juta tan metrik pada tahun 2013. Kadar utama dalam harga minyak sawit akan datang dari pengeluaran Malaysia, yang akan berkembang pada kadar yang lebih kecil, hasil daripada keluasan yang terhad. Pada tahun 2012, pengeluaran Malaysia dijangka meningkat. Kedua-dua negara menyumbang lebih daripada 90 peratus bekalan minyak global yang digunakan dalam produk seperti makanan, kosmetik dan biofuel, yang berkemungkinan mencecah RM48 juta tan bagi tahun 2012.

Dengan pertumbuhan pengeluaran normal pada tahun 2012, permintaan perlu berkembang selaras dengan peningkatan penduduk dan pendapatan. Bekalan tidak mungkin akan terjejas, dan Kulim menjangkakan akan melihat penentuan pasaran minyak oleh senario ekonomi global. Harga minyak sawit Asia Tenggara mungkin berada di bawah tekanan kerana kebimbangan terhadap ekonomi global bergantung kepada minyak mentah Brent. Sentimen pelabur minyak sawit telah meningkat dalam beberapa minggu kebelakangan ini kerana Asia Tenggara yang dominan sebagai pengeluar kini memasuki musim hujan dan corak cuaca La Nina yang dilihat akan kembali.

Purata harga minyak sawit dijangka kekal pada kira-kira RM3,000 (AS\$990) satu tan metrik bagi tahun 2013 dengan jangkaan bekalan yang terhad selepas keadaan cuaca yang tidak

menentu dan penstabilisan prospek ekonomi global. Dari sudut positif, permintaan kukuh dari pasaran baru mungkin mengimbangi kesan awal zon Euro dan krisis hutang kerajaan yang telah melemahkan permintaan bagi bahan mentah. Satu faktor penting pada tahun 2012 yang boleh berlaku ialah persaingan antara Malaysia dan Indonesia dalam menguasai bahagian pasaran. Indonesia mempunyai kelebihan awal dengan pengenalan struktur cukai baru.

Kulim menjangkakan impak positif tahun depan daripada pengambilalihan aset perladangan dari JCorp, melalui jumlah BTS, MSM dan isirong yang lebih tinggi pada 2012. Setakat ini, Kulim telah menyelesaikan pengambilalihan dua ladang dengan empat ladang lain ditambah dengan dua kilang minyak sawit dijangka siap menjelang pertengahan 2012. Kesan daripada pengambilalihan ini, pengeluaran tanaman daripada operasi Kumpulan Malaysia dijangka meningkat pada tahun 2012 dan tahun-tahun seterusnya.

Menehkankan kepentingan penyelidikan dalam menghasilkan bahan tanaman yang berkualiti tinggi, Kumpulan akan membina kompleks khusus untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D) di Malaysia, yang dijadualkan siap pada 2013 yang juga akan termasuk kemudahan penyelidikan genom. Bersama-sama dengan pengeluar utama lain, matlamat kajian adalah untuk membangun dan menggunakan alatan bioteknologi untuk menyokong dan melengkapkan penambahanbaikan tanaman dan program penyelidikan agronomi yang merangkumi pembiakan sawit, kultur tisu serta kawalan penyakit dan perosak.

Kilang minyak sawit ke 12 NBPOL telah siap di West New Britain, menambah kapasiti pemprosesan tahunan lebih daripada 300,000 tan metrik BTS, meningkatkan kapasiti dan fleksibiliti untuk memproses tanaman di West New Britain. NBPOL juga telah meningkatkan kapasiti pemprosesan di SI dari 30 hingga 45 tan metrik buah sejam.

Proses pensijilan RSPO Kulim diteruskan dan pada tahun 2011, NBPOL berjaya menyelesaikan audit di Poliamba. Kulim



mensasarkan untuk menyelesaikan kawasan selebihnya di Milne Bay dan Higaturu untuk diaudit di bawah RSPO sebagai sebahagian daripada komitmen Kulim untuk mempunyai segala unit dan rantaian bekalan disahkan sebagai mapan dan dikesan sepenuhnya menjelang akhir tahun 2012.

Laporan dan pengurangan karbon dioksida serta pelepasan gas rumah hijau yang lain kini boleh dikira dan NBPOL telah mengeluarkan laporan *Carbon Footprint* yang pertama. Oleh kerana minyak kelapa sawit adalah produk yang menyeluruh, Kulim merasakan bahawa ini terbukti akan menjadi satu lagi hujah yang meyakinkan untuk syarikat beralih kepada sawit mapan dari Kumpulan.

Untuk meneroka satu lagi aliran pendapatan pada tahun-tahun akan datang, Kulim telah memulakan pemprosesan hiliran, menghasilkan produk sampingan daripada kilang sawit seperti biomas, POME dan biogas kepada nilai tambah yang tinggi untuk menghasilkan produk akhir yang boleh menjadi pendapatan tambahan. Kumpulan menjangkakan dapat memulakan projek loji metana yang pertama di Malaysia dan dua di West New Britain pada tahun ini yang mengurangkan *Carbon Footprint* dengan ketara serta memberikan kitaran tenaga bagi operasi Kulim dan masyarakat umum.

Dengan pengambilalihan ladang milik JCorp, fokus Kumpulan seterusnya dalam sektor perladangan akan diutamakan kepada operasi di Malaysia. Pertumbuhan kukuh operasi ladang sejak tahun 1960-an telah dicapai melalui pemerolehan dan amalan pengurusan perladangan tersendiri yang menekankan penambahbaikan berterusan dalam hasil dan kecekapan kos. Sebagai peneraju utama industri minyak sawit, yang merupakan penyumbang ketiga terbesar kepada ekonomi Malaysia, Kulim melihat kepada cabaran dalam memastikan kecemerlangan pada masa depan seperti yang telah dikecapi pada masa lampau.

Kumpulan juga berazam untuk terus menerima nilai yang besar daripada pelaburan dalam NBPOL dan mempunyai keyakinan penuh dalam Lembaga Pengarah, dan pasukan pengurusan yang berpengalaman di PNG dan SI, untuk terus memberikan keputusan cemerlang.



Dengan tujuan untuk mempertimbangkan kemungkinan memulakan semula Nexsol, Kumpulan sedang bersedia untuk pengiktirafan *International Sustainability and Carbon Certification* (ISCC). Pengiktirafan itu akan menawarkan akses kepada pasaran Kesatuan Eropah (EU) dan memberikan Kulim kelebihan daya saing tambahan, dan seterusnya meningkatkan kesetiaan pelanggan dan kebolehpasaran produk-produk minyak sawit.

## SEKTOR MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN SEGERA

### TINJAUAN OPERASI

Kegawatan ekonomi antarabangsa yang melanda tidak menghalang QSR Brands Bhd (QSR) dan syarikat anaknya, KFC Holdings (Malaysia) Bhd (KFCH) untuk membuktikan tahun 2011 sebagai satu lagi tahun pencapaian cemerlang bagi Kumpulan tersebut. Dalam usahanya untuk sentiasa menerokai pasaran-pasaran sambil mengukuhkan kesetiaan pelanggan sedia ada, QSR telah meneruskan program pengembangan dan penambahbaikan imej restoran-restorannya.

Pengenalan pelbagai menu hidangan inovatif yang disusunkan kepada pelanggan sepanjang tahun ini telah mendorong mereka untuk datang berkunjung dan mencuba sesuatu yang baru.

Pada masa sama, membangun dan mengekalkan tenaga kerja berkemahiran masih menjadi keutamaan Kumpulan dengan pelaburan besar dikeluarkan bagi pelbagai bentuk latihan untuk kakitangannya. KFCH International College juga pesat berkembang pada tahun ini dengan memiliki dua kampus yang bakal menyediakan calon-calon unggul untuk memainkan peranan dalam bidang pengurusan bagi Kumpulan.

#### **Asas Yang Kukuh**

Kumpulan terus mendominasi sektor perkhidmatan makanan Malaysia pada tahun 2011. Keteguhan keputusan kewangan

telah sekali lagi menampilkan pertumbuhan yang kukuh dengan hasil dan keuntungan sebelum cukai, masing-masing mencatat peningkatan untuk tahun ketujuh berturut-turut.

Pada tahun ini, restoran-restoran Kumpulan di Malaysia telah berjaya menarik bilangan pelanggan yang semakin ramai. Ini bukan hanya berikutan hasil daya tarikan menunya yang menyelerakan atau usaha promosinya yang imaginatif, malah disumbangkan melalui suasana restoran yang semakin menarik. Di luar negara, Kumpulan terus melaksanakan strategi pengembangan rangkaianya, manakala operasi sokongan yang dijalankan turut melakar kemajuan yang membanggakan.

Sementara itu, Kumpulan telah mengeluarkan pelbagai pelaburan besar, khususnya menerusi syarikat anaknya KFCH, yang bakal menjadi landasan untuk mencapai lonjakan prestasi yang lebih tinggi pada tahun-tahun mendatang.

#### **PIZZA HUT**

##### **Pizza Hut Malaysia**

Pertambahan bilangan kedai Pizza Hut Malaysia telah menyumbang kepada lonjakan jualan sebanyak 7.4% kepada RM441.9 juta pada tahun 2011. Prestasi cemerlang pada tahun ini juga disumbangkan oleh produk-produk baru yang kreatif, tawaran promosi yang berjaya



melebihi sasaran awalnya, kempen-kempen pemasaran bersama dengan rakan-rakan kongsi korporat dan pertambahan kaedah yang boleh digunakan oleh pelanggan untuk memesan hidangan Pizza Hut.

Pizza Hut Malaysia mengakhiri tahun 2011 dengan 210 buah restoran, termasuk 12 yang baru dibuka dan penutupan tiga yang lain. Sepuluh restoran telah menjalani proses peningkatan imej pada tahun ini dan Pizza Hut Kotaraya pula kini ditutup untuk kerja-kerja menaik taraf secara besar-besaran yang akan menjadikannya restoran utama Pizza Hut.

Pada masa sama, Pizza Hut Delivery (PHD) telah memulakan perniagaannya menerusi penghantaran piza berkualiti dengan nilai hebat pada Februari 2011. Pada awalnya, PHD bermula dengan dua kedai dan kini telah berkembang dengan pesat menjadi 42 kedai khusus. Sebanyak 42 kedai PHD tersebut terdiri daripada 24 cawangan baru dibina dan 18 Pizza Hut Delco (kedai-kedai yang memfokus kepada penghantaran dan penyediaan hidangan untuk dibawa pulang) yang diubah suai. Matlamat PHD adalah untuk memenuhi keperluan pelanggan dengan memberi jaminan penghantaran dalam tempoh 30 minit, perkhidmatan penghantaran percuma dan penetapan harga bersih. Sebagai tambahan kepada 42 cawangan PHD yang sedang beroperasi pada masa ini, sekurang-kurangnya 20 kedai PHD lagi akan dibuka pada tahun depan berserta dengan penambahan dalam menu piza-piza utama.

Pada tahun pertama beroperasi, PHD telah menyumbangkan lebih RM29 juta kepada angka-angka prestasi Kumpulan bagi tahun 2011.

### **Pizza Hut Singapura**

Tahun 2011 menyaksikan Pizza Hut Singapura mencatat peningkatan hasil bersih sebanyak 9.1% kepada RM196.3 juta, RM16.4 juta lebih tinggi berbanding tahun 2010. Kejayaan ini didorong terutamanya oleh penambahbaikan menu secara strategik dan kempen promosi yang menarik.



Pizza Hut Singapura mengakhiri tahun ini dengan memiliki 55 restoran, di mana tujuh daripadanya baru dibuka dan diimbangi dengan penutupan sebuah restoran.

### **KFC HOLDINGS (MALAYSIA) BHD (KFCH)**

Pertumbuhan yang dicapai oleh Kumpulan KFCH antara tahun 2006 hingga 2010 adalah amat memberangsangkan. Dalam tempoh hanya lima tahun, bilangan restoran KFC meningkat daripada 443 kepada lebih 600 buah, di mana Kumpulan bukan sahaja berjaya mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju sektor perkhidmatan makanan Malaysia, malah turut meluaskan rangkaianya di Singapura, Brunei dan India. Di samping itu, pertambahan bilangan restoran yang mengagumkan ini turut diikuti oleh pertumbuhan hasil dan keuntungan yang konsisten dan menakjubkan.

Berlatarbelakangkan fenomena tersebut, tahun 2011 telah muncul sebagai satu lagi tahun pencapaian cemerlang bagi KFCH. Lebih-lebih lagi apabila kehebatan prestasi kewangan tersebut telah membolehkan Kumpulan meneruskan pelaburan modal besar yang akan menjamin masa depan Kumpulan bagi tahun-tahun mendatang, di samping mengekalkan asas yang kukuh sepanjang tempoh yang ditinjau.

Ringkasnya, bagi KFCH, setelah mencatat pertumbuhan mengagumkan selama lima tahun berturut-turut, tahun 2011 mencatatkan lembaran baru dalam penyatuhan bagi

## SEKTOR MAKANAN & PERKHIDMATAN RESTORAN SEGERA

Kumpulan yang telah mempersiapkannya untuk melonjak dengan lebih jauh ke hadapan pada tahun 2012 dan tahun-tahun seterusnya. Walaupun keseluruhan segmen perniagaan Kumpulan mengalami tekanan inflasi dengan kos makanan, komoditi dan tenaga yang lebih tinggi, namun KFCH telah mencatat pertumbuhan jualan yang membanggakan. Kutipan hasil bagi tahun ini adalah jumlah tertinggi dalam sejarah iaitu sebanyak RM2.79 bilion, bertambah sebanyak 11% daripada RM2.52 bilion yang dicapai pada tahun 2010.

Jumlah hasil bagi semua restoran KFC Kumpulan pada tahun 2011 meningkat sebanyak 11.5% kepada RM2.10 bilion. Hasil (termasuk jualan antara syarikat) di peringkat segmen Ternakan Ayam Bersepadan Kumpulan turut melonjak 13.8% kepada RM1.47 bilion berbanding tahun 2010.

### **KFC Malaysia**

Jumlah hasil KFC Malaysia pada tahun 2011 meningkat kepada RM1.65 bilion, naik 10.6% daripada RM1.49 bilion yang dicatat pada tahun sebelumnya.

Bagi merealisasikan komitmennya untuk menyediakan suasana dalaman restoran yang segar dan memikat kepada pelanggan, Kumpulan telah mengubahsuai 18 restorannya pada tahun ini. Pembukaan 24 restoran

baru pula telah meluaskan lagi liputan rangkaianya dan KFC juga berhasrat untuk memenuhi keperluan golongan pelanggan yang menjalani kehidupan yang sibuk dengan lebih baik menerusi penambahan bilangan restoran yang menawarkan perkhidmatan pandu lalu.

Kumpulan terus mendominasi pasaran dengan jumlah restoran sebanyak 539 buah – 455 buah di Semenanjung Malaysia dan 84 di Sabah dan Sarawak, sekaligus mengekalkan kedudukannya sebagai rangkaian restoran terbesar di Malaysia. Pada tahun 2012, 15 restoran lagi dirancang akan dibuka.

### **KFC Singapura**

Pertumbuhan ekonomi Singapura, khususnya pada awal tahun 2011, serta pertambahan bilangan restoran telah membolehkan KFC Singapura mencatat rekod hasil jualan tertinggi sebanyak RM409.1 juta, meningkat RM40.5 juta (atau 11%) berbanding tahun 2010.

Jumlah restoran di bawah KFC Singapura pada akhir tahun 2011 adalah sebanyak 80 buah, termasuk enam yang baru dibuka atau dipindahkan dan penutupan tiga restoran.

### **KFC Brunei**

KFC Brunei menambah bilangan restorannya daripada sembilan kepada 12 pada tahun 2011 dengan jumlah kutipan hasil melonjak sebanyak 25% kepada RM20.5 juta.

Rancangan pengembangan bagi tahun 2012 meliputi pembukaan dua buah restoran gabungan baharu, dua kaunter pandu lalu dan peningkatan imej bagi KFC Barakas.

### **KFC Kemboja**

Sekali lagi KFC Kemboja telah mengatasi prestasinya yang lepas dengan menjana jualan sebanyak RM12.5 juta pada tahun 2011, meningkat 9.5% berbanding RM11.4 juta hasil yang dikutip pada tahun 2010. Operasi KFC di Kemboja telah berhadapan dengan beberapa cabaran pada tahun 2011, termasuk peningkatan kos ayam, kos elektrik dan bahan api yang tinggi, kadar cukai ke atas bahan makanan tersedia yang





tinggi dan kekurangan tenaga kerja mahir. Bagaimanapun, pasukan KFC Kemboja telah merumus jadual promosi, perayaan, peraduan dan konsert yang padat untuk menarik pelanggan ke KFC. Lebih Nilai, Lebih Berpelbagai, Lebih Pilihan adalah mesej strategik pada tahun tersebut, dan ia telah terbukti berjaya.

#### KFC India

Pada tahun kedua operasinya, KFC India melaporkan peningkatan kutipan hasil yang membanggakan kepada RM19.8 juta berbanding jualan sebanyak RM13.6 juta pada tahun 2010.

KFC India kini memiliki 16 restoran, di mana tiga daripadanya dibuka pada awal tahun 2012.

#### RASAMAS & KEDAI AYAMAS

RasaMas telah mengurangkan jumlah cawangannya di Malaysia dan Brunei daripada 42 kepada 27 buah pada tahun 2011. Berikutan pengurangan bilangan kedai yang sedang beroperasi, jumlah jualan pada tahun 2011 telah mengalami penurunan sebanyak 23% kepada RM19 juta berbanding tahun 2010.

Bagaimanapun, jumlah hasil jualan oleh Kedai Ayamas mencatat lonjakan yang ketara sebanyak 41.1% kepada RM77.7 juta dengan penambahan sebanyak RM743,000 lagi yang disumbangkan oleh Kedai Ayamas (Sabah) baru kepada aliran hasil pada tahun

2011. Bilangan cawangan Kedai Ayamas telah meningkat daripada 49 buah pada permulaan tahun 2011 kepada 75 buah menjelang akhir tahun yang sama.

#### OPERASI AYAM BERSEPADU & SOKONGAN

Tahun 2011 merupakan satu lagi tahun pertumbuhan bagi Operasi Ayam Bersepadu & Sokongan. Kutipan hasil termasuk jualan antara syarikat meningkat sebanyak 13.8% kepada RM1.47 bilion berbanding tahun 2010.

Peningkatan sebanyak 8.5% berbanding tahun 2010 tersebut banyak disumbangkan oleh kilang-kilang pemprosesan Ayamas Food Corporation Sdn Bhd (AFCSB). Rangkaian restoran dan kedai KFC, RasaMas dan Kedai Ayamas yang semakin berkembang terus meningkatkan jumlah pesanan, justeru, melonjakkan angka-jumlah jualan secara dalaman.

Operasi Kilang Makanan Ternakan mencatat kemajuan yang menggalakkan pada tahun lepas. Hasil bagi tahun 2011 meningkat 8.6% kepada RM208 juta. Pengeluaran ayam daging yang diperingkatkan untuk memenuhi keperluan ayam oleh Kumpulan membawa kepada pertambahan makanan ternakan yang dikeluarkan kepada 137,000 tan metrik, naik 1,000 tan metrik berbanding pengeluaran tahun lepas. Oleh kerana keperluan ayam daging bagi tahun 2012 dianggarkan tinggi, maka makanan ternakan yang dihasilkan juga dijangka akan bertambah meningkat.

## SEKTOR MAKANAN &amp; PERKHIDMATAN RESTORAN SEGERA



KFC Marketing Sdn Bhd (KFC Marketing) telah diperbadankan pada tahun 2001 sebagai satu saluran jualan, pemasaran dan perdagangan bagi KFCH dan pasaran luaran, baik di dalam maupun di peringkat antarabangsa. Dengan wawasan untuk muncul sebagai pengedar pilihan bagi jenama-jenama halal berkualiti unggul, syarikat anak itu telah menampilkan prestasi cemerlang pada tahun 2011 dengan peningkatan jualan sebanyak 23.3% ke paras RM273.1 juta. Jualan kepada pasaran terbuka domestik telah mencatat peningkatan, manakala jualan pasaran terbuka eksport turut melonjak kepada RM15.9 juta pada tahun 2011.

Di samping produk-produk Kumpulan, KFC Marketing turut mengedarkan jenama-jenama antarabangsa pihak ketiga seperti Simplot, Divella, Mission, Kewpie dan Leggo's. Pelantikan Datuk Redzuawan bin Ismail, atau lebih dikenali sebagai Chef Wan, sebagai duta bagi KFC Marketing juga berperanan mengukuhkan lagi kedudukan syarikat tersebut.

**KFCH INTERNATIONAL COLLEGE**

KFCH International College kini mempunyai dua kampus iaitu di Puchong dan Johor Bahru. Pada tahun ini, kolej tersebut

telah mencatat hasil berjumlah RM4.3 juta daripada program diplomanya dan sebanyak RM325,675 lagi daripada kursus jangka pendek.

Pada tahun 2011, Kumpulan telah membeli sebidang tanah seluas 4.5 hektar di perbandaran Bandar Dato' Onn di Johor untuk kampus kedua Kolej tersebut. Kampus Johor yang terletak di Wilayah Pembangunan Iskandar akan dibangunkan dalam beberapa fasa dan bakal disiapkan pada tahun 2017, dan pada masa itu jumlah pengambilan pelajarnya adalah seramai 12,000 orang setahun. Penyiapan fasa pertama pembangunan kampus Bandar Dato' Onn pada Mac 2011 dan kerja-kerja menaiktaraf kemudahan kampus di Puchong telah menelan kos pelaburan berjumlah RM25 juta. Hasilnya, kedua-dua kampus berkenaan kini dapat menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif kepada pelajar, dengan kemudahan pengajaran dan pembelajaran serba canggih, termasuk makmal-makmal dapur, sebuah dapur demonstrasi, sebuah makmal pastri, sebuah makmal cerapan, sebuah makmal komputer, sebuah makmal Bahasa Inggeris, sebuah perpustakaan moden dan sebuah auditorium.

Sehingga Disember 2011, jumlah kemasukan ke kampus Puchong dan Johor adalah seramai 681 pelajar. Wawasan Kumpulan bagi KFCH International College adalah menjadi sebuah institusi pengajian Malaysia bertaraf perdana yang mengkhusus dalam industri perkhidmatan hospitaliti dan makanan, terutama dalam bidang pengurusan restoran, seni kulinari, pengurusan hotel, pengurusan pelancongan dan pengurusan acara.

Kolej berkenaan juga telah memperolehi akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi kursus Diploma Pentadbiran Perniagaan, Diploma Teknologi Maklumat dan Diploma Pengurusan Hotel, termasuk akreditasi bersyarat bagi kursus Diploma Pengurusan Restoran, Diploma Seni Kulinari, Diploma Pengurusan Acara dan Diploma Pengurusan Pelancongan yang ditawarkannya. Kolej tersebut kini sedang bersiap sedia untuk dokumentasi MQA bagi

dua program tambahan iaitu Diploma Sains & Teknologi Makanan dan Diploma Halal Toyibban & Keselamatan Makanan.

Pada masa depan, kolej tersebut akan berperanan sebagai sebuah platform yang amat penting dalam penyediaan sumber tenaga kerja berkemahiran yang boleh dipercayai kepada Kumpulan.

### PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Kumpulan mengakui bahawa anggota pekerja adalah antara faktor paling utama yang menyumbang kepada kejayaan berterusannya. Dengan perspektif organisasi yang menyeluruh, Kumpulan berusaha untuk mengambil, membangun dan mengekalkan anggota pekerja yang berkaliber. Kumpulan kini memiliki seramai 31,000 anggota pekerja.

Pada tahun 2011, Kumpulan melabur sebanyak RM7.2 juta dalam program latihan dan pembangunan. Jumlah tersebut bersamaan dengan 5.25% daripada keseluruhan imbuhan pekerja, sekaligus memaparkan betapa pentingnya latihan kepada berkenaan. Secara purata, anggota pekerja sepenuh masa Kumpulan menerima 67 jam latihan pada tahun 2011, dan hampir 8,000 anggota pekerja telah mengambil bahagian dalam pelbagai program latihan. Di samping itu, 40 pelajar juga telah menerima penajaan dalam pengajian kursus-kursus diploma sepenuh masa di kedua-dua kampus KFCH International College dan 23 orang lagi dalam pelbagai program sambilan yang ditawarkan oleh institusi-institusi lain.

### KOMITMEN HALAL

Kumpulan memberi jaminan pematuhan halal sepenuhnya dalam semua pasaran Kumpulan. Setiap aspek proses perkilangan makanan, termasuk pemerolehan bahan mentah, penyediaan, pembungkusan, penyimpanan dan peralatan mematuhi kawalan yang ketat. Kumpulan memberi perhatian yang teliti kepada sebarang produk yang diperolehi daripada pembekal



asing dengan mensyaratkan mereka disahkan halal di negara pengeluar sumber mereka dan hanya menerima pensijilan-pensijilan yang diiktiraf oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

### MEMACU KE HADAPAN

Kumpulan mengakui bahawa, walaupun sektor makanan secara umumnya kekal ampuh, ia masih akan berhadapan dengan peningkatan kenaikan kos pada tahun 2012. Oleh kerana paras keuntungan dijangka akan mengecil, Kumpulan bermatlamat untuk mengekalkan pertumbuhan melalui aktiviti pemasaran secara agresif untuk menarik pelanggan baru dan berulang. Untuk menangani peningkatan kos, Kumpulan akan terus berusaha mencapai kecekapan dan produktiviti optimum di seluruh unit perniagaan. Ia juga akan merumus produk-produk baru yang menarik dan mengadakan pelancaran berserta promosi yang menawarkan nilai tinggi kepada pelanggan. Pada masa sama, ia akan melabur dalam kemudahan dan latihan untuk mempertingkatkan pengalaman pelanggan. Melangkah ke hadapan, Kumpulan yakin akan mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi pada tahun 2012, baik di dalam maupun di luar negara.

## SEKTOR PRISIHATIN

Setiap kedatangan tahun baru membawa peluang dan harapan yang menjanjikan pulangan yang memberangsangkan. Untuk KPJ Healthcare Berhad (KPJ), 2011 adalah tahun yang penuh bermakna dalam pelbagai bidang. Satu daripadanya adalah sambutan ulang tahun yang ke 30 penubuhan KPJ dan ia juga merupakan tahun mana kami banyak mencapai kejayaan cemerlang.

KPJ kini mempunyai lebih dari 20 rangkaian hospital pakar di Malaysia, dua hospital di Indonesia serta mempunyai beberapa subsidiari yang terlibat dalam Perkhidmatan Kesihatan Bersekutu dan juga KPJ International College of Nursing and Health Sciences (KPJINC). KPJ juga telah mengambil alih resort persaraan Jeta Gardens di Brisbane, Australia. KPJ disokong penuh oleh pasukan 860 pakar perubatan dan 8992 pekerja, dimana kira-kira 400 adalah pengurus dan separuh daripada mereka pula adalah eksekutif yang bertanggungjawab ke atas pelbagai perkhidmatan di hospital KPJ.

Sumbangan dari Pusat Perubatan Pakar Sibu yang baru menyertai Kumpulan KPJ juga

membantu PKJ mencatat perolehan yang tinggi serta peningkatan prestasi hospital di Indonesia. RS Bumi Serpong Damai (RSBSD), yang sedang menjalani tempoh kematangan, telah menunjukkan peningkatan ketara berbanding tahun sebelumnya.

Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa hospital RSBSD yang baru dibuka pada tahun 2010, telah mencatat peningkatan yang ketara dalam bilangan pesakit. Prestasi RSBSD telah melonjakkan peningkatan keseluruhan segmen perniagaan di Indonesia sebanyak 313% kepada RM11.65 juta. KPJ menjangkakan sektor ini berkembang dengan lebih ketara pada masa depan.



### Meluaskan Rangkaian KPJ

Secara keseluruhan, semua 20 hospital KPJ di Malaysia terus merekodkan perkembangan pendapatan yang positif, dengan beberapa hospital mencatat pertumbuhan dua angka yang kukuh. Ini disebabkan oleh peningkatan dalam kapasiti, pemasangan peralatan baru, dan pengenalan perkhidmatan baru berserta dengan pelantikan Perunding Pakar Perubatan yang baru menyertai Kumpulan KPJ. KPJ juga telah memulakan pemasaran yang lebih agresif dan usaha promosi di dalam dan luar negara.

Di peringkat tempatan, KPJ dengan bangganya telah menerima penghormatan apabila Menteri Besar Pahang, Dato' Sri DiRaja Adnan Yaakob telah sudi untuk merasmikan majlis pecah tanah Hospital Pakar KPJ Pahang pada 30 Jun 2011. Pembangunan hospital baru berkapasiti 100 katil berlokasi di Tanjung Lumpur, Kuantan, Pahang itu adalah projek usaha sama dengan Pasdec Holdings Berhad dan ia telah bermula pada tahun 2012.

KPJ telah menyahut cabaran untuk meneroka dan meletakkan bendera pertama di negeri paling utara di Semenanjung Malaysia. KPJ akan menujuhkan hospital pakar swasta yang pertama di Negeri Perlis. Ia adalah peristiwa bersejarah yang tidak dapat dilupakan apabila Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Dr. Md Isa Bin Sabu bersetuju untuk merasmikan majlis pecah tanah Hospital Pakar Perlis di Pengkalan Asam, Mukim Seriab di Kangar.

Usaha KPJ untuk memastikan pertumbuhan yang mapan membawa KPJ ke negara seberang iaitu Australia. KPJ telah mengenal pasti resort persaraan Jeta Gardens Resort sebagai bisnes yang berdaya maju dan segmen yang menawarkan potensi pertumbuhan yang besar memandangkan wujudnya peningkatan bilangan penduduk warga emas yang semakin bertambah.

KPJ merasakan ianya adalah perubahan positif yang mengorak satu langkah dan membuka peluang lebih banyak bagi KPJ untuk mengembangkan sayapnya di



Australia. Ia juga sebagai merintis jalan dalam segmen penjagaan geriatrik di Malaysia dengan model kehidupan moden untuk generasi Baby Boomers yang bakal menempuh generasi warga emas.

KPJ telah mengumumkan lima projek hospital di bawah Program Transformasi Ekonomi. Ianya adalah Hospital Pakar KPJ Klang, Hospital Pakar Pasir Gudang, Pusat Perubatan Sabah, Hospital Pakar Bandar Dato' Onn Antarabangsa dan Hospital Pakar KPJ Pahang.

KPJ Klang Specialist Hospital di Bandar Baru Klang, Selangor yang hampir siap dijangka akan beroperasi dalam pertengahan tahun 2012, manakala Hospital Pakar Pasir Gudang dijadualkan siap menjelang akhir tahun 2012 bersama-sama dengan Pusat Perubatan Sabah di Kota Kinabalu, Sabah.

Hospital Pakar Bandar Dato' Onn yang mempunyai 390 katil terletak di perbandaran Bandar Dato' Onn Johor bakal menawarkan enam pusat kecemerlangan dengan kemudahan terkini yang canggih.

### Transformasi melalui Inovasi

KPJ akan menerapkan inisiatif dan inovasi di setiap tahap perkhidmatan untuk terus berada di hadapan sebagai penyedia perkhidmatan kesihatan swasta yang terbesar di negara ini. KPJ telah menjalani transformasi di dalam organisasi, menjadi dinamik dan

## SEKTOR PRISIHATIN

fleksibel dalam menyesuaikan diri dengan perubahan dan juga dengan permintaan pelanggan yang sentiasa berubah. KPJ sentiasa memperbaiki dan memperingkatkan cara-cara untuk mencapai matlamat yang maksimum untuk Kumpulan. Ini memerlukan proses kecekapan dalam pengurusan melalui proses pengurusan berkualiti dan cekap serta pelancaran sistem maklumat klinikal yang bersepadu untuk meningkatkan komunikasi, kecekapan dan produktiviti.

Beberapa hospital KPJ, termasuk Hospital Pakar KPJ Tawakkal dan Hospital Pakar KPJ Selangor, telah menjalankan proses *Lean Management* untuk memperbaiki proses dalam operasi mereka dan ini telah menunjukkan hasil yang sangat positif.

KPJ masih mengekalkan matlamat utama untuk menyediakan penjagaan yang selamat dan perkhidmatan yang cemerlang kepada para pelanggan.

Komitmen KPJ adalah menyediakan penjagaan yang selamat. Ia dapat dilihat dalam rangka kerja klinikal dan pemprosesan seperti Kumpulan Penasihat Perubatan, Hospital Penasihat Perubatan, dan lain-lain jawatankuasa klinikal yang mentadbir amalan klinikal di hospital kami. Selain mematuhi dasar dan amalan yang digariskan dalam Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dan peraturan-peraturan lain yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan.

**Penjagaan Kesihatan Berkualiti**

Komitmen KPJ terhadap penambahbaikan yang berterusan telah diterap kepada 11 buah hospital yang telah diakreditasi oleh MSQH, dengan Hospital Pakar KPJ Tawakkal merupakan hospital yang terbaru menerima sijil pada tahun 2011, dan dua hospital lagi telah dijadualkan untuk menjalani kajian pada tahun 2012. Hospital Pakar KPJ Ampang Puteri dan Hospital Pakar KPJ Seremban yang juga telah mendapat akreditasi daripada MSQH telah melaksanakan akreditasi kaji selidik JCI pada tahun 2012.

**Memaksimumkan Penggunaan Teknologi Maklumat**

Penggunaan dan aplikasi teknologi maklumat kesihatan di hospital-hospital KPJ telah membantu untuk mengurangkan kesilapan dan juga telah membawa kepada penyelarasan dan kecekapan yang lebih tinggi.

Sejak tahun 1996, hospital KPJ telah memanfaatkan kelebihan teknologi maklumat melalui Sistem Teknologi Maklumat Hospital (HITS) dan sentiasa memperbaiki sistem bagi memenuhi keperluan persekitaran hospital dan penjagaan kesihatan.

Sebahagian daripada rancangan transformasi melalui inovasi, kami mahu memanfaatkan rangkaian teknologi maklumat bersepadu sebagai penggerak penting bagi hospital-hospital KPJ untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanannya. Ini boleh dicapai melalui peningkatan infrastruktur teknologi maklumat dan integrasi sistem maklumat penjagaan kesihatan menjadi lebih lancar disamping peningkatan dalam keupayaan pengguna.



Menjelang 2010, semua 20 hospital KPJ telah melaksanakan sistem HITS dan ia telah membantu hospital mencapai kecekapan yang lebih baik.

Menyedari akan kelebihan dan kecekapan yang boleh diperolehi melalui penggunaan teknologi maklumat, KPJ telah membangunkan sistem baru bagi melengkapkan maklumat yang sedia ada, termasuk Sistem Maklumat Enterprise (EIS) untuk memantau perkembangan operasi dan untuk analisis dan membuat perancangan strategik. Baru-baru ini, Sistem Maklumat Klinikal KPJ (KCIS) yang menyokong kemasukan data elektronik yang boleh dilihat oleh seluruh hospital, serta Komunikasi Gambar Arkib Sistem (PACS), di mana imej diagnostik dan laporan boleh dihantar secara digital.

Pelancaran KCIS, yang akan disepadukan dengan HITS dan sistem PACS yang sudah pun berada di kebanyakan hospital KPJ, akan dilakukan secara berperingkat bermula dengan perkhidmatan pesakit luar sebelum ia dilaksanakan bagi perkhidmatan pesakit dalam.

Pada akhir tahun 2011, KCIS telah dilaksanakan secara berperingkat di Hospital Pakar KPJ Pulau Pinang, Hospital Pakar KPJ Tawakkal, Hospital Pakar KPJ Johor, Hospital Pakar KPJ Damansara, Hospital Pakar KPJ Ampang Puteri, dan KPJ merancang untuk memperkenalkannya kepada enam hospital lagi pada tahun 2012.

Pencapaian keseluruhan inisiatif ini adalah untuk meningkatkan mutu kesihatan yang lebih baik, risiko rendah daripada melakukan kesilapan, penambahbaikan dalam penglibatan pesakit seperti masa menunggu, di samping dapat memelihara alam sekitar dengan mengurangkan pembaziran dan penggunaan bahan kimia.

### Anggota Pekerja KPJ

Perhatian yang signifikan akan dikekalkan untuk pembangunan anggota pekerja yang mana merupakan aset terbesar syarikat melalui kepimpinan transformasi untuk meningkatkan motivasi, semangat dan prestasi pasukan melalui semangat identiti kolektif dan sejarah dengan misi Kumpulan.



Dengan kepimpinan sebagai model, ianya memberi inspirasi dan mencabar mereka untuk mengambil tanggungjawab lebih besar dalam kerja mereka.

Satu asas kejayaan KPJ adalah yang bekerja di hospitalnya yang mendedikasikan hidup mereka untuk kesejahteraan pesakit. KPJ mengenal pasti kepentingan yang diperlukan oleh anggota pekerja dan meneruskan pembangunan modal insan di dalam Kumpulan melalui usaha untuk mewujudkan tempat kerja yang kondusif.

Kini, KPJ disokong penuh oleh 8,992 anggota pekerja yang terdiri dari 400 pengurus dan eksekutif untuk membangun dan mentadbir pelbagai perkhidmatan,

Sebagai majikan yang adil, KPJ menyediakan pelbagai peluang untuk pekerja bagi memperbaiki diri mereka sendiri dan juga merebut jawatan yang mempunyai tanggungjawab yang lebih tinggi berdasarkan kebolehan dan prestasi mereka.

Pembelajaran dan peluang untuk memajukan kerjaya adalah antara sebab yang banyak menyokong pertumbuhan bakat dan kemahiran di KPJ, disamping inisiatif untuk meningkatkan penglibatan pekerja dan juga usaha untuk meningkatkan kemampuan tempat kerja.

## SEKTOR PRISIHATIN



Selama ini, KPJ telah melihat peningkatan pesat dalam bilangan pekerja di dalam Kumpulan sebagaimana KPJ terus mengembangkan perkhidmatannya di seluruh negara dengan pertumbuhan beberapa rangkaian hospital, dan bilangan hospital ini akan terus berkembang pada masa hadapan.

Sementara itu, KPJ terus membangun untuk mencapai kecemerlangan serta memupuk amalan dan budaya kerja yang baik di kalangan ahli pasukannya dengan menentukan keutamaan KPJ melalui nilai-nilai teras iaitu Keselamatan, Kesopanan, Integriti, profesionalism dan peningkatan yang berterusan.

KPJ menggalakkan mereka untuk bersatu dan mengukuhkan semangat kerja berpasukan dan pada masa sama meningkatkan kemahiran dan pengetahuan melalui pelbagai peluang pembelajaran dalam usaha untuk memberi khidmat yang terbaik kepada pesakit dengan kebolehan yang mereka ada.

Tahun 2011 juga mencatat detik bersejarah bagi KPJ dan Unit Pendidikan KPJ International University College of Nursing and Health Sciences (KPJIUC) apabila Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi telah menganugerahkan sijil status Kolej Universiti kepada Kumpulan KPJ pada 25 Julai 2011 dan seterusnya memberi kelulusan KPJIUC untuk menubuhkan sebuah Sekolah Perubatan.

**'AI-'AQAR KPJ REIT**

Sasaran KPJ untuk menambah dua rangkaian hospital sama ada pembangunan baru atau pengambilalihan tetap menjadi landasan KPJ berdasarkan pelan pembangunan yang telah digariskan untuk beberapa tahun akan datang.

Al-'Aqar Healthcare REIT akan terus memainkan peranan penting bagi memudahkan perkembangan KPJ, dengan membolehkan KPJ untuk membuka nilai dan aliran tunai yang bebas untuk perkembangan seterusnya. Sejak pelancaran REIT, KPJ telah menyuntik aset bernilai lebih RM1 bilion ke dalam REIT. Ia membolehkan KPJ untuk mengurangkan pinjaman dan faedah serta mengembangkan dana.

**AL-'AQAR HEALTHCARE REIT PERTUMBUHAN BERTERUSAN**

Al-'Aqar telah disenaraikan di Papan Utama Bursa Securities pada 10 Ogos 2006 sebagai Healthcare REIT Islam yang pertama yang diwujudkan di bawah Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti berkenaan Dana Pelaburan Hartanah dan Amanah Pelaburan Hartanah Islam. Al-'Aqar juga merupakan Healthcare REIT berlandaskan Syariah yang pertama disenaraikan di dunia.

Sejak itu, bilangan harta tanah telah meningkat daripada enam aset kepada 24 aset dengan tumpuan utama diberikan kepada harta tanah berkaitan penjagaan kesihatan seperti hospital, kolej kejururawatan, fasiliti persaraan dan warga emas. Nilai harta tanah Al-'Aqar kini telah meningkat tiga kali ganda daripada RM486 juta pada tahun 2006 kepada RM1.36 bilion pada tahun 2011.

Strategi pengambilalihan telah menjadi pemangkin utama bagi Al-'Aqar, kerana ia menawarkan pertambahan hasil, kekuatan pada pendapatan serta kompetitif, kepelbagaiannya geografi, peningkatan kecairan dan skala ekonomi kepada pemegang unit. Lanjutnya, pengambilalihan ini terbukti sebagai hasil dan pertumbuhan berterusan melalui portfolio yang meningkat dengan kadar pengisian yang maksimum, seterusnya pendapatan sewa yang meningkat sebanyak 150% dari tahun 2006 dengan jumlah RM13.3 juta kepada RM84.5 juta pada 31 Disember 2011.

## MERENTASI SEMPADAN

Usaha Al-'Aqar dalam pemerolehan harta di luar negara bermula pada tahun 2010. Pada Julai 2011, Al-'Aqar selesai mengambilalih Rumah Sakit Bumi Serpong Damai dan Rumah Sakit Medika Permata Hijau, kedua-duanya terletak di Jakarta, Indonesia. Al-'Aqar mencipta satu lagi peristiwa penting apabila berjaya memiliki Jeta Gardens di Australia pada November 2011. Dengan jumlah pelaburan permulaan sebanyak RM200 juta ia akan bertindak sebagai 'pintu masuk' yang akan membawa kepada perkembangan selanjutnya dan peluang pelaburan yang lebih besar.

Keunikan Al-'Aqar sebagai Healthcare REIT boleh dijelaskan dalam proses pengambilalihan yang mana bagi aset Indonesia dan Australia, kesemua harta tanah yang telah diperolehi melalui kemudahan pembiayaan secara Islam telah diatur dan ditetapkan dari Malaysia.

Bagi tahun yang dirujuk, hanya Bangunan Hospital Pakar Bandar Baru Klang di Klang yang masih belum siap sepenuhnya,

manakala pengambilalihan bagi Bangunan Hospital Pakar Kluang Utama di Kluang, Johor telah berjaya diperolehi pada 6 Januari 2012.

Pengambilalihan telah menjadikan pertambahan bilangan harta tanah Al-'Aqar, daripada 20 kepada 24 buah iaitu Bangunan Hospital Pakar KPJ Seremban, Bangunan Hospital Pakar KPJ Tawakkal, Bangunan Pusat Perubatan Taiping, Bangunan Hospital Pakar Damai, Bangunan Hospital Pakar Bukit Mertajam, Bangunan Sedia Ada Tawakal, Bangunan Hospital Pakar KPJ Pulau Pinang



## SEKTOR PRISIHATIN



dan dua hartaanah lain yang tidak langsung dikelaskan sebagai bangunan hospital lagi namun memberikan sokongan yang kukuh kepada industri pelancongan kesihatan iaitu Menara dan Hotel Selesa, yang keduaduanya menempatkan Kolej Kejururawatan Antarabangsa dan Sains Kesihatan KPJ (KPJIC) cawangan Selatan, institusi latihan kejururawatan dan kesihatan bagi KPJ Healthcare Berhad. Hartanah ini telah berjaya disuntik melalui pengambilalihan ketiga dan telah lengkap dimiliki pada tahun 2010.

Hartaanah awal terdiri daripada Bangunan Hospital Pakar KPJ Ampang Puteri, Bangunan Hospital Pakar KPJ Damansara, Bangunan Hospital Pakar KPJ Johor, Bangunan Hospital Pakar KPJ Ipoh, Bangunan Hospital Pakar KPJ Selangor dan Bangunan Hospital Pakar Puteri dan semua dimiliki melalui suntikan pertama pada tahun 2006.

Lanjutan daripada pengambilalihan pertama, dana amanah telah diperkuuhkan lagi dengan lebih banyak hartaanah dengan suntikan lima (5) hospital di tahun 2008, menjadikan jumlah hartaanah kepada 11 hartaanah iaitu Bangunan Hospital Pakar KPJ Perdana, Bangunan Hospital Pakar Kuantan,

Bangunan Pusat Perubatan Selangor, Bangunan Hospital Pakar KPJ Kajang dan Bangunan Pusat Perubatan Kedah.

#### TINJAUAN PRESTASI KEWANGAN

Al-'Aqar terus meningkatkan modal bermula dari tawaran awal awam unit yang sama, yang telah dilancarkan pada tahun 2006. Al-'Aqar telah meningkatkan penambahan sebanyak 59,418,468 unit yang membawa kepada jumlah kini iaitu 639,585,468 unit yang disenaraikan pada 2 Disember 2011. Permodalan pasaran Al-'Aqar meningkat kepada RM736 juta daripada RM320 juta pada tahun 2006, peningkatan sebanyak 130% sejak penubuhannya.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, Kumpulan Al-'Aqar mencatatkan pendapatan sebanyak RM79.1 juta berbanding RM69 juta pada tahun 2010. Keuntungan memberangsangkan sebanyak RM46.4 juta, meningkat sebanyak 10% lebih tinggi berbanding tahun 2010 sebanyak RM42.2 juta. Pengagihan Al-'Aqar yang mapan dan stabil seunit (DPU) pada jumlah sebanyak 7.69 sen seunit.

Sumbangan tambahan kepada perolehan Al-'Aqar telah diperolehi daripada penilaian semula harta tanah mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan 140 (FRS 140) yang memerlukan penilaian semula tahunan harta tanah. Penilaian semula telah diumumkan pada 31 Disember 2011 dan telah meningkatkan nilai harta tanah 23 aset sebanyak RM39 juta, pada masa yang sama meningkatkan jumlah nilai pasaran Al-'Aqar sebanyak 3% kepada RM1.36 bilion.

Al-'Aqar Capital Sdn Bhd, syarikat anak milik penuh Al-'Aqar mengekalkan menerima penilaian yang menggalakkan iaitu AAA, AA2 dan AAA (bg) dari Agensi Penarafan Malaysia bertauliah, Rating Agency Malaysia melalui penerbitan sehingga RM300 juta dalam nilai nominal Kertas Komersial Ijarah (ICP) dan/atau Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) di bawah Program Sukuk Ijarah. Ini membolehkan Al-'Aqar untuk mengekalkan portfolio perkembangan melalui kos paling rendah yang digunakan dalam pinjaman sedia ada atau untuk membiayai sebahagian daripada pengambilalihan.

## AL-'AQAR HEALTHCARE REIT MENEMPA SEJARAH

Sebagai pengiktirafan kepada statusnya sebagai REIT Islam yang pertama disenaraikan di dunia, Al-'Aqar melalui syarikat anak sepenuhnya, Al-'Aqar Capital Sdn Bhd telah dianugerahkan Deal of the Year Awards in the Real Estate Deal of the Year Category oleh Islamic Finance News (IFN) pada 2009. Terdahulu, Al-'Aqar telah memenangi anugerah yang sama bagi kategori REIT Islam Pertama. Tambahan, bagi tahun kewangan berakhir 2009, Al-'Aqar telah memenangi RAM League Awards 2009, RAM Award of Distinction 2008, Blueprint Awards, New Real Estate Benchmark Deal category.

Al-'Aqar sebagai Healthcare REIT Islam yang pertama di Malaysia telah memenangi Anugerah Kewangan Islam, Kategori Urus Niaga Paling Inovatif oleh Euromoney, majalah terkemuka industri serta permodalan yang memfokuskan kepada pasaran perbankan profesional di seluruh dunia. Anugerah yang diterima adalah pengiktirafan ke atas penerbitan sebanyak RM300 Program Sukuk Ijarah oleh Al'Aqar Capital Sdn Bhd.



## SEKTOR HOSPITALITI

Sektor Hospitaliti Johor Corporation (JCorp) mulai tahun 2011 telah diletakkan di bawah JCorp Hotels And Resorts Sdn Bhd (JHRSB) yang dahulunya dikenali sebagai Kumpulan Penambang (Johor) Sdn Bhd.

Nama baru syarikat ini lebih melambangkan bisnes sebenar syarikat iaitu penglibatan dalam bisnes perhotelan, resort, pusat konvensyen serta aktiviti berkaitan dengan pelancongan.

Bagi tujuan promosi, publisiti dan penjenamaan maka satu ruang bagi mempamerkan semua harta tanah di bawah naungan JHRSB disediakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail di Senai yang juga merupakan pintu masuk laluan udara ke selatan Malaysia.

Penubuhan JHRSB juga melambangkan komitmen JCorp dalam bisnes hospitaliti dan bersedia memainkan peranan aktif dalam perubahan industri pelancongan negeri Johor yang semakin rancak dan pesat membangun.



### HARTANAH

The Puteri Pacific Johor Bahru ialah hotel bertaraf 5 bintang dan terletak di lokasi yang strategik di tengah Bandaraya Johor Bahru. Persada Johor International Convention Centre pula merupakan pusat konvensyen pertama di Johor. Bagi mempromosikan pusat konvensyen ini, JHRSB telah menjadi ahli Persatuan Kongres dan Konvensyen Antarabangsa (ICCA) serta Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (MyCEB).

Bagi meningkatkan lagi imej dan prestasi The Puteri Pacific Johor Bahru, harta tanah ini akan dinaiktaraf tidak lama lagi dengan anggaran kos lebih RM40 juta.

Sibu Island Resort yang terletak di Pulau Sibu Tengah di perairan Tanjung Leman, Mersing pula telah mendapat status lokasi latihan yang diperakuan oleh Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF) berterusan kolaborasi dengan banyak badan yang menganjurkan program bagi memanfaatkan pelbagai kemudahan latihan yang sedia ada.

Terdapat tiga rangkaian hotel di bawah jenama Selesa iaitu Hotel Selesa Johor Bahru, Hotel Selesa Pasir Gudang dan Selesa Beach Resort Port Dickson. Hotel Selesa Pasir Gudang telah menjadi hotel rasmi Festival Layang-Layang Antarabangsa selama hampir dua dekad. Selesa Beach Resort Port Dickson pula dikenali dengan rekabentuk unik khususnya bumbung yang diilhamkan berdasarkan rekabentuk bumbung rumah masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan. Bagaimanapun, hotel ini telah dicadangkan untuk dijual dalam masa yang terdekat ini.

## SEKTOR HARTANAH

Johor Land Berhad (JLand) merupakan pemaju harta tanah berjaya yang pernah disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia Securities Berhad sehingga tahun 2009, menerajui Sektor Hartanah Johor Corporation (JCorp) dalam pembangunan kediaman dan komersil serta mempunyai rekod pencapaian yang kukuh dalam membangunkan komuniti yang berkembang di Johor sejak tahun 1972.

Antara pencapaian utamanya adalah pembangunan kediaman perjurian di Perbandaran Pasir Gudang.

Komitmen jangka panjang JLand untuk pembangunan yang berterusan dan keupayaannya bertindak balas terhadap keperluan pasaran tempatan menjadikan JLand sebuah pemaju harta tanah yang terutama di Johor. Komitmen dan keupayaan ini tercapai melalui kefahaman terhadap kehendak pemilik kediaman untuk kualiti dan fungsi kediaman. Kejayaan JLand adalah dalam memberi pulangan nilai wang dan potensi peningkatan nilai aset kepada pelanggan-pelanggan kami.

Syarikat kini mempunyai lebih dari 1,214 hektar simpanan tanah utama di Johor. Dalam

usahaanya untuk menjadi syarikat harta tanah yang unggul di negara ini, JLand akan terus meneroka usahasama bisnes dan pasaran baru serta mengembangkan portfolio bisnes ke seluruh Malaysia dan rantau ini. JLand bersedia untuk membangunkan tanah-tanah yang berdaya maju di luar kawasan operasi sedia ada dan untuk melibatkan diri dalam mengambil alih, membangun dan memiliki pelaburan harta tanahnya sendiri.

### PRESTASI KEWANGAN

JLand mencatatkan pertumbuhan yang cemerlang bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011 dengan peningkatan perolehan sebanyak 36% kepada RM187 juta daripada RM137 juta bagi tahun sebelumnya.



## SEKTOR HARTANAH

Peningkatan prestasi ini hasil daripada jualan dan tuntutan kemajuan kerja yang lebih tinggi daripada projek harta tanah kami. Justeru itu, keuntungan sebelum cukai meningkat kepada RM65 juta bagi tahun 2011 berbanding keuntungan sebelum cukai sebanyak RM60 juta bagi tahun 2010.

Kualiti Lembaran Imbangan JLand juga bertambah baik dengan aset ketara bersih meningkat kepada RM768 juta pada tahun 2011, berbanding RM718 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

**TINJAUAN OPERASI****Bandar Dato' Onn**

Bandar Dato' Onn (BDO) merupakan harta tanah terbaru yang ditawarkan oleh JLand dan dilihat akan menjadi antara

tempat kediaman yang paling diidamkan di Iskandar Malaysia. Dengan tanah pegangan bebas yang meliputi keluasan 612 hektar dan terletak hanya 12 km dari Pusat Bandaraya Johor Bahru, kawasan pembangunan utama ini telah dirancang sebagai sebuah bandar baru serba lengkap dan menjadi tumpuan bagi lebih 100,000 penduduk yang menjadikannya kediaman.

Perbandaran ini dijadualkan siap dalam tempoh 10 hingga 15 tahun dan akan menampilkan lebih kurang 17,800 harta tanah dengan jangkaan jualan kasar bernilai RM5 bilion. BDO boleh diakses melalui persimpangan bertingkat yang menyediakan laluan terus ke bandar tanpa gangguan.

BDO merangkumi 19 perjiranan eksklusif yang dirancang teliti dan disasar untuk menyerlahkan aspek terhebat dalam kehidupan berkomuniti, serta sebuah hab perdagangan yang memberangsangkan seluas 47 hektar. Ciri-ciri unggul ini, di samping penekanan terhadap kawasan hijau dan taman rekreasi, akan menjadikan BDO sebagai antara bandar paling cantik dan moden untuk di diam di selatan Semenanjung Malaysia. Pelbagai kemudahan seperti balai polis, KFCH International College, Pusat Komuniti, Pusat Rekreasi telah siap dibina dan telah mula beroperasi. Kemudahan lain seperti masjid, sekolah, Hospital Pakar KPJ, pasaraya pula akan dibina untuk memenuhi keperluan komuniti.

JLand akan terus memberi tumpuan yang utama kepada perancangan induk BDO. Kerja-kerja pembangunan di situ telah berjalan mengikut jadual dan JLand menjangkakan minat yang mendalam terhadap penawaran produk yang inovatif itu.

Sehingga kini, JLand telah menyiapkan 662 unit rumah teres dua tingkat berprestij dan rumah berkembar dua tingkat di Fasa Pertama, Perjiranan 10 yang mana lebih daripada 90% telah diserahkan kepada pembeli.





Manakala projek semasa yang sedang dibangunkan adalah Perjiranan 11 yang mengandungi 642 unit rumah teres dua tingkat dan rumah berkembar dua tingkat dengan anggaran nilai jualan berjumlah RM294 juta serta pembinaan 42 unit rumah kedai tiga tingkat sebanyak 42 unit di Perjiranan 2 dengan anggaran nilai jualan berjumlah RM34 juta. Pada tahun 2012, JLand bercadang untuk melancarkan Perjiranan 12 yang akan mengandungi 680 unit kediaman dan komersial dengan anggaran nilai jualan berjumlah RM278 juta.

### Bandar Tiram

Bandar Tiram merupakan sebuah projek pembangunan di Ulu Tiram yang sedang dilaksanakan oleh JLand. Pembangunan Bandar Tiram yang berkeluasan 485 hektar ini akan merangkumi 12,300 unit kediaman, kawasan perjiranan dan harta tanah komersial. Keseluruhan projek ini mempunyai nilai pembangunan kasar berjumlah RM2.6 bilion.

Bandar Tiram sedang dimajukan secara berperingkat dan fasa pertama di perbandaran ini merangkumi campuran 1,574



## SEKTOR HARTANAH



unit kediaman dan komersial dengan nilai pembangunan kasar berjumlah RM200 juta. Sebanyak 106 unit rumah teres 2 tingkat jenis Orlov telah dilancarkan pada Julai 2011. Produk ini telah pun terjual melebihi 97% sejak ianya dilancarkan. Selain itu, sebanyak 167 unit rumah teres 2 tingkat jenis Eureka telah dilancarkan pada Disember 2011. Keseluruhan Bandar Tiram dijangka siap pada tahun 2020 dan ini akan menjadikan Ulu Tiram sebagai sebuah bandar baru moden.

Bandar Tiram juga dijangka dijadikan sebagai hab pengangkutan baru bagi laluan ke Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Hab pengangkutan baru yang serba lengkap dengan anggaran keluasan 4 hektar ini bakal menggantikan terminal bas dan teksi sedia ada dan mampu memberikan kemudahan dan keselesaan kepada penduduk berikutnya kepesatan pembangunan perumahan di Bandar Tiram.

**Taman Bukit Dahlia**

Taman Bukit Dahlia berkeluasan 168 hektar merupakan projek pembangunan utama JLand di Pasir Gudang. Projek pembangunan ini akan menempatkan lebih daripada 4,100 unit kediaman termasuk rumah teres, rumah berkembar, banglo dan pusat komersial. Taman Bukit Dahlia berada di lokasi yang strategik iaitu di antara Masai dan Pasir Gudang, juga dikelilingi dengan

pelbagai kemudahan antaranya Taman Bandar Pasir Gudang, Hospital Pakar KPJ, sekolah, balai polis, politeknik, bank dan pasar raya. Dianggarkan keseluruhan projek ini mempunyai nilai pembangunan kasar berjumlah RM700 juta.

**Taman Damansara Aliff**

Taman Damansara Aliff dibina di atas tanah berkeluasan 48 hektar yang merangkumi rumah kedai, pangaspuri dan unit kediaman. Lokasinya terletak di Johor Bahru dan mudah dikunjungi melalui Lebuhraya Pasir Gudang dan Jalan Tampoi. Fasa pertama rumah teres dua tingkat telah siap sepenuhnya dan fasa kedua yang mengandungi 121 unit rumah teres dua tingkat kini sedang dibina.

Taman Damansara Aliff boleh dikunjungi hanya 10 minit dari Bandaraya Johor Bahru. Ia dibina dan dirancang dengan penuh teliti termasuk pembinaan Laman Utama yang unik serta turut dilengkapi dengan kemudahan permainan kanak-kanak, padang bola dan laluan riadah.

**DAMANSARA REALTY BERHAD**

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011, fokus Kumpulan DBhd tertumpu terhadap usaha untuk mengukuhkan kunci kira-kira, merangkumi usaha bagi pengurangan jumlah pinjaman, pembiayaan hutang tertunggak serta merialisasikan peruntukan untuk hutang rugu dan kemerosotan nilai aset.

Dengan penyelesaian isu tersebut, tumpuan utama Kumpulan DBhd beralih kepada meningkatkan nilai portfolio sedia ada dan pada masa sama, memperkenalkan bisnes baru yang dijangka menjana pulangan Kumpulan.

Pada 2011, Kumpulan DBhd mencatatkan perolehan sebanyak RM8.9 juta. Perolehan utama Kumpulan disumbangkan oleh aktiviti pembangunan harta tanah RM1.8 juta (20.6%) dan perkhidmatan di sektor kesihatan, iaitu sejumlah RM6.9 juta (79.2%). Margin keuntungan kasar meningkat sebanyak 23.7% berbanding 11.7% pada tahun 2010.

Bagi tahun perakaunan 2011, Kumpulan DBhd mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM2.4 juta. Kerugian tersebut dipengaruhi oleh peningkatan di dalam perbelanjaan operasi serta peruntukan bagi hutang rugu dan kemerosotan ke atas aset, hasil daripada modifikasi syarat pembiayaan berkaitan terma pembayaran hutang.

## PRESTASI OPERASI

### Bahagian Pembangunan dan Hartanah

Aktiviti pembangunan hartanah menyumbang sebanyak RM1.8 juta, jumlah terbesar disumbangkan oleh aktiviti penjualan tanah di Bandar Damansara Kuantan (BDK).

Pada tahun perakaunan 2011, Kumpulan DBhd tidak melaksanakan pelancaran perumahan baru. Aktiviti pembangunan hartanah telah direhatkan untuk sementara waktu supaya tumpuan untuk program pemulihan dan penstrukturkan Kumpulan dapat dijalankan dengan sepenuh perhatian.

Bagaimanapun, DBhd adalah komited terhadap merealisasikan aktiviti pembangunan hartanah pada masa hadapan. Sehubungan itu, DBhd telah meminda pelan susun atur Taman Damansara Aliff (TDA) bertujuan menjadikannya berdaya saing dari segi faktor pemasaran dan meningkatkan nilai pembangunan, dengan mengambil kira perubahan dalam permintaan pasaran semasa. Pindaan tersebut telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru pada Disember 2011.

### Bahagian Perkhidmatan Hartanah

Perkhidmatan berkaitan hartanah diterajui oleh syarikat anak Kumpulan, iaitu Healthcare Technical Services Sdn Bhd (HTS). HTS adalah antara beberapa syarikat di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan menyeluruh meliputi perkhidmatan komprehensif teknikal dalam sektor pembangunan hospital. Perkhidmatan tersebut merangkumi penyediaan rekabentuk teknikal dan perundingan teknikal (projek rekabentuk hospital), pengurusan projek dan pengurusan pembinaan hospital, penyelenggaraan kejuruteraan bioperubatan dan pengurusan kejuruteraan fasiliti (FEM) hospital.

Sehingga kini, HTS telah terlibat menguruskan lebih daripada 20 projek rekabentuk dan pembinaan hospital KPJ Healthcare Berhad di Malaysia, Indonesia dan Bangladesh, dengan nilai projek berjumlah melebihi RM800 juta.

### Aktiviti Perancangan, Pembinaan dan Projek Pengurusan

Aktiviti pembinaan dan pengurusan projek kekal sebagai penyumbang utama kepada perolehan aktiviti perkhidmatan berkaitan sektor pembangunan hospital, dengan perolehan berjumlah RM3.9 juta. Perkhidmatan penyediaan rekabentuk dan perancangan pembangunan hospital menyumbang kepada perolehan berjumlah RM800,000.

Pada tahun 2011, HTS berjaya menyiapkan Hospital Pakar Bandar Baru Klang. Di samping itu, HTS juga terlibat dalam menguruskan projek-projek berkaitan pembinaan dan pengubahsuaian hospital dengan nilai anggaran keseluruhan projek berjumlah kira-kira RM810 juta.

Antara projek utama portfolio HTS merupakan penyediaan perkhidmatan pembangunan Hospital Pakar Bandar Onn Dato, dengan nilai projek pembangunan berjumlah RM120 juta. Apabila siap nanti, hospital tersebut akan dilengkapi fasiliti yang terdiri daripada Pusat Jantung, Pusat Geriatrik, Pusat Ortopedik, Pusat Kanser, Wanita dan Kanak-kanak serta Pusat Kosmetik dan Rekonstruktif. Hospital tersebut dijangka siap menjelang 2014.

### Pengurusan Kejuruteraan Fasiliti

Bagi tahun kewangan 2011, perkhidmatan berkaitan FEM menyumbang sejumlah RM2.1 juta dari jumlah perolehan. HTS juga telah dilantik sebagai Pengurus Penyelenggaraan (Maintenance Manager) bagi menguruskan 21 bangunan hospital di bawah Al-Aqar KPJ REIT. Dengan pelantikan tersebut, HTS diamanahkan untuk memantau kerja-kerja menaik taraf, membaik pulih dan pengubahsuaian hospital dan pada masa sama, menyediakan perancangan program penyelenggaraan tahunan mereka.

## SEKTOR HARTANAH

**DAMANSARA ASSETS SDN BHD**

Damansara Assets Sdn Bhd (DASB) merupakan syarikat anak milik penuh Johor Corporation yang menjalankan aktiviti pembangunan dan pengurusan harta tanah komersial khususnya kompleks beli-belah dan bangunan pejabat. Sehingga kini, DASB menguruskan 3.2 juta kaki persegi ruang boleh disewa yang terletak di Kuala Lumpur dan Johor Bahru.

Bangunan yang dimiliki dan diuruskan oleh DASB sendiri adalah Galleria@Kotaraya, bangunan Komtar, Pasaraya Komuniti @mart Kempas, Pusat Bandar Damansara, bangunan KFCH International College, Pusat Perniagaan Taman Dahlia dan Terminal Bas Sentral Kotaraya.

Selain itu, DASB dilantik untuk menguruskan bangunan milik JCorp, Kulim (Malaysia) Berhad, TPM Management Sdn Bhd dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang; iaitu Jeti Tanjung Leman dan Tunjuk Laut Beach Resort, Menara Ansar, Larkin Sentral serta Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang.

**KOMTAR - Kompleks Beli-Belah 'Ikonik' Antarabangsa**

Selaras dengan perancangan Kerajaan untuk menjadikan Pusat Bandaraya Johor Bahru sebagai bandar kebudayaan yang menyerlah, mampu dan berstatus antarabangsa, JCorp telah merancang Program Pembangunan Semula KOMTAR.

Program Pembangunan Semula KOMTAR dijalankan dengan penjenamaan Kompleks Beli-Belah KOMTAR yang baru dengan objektif untuk memberi kepuasan membeli-belah kepada pengunjung seterusnya menjadi pemangkin kepada kepada industri pelancongan. Bertemakan '*Refreshingly Delightful, Simply Cosmopolitan*', pembinaan kompleks beli-belah yang bakal mempunyai keluasan boleh disewa lebih 400,000 kaki persegi ini sedang rancak dijalankan dan dijangka mula beroperasi pada tahun 2014.

Bagi menjadikannya setaraf dengan kompleks beli-belah antarabangsa, bukan sahaja rekabentuk dan fasiliti bangunan ini perlu mempunyai tahap antarabangsa, bahkan yang lebih penting adalah peniaga. Oleh yang demikian, peniaga Bumiputera yang telah mencapai peringkat ini akan terus diberi peluang untuk berkembang maju bagi membuktikan kebolehan mereka bersaing di kompleks beli-belah bertaraf antarabangsa.

**Perasmian Pasaraya Komuniti @mart Kempas**

Dalam tahun 2011, DASB telah membuat pelancaran Pasaraya Komuniti @mart Kempas pada 25 April 2011. Majlis pelancaran pasaraya komuniti ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Haji Abdul Ghani Bin Othman, Menteri Besar Johor. Pasaraya Komuniti @mart Kempas yang dibangunkan ditapak seluas 5 hektar memberikan pelbagai pilihan barang melalui 175 lot perniagaan. Keluasan bangunan Pasaraya Komuniti @mart Kempas adalah 150,000 kaki persegi dan dilengkapi dengan 500 kemudahan tempat letak kereta percuma serta ruang pejalan kaki yang lebih luas.

Pasaraya komuniti bertemakan 'Bersih Segar Untuk Semua' ini menempatkan sebuah pasaraya, empat unit penyewa kecil, 47 unit lot pasar, 100 unit lot kedai serbaneka, 42 unit lot kiosk dan 14 unit lot kedai makan. Ianya dibina untuk memenuhi keperluan penduduk persekitaran terutamanya bagi penduduk di Taman Cempaka, Taman Dahlia, Taman Bukit Kempas, Taman Johor dan komuniti lain yang berhampiran.



Pada tahun 2011 juga, JCorp dengan kerjasama Badan Amal Tenaga Isteri Wakil-Wakil Rakyat Negeri Johor (JUITA) dan Yayasan Pembangunan Keluarga Darul Ta'zim (YPKDT) telah melancarkan Program Usahawan Refleksologi @mart Kempas di Pasaraya Komuniti @mart Kempas, Johor Bahru pada 30 Julai 2011.

Pelancaran program ini disempurnakan oleh YAD Profesor Datin Paduka Dr Jamilah Binti Ariffin, Yang Dipertua JUITA.

### **Penganjuran Majlis di Tanjung Leman**

Bagi tujuan mempromosikan Tanjung Leman sebagai sebuah pusat peranginan dan pelancongan, JCorp melalui DASB telah menganjurkan Karnival Tanjung Leman pada 6 hingga 8 Mei 2011. Pelbagai program dan aktiviti telah disusun seperti Pertandingan Memancing Pantai dan Laut Dalam, Ceramah Perdana, Sukaneka Rakyat, Pertandingan Tarik Tali serta pameran dan jualan. Penganjuran karnival ini telah mendapat kerjasama dan sokongan daripada Jabatan Pelancongan Negeri Johor, Majlis Daerah Mersing dan akhbar Berita Harian. DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor telah mencemar duli merasmikan karnival. Karnival ini telah disertai oleh 2,000 peserta dan telah dipenuhi oleh pengunjung yang berjumlah lebih daripada 8,000 orang.

Pantai Tanjung Leman juga buat pertama kalinya telah dipilih sebagai lokasi penganjuran Kejohanan Perahu Layar KFC-FELDA Terbuka Johor 2011 pada 28 hingga 30 Oktober 2011 yang telah dirasmikan oleh DYAM Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor. Kejohanan ini telah menarik penyertaan seramai 180 seramai pelayar yang terdiri daripada pelajar dari 11 buah persatuan pelayaran negeri dan dianggarkan seramai 3,000 orang telah mengunjungi kejohanan yang telah diadakan ini.

### **Transformasi Larkin Sentral**

Selaras usaha kerajaan untuk menjayakan Program Transformasi Ekonomi, DASB telah melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf Larkin Sentral untuk menampung keperluan



pengunjung mahupun peniaga. Antara kerja-kerja penaiktarafan tersebut adalah pembinaan kemudahan infrastruktur iaitu empat jambatan yang menghubungkan bangunan pasar dengan restoran KFC, bangunan pasar dengan tempat letak kereta Jalan Garuda 3, bangunan pasar dengan Plaza Larkin serta bangunan terminal dengan tempat letak kereta.

Selain itu, kerja penaiktarafan medan selera juga telah dijalankan melibatkan aspek penambahan pencahayaan dan aliran udara serta susun atur gerai bagi memuatkan lebih ramai jumlah pengunjung di medan selera dengan kos sebanyak RM880,000. Medan selera ini menempatkan 50 unit kedai makan halal dan 25 unit kedai makan tidak halal.

## SEKTOR HARTANAH

Kerja-kerja pengubahsuaian dan naiktaraf juga dilaksanakan di bahagian pasar. Sebanyak 242 unit lot pasar basah telah disusun semula kepada bentuk kluster yang memberikan keselesaan kepada peniaga menerusi pertambahan keluasan lot perniagaan. Keselesaan pelanggan juga diutamakan dengan menyediakan ruang pejalan kaki yang lebih luas serta sistem pengudaraan yang lebih efisien.

Dalam pada itu, Larkin Sentral turut mengadakan beberapa aktiviti termasuk menjemput YBM Tan Sri Syed Hamid Syed Jaafar Albar, Pengurus Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk melakukan lawatan kerja ke Terminal Larkin Sentral pada 6 Februari 2011. Semasa lawatan tersebut, beliau telah merasmikan Ruang Menunggu Bas Syarikat Pengangkutan Maju Berhad yang terletak di Lot B-03, Tingkat 1, Bangunan Terminal Larkin Sentral dengan keluasan 1,100 kaki persegi.

Pada 12 November 2011, satu Majlis Menandatangani Perjanjian Usahasama Bagi Pembangunan Pusat Bandar Tampoi telah berlangsung di antara DASB dengan UDA Holdings Berhad serta JLand dengan UDA Holdings Berhad.

Majlis ini telah berlangsung di Pekan Tampoi, Johor Bahru dan disaksikan oleh YAB Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor.

Melalui perjanjian ini, DASB akan bekerjasama dengan UDA Holdings Berhad untuk membangunkan dua blok pangsapuri setinggi 31 tingkat yang mengandungi 576 unit kediaman. DASB juga turut membina sebuah kompleks perniagaan dua tingkat yang mempunyai 200 lot perniagaan dan merangkumi ruang sewa seluas 150,000 kaki persegi.

#### **Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli Tanah Dan Pembinaan Bangunan Ibu Pejabat BSN Di Johor Bahru**

Perjanjian Jual Beli Tanah di antara Johor Corporation dengan Bank Simpanan Nasional ditandatangani pada 11 Ogos 2011. Majlis tersebut disaksikan oleh YAB Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman, Menteri Besar Johor.

Satu Perjanjian Pengurusan Pembangunan turut ditandatangani di antara BSN dan DASB yang mana melalui perjanjian ini, BSN akan melantik DASB sebagai pengurus



pembangunan (*Development Manager*) bagi pembinaan bangunan ibu pejabat tersebut.

Anggaran kos bagi pembinaan bangunan Ibu Pejabat BSN di Johor Bahru adalah sebanyak RM36 juta. Apabila siap, bangunan setinggi 12 tingkat ini akan memiliki keluasan sebanyak 85,000 kaki persegi serta 130 petak letak kenderaan.

### Pelancaran Galleria@Kotaraya

Plaza Kotaraya sedang menjalani kerja-kerja pengubahsuaian dan akan dinamakan sebagai Galleria@Kotaraya apabila dibuka semula pada pertengahan tahun 2012. Majlis pelancaran jenama Galleria@Kotaraya telah disempurnakan oleh YAB Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman pada 10 November 2011.

Apabila siap kelak, Galleria@Kotaraya setinggi 5 tingkat ini akan memiliki keluasan boleh sewa sebanyak 201,000 kaki persegi dengan penambahan ruang niaga kepada 179 lot yang bakal menampilkan medan selera terbesar pertama di Johor Bahru dengan kapasiti boleh duduk sebanyak 900 unit. Galleria@Kotaraya juga akan dikenali sebagai



'Boutique Mall' yang mensasarkan pembeli peringkat pertengahan dan sesuai untuk golongan muda yang mementingkan gaya.

Anggaran kos pengubahsuaian adalah sebanyak RM30 juta yang merangkumi kerja-kerja pengubahsuaian rekabentuk luaran dan dalaman, penyusunan semula lot perniagaan, penambahan pencahayaan dan aliran udara serta menambahbaik kemudahan kepada pengunjung.

### Kedudukan Kewangan

DASB telah menjana kenaikan perolehan sebanyak 20% daripada RM20 juta dalam tahun 2010 kepada RM24 juta dalam tahun 2011. Bagaimanapun, Keuntungan Sebelum Cukai syarikat menurun sedikit dari RM11 juta kepada RM10.5 juta terutamanya disebabkan peningkatan kos langsung dalam pengurusan bangunan.

Manakala di peringkat Kumpulan DASB, perolehan bagi tahun 2011 telah menurun 5% dari RM146 juta kepada RM139 juta disebabkan oleh penurunan perolehan syarikat-syarikat dalam Kumpulan. Di samping itu, kenaikan nilai buku hartanah Kumpulan telah menyebabkan Keuntungan Sebelum Cukai Kumpulan DASB meningkat dari RM20 juta pada tahun 2010 kepada RM29 juta bagi tahun 2011.



## SEKTOR LOGISTIK/SERVIS



### TANJUNG LANGSAT PORT SDN BHD

Tanjung Langsat Port Sdn Bhd (TLP) ditubuhkan pada 23 Februari 1995 dengan nama Taswir Abadi Sdn Bhd dan nama itu ditukar kepada Tanjung Langsat Port Sdn Bhd pada 2 Ogos 1997. TLP adalah syarikat milik penuh Johor Corporation (JCorp) dengan modal dibenarkan sebanyak RM250 juta dan modal berbayar sebanyak RM240 juta.

Tujuan penubuhan TLP adalah untuk memberi perkhidmatan berkaitan pelabuhan kepada industri dalam Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat yang terletak bersebelahan pelabuhan. Dengan pesisir pantai sepanjang 4.5km dan keluasan 200 hektar tanah dalam kawasan pelabuhan, TLP telah diperlengkapkan untuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat dan peneraju pelabuhan minyak dan gas (O&G) di rantau ini.

Sejak TLP ditubuhkan dan beroperasi, ia telah melabur lebih RM700 juta bagi membina infrastruktur dan kemudahan berkaitan bagi membangunkan pelabuhan serta merancakkan pertumbuhan industri di Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat.

Dari sudut logistik, TLP hanya terletak 30 minit atau 12 batu nautika dari laluan perairan antarabangsa dan hanya 50km dari Lapangan Terbang Senai.

TLP terletak dalam *Flagship D* pembangunan Iskandar Malaysia. Aktiviti di kawasan ini lebih menjurus kepada industri berat dan logistik termasuk industri elektrik dan elektronik, produk kimia dan oleokimia, makanan, kejuruteraan serta gudang dan pelabuhan.

Pelabuhan ini memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan *Flagship D* terutama dalam aktiviti O&G. Sebahagian besar pencapaian Iskandar Malaysia dalam menarik masuk pelaburan adalah menerusi dua kawasan perindustrian terpenting di 'Flagship D' iaitu Kawasan Perindustrian Pasir Gudang dan Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat yang dibangunkan oleh Johor Corporation.

TLP merupakan peneraju utama dalam menarik masuk pelaburan asing dan tempatan untuk melabur di Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat terutama yang melibatkan aktiviti O&G menerusi Jeti Kargo Cecair dan Jeti Kargo Kering.



Sehingga akhir tahun 2011, jumlah pelaburan di kawasan TLP mencecah RM2.5 bilion dan telah mewujudkan lebih 1,000 peluang pekerjaan terutama dalam aktiviti O&G yang sebahagian besar melibatkan guna tenaga kerja di kalangan rakyat tempatan.

TLP dilengkapi lima dermaga di Jeti Kargo Cecair yang berupaya mengendalikan kapal berkapasiti 5,000 DWT hingga 120,000 DWT. Kedalaman semasa di jeti ini adalah 12.8 meter dan geran Kerajaan Persekutuan berjumlah RM156 juta telah diperuntukkan kepada TLP untuk kerja-kerja pengurukan di laluan navigasi pada kedalaman 15 meter di Sungai Johor sehingga ke zon kemudahan dermaga kargo cecair TLP. Geran ini adalah hasil inisiatif PEMANDU melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) untuk menjadikan TLP sebagai hab O&G di rantau ini.

## SEKTOR LOGISTIK/SERVIS

Sementara itu, dua jeti tambahan akan dibina menjadikan keseluruhan dermaga di Jeti Kargo Cecair sebanyak tujuh. Pembinaan tambahan ini adalah bagi memenuhi keperluan pelaburan baru di TLP seterusnya merancakkan aktiviti pelabuhan selaras peranannya sebagai hab O&G di rantau ini.

TLP turut dilengkapi Jeti Kargo Kering bagi memenuhi keperluan pelabur yang mengendalikan kargo bukan cecair. Antara pengguna utama jeti ini ialah Asiaflex Products Sdn Bhd, EEW Malaysia Sdn Bhd dan Bahru Stainless Sdn Bhd.

Dermaga ini sepanjang 425 meter dengan kedalaman perairan 9.5 meter. Melalui inisiatif PEMANDU, kerja-kerja pengerukan dilakukan untuk menjadikannya berkedalaman 10.5 meter. Kerja pengerukan dijangka siap sepenuhnya pada Ogos 2012. Dermaga ini juga berperanan sebagai pangkalan sokongan marin pesisir luar pantai.

TLP termasuk dalam lingkungan pembangunan terpenting di Iskandar Malaysia dan secara tidak langsung berperanan sebagai pemangkin kepada aspirasi kerajaan melalui Projek Penggerak Ekonomi (EPP). TLP telah tersenarai sebagai satu daripada 12 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKEA) iaitu menjadikannya hab O&G. Hasrat ini direalisasikan melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak, dan diterajui oleh PEMANDU.


Kerajaan Persekutuan telah mengenal pasti TLP sebagai lokasi berpotensi untuk menjadi

hab O&G. Hasrat ini diterjemahkan dalam satu NKEA iaitu sektor Minyak, Gas & Tenaga dengan menjadikan pelabuhan itu lokasi pemusatan operasi terminal petroleum terbesar di rantau ini serta hab perkhidmatan sokongan petroleum seterusnya menjadi hab urus niaga petroleum.

Kapasiti semasa tangki simpanan minyak di kawasan TLP berjumlah 740,000 m<sup>3</sup> merangkumi LGT-1 (470,000 m<sup>3</sup>), LGT-2 (170,000 m<sup>3</sup>) dan Terminal Minyak TLP (100,000 m<sup>3</sup>). Kemudahan tangki simpanan baru akan dibina di TLP oleh MISC dan Dialog. Kedua-dua syarikat ini telah mengadakan perjanjian usahasama bagi menubuhkan LGT-3 untuk membina tangki simpanan produk bahan api pesawat yang berkapasiti 380,000 m<sup>3</sup>. Kemudahan tangki ini dijangka siap sepenuhnya dan mula beroperasi pada penghujung tahun 2013. Menjelang tempoh itu, TLP dijangka mengendalikan 1.12 juta m<sup>3</sup> produk berasaskan minyak petroleum dan terus meningkat kepada 2 juta m<sup>3</sup> pada tahun 2017.


## LAPORAN OPERASI

Sepanjang tahun 2011, jumlah kapal yang berlabuh di jeti TLP adalah sebanyak 252 kapal di mana 191 kapal (76%) adalah kapal untuk operasi di Jeti Kargo Cecair dan 61 kapal (24%) merupakan jumlah kapal untuk operasi di Dermaga Kargo Kering. Jumlah kapal yang tertinggi dicatatkan pada Disember, 2011 iaitu sebanyak 45 buah. Jumlah kapal yang berlabuh di Jeti Kargo Cecair dan Kering dari Januari 2011 hingga Disember 2011 (**rujuk graf di bawah**).





Jumlah throughput yang direkodkan sepanjang tahun 2011 ialah 4 juta tan telah dikendalikan oleh TLP. Kargo-kargo ini majoritinya dikendalikan untuk LGT-1 dan LGT-2. Aktiviti-aktiviti di Dermaga Kargo Kering juga bertambah berikutan terdapat peningkatan throughput daripada Technip, EEW Malaysia serta Rother & Nahar (bijih besi). Pencapaian throughput bagi tahun 2011 (**rujuk graf di bawah**).



Terdapat penurunan dari segi jumlah jam operasi dermaga daripada 8,565 jam pada tahun 2010 kepada 8,216 jam pada 2011. Jumlah kutipan caj dockage dan wharfage pada tahun 2011 ialah RM13.6 juta berbanding RM11.5 juta pada tahun 2010. Caj ini tidak termasuk caj-caj untuk aktiviti sokongan marin.

Penyumbang utama bagi jumlah kapal tertinggi ialah dari LGT-1 dengan jumlah kapal sebanyak 164 buah (65%) dengan

jumlah pengendalian throughput sebanyak 3.7 juta tan metrik. Ini diikuti oleh Asiaflex dengan jumlah kapal sebanyak 32 buah (13%) dari keseluruhan kapal pada tahun ini. Jumlah throughput yang dikendalikan oleh Asiaflex pula adalah sebanyak 14,137 tan metrik. Langsat Bulkers Sdn Bhd (LBSB) pula membawa masuk 23 kapal bagi mengendalikan 186,860 tan metrik kargo dari produk berdasarkan minyak kelapa sawit.

## SEKTOR LOGISTIK/SERVIS

**TPM TECHNOPARK SDN BHD**

TPM Technopark Sdn Bhd (TTSB) adalah syarikat anak milik penuh JCorp yang menjalankan perkhidmatan pengurusan projek komersil dan pembangunan infrastruktur serta menjadi ejen pemasaran dan pemaju projek bagi kawasan perindustrian milik JCorp.

Pada tahun 2011, TTSB telah menjual tanah industri seluas 107.154 hektar milik JCorp bernilai RM184.36 juta. Jualan tanah industri pada tahun 2011 mengalami penguncupan berbanding tahun 2010 berikutan ketidaktentuan ekonomi dunia yang turut mempengaruhi ekonomi domestik.

TTSB ketika ini membangunkan Taman Perindustrian Sedenak seluas 280 hektar dan pelbagai strategi pemasaran dilaksanakan untuk menggalakkan penjualan tanah perindustrian di kawasan tersebut.

Sebagai ejen pemasaran kepada JCorp, TTSB sentiasa terlibat dalam misi pelaburan ke luar negara bagi memperkenalkan Johor sebagai lokasi terpilih bagi tujuan pelaburan dengan memanfaatkan kelebihan Malaysia dan Singapura. Syarikat juga mengambil bahagian dalam program pemasaran yang dianjurkan oleh MIDA, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta kerajaan Negeri Johor.

Syarikat ini telah merancang kepelbagaiannya strategi pemasaran yang meliputi penyertaan dalam pameran, misi dan sesi dialog perdagangan serta pengiklanan.

Selain menjual tanah industri, TTSB merupakan pengurus projek kepada beberapa projek Kumpulan JCorp. Ini termasuk kerja menaiktaraf dan membina semula Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR), pembinaan KFCH International College (KFCHic) di BDO serta pembangunan Kem Timbalan Setia Negeri di Tasek Utara. Secara keseluruhan, TTSB sedang menguruskan projek yang dianggarkan bernilai RM308 juta.

Sehingga Disember 2011, TTSB telah menyiapkan 53 projek pembangunan yang bernilai RM212 juta. Antara projek yang telah disiapkan adalah kerja penambahbaikan di Larkin Sentral, tujuh projek sekolah agama dan Fasa 1A KFCHic.

Untuk prospek tahun 2012, TTSB komited meneruskan perniagaan teras sambil melaksanakan program mempelbagaikan sumber pendapatan syarikat. Tumpuan kepada projek yang memberikan pendapatan berterusan kepada syarikat. Selaras usaha itu, TTSB juga akan menjalankan kawalan kewangan yang ketat terhadap aliran tunai syarikat manakala anggota pekerja diberi pendedahan serta kemahiran tambahan bagi meningkatkan keupayaan perkhidmatan.

**ASIA LOGISTICS COUNCIL SDN BHD**

Asia Logistics Council Sdn Bhd (ALC) mengalaukan pelantikan pengurus barunya, YBhg Tan Sri Abdul Rahman Bin Mamat, mantan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) Malaysia pada 1 Februari 2011. ALC, syarikat berstatus MSC, telah memulakan operasi pada Februari 2008 di Aras 45, Menara 2, Menara Berkembar Petronas, Kuala Lumpur.

Ekonomi global kini berada pada satu persimpangan yang sangat kritikal. Walaupun pemulihran ekonomi telah mengorak langkah terutama di rantau Asia, namun ekonomi dunia adalah saling berkait antara satu sama lain. Pertumbuhan ekonomi global perlu dipacu oleh perkembangan perdagangan melalui

inovasi dan dipacu oleh penyatuan kuasa beli negara-negara ekonomi maju, keupayaan industri negara-negara baru membangun serta potensi pasaran yang luas bagi negara-negara ekonomi sedang membangun.

Bagaimanapun, sistem perdagangan dunia mempunyai empat tunggak utama: perdagangan, kewangan, insurans dan logistik. Namun pautan yang paling lemah di antara empat industri ini adalah logistik, yang juga merupakan nadi ekonomi global serta penghubung dunia kita. Industri logistik global masa kini mengalami masalah besar yang kebanyakannya masih belum dikenalpasti iaitu tidak efisien. Oleh itu, dengan memaksimumkan tahap efisien logistik global, akan menzahirkan sebuah platform digital peringkat global yang dapat memacu peningkatan perdagangan, kewangan dan insurans dalam bentuk digital yang gabungannya akan menyemarakkan lagi perkembangan perdagangan, pembentukan peluang pekerjaan baru, serta pertumbuhan ekonomi yang berterusan.

Berdasarkan senario ini, ALC telah memeterai Perjanjian Perkongsian Pendapatan dengan World Logistics Council Inc (WLC) pada 5 Februari 2008, untuk membantu WLC di dalam pembentukan Ekonomi Digital Global melalui pelaksanaan *Digital Soft Infrastructure*

(DSI) yang akan merevolusikan pengendalian perdagangan dunia. Infrastruktur digital itu dilaksanakan melalui sebuah inisiatif global yang menyokong pembangunan pertumbuhan ekonomi mapan serta peningkatan kecekapan perdagangan di peringkat global. Inisiatif yang dikenali sebagai *HumaWealth Programme* ini dipimpin oleh Global Coalition for Efficient Logistics (GCEL), sebuah badan kerjasama di antara agensi awam dan organisasi persendirian, yang tidak berdasarkan keuntungan, dan berpusat di Switzerland. Terkini, GCEL mendapat sokongan lebih daripada 150 kerajaan, 21 NGO serta organisasi kewangan, insurans dan teknologi terkemuka dunia, dengan jumlah tenaga kerja terkumpul melebihi 2.7 juta yang memberikan perkhidmatan kepada 60% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia melibatkan 130 negara. ALC dan WLC merupakan ahli eksekutif GCEL.



## SEKTOR LOGISTIK/SERVIS

Penggerak kepada DSI, merupakan sebuah platform teknologi terbuka yang dinamakan Global Logistics System (GLS), yang berupaya meningkatkan efisiensi secara signifikan bagi industri berkaitan perdagangan termasuk operasi, logistik, insurans, kewangan – semuanya TANPA SEBARANG KOS kepada pengguna akhir GLS termasuk pengguna-pengguna Industri Kecil dan Sederhana (SMI).

Melalui pelaksanaan DSI di bawah Program HumaWealth ini, terdapat pelbagai manfaat yang diraih termasuk:

- Mengurangkan kos purata import dan eksport dunia dari 11% kepada 6%, dengan penjimatan sebanyak AS\$700 bilion setahun di peringkat global, AS\$194 bilion bagi rantau Asia, dan AS\$9 bilion setahun bagi Malaysia.
- Memaksimumkan kapasiti logistik fizikal sedia ada serta mengurangkan kos perdagangan sehingga 30% dan kos operasi sehingga 15%, sekaligus menjana peningkatan perdagangan dan ini dapat menarik pelaburan asing serta infrastruktur bernilai berbilion ringgit.
- Meningkatkan kawalan sempadan dan keselamatan kargo dari serangan keganasan.
- Mewujudkan sebanyak AS\$6 trillion peluang pasaran untuk industri kewangan, insurans dan teknologi, menjelang tahun 2020.
- Menggabungkan tenaga pakar dan tenaga kerja muda, serta membentuk peluang pekerjaan baru di kedua-dua negara maju dan yang sedang membangun.
- Meningkatkan kuasa beli penduduk negara berpendapatan pertengahan yang mewakili 45% daripada jumlah penduduk dunia sekaligus akan mengembangkan pasaran global secara besar-besaran.

Tahun di bawah kajian telah menyaksikan pelancaran Laluan Perdagangan Tandaaras (BTL) pertama Asia pada 30 Mac 2011 dengan kerjasama Multimedia Development Corporation (MDeC) dan beberapa agensi luar negara lain di Hotel Hilton, Kuala Lumpur. Majlis itu disempurnakan oleh YB Dato' Mukhriz Tun Mahathir, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. BTL Asia ini akan dimulakan oleh Indonesia yang diwakili Kamar Dagang dan Industri Antarabangsa Indonesia (KADIN) manakala India diwakili oleh Persekutuan Industri India (CII). Oleh kerana perjalanan BTL akan melibatkan enam langkah utama yang berturutan seperti pemilihan peserta BTL di kedua-dua negara, *Shipment Efficiency Assessment* (SEA), Pendidikan ke arah meningkatkan keefisienan, Implementasi Penggunaan GLS, Pameran pasca-BTL dan Penyebaran Penggunaan ke peringkat global, ALC menjangkakan fasa BTL di Asia hanya akan selesai sepenuhnya pada tahun 2013.

Bagaimanapun, bagi memastikan industri logistik Malaysia akan mendapat manfaat, ALC telah memulakan projek SEA di Malaysia pada tahun 2011, dengan kerjasama organisasi perunding bereputasi tinggi termasuk Frost & Sullivan, Deloitte, Nielsen dan MDeC. Projek SEA melibatkan kaji selidik secara bersemuka dengan wakil organisasi Malaysia dari 19 kelompok perdagangan yang terlibat dalam proses penghantaran kargo. Bersandarkan kepada maklum balas kaji selidik tersebut, ALC akan menghasilkan cadangan spesifik ke arah meningkatkan kecekapan perdagangan di Malaysia dan menyediakan sebuah pelan untuk membentuk platform e-Perdagangan nasional yang akan menghubungkan bisnes Malaysia ke platform e-Perdagangan global.

Sebagai bukti pengiktirafan kepada nilai cadangan GCEL yang merangkumi pembentukan peluang pasaran sebanyak AS\$400 bilion menjelang 2020 melalui penggunaan platform global ini, sebanyak 26 firma teknologi terulung dunia, telah memeterai perjanjian kerjasama tanpa bersaing dengan WLC bagi memastikan kedudukan serta peranan masing-masing di dalam inisiatif global ini.



Pada masa sama, berikutan dari beberapa pertemuan strategik dengan organisasi terpilih di rantau Asia Pasifik ini, ALC menyedari bahawa bagi memastikan kejayaan Program HumaWealth ini di peringkat global, Malaysia mempunyai peluang untuk memimpin inisiatif ini namun pada masa yang sama perlu memastikan sokongan padu daripada negara Asia lain. Atas kesedaran ini, sebuah syarikat telah ditubuhkan di Hong Kong iaitu Asia Economic Development Fund Ltd (AEDF), bertujuan membuka peluang kepada negara-negara Asia Pasifik lain yang berminat untuk menyertai inisiatif global ini di peringkat ekuiti sekaligus berkongsi kuasa tadbir urus syarikat melalui penyertaan di peringkat Lembaga Pengarah syarikat, yang akan dipengerusikan oleh wakil Malaysia melalui ALC/AEDF.

Bagi mencerminkan sokongan kepimpinan Malaysia, negara termasuk India (yang diwakili oleh CII), Indonesia (diwakili oleh KADIN) dan China (diwakili oleh Kerajaan Provinsi Guangdong) merupakan di kalangan negara Asia Pasifik pertama yang telah menzahirkan

hasrat masing-masing untuk menyertai AEDF. Bagi melengkapkan keahlian Lembaga Pengarah AEDF, ALC bersama-sama WLC telah merancang untuk melawat Jepun, Australia dan Korea Selatan bagi memperkenalkan inisiatif ini serta meraih minat dan sokongan wakil negara itu untuk menyertai AEDF.

Dalam perkembangan di rantau lain, WLC telah menujuhkan pejabat wakil rantau Timur Tengah dan Afrika (MEA) Logistics Council di Beirut, Lubnan di dalam tahun kajian. GCEL juga telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) dengan Liga Negara-Negara Arab (LAS) dan Pertubuhan Negeri-Negeri Amerika (OAS) yang mana kedua-duanya akan bekerjasama dengan GCEL di dalam penganjuran *HumaWealth Awareness Programme (HWAE)* di rantau MEA dan Amerika. Setakat ini, GCEL telah menganjurkan tiga HWAE bertempat di Turki, Jordan serta Tunisia dan sedang membuat persiapan untuk menganjurkan kemuncak HWAE rantau MEA di Lubnan.

## SEKTOR LOGistik/SERVIS



Pada masa sama, proses pengkomersilan GLS dimulakan dan sehingga kini WLC telah menerima beberapa cadangan untuk membangunkan hab platform e-Logistik sedunia yang terdiri dari gabungan tiga penjuru merangkumi akademik-teknologi-kerajaan terkenal dunia yang dinamakan sebagai *Core Triangle*. Setelah terpilih, *Core Triangle* yang terdiri daripada sebuah universiti bertaraf dunia, sebuah entiti awam yang berwawasan dan sebuah syarikat teknologi hebat yang akan bekerjasama untuk melabur dalam pengkomersilan GLS dan juga bertanggungjawab seterusnya dalam penyelenggaraan dan penambahbaikan platform digital ekonomi yang berkuasa ini, untuk seluruh dunia.

Dalam langkah ke hadapan, WLC telah memulakan proses menubuhkan pejabat majlis serantau bagi mewakili rantau Amerika dan Eropah masing-masing di Panama dan Brussels. Rantau-rantau ini pula kemudian akan memulakan penganjuran *HumaWealth Awareness Events* masing-masing serta mengenal pasti laluan dan peserta BTL mereka, yang sekaligus akan membawa rantau ini setanding dengan kemajuan yang telah dicapai di rantau Asia dan MEA. Namun begitu, tahun 2012 menjanjikan tahun yang mengujakan bagi ALC, WLC dan GCEL, kerana ALC mahu meraih beberapa pencapaian utama tahun ini.

**SEKSYEN 6**

**BISNES  
INTRAPRENEUR**



# BISNES INTRAPRENEUR

Johor Corporation (JCorp) memainkan peranan penting dalam pembangunan masa depan ekonomi Johor dan negara, khususnya untuk memenuhi objektif Dasar Pembangunan Nasional. Program Pembangunan Usahawan JCorp dilaksanakan melalui pelbagai pendekatan dengan fokus kepada dua kumpulan sasaran.

Kumpulan sasaran pertama melibatkan sokongan pembangunan usahawan dan pembukaan peluang bisnes dengan tujuan untuk meningkatkan bilangan dan memperkuatkannya kualiti ahli perniagaan Melayu – Islam dari luar JCorp.

Kumpulan sasaran kedua yang tidak kurang pentingnya adalah membangunkan Intrapreneur atau Pengurus Usahawan daripada kalangan anggota pekerja dalaman Kumpulan JCorp dengan menyediakan mereka kemahiran dalam mengurus aset dan meningkatkan nilai bisnes. Sasaran kedua inilah yang menyediakan hubungan strategik dengan pertumbuhan dan perkembangan korporat JCorp.

Sekian lama JCorp telah melakar reputasi di peringkat nasional dalam Program Pembangunan Usahawan yang unik

dan telah berjaya melahirkan beberapa Pengurus Usahawan yang membanggakan yang pada masa kini sedang menguruskan dan menerajui syarikat tersenarai dan tidak tersenarai dalam Kumpulan JCorp. Kumpulan pemimpin korporat dalaman yang dibangunkan ini disokong oleh barisan pelapis kedua dan ketiga yang mana telah dipersiapkan untuk menerajui syarikat dalam Kumpulan bagi mengharungi cabaran pertumbuhan korporat masa hadapan.

Program Pembangunan Usahawan JCorp khususnya melalui pendekatan Skim Intrapreneur JCorp telah lebih 12 tahun dilaksanakan sejak ia dilancarkan pada tahun 1999. Skim yang merupakan satu dimensi perkongsian risiko dan keuntungan antara JCorp dan Intrapreneur adalah satu skim pembangunan usahawan yang unik dan inovatif yang telah menunjukkan kejayaan membanggakan, berprestasi dan diterima baik.

Bagi tempoh berakhir 31 Disember 2011, keuntungan sebelum cukai secara agregat bagi syarikat-syarikat Intrapreneur adalah sebanyak RM45.4 juta berbanding RM18.9 juta bagi tempoh sama tahun lalu. Bilangan syarikat yang mencatatkan keuntungan sebelum cukai melebihi RM1.0 juta juga semakin meningkat dari setahun kesetahun yang mana pada tahun 2011, tambahan dua syarikat lagi berjaya mencatatkan Keuntungan Sebelum Cukai melebihi RM1 juta iaitu Edaran Badang Sdn Bhd dan Microwell Bio Solutions Sdn Bhd yang melayakkkan kedua-dua syarikat ini dianugerahkan dengan anugerah berprestij One Million Dollar Club menyamai prestasi dengan syarikat-syarikat yang telah dianugerahkan sebelumnya.





Pelaksanaan Skim Intrapreneur JCorp sentiasa diperkemaskan dari semasa ke semasa bagi disesuaikan dengan persekitaran bisnes global. Setelah lebih 12 tahun dilaksanakan, Skim Intrapreneur JCorp tidak lagi mensyaratkan JCorp atau syarikat-syarikat dalam Kumpulan untuk memiliki pegangan minimum 75 peratus. Penyertaan ekuiti oleh pihak-pihak luar Kumpulan JCorp juga turut boleh dipertimbangkan tertakluk kepada kriteria-kriteria ditetapkan oleh JCorp. Perubahan ini antara lain bertujuan untuk memberikan ruang yang lebih luas kepada syarikat Intrapreneur untuk terus meneroka pasaran global.

Selain itu, beberapa program kerjasama sedang dan telah dirangka bagi memastikan kejayaan program pembangunan usahawan yang dirancang. Perjanjian Persefahaman dengan TERAJU dan MARA telah ditandatangani pada 26 November 2011 yang antara lain bertujuan untuk memacu dan memperkembangkan bisnes syarikat sehingga layak untuk disenaraikan di Bursa Malaysia.

Fungsi dan tanggungjawab Jabatan Bisnes Intrapreneur (JBI) di JCorp dan juga JCorp Intrapreneur (M) Berhad (JIMB) terus diperkuuhkan selaras dengan sasaran JCorp untuk memastikan kelestarian bisnes

syarikat-syarikat Intrapreneur. Sistem dan prosedur pembangunan Intrapreneur telah dibentuk dan sentiasa dikemaskini yang meliputi aspek seperti kriteria pemilihan calon Intrapreneur, pemilihan aktiviti bisnes, sistem pemantauan, sistem ganjaran dan faedah dan juga peluang untuk Intrapreneur mengembangkan bisnes dan kerjaya.

Tidak dapat dinafikan bahawa kejayaan syarikat-syarikat Intrapreneur ini bergantung sepenuhnya kepada sikap keusahawanan intrapreneur itu sendiri. Bukan sahaja mereka perlu bermotivasi tinggi dan berkesanggupan untuk berkerja keras, malah secara peribadi bersedia menghadapi cabaran dan memikul beban risiko yang terlibat dalam menjayakan bisnes.



## BISNES INTRAPRENEUR

### EA TECHNIQUE (M) SDN BHD (EA TECHNIQUE) DAN ORKIM SDN BHD (ORKIM)

Pada tahun 2006, EA Technique mempunyai modal berbayar sebanyak RM44.04 juta manakala Orkim yang diambil alih pada tahun 2009 memiliki modal berbayar sebanyak RM37.60 juta. Kedua-dua syarikat ini beroperasi dalam pasaran khusus di mana tumpuan adalah kepada penyediaan kontrak jangka panjang bagi pengangkutan produk petroleum bersih untuk syarikat minyak utama iaitu Petronas Trading Corporation Berhad (Petco) dan Shell. Semua kontrak ini bernilai lebih RM1.4 bilion.

Walaupun keadaan ekonomi mencabar, kedua-dua syarikat telah menunjukkan prestasi bisnes yang memberangsangkan dan pertumbuhan pada tahun 2011 yang kemudiannya menyumbang dengan ketara kepada keuntungan Kumpulan seperti yang diringkaskan di bawah:

| Syarikat          | Perolehan (RM'000) |                | Varian (%)  | KSC (RM'000)  |               | Varian (%)   |
|-------------------|--------------------|----------------|-------------|---------------|---------------|--------------|
|                   | 2011               | 2010           |             | 2011          | 2010          |              |
| EA Technique      | 96,064             | 77,868         | 23.4        | 12,866        | 5,764         | 123.2        |
| Orkim             | 65,547             | 29,835         | 119.7       | 11,760        | 6,491         | 81.2         |
| <b>JUMLAH (#)</b> | <b>161,611</b>     | <b>107,703</b> | <b>50.1</b> | <b>24,626</b> | <b>12,255</b> | <b>100.9</b> |

Nota: (#) Pada asas agregat

Keuntungan Sebelum Cukai EA Technique berjumlah RM12.9 juta pada tahun 2011, meningkat sebanyak 123.2% dari RM5.8 juta yang dicatatkan pada tahun 2010. Orkim telah menunjukkan peningkatan yang ketara dengan mencatatkan keuntungan sebanyak RM11.8 juta pada tahun 2011 berbanding RM6.5 juta pada tahun 2010.

Peningkatan prestasi yang ketara dalam kedua-dua syarikat pada tahun 2011 adalah hasil penghantaran kesemua 10 kapal milik syarikat tersebut yang baru dibina dan berada di bawah kontrak jangka panjang dengan Petco dan Shell. Penghantaran semua kapal telah dibuat secara berperingkat mulai 2010 sehingga pertengahan 2011. Kapal baru ini dijangka memberi sumbangan yang memberangsangkan terhadap prestasi Kumpulan bermula pada tahun 2012.



Sumbangan segmen kapal sokongan luar pesisir pantai dan pengurusan kapal pihak ketiga telah membantu meningkatkan prestasi EA Technique dan Orkim. Pada masa ini, Orkim menguruskan dua kapal yang dimiliki oleh pihak ketiga bagi kontrak Shell manakala EA Technique menyediakan sembilan perkhidmatan kapal sokongan luar pesisir pantai yang termasuk dua bot pengangkut krew pesisir pantai, empat bot penambat, dua bot tunda dermaga dan sebuah bot keselamatan.

Kapal terbesar yang dimiliki oleh Kumpulan ialah MT Nautica Muar (MTN Muar) yang berkapasiti 40,000 DWT dan beroperasi secara kontrak semasa (*spot charter*) yang terdedah kepada kadar sewaan yang rendah dan tidak mampu untuk menampung kos operasi. EA Technique sedang menyelesaikan masalah yang dialami oleh kapal tangki tersebut iaitu terpaksa membuat pilihan sama ada mendapatkan kontrak sewaan jangka panjang ataupun menjual/menukar beli dengan kapal tangki baru.

Pada akhir tahun 2011, Kumpulan memiliki 15 kapal tangki, enam bot penambat, enam bot tunda dermaga (empat bot tunda dermaga yang masih dalam proses pembinaan) dan sebuah bot keselamatan dengan jumlah kapasiti muatan lebih daripada 144,500 DWT. Ini adalah jauh lebih besar daripada lapan kapal yang dimiliki pada akhir tahun 2006 dengan kapasiti muatan sebanyak 14,500 DWT semasa Sindora mula mengambil alih EA Technique.

Pembinaan kapal tangki baru dan pelupusan kapal lama telah menyebabkan purata profil umur yang lebih rendah dan membolehkan Kumpulan untuk menjadi kompetitif di pasaran untuk merebut peluang dalam industri perkapalan. Ini akan membolehkan bisnes perkapalan Kumpulan mengembangkan operasinya dan muncul sebagai antara pemain utama dalam industri maritim Malaysia.

#### **Johor Shipyard And Engineering Sdn Bhd**

Penyediaan kemudahan pembinaan dan baikpulih kapal adalah penting untuk memenuhi keperluan kritikal Kumpulan

memandangkan penyelenggaraan ke atas 28 kapal yang dimiliki perlu dilakukan secara berkala. Langkah ini diambil bagi mengatasi kesukaran untuk memperoleh perkhidmatan dermaga kering dan baikpulih untuk kapal yang diperlukan oleh Kumpulan. Di samping itu, penglibatan dalam bisnes limbungan kapal mempunyai potensi untuk menjadi teras utama bisnes Kumpulan, memandangkan permintaan ke atas aktiviti-aktiviti yang berkaitan di seluruh rantau ini yang tinggi dan penyedia perkhidmatan yang terhad.

Operasi limbungan kapal EA Technique akan dikendalikan oleh syarikat anak milik penuh, Johor Shipyard And Engineering Sdn Bhd (JSE). Kapal pertama yang dibina oleh JSE adalah MTN JB yang berkapasiti 5,500 DWT di limbungan yang disewa di Teluk Intan, Perak. Pengalaman yang diperolehi semasa pembinaan MTN JB membolehkan JSE memulakan pembinaan kapal yang lebih besar seterusnya iaitu MTN Maharani yang berkapasiti 10,000 DWT yang telah siap dan sudah memulakan operasi bersama PETCO pada suku kedua 2011. Kapal tangki ini mencatatkan sejarah sebagai kapal tangki geladak berkembar terbesar yang pernah dibina di Malaysia.

Kejayaan pelayaran MTN JB dan MTN Maharani membuktikan kepakaran dan kebolehan EA Technique dalam membina kapal laut bersaiz kecil dan sederhana.

JSE telah mengenalpasti kawasan seluas 4.1 hektar yang terletak di Hutan Melintang, Perak sebagai lokasi limbungan kapal untuk jangka panjang. Kerja-kerja untuk menyediakan kemudahan asas telah dimulakan dan limbungan kapal tersebut yang berupaya untuk membina dan membaikpulih kapal sehingga 10,000 DWT dijangka beroperasi sepenuhnya pada penghujung tahun 2012. Selain membina dan membaikpulih kapal, limbungan tersebut juga akan terlibat dalam aktiviti fabrikasi dan kerja-kerja yang berkaitan untuk industri minyak dan gas sebagai salah satu sumber pendapatannya.

## BISNES INTRAPRENEUR

### **PRO OFFICE SOLUTIONS SDN BHD SEBAGAI PILIHAN UTAMA PENYEDIA PERKHIDMATAN PEMPROSESAN DATA DAN DOKUMEN**

Pro Office adalah sebuah syarikat Penyumber Luaran Proses Bisnes (BPO) yang menyediakan perkhidmatan menyeluruh dalam industri Pemprosesan Data dan Dokumen (DDP). Syarikat telah berjaya meluaskan perkhidmatannya kepada syarikat telekomunikasi, institusi kewangan dan syarikat insurans serta beberapa syarikat berkaitan kerajaan. DDP meliputi perkhidmatan yang merangkumi pengklasifikasi data, menukar dan memformat dokumen hingga kepadanya mencetak data dan menyediakan dokumen bercetak untuk diedar melalui pos. Pro Office juga telah mempelbagaikan perkhidmatannya di dalam perkhidmatan nilai tambah lain seperti Perkhidmatan Pengurusan Mel, Pemasaran Langsung, Surat Serah Tangan/Surat Iklan dan Penghantaran Kurier/Bungkusan.

Disebabkan oleh senario ekonomi yang mencabar, hasil susut sebanyak 9.5% dengan keuntungan hanya sebanyak RM0.5 juta hasil daripada perolehan berjumlah RM30.4 juta. Penurunan mendadak sebanyak RM2.9 juta ini dicatatkan pada tahun 2010.



Sejajar dengan strategi bisnes melalui penuaian/keluar yang diamalkan Kumpulan di bawah konsep Intrapreneur Venture iaitu untuk memaksimumkan pulangan dan mengurangkan risiko, Pro Office telah dikenal pasti sebagai sebuah syarikat yang berpotensi untuk disusun semula/dijual.

### **KUMPULAN METRO PARKING SEBAGAI PENERAJU UTAMA SERANTAU**

Pengurusan tempat letak kereta merupakan industri yang sangat kompetitif yang sebahagian besar pasaran dikuasai oleh syarikat-syarikat operator ternama. Selain itu, industri ini didominasi oleh pemilik harta tanah yang menguruskan sendiri tempat letak kereta mereka. Walaupun berhadapan pelbagai cabaran, syarikat operator tempat letak kereta yang utama ini masih menunjukkan pertumbuhan yang stabil kerana pasaran harta tanah yang semakin berkembang di rantau ini.

Kumpulan Metro Parking (Metro Parking) yang merupakan sebuah syarikat subsidiari dengan pemilikan 75% ialah terlibat dalam pengurusan tempat letak kereta dan penyediaan perkhidmatan perundingan tempat letak kereta yang meliputi pengurusan dan pengendalian semua jenis kemudahan tempat letak kereta yang merangkumi khidmat yang efisien, rundingan merekabentuk, menjalankan kajian aliran trafik dan memilih peralatan bersesuaian untuk sesebuah tempat letak kereta. Metro Parking secara agresif telah memperluaskan rangkaian bisnes di Malaysia, Singapura, Brunei, Filipina, Hong Kong dan India.

Metro Parking mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan pelbagai jenis tempat letak kereta termasuk di lapangan terbang, bangunan pejabat, kompleks beli-belah, hotel, terminal pengangkutan, pasar awam, hospital, tapak terbuka, terminal jeti, pusat sukan, kawasan rekreasi dan tempat letak kereta jalanan milik majlis daerah/perbandaran tempatan. Antara pelanggan Metro Parking yang terkemuka ialah Kuala Lumpur Sentral di Malaysia, Shaw Centre di Singapura, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan Enterprise Centre di Filipina.

Perkembangan Kumpulan yang kukuh disokong oleh jenamanya yang terkenal dan tahap perkhidmatan kepada pelanggan yang baik, menguasai 25.2% syer pasaran domestik dengan 111 kontrak tempat letak kereta yang diperolehi dan diuruskan pada akhir tahun 2011. Ringkasan bilangan tapak tempat letak kereta dan bilangan ruang letak kereta di bawah Kumpulan Metro Parking pada Mac 2012 adalah seperti berikut:

**Jadual: Bilangan Tapak Tempat Letak Kereta dan Ruang Letak Kereta mengikut Negara**



| Negara        | Syarikat                                   | Bil. Tempat Letak Kereta | Bil. Ruang Letak Kereta | % Ruang Letak Kereta |
|---------------|--|--------------------------|-------------------------|----------------------|
| Malaysia      | Metro Parking (M) Sdn Bhd                  | 111                      | 39,547                  | 59.4                 |
| Singapura     | Metro Parking (S) Pte Ltd                  | 40                       | 10,772                  | 16.2                 |
| Filipina      | Metro Parking Management (Philippines) Inc | 42                       | 8,682                   | 13.0                 |
| Brunei        | Metro Parking (B) Sdn Bhd                  | 16                       | 1,636                   | 2.5                  |
| Hong Kong     | Metro Parking (HK) Limited                 | 7                        | 533                     | 0.8                  |
| India         | Metro Parking Services (India) Pte Ltd     | 7                        | 5,460                   | 8.2                  |
| <b>JUMLAH</b> |  | <b>223</b>               | <b>66,630</b>           | <b>100.0</b>         |

Pada tahun 2011, Kumpulan Metro Parking mencatatkan perolehan yang memberangsangkan berjumlah RM110.9 juta berbanding RM111.8 juta pada tahun sebelumnya. Ia berjaya mencatat keuntungan sebelum cukai yang lebih baik iaitu RM2.9 juta pada tahun 2011 berbanding RM2.3 juta pada tahun 2010. Prestasi yang lebih baik berjaya dicatatkan ekoran pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini termasuklah pengenalan lebih banyak sistem automasi yang bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan penamatkan kontrak tempat letak kereta yang tidak menguntungkan.

Kumpulan Metro Parking telah melaksanakan Skim Intrapreneur di Malaysia, Singapura, Hong Kong dan Filipina untuk pemilikan ekuiti Pengurus Intrapreneur syarikat anak masing-masing. Langkah berani ini adalah sebahagian usaha Kumpulan bagi

memberi tumpuan yang lebih baik dalam meningkatkan kecekapan dan keberkesanan untuk menambah nilai seterusnya menyumbang secara positif kepada keuntungan Kumpulan. Skim intrapreneur ini adalah sebahagian pengiktirafan Kumpulan kepada Pengurus Intrapreneur sebagai sumbangan dalam menyediakan kepimpinan dan menerajui syarikat masing-masing untuk pertumbuhan dan kejayaan bisnes korporat.

Kumpulan Metro Parking juga telah mempelbagaikan dengan mencebur aktifiti sokongan dan sinergi seperti bekalan peralatan tempat letak kereta melalui syarikat anaknya, Metro Equipment Systems (M) Sdn Bhd dan Smart Parking Management Systems Sdn Bhd.

Dalam usaha mengurangkan risiko dan meningkatkan prestasi keseluruhan kumpulan, Metro Parking telah mengambil langkah

## BISNES INTRAPRENEUR

berani dengan melupuskan syarikat anaknya di Indonesia, PT Penata Sarana pada tahun 2011 yang mencatatkan prestasi yang kurang memberangsangkan. Sasaran jangka pendek syarikat adalah untuk mengukuhkan operasi dan meningkatkan keuntungan dengan mendapatkan lebih banyak kontrak yang lebih berkualiti dan meningkatkan syer pasaran terutama di Malaysia dan Filipina.

Ketidaktentuan ekonomi serantau yang berterusan telah mendorong Kumpulan Metro Parking terus mengambil langkah berjaga-jaga dalam memperolehi kontrak baru bagi memastikan pertumbuhan yang berkekalan untuk mencapai pertambahan nilai yang berterusan. Kumpulan Metro Parking akan memanfaatkan jenamanya yang terkenal dan perkhidmatan yang berkualiti bagi meletakkannya sebagai sebuah syarikat pengurusan tempat letak kereta terkemuka di rantau ini. Untuk mencapai misi ini, fungsi pemantauan dan sistem dalaman terutamanya yang berkaitan dengan sumber manusia, kewangan dan audit akan diperkuatkan bagi memastikan ia beroperasi dengan cekap dan berdaya maju. Kumpulan Metro Parking dijangka mencatatkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2012 dan seterusnya.

### EPASA SHIPPING AGENCY SDN BHD

EPASA Shipping Agency Sdn Bhd (Epasa) yang berpangkalan di Pasir Gudang, Johor, secara khususnya terlibat dalam aktiviti berkaitan perkapalan dan penghantaran serta pengurusan perkarangan kontena. Syarikat berkenaan memiliki pengalaman yang luas mengendali pelbagai jenis kargo melalui jalan laut, darat dan udara. Pelanggannya meliputi syarikat perkapalan terkemuka termasuk yang bertaraf antarabangsa seperti Mediterranean Shipping Line Co (M) Sdn Bhd, China Shipping Agency (M) Sdn Bhd dan FPM (M) Sdn Bhd. Perkarangan kontena syarikat meliputi kawasan seluas 5.6 hektar dan mampu mengendalikan kapasiti sebanyak 15,000 TEU sebulan.

Pada tahun 2011, Epasa melaporkan prestasi yang kurang memberangsangkan dengan kerugian sebanyak RM1.4 juta berbanding dengan RM0.1 juta keuntungan yang




dicatatkan pada tahun 2010 disebabkan peruntukan hutang rugi yang tinggi. Pada tahun yang ditinjau, pendapatannya menurun 45% daripada RM9.3 juta yang dicapai pada tahun sebelumnya kepada RM5.1 juta.

Jumlah TEU yang dikendalikan oleh Epasa pada tahun 2011 adalah sebanyak 79,957 TEU atau purata 6,663 TEU sebulan, berbanding 80,057 TEU yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Mediterranean Shipping Line Sdn Bhd dan China Shipping (M) Agency Sdn Bhd kekal sebagai pelanggan utama syarikat yang menyumbang kira-kira 73% kepada jumlah perolehan operasi perkapalan dan penghantaran. Operasi penghantaran terjejas berikutan dengan pengurangan urusniaga oleh pelanggan. Operasi pengangkutan (haulage) telah diberhentikan bermula Julai 2011 kerana operasi tersebut dibelenggu oleh permintaan yang rendah dan kos operasi yang tinggi.

### PENGLIBATAN DALAM SEKTOR BIOTEKNOLOGI MELALUI MICROWELL BIO SOLUTIONS SDN BHD

Penglibatan Sindora dalam sektor bioteknologi adalah melalui pengambilalihan 60% ekuiti Micowell Bio Solutions Sdn Bhd (Micowell)



pada 24 April 2010. Microwell adalah syarikat bioteknologi yang menawarkan kepakaran dalam bidang pemulihan dan pembaikan tanah, perlindungan tanaman dan baja bio. Syarikat juga terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan pengkomersian teknologi kombinasi ke atas bahan organik dan mikro-organisma untuk produk bioteknologi dalam bidang pertanian, akuakultur dan persekitaran. Mikro-organisma dalam baja bio akan menghasilkan nutrien organik yang amat berkesan dalam penyuburan tanah dan memberi perlindungan kepada pokok kelapa sawit daripada penyakit berbahaya seperti *Ganoderma* yang biasanya menyerang ladang-ladang kelapa sawit di seluruh Malaysia. Baja bio mengandungi nitrogen dan pertumbuhan tertentu yang menggalakkkan bahan-bahan seperti hormon, asid organik, asid amino dan sebagainya. Syarikat kini telah berjaya memformulasikan baja bionya sendiri di bawah jenama GroAgro 1 – GroAgro 4 dan sedang mendapatkan hakmilik paten dagangan. Aplikasi percubaan bagi baja bio tersebut telah dijalankan sejak dua tahun lalu dan keputusannya setakat ini adalah amat memuaskan.

Microwell juga mampu memberikan khidmat nasihat teknikal dan perundingan seperti bantuan dalam Amalan Pertanian yang Baik, Amalan Pembajaan Yang Baik, projek pengurusan pembangunan yang bersih, penggubalan input bioteknologi agro, daya maju pasaran produk bioteknologi yang inovatif dan perladangan organik.

Pada tahun 2011, syarikat mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM2.1 juta daripada perolehan berjumlah RM11.1 juta yang merupakan peningkatan besar daripada RM0.2 juta dan RM4.9 juta yang dicatatkan pada tahun 2010. Tumpuan bisnes syarikat adalah kepada penjualan dan pengimportan baja bio daripada pengeluar di Indonesia yang menggunakan formula Microwell sendiri. Pengurus Intrapreneur syarikat adalah seorang penyelidik yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam memformulasikan dan mengeluarkan baja bio.

Keberkesanan baja bio keluaran Microwell dijangka membuka peluang kepada Kumpulan Kulim untuk menggantikan baja berasaskan kimia di seluruh ladang kelapa sawit miliknya.

## BISNES INTRAPRENEUR

Dalam usaha memperluaskan potensi bisnesnya, Microwell telah memulakan usahasama dengan beberapa ladang milik syarikat berkaitan kerajaan untuk menyelidik dan mencari penyelesaian bagi mengatasi masalah berkaitan agronomi selain meningkatkan kesuburan tanah dan produktiviti.

### KUMPULAN SINDORA TIMBER SDN BHD

Sindora Timber Sdn Bhd (Sindora Timber) kini memberi tumpuan kepada aktiviti pengeringan kayu (KD) dengan kapasiti pengeringan sebanyak 400 tan sebulan. Selain itu tumpuan diberikan kepada aktiviti perdagangan kayu gergaji dan kayu kumai terutama bagi pasaran tempatan. Pasaran eksport ke negara Eropah telah tidak diberi keutamaan memandangkan kegawatan ekonomi di negara-negara tersebut masih belum pulih. Kini aktiviti pengeluaran kayu kumai dan kayu beruti berlapis telah dikontrakkan kepada pihak ketiga. Selain itu, Sindora Timber memeterai perjanjian pajakan jangka panjang ladang kelapa sawit dengan Sindora seluas 80 hektar berhampiran Ladang Sungai Simpang Kiri, Yong Peng, Johor.

Aktiviti perladangan kelapa sawit ini merupakan penyumbang utama kepada perolehan dan keuntungan syarikat. Selain itu, Sindora Timber memiliki dua syarikat subsidiari iaitu Jejak Juara Sdn Bhd (JJSB) dan General Access Sdn Bhd (GASB). JJSB adalah syarikat yang mengurus ladang

getah seluas 200 hektar milik Sindora Berhad yang terletak di Kluang, Johor. Manakala GASB terlibat dalam kerja-kerja kontrak am seperti pembangunan serta penanaman semula ladang, pembinaan jalan dan lain-lain kerja awam.

Pada tahun 2011 Kumpulan Sindora Timber mencatatkan perolehan sebanyak RM6.5 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM0.24 juta. Kemerosotan keuntungan kumpulan disebabkan Sindora Timber telah melupuskan pelaburannya dalam Tiram Fresh Sdn Bhd manakala pelaburan dalam GASB pula mengalami kerugian.

Kini Sindora dalam proses melupuskan saham GASB untuk membolehkan syarikat itu diuruskan dan berkembang di bawah kepimpinan Pengurus Intrapreneur. Pendekatan yang diambil adalah yang bersesuaian dengan Pengurus Intrapreneur kerana bisnes ini tidak lagi strategik kepada Kumpulan.

### GRANULAB (M) SDN BHD

GranuLab (M) Sdn Bhd (GranuLab) yang telah diambilai pada tahun 2007, terlibat dalam aktiviti pengeluaran dan pemasaran Tisu Tulang Gantian sintetik di bawah jenama GranuMaS®. Projek berasaskan teknologi tempatan ini adalah hasil usaha penyelidikan bersama di antara SIRIM, Institut Teknologi Nuklear Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia untuk menghasilkan Tisu Tulang Gantian bagi aplikasi pembedahan tulang di dalam prosedur tulang biasa untuk pembedahan Ortopedik, ENT, pergigian, pembedahan plastik dan pembedahan Maxillofacial. Ia merupakan projek pertama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi menerusi SIRIM yang dikomersialkan melalui perkongsian pintar dengan sebuah syarikat tempatan.

GranuMaS® telah menerima akreditasi antarabangsa termasuk American Standards for Testing Materials Standard dan ISO 10993 Series In-Vitro Cytotoxicology and Biocompatibility Tests. Melalui Perjanjian Pelesenan Teknikal dengan SIRIM Berhad, Granulab telah diberi lesen hak eksklusif



untuk mengkomersilkan GranuMaS® selama 10 tahun dengan pilihan penyambungan selama 10 tahun.

GranuLab masih berada di peringkat awal operasi dan GranuMaS® sedang dipromosi secara agresif di pasaran tempatan khususnya di hospital untuk tujuan pembedahan yang memerlukan aplikasi tisu tulang gantian. Pendapatan GranuLab masih rendah berjumlah RM67,000 pada tahun 2011. Namun perbelanjaan pentadbiran adalah tinggi untuk menampung sebahagian besar kos pemasaran dan promosi yang mengakibatkan syarikat menanggung kerugian sebanyak RM1.6 juta berbanding kerugian sebanyak RM1.0 juta pada tahun sebelumnya.

Penggunaan batu kapur Malaysia yang mudah didapati untuk menghasilkan tisu tulang gantian sintetik ini akan membolehkan produk tersebut bersaing secara kompetitif di pasaran antarabangsa. Produk ini juga telah memenangi banyak anugerah di peringkat tempatan mahupun antarabangsa, seperti Anugerah Inovasi Malaysia Perdana Menteri 2007, ISESCO Science Award 2006, Gold Medal-Salon International Des Inventions Geneva (2005), Pingat Perak - Ekspos Sains, Teknologi dan Inovasi (2004), Anugerah Inovasi Terbaik SIRIM 2004 - Kategori – Produk: GranuMaS® dan Anugerah Inovasi Terbaik SIRIM 2004 - Kategori Teknologi.

Projek berkenaan telah menerima sokongan padu kerajaan Malaysia menerusi pengiktirafan Status Bio Nexus pada tahun 2007 serta geran kerajaan berjumlah RM5.2 juta daripada Perbadanan Bioteknologi Malaysia dan Perbadanan Pembangunan IKS. Geran tersebut telah digunakan untuk membantu pembukaan sebuah makmal pengeluaran, aktiviti promosi, kos pensijilan serta latihan yang telah siap pada pertengahan 2011. Sebuah kilang pengeluaran gred perubatan dengan kos RM8 juta yang menghasilkan GranuMaS® di Kota Kemuning, Shah Alam telah berjaya mendapat ISO13485. Syarikat juga dalam proses mendapatkan pensijilan CE Mark bagi membolehkan syarikat untuk menembusi pasaran antarabangsa. Kilang yang dimiliki



syarikat ini merupakan kilang yang pertama mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan produk tisu tulang gantian sintetik bertaraf perubatan di Malaysia serta Asia Tenggara.

GranuLab telah mendapat sambutan positif pelanggan berpotensi semasa aktiviti promosinya seterusnya menerima sokongan daripada Kementerian Kesihatan bagi semua hospital kerajaan untuk menggunakan GranuMaS® dalam prosedur pembedahan tisu tulang gantian. GranuLab juga berusaha mendapatkan hak paten bagi produknya sebagai satu kaedah pemasaran ke arah memanfaatkan pelbagai peluang domestik dan antarabangsa bagi keteguhan dan pertumbuhan korporatnya.

Syarikat ini akan terus menjalin kerjasama erat dengan SIRIM untuk pembangunan produk dan teknologi penggunaan Hydroxyapatite

## BISNES INTRAPRENEUR

(HA) sebagai bahan asas untuk mengeluarkan produk-produk sampingan lain seperti simen tulang. Ia juga akan memeterai perjanjian usaha sama dengan beberapa universiti dan institusi tempatan untuk menggunakan kemudahan makmal syarikat bagi tujuan penyelidikan.

Keunggulan produk tersebut dan pensijilan oleh badan-badan akreditasi antarabangsa, berserta dengan kempen pemasaran yang agresif, pengetahuan mengenai produk dan penambahbaikan produk secara berterusan akan membolehkan produk GranuMas® bersaing secara kompetitif di peringkat antarabangsa.

### MIT INSURANCE BROKERS SDN BHD (MIT)

MIT Insurance Brokers Sdn Bhd (MIT) telah ditubuhkan pada tahun 1973 dan kini adalah syarikat anak Sindora berkuatkuasa 1 Jun 2010. MIT mempunyai lesen di bawah Bank Negara Malaysia untuk pembrokeran Konvensional dan Takaful. Sebagai sebuah syarikat broker insurans tempatan yang berkembang, MIT didaftarkan sebagai kontraktor Bumiputera di bawah Kementerian Kewangan.

MIT dikategorikan sebagai syarikat broker insurans yang kecil tetapi mempunyai potensi yang baik untuk berkembang pesat. Syarikat ini memiliki kepakaran teknikal, pelanggan

yang ternama dan mempunyai kemampuan kewangan. Portfolio pelanggan-pelanggan terpilih yang mendapatkan khidmat dari MIT dalam beberapa tahun sebelum ini terdiri daripada Ranhill Powertron, Serudong Power, Senai Desaru Expressway, Syarikat Prasarana Negara Berhad, PLUS Expressways, Konsortium Lebuhraya Utara-Timur (KESTURI), Gerbang Perdana, Kumpulan Faber, Kumpulan Hektar, Kumpulan DRB Hicom, Jabatan Penerbangan Awam dan banyak lagi. Di samping itu, sebagai sebahagian daripada rangkaian syarikat dalam Kumpulan JCorp, terdapat potensi bisnes yang luas dan menguntungkan yang boleh dimanfaatkan oleh MIT.

Syarikat telah menunjukkan kemajuan setelah Sindora menjadi pemegang saham terbesar. Syarikat telah mencatatkan peningkatan 66.7% perolehannya kepada RM5 juta pada tahun yang ditinjau berbanding RM3 juta pada tahun 2010. Sejajar dengan itu, keuntungan sebelum cukai juga telah meningkat daripada RM23,422 pada tahun 2010 kepada RM987,000 pada tahun 2011.

MIT sedang memberikan tumpuan untuk mengembangkan rangkaian perkhidmatan termasuk di kalangan marin dan lain-lain sektor tenaga, kuasa dan infrastruktur produk yang berkaitan dengan kebijakan pekerja dan lain-lain. Syarikat juga bersedia untuk menjadi salah satu syarikat insurans broker terkemuka di Malaysia.

### Syarikat-Syarikat Bersekutu MM VITAOILS SDN BHD

Sebagai pemegang saham minoriti dengan hanya pemilikan 35% pegangan ekuiti dan tiada perancangan untuk meningkatkan kepentingan dalam MM Vitaolts Sdn Bhd (MM Vitaolts), Sindora menganggap bahawa pelaburan tersebut adalah tidak strategik dan telah memutuskan untuk keluar sepenuhnya daripada syarikat ini. Keputusan ini adalah sejajar dengan strategi penuaian/keluar Sindora untuk mendapatkan semula hasil daripada penjualan pelaburan bagi penerokaan bisnes yang lebih berdaya maju.



## SEKSYEN 7

# TADBIR URUS KORPORAT

TADBIR URUS KORPORAT  
LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT  
RINGKASAN AKTIVITI  
PENYATA PENGURUSAN RISIKO



# TADBIR URUS KORPORAT

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Adalah menjadi dasar Johor Corporation (JCorp) untuk memastikan segala perjalanan operasinya mematuhi tadbir urus korporat yang baik. Perubahan dalam persekitaran bisnes serta cara ia dijalankan menjadi faktor utama pembentukan tadbir urus korporat sesebuah organisasi. Sehubungan itu, JCorp sebagai sebuah perbadanan pelaburan di bawah Kerajaan Negeri Johor, perlu mematuhi undang-undang dan peraturan seperti Enakmen Perbadanan Johor No. 4/1968 (sebagaimana pindaan Enakmen No. 5/1995) dan Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 (Akta 380).

JCorp sentiasa menjalankan amalan tadbir urus korporat yang baik dalam semua aktiviti dan urusniaga bisnes syarikat dalam Kumpulan melalui ahli lembaga pengarahnya, sistem pentadbiran syarikat dan juga semua jawatankuasa tadbir urusnya. JCorp berbangga dengan piawaian tadbir urus korporat dan reputasi yang telah dibina dan percaya semua ini penting bagi membina nilai tanda yang abadi serta mempertahankan nilai pihak-pihak berkepentingan. JCorp juga mengamati piawaian yang tinggi mengenai amalan korporat yang selari dengan prinsip-prinsip dan garis panduan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang telah disemak semula.

JCorp telah meletakkan struktur tadbir urus korporat dengan sistem kawalan dalaman yang jelas, garis pelaporan dan tanggungjawab serta prosedur yang mudah difahami. Berikut adalah gambaran amalan tadbir urus korporat Kumpulan seperti dinyatakan.

### LEMBAGA PENGARAH

#### Komposisi

Selain Pengerusi, Timbalan Pengerusi serta Presiden & Ketua Eksekutif JCorp, Lembaga Pengarah JCorp juga dianggotai oleh tiga pegawai daripada Perkhidmatan Awam Negeri Johor (Setiausaha, Penasihat Undang-Undang dan Pegawai Kewangan Negeri Johor), dua wakil Kerajaan Persekutuan (Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan & Industri dan juga Ketua Pengarah, Unit Perancangan Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri) dan juga tiga pengarah bebas. Semua mereka kecuali Presiden & Ketua Eksekutif merupakan Pengarah Bukan Eksekutif. Mereka bersama-sama menyumbang kemahiran dan kebijaksanaan masing-masing dalam mesyuarat Lembaga Pengarah.

#### Tugas dan Tanggungjawab

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas keseluruhan prestasi JCorp dengan cara menetapkan wawasan dan objektif, memastikan kecukupan serta ketulusan strategi, prestasi kewangan, isu bisnes dan juga sistem kawalan dalaman JCorp.

Seperti termaktub dalam Enakmen, Pengerusi mempunyai peranan berbeza dengan Presiden & Ketua Eksekutif. Presiden & Ketua Eksekutif bertanggungjawab untuk mengawal aliran maklumat antara pihak Lembaga Pengarah dan pengurusan bagi memastikan ia berkualiti dan tepat pada masanya.

Sebaliknya, Pengerusi yang merupakan bukan kalangan pengurusan pula bertanggungjawab bagi memastikan Lembaga Pengarah berfungsi seperti diharapkan. Beliau juga memastikan Lembaga Pengarah dan pengurusan berbincang secara membina mengenai pelbagai perkara terutama berkaitan isu strategik dan proses perancangan bisnes.

#### Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah bermesyuarat mengikut seperti dijadualkan iaitu sekurang-kurangnya empat kali setahun bagi menganalisis prestasi JCorp dan menyelesaikan perkara berkaitan dengan isu dasar dan strategik bisnes dalam JCorp dan syarikat dalam Kumpulannya. Pengerusi boleh memanggil mesyuarat pada bila-bila masa dan akan, atas permintaan bertulis daripada tidak kurang lima orang ahli Lembaga Pengarah, memanggil mesyuarat khas di dalam tempoh satu bulan daripada tarikh permintaan tersebut. Sepanjang tahun 2011, Lembaga Pengarah telah bersidang sebanyak tujuh kali.

Bagaimanapun, JCorp percaya sumbangan setiap pengarah dapat dicerminkan dengan cara selain daripada menghadiri mesyuarat. Oleh itu, JCorp memilih untuk tidak menumpukan semata-mata kepada rekod kehadiran Lembaga Pengarah dalam mesyuarat rasmi kerana ini akan membawa pandangan yang sempit terhadap sumbangan mereka.

#### Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Bagi memastikan kelancaran operasi serta memudahkan membuat keputusan, dan pada masa sama memastikan kawalan yang bersesuaian, Lembaga Pengarah turut disokong oleh lima jawatankuasa lain

iaitu Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Khas Perancangan Strategik, Jawatankuasa Tender serta Jawatankuasa Pelaburan. Fungsi pengurusan pula dipertanggungjawabkan kepada Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Kumpulan (TERAJU) dan pelbagai jawatankuasa tadbir urus lain.

#### Capaian kepada Maklumat

Pengurusan sentiasa menyalurkan maklumat yang mencukupi serta tepat pada masanya kepada Lembaga Pengarah bagi mereka membuat keputusan terhadap sesuatu perkara atau isu. Pengurusan juga menyediakan laporan berterusan berkaitan prestasi operasi dan kewangan Kumpulan.

#### SISTEM PENTADBIRAN SYARIKAT

Semua fungsi kesetiausahaannya dalam syarikat-syarikat milik JCorp diuruskan oleh Pro Corporate Management Services Sdn Bhd (Pro Corporate) - penyedia perkhidmatan kesetiausahaannya korporat bagi syarikat di dalam Kumpulan. Fungsi Pro Corporate ini disokong oleh setiausaha yang berkelayakan dan ia bertanggungjawab untuk memastikan semua syarikat dalam Kumpulan mematuhi segala keperluan berkanun di bawah Akta Syarikat 1965 dan dimana bersesuaian, Keperluan Penyenaraian di Bursa Malaysia dan juga Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti. Ia juga bertanggungjawab untuk memastikan ahli lembaga pengarah mematuhi polisi yang digariskan seterusnya mencapai objektif syarikat. Pelantikan setiausaha syarikat ini ditentukan dan diluluskan oleh TERAJU.

Di samping itu, Pro Corporate bertanggungjawab mentadbir pelantikan para pengarah syarikat setiap tahun. Kriteria-kriteria pelantikan adalah berdasarkan kepada ketetapan seperti mana berikut:

#### Pengarah

- Telah lulus semua peperiksaan wajib;
- Telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama lima tahun.

## TADBIR URUS KORPORAT

### **Timbalan Pengerusi**

- Telah berkhidmat sebagai pengarah sekurang-kurangnya selama lapan tahun berturutan;
- Memegang jawatan sekurang-kurangnya sebagai Pengurus.

### **Pengerusi**

- Telah berkhidmat sebagai pengarah sekurang-kurangnya selama 10 tahun berturutan;
- Memegang jawatan sekurang-kurangnya sebagai Pengurus Besar.

### **JAWATANKUASA-JAWATANKUASA TADBIR URUS**

JCorp sentiasa mendukung struktur dan sistem membuat keputusan berdasarkan prinsip dan amalan Syura. Pejabat Korporat pula memainkan peranan penting bagi memastikan semua keputusan diluluskan oleh jawatankuasa-jawatankuasa berkaitan.

### **Jawatankuasa Tertinggi Pengurusan Kumpulan (TERAJU)**

Jawatankuasa ini dianggotai oleh 11 ahli dan dipengerusikan oleh Presiden & Ketua Eksekutif. Peranannya termasuk membincang dan memutuskan isu-isu strategik JCorp dan juga syarikat-syarikat dalam Kumpulannya.

### **Jawatankuasa Teraju Korporat**

Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Naib Presiden Kanan / Ketua Pegawai Operasi dan dianggotai oleh 12 ahli. Peranan yang dimainkan jawatankuasa ini termasuk mengesahkan keputusan yang dibuat dalam pelbagai jawatankuasa seperti Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) dan sebagainya.

### **Jawatankuasa Eksekutif (EXCO)**

Jawatankuasa ini dianggotai 13 ahli di kalangan pengurusan JCorp dan dipengerusikan oleh Naib Presiden (Divisyen Pembangunan Bisnes). Jawatankuasa ini membincangkan perkara berkaitan operasi serta kewangan dan memajukan cadangan kepada Jawatankuasa Teraju Korporat.

### **Jawatankuasa Pengawasan Pelaburan (JAWS)**

Jawatankuasa ini yang berfungsi untuk membincangkan semua projek serta pelaburan baru dan dianggotai oleh sembilan ahli yang dilantik dari kalangan pengurusan kanan syarikat-syarikat dalam Kumpulan JCorp. Pada masa kini, ia dipengerusikan oleh Pengarah Eksekutif, KPJ Healthcare Berhad.

Di samping empat jawatankuasa utama seperti dinyatakan di atas, terdapat lebih daripada tiga puluh jawatankuasa tadbir urus yang mempunyai fungsi dan terma rujukan masing-masing bagi memantau operasi Kumpulan. Di antara jawatankuasa tersebut adalah seperti Jawatankuasa Teraju Asas Sumber Manusia (TERAS), Jawatankuasa Perancangan Strategik, Jawatankuasa Pemulihan Syarikat, Jawatankuasa Kemudi Korporat (Akaun), Jawatankuasa Laporan Suku Tahunan, Jawatankuasa Meluluskan Surat-surat Perjanjian, Jawatankuasa Penggajian dan Imbuhan Kumpulan, Jawatankuasa Sinergi dan Penstrukturkan Korporat serta Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

### **TADBIR URUS KORPORAT DALAM ENTITI TERSENARAI DALAM KUMPULAN JCOP**

Terdapat tujuh entiti tersenarai dalam Kumpulan JCorp, yang enam daripadanya adalah tersenarai di papan utama Bursa Malaysia iaitu Kulim (Malaysia) Berhad, QSR Brands Berhad, KFC Holdings (Malaysia) Berhad, KPJ Healthcare Berhad, Damansara Realty Berhad, dan Al-Aqar Healthcare REIT. New Britain Palm Oil Limited pula disenarai di Bursa Saham Port Moresby dan juga Bursa Saham London. Sebagai entiti yang tersenarai, syarikat-syarikat ini perlu melaksanakan tadbir urus korporat yang baik serta sentiasa mematuhi pelbagai terma dan syarat yang dikeluarkan oleh bursa saham di mana saham mereka didaftar dan disenaraikan. Setiap syarikat tersenarai ini juga mempunyai ahli lembaga pengarah dan jawatankuasa audit masing-masing.

## KETELUSAN

### Ketelusan dalam proses membuat keputusan

Beberapa contoh pelaksanaan konsep ketelusan termasuk pembangunan infrastruktur maklumat dalam bentuk intranet dan pengurusan pengetahuan. Pengurusan pengetahuan merupakan satu kaedah di mana anggota pekerja berpeluang memberikan pelbagai maklumat menerusi percambahan cadangan dan idea. Melalui Skim Cempaka dan Konvensyen Kualiti, mereka yang menyumbangkan idea berasa dan inovatif yang boleh dilaksanakan akan mendapat pengiktirafan atau ganjaran daripada pihak pengurusan. Selain itu, JCorp mewujudkan saluran komunikasi untuk penyampai maklumat menerusi Borang Perakuan Peradaban yang diharapkan dapat digunakan oleh anggota pekerja untuk menyalurkan maklumat terus kepada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif jika mereka mempunyai sebarang maklumat mengenai salah laku atau penyelewengan di kalangan anggota pekerja.

### Ketelusan terhadap rakan niaga

Bagi menggalakkan ketelusan kepada semua rakan niaga, JCorp memanjangkan Borang Perakuan Peradaban ini kepada para kontraktor dan pembekal.

### Ketelusan dalam penilaian prestasi anggota pekerja

Setiap anggota pekerja dinilai berdasarkan pencapaian KPI individu yang telah dipersetujui pada awal tahun. Jabatan Pembangunan Modal Insan & Pentadbiran bersama dengan setiap Ketua Jabatan yang terbabit akan membentangkan keputusan penilaian tersebut kepada Jawatankuasa Penilaian Prestasi.

JCorp juga menerima pakai sistem Penilaian Timbal Balik di mana Eksekutif Kanan ke atas akan dinilai oleh anggota pekerja bawahan dan juga rakan sekerja.

## AKAUNTABILITI DAN AUDIT

Dalam membentangkan penyata kewangan tahunan, Lembaga Pengarah berhasrat untuk membentangkan penilaian yang tepat dan seimbang berhubung dengan kedudukan kewangan dan prospek Kumpulan. Jawatankuasa Audit pula mengkaji laporan penyata kewangan tahunan bagi memastikan polisi perakaunan yang bersesuaian digunakan secara konsisten dan disokong dengan pertimbangan serta anggaran yang munasabah; dan semua piawaian perakaunan yang diterima pakai telah dipatuhi.

### Kawalan Dalaman

Penyata Kawalan Dalaman yang menyatakan gambaran umum mengenai kawalan dalaman adalah seperti yang dinyatakan pada muka surat 108.

### Perhubungan dengan Juruaudit

Pengarah melalui Jawatankuasa Audit sentiasa memelihara hubungan yang telus dan wajar dengan juruaudit dalaman dan luaran. Peranan Jawatankuasa Audit berhubung dengan juruaudit ini digambarkan dalam Laporan Jawatankuasa Audit sebagaimana pada muka surat 106.

# LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

## KOMPOSISI

Jawatankuasa Audit dipengerusikan Datin Paduka Zainon Haji Yusof, seorang Pengarah Bebas. Ahli jawatankuasa lain pula terdiri daripada Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil dan Zainah Binti Mustafa, masing-masing merupakan ahli Lembaga Pengarah Bebas syarikat-syarikat tersenarai luar dan dalam Kumpulan Johor Corporation (JCorp). Ketua Audit Kumpulan merupakan Setiausaha kepada jawatankuasa ini.

Tan Sri Datuk Dr. Hadenan merupakan bekas Ketua Audit Negara dan Zainah Mustafa pula ahli fello Association of Chartered Certified Accountant (ACCA) United Kingdom.

## KEHADIRAN MESYUARAT

Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun. Presiden & Ketua Eksekutif JCorp menghadiri mesyuarat atas jemputan. Pada tahun 2011, Jawatankuasa telah mengadakan tiga kali mesyuarat sebagaimana berikut:

|  | TARIKH MESYUARAT |           |             |
|--|------------------|-----------|-------------|
|  | 25 Mac           | 3 Oktober | 16 Disember |
| Datin Paduka Zainon Hj Yusof dilantik mulai 15 Ogos 2011 |                  | ✓         | ✓           |
| Datuk Dr Haris Salleh bersara pada 30 Jun 2011           | ✓                |           |             |
| Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil                        | ✓                | ✓         | ✓           |
| Zainah Mustafa   | ✓                | ✓         | ✓           |

## TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Peranan Jawatankuasa Audit ini termasuklah:-

### Kawalan Dalaman

- Menimbang keberkesanan kawalan dalaman syarikat ke atas laporan kewangannya termasuklah kawalan dan keselamatan teknologi maklumat;
- Memahami skop pemeriksaan juruaudit dalaman dan luaran ke atas kawalan dalaman bagi perkara-perkara berikut:
  - Kebolehpercayaan dan ketepatan laporan kewangan;
  - Keberkesanan dan kecekapan operasi;
  - Pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan;
  - Perlindungan harta-harta syarikat.

### Audit Dalaman

- Meneliti laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Kumpulan JCorp (IAC);
- Meneliti kecukupan skop, fungsi dan sumber-sumber audit dalaman yang membolehkannya untuk melaksanakan pengauditan;
- Menimbang penemuan audit yang penting daripada siasatan dalaman dan maklum balas pengurusan;
- Jika perlu, mengadakan pertemuan berasingan dengan Ketua Audit Kumpulan untuk membincangkan sebarang perkara yang mana kedua-dua pihak percaya ianya perlu dibincangkan secara tertutup.

### Audit Luaran

- Mengadakan pertemuan berasingan dengan juruaudit luaran untuk membincangkan sebarang perkara yang mana kedua-dua pihak percaya ianya perlu dibincangkan secara tertutup;
- Meneliti laporan juruaudit luar dan juga ulasan pengurusan;
- Meneliti pelantikan juruaudit luar, yuran audit dan sebarang kemusykilan berkaitan dengan perletakan ataupun pemecatan juruaudit sebelum membuat cadangan kepada Pengarah;
- Berbincang dengan juruaudit luar sebelum kerja-kerja audit dijalankan; jenis dan skop audit serta memastikan wujudnya penyelarasian jika lebih daripada satu firma audit terlibat dalam pengauditan.

### Penyata Kewangan

- Meneliti laporan kewangan tahunan JCorp dengan tumpuan diberikan khususnya ke atas:-
  - Perubahan dalam polisi dan amalan perakaunan;
  - Pelarasian penting yang timbul daripada audit;

- Andaian operasi yang berterusan; dan
- Pematuhan kepada piawaian perakaunan dan lain-lain keperluan perundangan.

### Pengurusan Risiko

Meneliti laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan membincangkan sebarang risiko atau pendedahan penting serta menilai tindakan-tindakan yang diambil oleh pengurusan untuk mengurangkan risiko tersebut.

### Tanggungjawab Lain

Menjalankan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan terma rujukan serta tugas-tugas lain seperti yang diminta dan ditakrifkan oleh Pengarah.

### Penyata Kewangan

- Meneliti laporan kewangan tahunan JCorp dengan tumpuan diberikan khususnya ke atas:-
  - Sebarang perubahan dalam polisi dan amalan perakaunan;
  - Sebarang pelarasian signifikan daripada pengauditan yang dijalankan;
  - Prinsip andaian berterusan; dan
  - Pematuhan kepada piawaian perakaunan dan lain-lain keperluan perundangan.

### Pengurusan Risiko

Meneliti laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan membincangkan sebarang risiko atau pendedahan penting serta menilai tindakan-tindakan yang diambil oleh pengurusan untuk mengurangkan risiko tersebut.

### Tanggungjawab Lain

Menjalankan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan dengan terma rujukan serta tugas-tugas lain seperti yang diminta dan ditakrifkan oleh Pengarah.

# RINGKASAN AKTIVITI

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Audit sepanjang Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2011 adalah seperti berikut:-

- Meneliti laporan mesyuarat IAC yang diadakan pada 4 Mac, 22 Ogos dan 6 Disember 2011;
- Meneliti dan meluluskan Perancangan Audit Dalaman Tahunan;
- Membincangkan masalah-masalah dan juga perkara-perkara yang timbul semasa audit dijalankan, dan sebarang perkara yang mana kedua-dua juruaudit dalaman dan luaran berhasrat untuk membincangkannya secara tertutup;
- Meneliti kecukupan skop, fungsi dan sumber juruaudit luaran, dan bahawa ia mempunyai kuasa yang diperlukan untuk menjalankan tugasnya;
- Meneliti keputusan audit akhir tahun oleh juruaudit luar serta membincangkan penemuan dan perkara-perkara lain yang menjadi perhatian mereka;
- Meneliti laporan Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang diadakan pada 22 Mac, 25 Ogos and 14 Disember 2011.

## PENYATA KAWALAN DALAMAN

Sistem Kawalan Dalaman (PERKASA) JCorp memastikan bahawa setiap aset adalah terpelihara, rekod perakaunan diselenggara dengan sewajarnya dan segala maklumat kewangan yang digunakan adalah boleh dipercayai.

Tanggungjawab Jawatankuasa Audit dilengkapi oleh tugas-tugas yang dijalankan oleh IAC, Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan juga jawatankuasa audit di syarikat-syarikat tersenarai yang terbabit.

Jawatankuasa Audit juga meneliti keberkesanan sistem kawalan dalaman Kumpulan dari aspek risiko perniagaan utama dan juga kewangan yang memberi kesan terhadap operasi. Berdasarkan kepada laporan juruaudit dalaman, Jawatankuasa Audit berpuashati bahawa wujudnya kawalan dalaman yang mencukupi di dalam Kumpulan.

## CIRI-CIRI UTAMA SISTEM KAWALAN ADALAH:

### Rangka Kerja Kawalan

Strategi Kumpulan dirumus secara teratur oleh pihak pengurusan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pengurusan bertanggungjawab sepenuhnya untuk melaksanakan perancangan, mengenalpasti risiko dan memastikan wujudnya langkah-langkah kawalan yang sesuai. Ini dicapai melalui struktur organisasi yang jelas menyatakan tanggungjawab, bidang kuasa dan prosedur pelaporan.

Kumpulan menerima pakai Rangka Kerja Kawalan Dalaman *The Committee of the Sponsoring Organisation of the Treadway Commission's (COSO)* dan mempunyai manual polisi dan prosedur berkaitan perakaunan dan kewangan, perwakilan kuasa dan tahap bidang kuasanya, operasi hartaanah dan pengurusan sumber manusia.

### Pelaporan Kewangan

Belanjawan terperinci disediakan oleh setiap Bahagian dan disemak oleh Jawatankuasa Perancangan Strategik sebelum Belanjawan Yang Disatukan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Hasil atau keputusan KPI dan operasi disediakan dan dipantau dengan membandingkannya dengan belanjawan yang telah dibuat.

## Kawalan Operasi

Pasukan pengurusan Kumpulan memastikan entiti di bawah kawalan mereka beroperasi berdasarkan kepada garis panduan yang direka untuk mencapai kecekapan operasi dan keberkesanannya perkhidmatan yang optimum, dan keputusan kewangan yang dirancangkan. Kawalan yang khusus juga tersedia ada bagi memastikan pengurusan kewangan yang berhemat serta melindungi aset-aset daripada kerugian fizikal, dan menginsurankannya pada tahap yang wajar.

## Penilaian Pelaburan

Kumpulan telah menyediakan prosedur yang jelas berhubung dengan kelulusan pelaburan dan perbelanjaan modal lain. Perbelanjaan yang dirancang dinyatakan dalam belanjawan tahunan. Kelulusan ke atas perbelanjaan modal dibuat mengikut peruntukan bidang kuasa yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Semua cadangan pelaburan yang utama adalah tertakluk kepada penelitian oleh kedua-dua jawatankuasa Panel dan juga Jawatankuasa Utama JAWS sebelum dibentangkan dalam mesyuarat TERAJU dan Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

## Memantau Kawalan

Keberkesanannya sistem kawalan dalaman kewangan dan prosedur operasinya dipantau oleh pengurusan dan diaudit oleh fungsi Pematuhan Korporat Kumpulan (GCA). GCA menggunakan perancangan audit berdasarkan risiko - satu pendekatan di mana juruaudit memberi tumpuan terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi (sama ada bermanfaat atau sebaliknya) ke atas pencapaian objektif organisasi dan operasinya. Skop pengauditannya termasuk ke atas risiko tersebut sendiri dan kaedah di mana risiko tersebut ditadbir, diurus serta dikawal. Ia kemudian melaporkan segala kelemahan kawalan dalaman kepada IAC atau Jawatankuasa Audit dan memantau terhadap pelaksanaan cadangan bagi tujuan penambahbaikan.

## AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman dijalankan oleh GCA dengan dibantu oleh jabatan audit dalaman

syarikat-syarikat tersenarai masing-masing. GCA merancang jadual lawatan auditnya setiap tahun melalui rundingan dengan pihak pengurusan (tetapi bebas daripadanya) dan perancangan tersebut dibentangkan kepada IAC atau Jawatankuasa Audit untuk kelulusan.

JCorp juga merupakan ahli korporat dalam Institut Juruaudit Dalaman Malaysia. Secara tidak langsung, GCA juga mematuhi Piawaian Audit Dalaman Profesional Antarabangsa dan telah menerimapakai piawaian ini semasa melaksanakan pengauditan. Piawaian tersebut meliputi keperluan-keperluan berikut:

- Kebebasan
- Kecekapan Profesional
- Skop kerja
- Pelaksanaan kerja audit
- Pengurusan aktiviti Audit Dalaman

Aktiviti audit dalaman GCA juga telah diiktiraf sebagai Generally Conform terhadap piawaian tersebut. Bagi memastikan aktiviti audit dalaman dijalankan oleh mereka yang profesional lagi cekap serta memastikan pengetahuan teknikal mereka relevan dan terkini, GCA juga menyediakan peluang latihan dan pembangunan yang bersesuaian kepada anggota pekerjanya, termasuklah program Juruaudit Dalaman Bertauliah. Terdapat seramai 12 juruaudit bertauliah yang sedang berkhidmat di dalam Kumpulan pada masa kini.

## PENYATA PENGURUSAN RISIKO

Fungsi utama pengurusan risiko di JCorp adalah untuk memberikan sumbangan mapan terhadap pencapaian objektif korporat JCorp dan Kumpulan serta membantu hala tuju strategiknya. JCorp juga komited dalam membina falsafah dan budaya organisasinya bagi memastikan keberkesanannya pengurusan risiko perniagaan dan kecekapan pengurusan melalui aktiviti-aktiviti di dalam Kumpulan. Pengurusan risiko membolehkan JCorp dan Kumpulannya memanfaatkan kesempatan ke atas peluang-peluang dalam meningkatkan hasil

## RINGKASAN AKTIVITI

dan keluarannya bagi memastikan setiap risiko yang diambil adalah berdasarkan kepada keputusan bermaklumat dan juga analisis yang realistik dan praktikal ke atas impak sesuatu risiko.

Mengurus kesinambungan bisnes adalah juga sebahagian daripada pengurusan risiko yang ditekankan oleh JCorp dan Kumpulan untuk memastikan wujud kesinambungan di dalam proses bisnes utama di mana ia perlu sebagai sumbangan kepada pencapaian objektif-objekif JCorp dan Kumpulan.

JCorp dan Kumpulan menyedari bahawa ia bertanggungjawab menguruskan secara sistematis serta meninjau secara kerap profil risikonya pada sudut strategik, kewangan dan operasi. Ini dilakukan dengan membangunkan / menerima pakai rangka kerja pengurusan risiko dalam menentukan semua proses dan mengenal pasti cara-cara untuk melaksanakan objektifnya. Dengan itu, JCorp dan Kumpulan bukan sahaja berhasrat untuk meminimumkan risikonya malah dapat memaksimumkan peluang-peluang yang ada.

### Objektif Pengurusan Risiko

- Mengenalpasti serta menguruskan risiko yang sedia ada dan risiko baru secara terancang dan tersusun dengan halangan dan kos yang minima (pendekatan ini penting terutamanya bagi JCorp yang memberi tumpuan terhadap segala perubahan dan peluang ke atas polisi dan wawasan kerajaan terhadap sektor korporat);
- Memupuk budaya kesedaran risiko yang menggalakkan semua anggota pekerja untuk mengenalpasti risiko dan mengambil peluang serta bertindakbalas terhadapnya secara berkesan;
- Boleh dianggap oleh kerajaan negeri dan Persekutuan sebagai peneraju di kalangan agensi kerajaan melalui amalan terbaik pengurusan risiko dan pematuhan terhadap undang-undang.

### Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

RMC telah ditubuhkan dalam tahun 2008 bertujuan untuk mengurus, mengenalpasti serta memantau risiko-risiko yang dihadapi oleh JCorp dan Kumpulan. Tanggungjawab utama RMC adalah untuk membantu Lembaga Pengarah dalam mengenal pasti dan menguruskan risiko-risiko utama JCorp.

Bagi tahun pelaporan berakhir pada 31 Disember 2011, tiga mesyuarat telah diadakan iaitu pada bulan Mac, Ogos dan Disember 2011.

### Tugas dan Tanggungjawab

- Menyelia prosedur dan amalan dalam mengenalpasti, menilai, mengurus dan memantau pendedahan risiko.
- Memberi nasihat kepada pihak pengurusan dari semasa ke semasa berkaitan dengan jenis-jenis sumber dan kawalan dalaman yang diperlukan bagi menurunkan tahap risiko yang dihadapi.
- Melaporkan kepada Lembaga Pengarah secara tetap berhubung isu-isu yang berkaitan dengan risiko JCorp dan Kumpulan.
- Mengenal pasti dan menilai risiko utama yang dihadapi oleh setiap unit bisnes JCorp dan Kumpulan dengan cara yang sistematis.
- Menilai potensi peluang dan mengawal risiko.
- Membangun dan melaksanakan strategi pengurusan risiko yang khusus dan menentukan tanggungjawab bagi setiap pelan dan tindakan untuk menguruskan risiko utama dalam unit bisnes.
- Meninjau secara dwi-bulanan trend risiko, status pelan tindakan dan laporan yang dikemaskini kepada Lembaga Pengarah.

### Pengurusan Risiko Enterprais (ERM)

Skop rangka kerja pengurusan risiko adalah menyeluruh. Rangka kerja ini diuruskan oleh unit ERM. Unit ini bertanggungjawab ke atas polisi dan rangka kerja ini dengan mendapatkan input daripada mereka yang terlibat.

### Tugas dan tanggungjawab Unit ERM

- Pengurusan proses mengenalpasti dan memantau risiko JCorp dan Kumpulan.
- Menyelenggara Daftar Risiko.
- Bertanggungjawab untuk membangun, melaksana dan menyebarluaskan Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Pematuhan.
- Membangunkan kaedah bagi membantu komuniti JCorp untuk melaksanakan amalan terbaik berhubung risiko dan pematuhan.
- Menyediakan peluang latihan yang mencukupi kepada semua anggota pekerja bagi memupuk budaya kesedaran risiko di dalam JCorp dan Kumpulan.
- Menerbit dan mengedarkan maklumat berhubung Pengurusan Risiko dan Pematuhan bagi makluman anggota pekerja atas isu yang berkaitan.

Pada masa ini, JCorp dan Kumpulan menggunakan sistem berasaskan web secara atas talian yang dikenali sebagai *JCorp Risk Information System (KRIS)*. Sistem ini telah dibangunkan pada tahun 2009 bagi memudahkan proses mengemas kini Daftar Risiko pada setiap suku tahunan. Walau bagaimanapun berkuatkuasa mulai 30 Jun 2011, kekerapan mengemaskini Daftar Risiko telah ditingkatkan daripada suku tahunan kepada dwi-bulanan. Penambahbaikan ini

bertujuan untuk memberi peluang kepada JCorp dan Kumpulan untuk mengemas kini profil risiko dengan lebih kerap bagi membolehkan keputusan dilakukan dengan lebih tepat. Risiko tersebut akan sentiasa diteliti dari semasa ke semasa di peringkat syarikat masing-masing. Seterusnya risiko ini akan disusun, dibahas dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah.

### Jenis-Jenis Risiko

JCorp telah mengklasifikasikan risiko kepada lima jenis seperti berikut:

#### 1. Risiko strategik

Fakta-fakta luaran dan dalaman yang mungkin mempunyai kesan yang signifikan dalam mencapai objektif strategik yang utama. Punca-punca bagi risiko ini adalah keadaan ekonomi negara dan global terutamanya dasar kerajaan. Kebiasaannya, risiko ini tidak boleh diramal atau dipantau melalui prosedur operasi yang sistematik. Kekurangan amaran awal dan keperluan untuk tindakan segera kerapkali digunakan untuk mengurus risiko ini. Oleh itu, adalah perlu ia dikenalpasti dan dipantau oleh pengurusan kanan sebagai sebahagian dari perancangan strategik dan mekanisme kajian semula. Risiko strategik ini juga dikenali sebagai risiko perniagaan.

#### 2. Risiko operasi

Merupakan risiko yang wujud dalam aktiviti-aktiviti berterusan yang dilakukan dalam sebuah organisasi. Ia merupakan risiko yang berkaitan dengan perkara-perkara seperti prestasi operasi harian bagi anggota pekerja, risiko yang wujud dalam struktur organisasi dan bagaimana operasi utama syarikat dilaksanakan.

## RINGKASAN AKTIVITI

### 3. Risiko projek

Risiko yang berkaitan dengan projek-projek khusus, kadangkala berjangka masa pendek dengan peningkatan modal yang agak ketara, pengambilalihan aset atau bisnes, perubahan pengurusan, pergabungan serta projek utama IT. Walau bagaimanapun, risiko khusus yang berkaitan dengan pengurusan projek biasanya diwakilkan kepada pengurus projek untuk perhatian dan tindakan mereka. Sekiranya risiko projek ini dapat diuruskan dengan cekap, ia dapat menjimatkan masa dan kos.

### 4. Risiko kewangan

Risiko berkaitan aliran tunai dan sumber kewangan yang tidak diuruskan dengan cara yang efektif. Obligasi kewangan JCorp yang paling utama adalah untuk menebus Bon Islam yang telah diterbitkan di bawah Pelan Induk Penstruktur Korporat (PIP). Dengan itu JCorp kini perlu mengukur serta menilai semua obligasi dan akhirnya mengurus risiko-risiko ini secara kaedah Enterprise Wide.

### 5. Bencana

Risiko yang boleh memberi kesan kepada organisasi seperti tindakan undang-undang dan bencana alam.

### Prosedur

JCorp mempunyai lima kaedah utama merawat risiko secara efektif sebagaimana berikut:

- a) Menerima risiko dan membuat keputusan untuk tidak mengambil apa-apa tindakan;
- b) Menerima risiko tetapi mengambil beberapa tindakan untuk mengurangkan atau meminimakan kebarangkalian atau impak;
- c) Memindahkan risiko kepada individu atau organisasi lain, sebagai contoh menggunakan khidmat luaran untuk menjalankan sesuatu aktiviti;
- d) Menginsurangkan risiko berkenaan;
- e) Mengelakkan risiko dengan berhenti daripada melaksanakan aktiviti yang menyebabkan berlakunya risiko tersebut.

Bagaimana JCorp memutuskan untuk mengurus sesuatu risiko akan ditentukan berdasarkan penilaian risiko yang sistematis di mana jadual kebarangkalian dan kesan (atau impak) diaplikasikan ke atas setiap risiko. JCorp telah mengenalpasti kebarangkalian dan impak ke atas risiko berkaitan sebagaimana yang telah digariskan dalam Rangka Kerja Pengurusan Risiko dan Pematuhan. Di samping menilai jadual kebarangkalian dan kesan, keberkesanan kawalan dalaman juga perlu dipertimbangkan dalam mengenalpasti tahap risiko sedia ada dalam tempoh 12 bulan.

# **SEKSYEN 8**

**PEMBANGUNAN MODAL INSAN  
SARI PERISTIWA PENTING 2011  
LIPUTAN JCOP Dalam MEDIA  
ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN  
SEJARAH KORPORAT**



# PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Kumpulan Johor Corporation (JCorp) kini mempunyai lebih 78,000 anggota pekerja yang berkhidmat di dalam serta di luar negara. Peluang pekerjaan dan kerjaya dalam JCorp adalah meluas merangkumi pelbagai industri yang mana Kumpulan JCorp mengambil bahagian. Pakej imbuhan untuk anggota pekerja juga dititikberatkan supaya setanding dengan yang ditawarkan oleh pasaran dan industri.

JCorp membina satu pasukan yang sepakat dan bergerak ke arah satu matlamat serta wawasan perjuangan yang sama. Selain itu, JCorp mengutamakan kepentingan ummah dan ini memerlukan anggota pekerja yang menjunjung nilai-nilai murni termasuk amanah dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawabnya. JCorp turut memikul tanggungjawab sebagai badan amanah dan bertanggungjawab untuk kepentingan masyarakat, bangsa serta agama dan bukan hanya mengejar keuntungan semata-mata.

Hakikat ini menuntut tahap komitmen serta pengorbanan yang jitu daripada semua lapisan anggota pekerja. Mereka juga perlu menitikberatkan tahap kemahiran yang tinggi dan berkebolehan serta berterusan melangkaui generasi malah zaman dan ini terbukti sepanjang tempoh 41 tahun kewujudan JCorp. Bagi tahun 2011, sekali lagi organisasi merekodkan kejayaan cemerlang. Dalam tempoh 41 tahun JCorp beroperasi, organisasi ini melalui pelbagai cabaran, liku serta merasai pahit maung serta meraikan kejayaan sekaligus semua ini memberi kelebihan kepada seluruh anggota pekerjanya iaitu memiliki pengalaman dan kemahiran. Sesungguhnya rahsia kejayaan JCorp sehingga boleh bertahan dan berkhidmat selama 41 tahun adalah terletak pada anggota pekerja yang terus berdaya maju serta tinggi daya juang dan komitmennya. JCorp memberi inisiatif bagi membolehkan anggota pekerja menjalani latihan dan mempertingkatkan kemahiran (*employee engagement*) menjadi ramuan atau komponen kepada faktor kejayaan yang akan diteruskan.

Anggota pekerja yang memberikan sepenuh komitmen dan daya usaha kepada JCorp merupakan tunggak kekuatan JCorp. Dengan aspirasi menjadi majikan pilihan (*preferred employer*), JCorp mengharapkan anggota pekerja menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin demi kepentingan organisasi melalui penglibatan anggota pekerja (*employee engagement*).

## PENGLIBATAN ANGGOTA PEKERJA

Dalam mengukuhkan penglibatan anggota pekerja dalam JCorp, banyak perkara yang dilaksanakan dalam memastikan sesuatu yang dirancang dapat berjalan dengan lancar. Antara tindakan yang dijalankan adalah seperti berikut:

### a) TAHAP KEPUASAN ANGGOTA PEKERJA 2011

Kajian Tahap Kepuasan Anggota Pekerja JCorp dilaksanakan pada 13 dan 14 Oktober 2011 bagi mengukur tahap kepuasan dan mendapatkan maklum balas daripada anggota pekerja. Penyertaan seramai 99% daripada anggota pekerja merupakan satu tanda bahawa anggota pekerja selesa untuk memberikan pandangan mereka dan percaya ia akan digunakan ke arah penambahbaikan dalam JCorp.

Hasil kajian itu dibentangkan kepada semua anggota pekerja bagi mendapatkan pandangan dan cadangan balas. Ini bertujuan supaya anggota pekerja akan melibatkan diri dalam proses perubahan yang dilaksanakan oleh organisasi.

Antara tindakan awal yang diambil adalah pelaksanaan skim gaji yang baru yang lebih kompetitif setanding di pasaran. Pelaksanaan kajian gaji ini adalah untuk memperbaiki kerjaya, hasil dan pendapatan anggota pekerja supaya lebih rasional dengan tugas yang dijalankan. Penstruktur semula organisasi juga dilaksanakan bagi memperkuatkkan jabatan dan organisasi dengan mengambil kira pengalaman anggota pekerja yang berkaliber.

**b) LATIHAN & PEMBANGUNAN KERJAYA**

Anggota pekerja amat digalakkan untuk mengikuti program latihan yang boleh mempertingkatkan ilmu dan kemahiran mereka dalam menjalankan tugas yang diamanahkan sekaligus membantu dalam peningkatan mutu anggota pekerja JCorp.

Untuk itu, JCorp memperuntukkan 5% daripada jumlah keseluruhan emolumen tahunan angota pekerja sebagai belanjawan untuk latihan dan pembangunan angota pekerja. Juga JCorp telah menetapkan purata jam berkursus untuk angota pekerja sebanyak 40 jam setahun.

Selain itu, terdapat modul latihan yang disediakan untuk memberi peluang meningkatkan kerjaya seperti Kursus Pengarah yang mana selain dapat meningkatkan pengetahuan dalam pengurusan, angota pekerja juga berpeluang untuk dipilih menjadi Pengarah Syarikat dalam Kumpulan JCorp.

Anggota pekerja juga digalakkan untuk memperbaiki tahap pendidikan dengan melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi atau untuk mengambil program profesional seperti ICSA, ACCA dan sebagainya.

Dengan adanya modal insan yang kompeten dan berkaliber, dapat membantu JCorp untuk mempunyai pelapis pemimpin dari segi operasi, pentadbiran, pengurusan dan pelbagai lagi tugas-tugas yang disandang demi kemajuan JCorp yang akan datang.



**PENERAPAN NILAI & BUDAYA**

JCorp mengutamakan penerapan nilai-nilai Islam dalam tugas-tugas yang dilakukan dan nilai-nilai murni yang patut diamalkan oleh semua pihak. Banyak aktiviti untuk memantapkan kerohanian angota pekerja seperti Kuliah Zuhur oleh Eksekutif Agama dan solat hajat yang diadakan selepas solat Zuhur.

Selain itu, angota pekerja diterapkan nilai murni untuk bergaul dan berdamping dengan pelbagai lapisan masyarakat melalui Majlis Bacaan Yasin dan Tahfiz sempena menyambut Ulang Tahun Ke-40 Johor Corporation. Penglibatan Briged Waqaf yang dianggotai oleh angota pekerja Kumpulan JCorp juga memberi peluang mereka memberikan bantuan dan khidmat bakti kepada masyarakat yang ditimpa bencana dan kurang bernasib baik.

Dalam memastikan terus berkembang dan berjaya, JCorp memberi seluas peluang kepada semua angota pekerja memainkan peranan masing-masing.

# SARI PERISTIWA PENTING 2011

## JANUARI

### 6 Januari 2011

- Majlis Pedoman Johor Corporation diadakan di Dewan Tanjung Puteri 303, Persada Johor.

### 27 Januari 2011

- Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA)\*
- Kulim (Malaysia) Berhad telah memenangi Anugerah Kecemerlangan Keseluruhan bagi Laporan Tahunan Terbaik dan Anugerah Kecemerlangan Industri bagi Syarikat Papan Utama di bawah kategori Perladangan dan Perlombongan\* dalam NACRA 2010 pada majlis penganugerahan yang telah berlangsung di Pusat Konvensyen Sime Darby, Kuala Lumpur.
- Johor Corporation juga telah disenarai pendek sebagai calon bagi merebut Anugerah Khas Syarikat Tidak Tersenarai.

### 28 Januari 2011

- Majlis serah sumbangan penajaan JCorp dan syarikat dalam Kumpulan kepada Persatuan Bolasepak Negeri Johor (PBNJ) di Dataran Labis, Segamat, Johor.

## FEBRUARI

### 19 FEBRUARI 2011

- Perasmian Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang Kali Ke-16, 2011 oleh DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor di Bukit Layang-Layang, Taman Bandar, Pasir Gudang.

### 25 FEBRUARI 2011

- Majlis Perasmian Program Hari BISTARI 2011. Majlis disempurnakan oleh Tuan Haji Kamaruzzaman Bin Abu Kassim, Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp di Tanjung Puteri 301, Persada Johor.

## MAC

### 4 MAC 2011

- Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Ibu Pejabat Sempena Sukan JCorp 2011 disempurnakan oleh Tuan Haji Abdul Rahman Sulaiman, Naib Presiden Eksekutif (Pembangunan Bisnes) JCorp bertempat di Kuala Danga 207, Persada Johor.

### 11 MAC 2011

- Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1432 anjuran Persatuan Peniaga-Peniaga Melayu Pasar Awam Larkin, Johor Bahru di Aras 2, Ruang Promosi, Pasar Awam Larkin, Johor Bahru.



## 24 MAC 2011

- Lawatan dari Koperasi Permodalan Melayu Negeri Johor Berhad (KPMNJ). Taklimat lawatan dilakukan oleh Tuan Haji Rahman Sulaiman, Naib Presiden Eksekutif (Pembangunan Bisnes) JCorp di Bilik Tanjung Puteri 306, Persada Johor.

## 25 MAC 2011

- Mesyuarat Agung Tahunan Mutiara Johor Corporation Kali Ke-18 dipengerusikan oleh YBhg Puan Hajah Noor Laila Yahaya, Pengurus Mutiara JCorp. Majlis diadakan di Dewan Utama, Kompleks Mutiara JLand, Johor Bahru.

## 30 MAC 2011

- Majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara Multimedia Development Corporation (MDeC) bersama Global Coalition for Efficient Logistics (GCEL). YB Dato' Mukhriz Tun Mahathir sebagai saksi dan YBhg Datuk Badlisham Ghazali, Ketua Pegawai Eksekutif & Ketua Pengarah MDeC, turut hadir. Majlis berlangsung di Hotel Hilton, Kuala Lumpur.

## 31 MAC 2011

- Mesyuarat Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation Kali Ke-157 dipengerusikan oleh YAB Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor, merangkap Pengurus Johor Corporation. Majlis berlangsung di Bilik Sekijang 403, Persada Johor.

## APRIL

### 12 April 2011

- Cabaran Catur BISTARI Peringkat Saringan Universiti Utara Malaysia di DPP Tradewinds, UUM.

### 14 April 2011

- Pertandingan Menembak Iskandar Shoot 2011 bertempat di Ladang REM Kota Tinggi. Majlis anjuran bersama Persatuan Menembak Clay Target Johor (PMCTJ) & Jabatan Pelancongan Negeri Johor.

### 20 April 2011

- Seminar Halal Negeri Johor 2011 bertempat di Dewan Besar Pusat Islam Iskandar Johor, Johor Bahru dan diuruskan oleh IPPJ Sdn Bhd.

### 22 APRIL 2011

- Pameran JCorp sempena Program Hari Terbuka Iskandar Malaysia diadakan di Atrium City Square, Johor Bahru.

### 25 APRIL 2011

- Lawatan dari Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) ke ibu pejabat JLand Bhd dan Bandar Dato' Onn, Johor Bahru.



## SARI PERISTIWA PENTING 2011

### 29 APRIL 2011

- Majlis lawatan dari Suruhanjaya Tinggi Kanada bertempat di Bilik Sekijang 403, Persada Johor. Taklimat disampaikan oleh Tuan Haji Zulkifli Ibrahim (Naib Presiden Kanan).

### MEI

#### 3 MEI 2011

- Sesi Intrapreneur bersama Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation bertempat di Selesa Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.

#### 6 MEI 2011

- Majlis Penutup Program Pemantapan SISWA BISTARI bertempat di Dewan Teratai, Hotel Selesa Pasir Gudang.

#### 7 MEI 2011

- Majlis Perasmian Karnival Tanjung Leman GP Joran 2011, di Tanjung Leman, Mersing.

#### 8 MEI 2011

- Majlis Penutup Karnival Tanjung Leman GP Joran 2011 di Tanjung Leman, Mersing. Majlis disempurnakan oleh DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor.

### 10 MEI 2011

- Majlis Perasmian Pembukaan Pasaraya Komuniti @ mart Kempas. Majlis disempurnakan oleh YAB Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor.

### 13 MEI 2011

- Lawatan dari Duta Besar Amerika Syarikat ke Malaysia. Taklimat disampaikan oleh Tuan Haji Yusof Rahmat, Pengarah Urusan TPM Technopark. Majlis berlangsung di Bilik Sekijang 403, Persada Johor.

### JUN

#### 5 JUN 2011

- Pameran Karnival Ekspo Johor Bagus 2011 dan Konvensyen Ekonomi bertempat di Hotel Puteri Pacific Johor Bahru. Majlis itu anjuran Biro Ekonomi, Keusahawanan dan Perumahan UMNO Bahagian Tebrau.

#### 10 JUN 2011

- Majlis perasmian KFCH International College Johor Bahru. Ia dirasmikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Khalid Haji Nordin, Menteri Pengajian Tinggi. Majlis berlangsung di Bandar Dato' Onn, Johor Bahru.



**16 JUN 2011**

- Lawatan dari Biro Ekonomi UMNO Bahagian Tanjung Karang, Selangor. Taklimat disampaikan oleh Tuan Haji Zulkifli Ibrahim, Naib Presiden Kanan. Ia berlangsung di Bilik Tanjung Puteri 303 Persada Johor.

**16 JUN 2011**

- Mesyuarat Agung Tahunan KPJ Healthcare Berhad bertempat di Dewan Tanjung Puteri 303 Johor Bahru.

**20 JUN 2011**

- Majlis Pelancaran Operasi Dermaga Kargo Khas, Tanjung Langsat Port Sdn Bhd sempena Kembara Mahkota Johor 2011. Majlis disempurnakan oleh DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor.

**22 JUN 2011**

- Mesyuarat Agung Tahunan Sindora Berhad bertempat di Permata 3, Hotel Puteri Pacific.

**23 JUN 2011**

- Karnival Kerjaya, Perniagaan dan Kemahiran (KEPAK) 2011. Perasmian oleh YAB Dato' Haji Ghani Othman, Menteri Besar Johor. Majlis perasmian berlangsung di Dewan Tanung Puteri 301, Persada Johor. Ia Anjuran UPENJ, dengan kerjasama IRDA dan Jabatan Pembangunan Kemahiran.

**23 JUN 2011**

- Mesyuarat Agung Tahunan Kulim (Malaysia) Berhad di Permata 3, Hotel Puteri Pacific.

**23 JUN 2011**

- Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Rekreasi Keluarga Perbadanan Johor Kali Ke-36 bertempat di Kuala Danga 207, Persada Johor.

**24 JUN 2011**

- Mesyuarat Agung Tahunan Damansara Realty Berhad bertempat di Permata 3, Hotel Puteri Pacific.

**28 JUN 2011.**

- Mesyuarat Agung Tahunan Waqaf An-Nur Corporation Berhad Kali Ke-10 bertempat di Dewan Utama, Kompleks Mutiara Johor Land.

**28 JUN 2011**

- Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Perbadanan Johor Berhad bertempat di Kuala Danga 207, Persada Johor.

**30 JUN 2011**

- Majlis Pecah Tanah untuk pembangunan hospital baru KPJ Pahang Specialist Hospital. Majlis disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Diraja Haji Adnan Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang di Tanjung Lumpur, Kuantan, Pahang.



## SARI PERISTIWA PENTING 2011

### JULAI

#### 1 JULAI 2011

- Majlis Pedoman Eksekutif Johor Corporation diadakan di Dewan Tanjung Puteri 301, Persada Johor.

#### 4 JULAI 2011

- Lawatan oleh YB Tan Sri Bernard G. Dompok, Menteri Perladangan dan Komuniti ke Projek Pembangunan Industri Berkelompok Minyak Sawit Tanjung Langsat.

### OGOS

#### 3 OGOS 2011

- Majlis Berbuka Puasa Bersama Media bertempat di Restoran Selasih, Persada Johor. Ia anjuran Johor Corporation.

#### 4 OGOS 2011

- Mesyuarat Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation bertempat di Bilik Sekijang 403, Persada Johor. Mesyuarat dipengerusikan oleh YAB Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor.

#### 5 OGOS 2011

- Majlis Berbuka Puasa Bersama Mutiara Johor Corporation bertempat di Masjid Taman Bukit Mutiara. Agenda termasuk penyampaian sumbangan kepada Rumah Anak Yatim Tahfiz Kadimuddin, Pandan, Johor Bahru.

#### 11 OGOS 2011

- Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli Tanah dan Pembinaan Bangunan Ibu Pejabat BSN di Johor Bahru bertempat di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 4, Bangunan Dato Jaffar Muhammad, Kota Iskandar, Nusajaya. Perjanjian itu antara JCorp, BSN dan Damansara Assets Sdn Bhd.

#### 19 OGOS 2011

- Mesyuarat Agung Luar Biasa Al-'Aqar KPJ Reit bertempat di Bilik Tanjung Puteri 306, Persada Johor.

#### 19 OGOS 2011

- Majlis Halaqah Al-Quran bertempat di Surau JCorp, Level 2, Persada Johor. Ia anjuran Mutiara JCorp.



## SEPTEMBER

### 27 SEPTEMBER 2011

- Jamuan koktel bersama pelabur diadakan di Permata Ballroom, Hotel Puteri Pacific.

### 27 SEPTEMBER 2011

- Majlis Jamuan Hari Raya antara Jabatan-Jabatan dalam JCorp di Persada Johor.

### 28 SEPTEMBER 2011

- Pelancaran Kejohanan Hoki Antarabangsa Bahaw 21 Tahun, Piala Sultan Johor diadakan di Persada Johor.

### 28 SEPTEMBER 2011

- Majlis Sambutan Aidilfitri Bersama Penyewa-Penyewa Plaza Kotaraya. Majlis diadakan di lobi, Plaza Kotaraya.

### 29 SEPTEMBER 2011

- Lawatan Delegasi Perancis sempena French Discovery Trade Mission Harbor Markets- Malaysia. Taklimat di Hotel Selesa, Johor Bahru.

### 29 SEPTEMBER – 2 OKTOBER 2011

- Karnival Kerjaya, Perniagaan dan Kemahiran (KEPAK) 2011. Karnival itu bertempat di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Mersing.

## OKTOBER

### 8 OKTOBER 2011

- Program Infaq 1 Warisan bertempat di Tasik Ladang Mungka, Segamat. Program anjuran Bersama Kulim Nursery Sdn Bhd.

### 19 – 20 OKTOBER 2011

- JCorp menyertai Konvensyen ICC 2011 di Sunway Pyramid Convention Centre, Petaling Jaya, Selangor.

### 20 – 23 OKTOBER 2011

- Karnival Kerjaya, Perniagaan dan Kemahiran (KEPAK) 2011. Acara bertempat di Dewan Kemahiran Jubli Intan, Batu Pahat.

### 19 – 23 OKTOBER 2011

- Ekspo Beli Barang Malaysia 2011 Zon Selatan. Ia dirasmikan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, bertempat di Persada Johor. Ia anjuran KPDKKK & JCorp.

### 26 – 30 OKTOBER 2011

- Kejohanan Perahu Layar Terbuka Johor 2011. Majlis Penutup Disempurnakan oleh DYAM Tunku Mahkota Johor bertempat di Tanjung Leman, Mersing. Acara itu anjuran Johor Land Berhad dan Damansara Assets Sdn Bhd.



## SARI PERISTIWA PENTING 2011

### 27 OKTOBER 2011

- Directors Conference yang dirasmikan oleh YBhg Dato' Tajudin Atan, Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Berhad. Ia berlangsung di Hotel Puteri Pacific.

### 29 OKTOBER 2011

- Charity Walk World Hunger Relief. Majlis dirasmikan oleh DYMM Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah. Ia diadakan di Putrajaya dengan penganjuran oleh KFCH.

## NOVEMBER

### 1 – 2 NOVEMBER 2011

- Hari Konvensyen JCorp bertempat di Kuala Danga 207, Persada Johor.

### 3 NOVEMBER 2011

- Projek Pembinaan Rumah Teres Kos Rendah, Kampung Oren, Ulu Tiram. Lawatan kerja rasmi oleh YAB Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor.

### 10 NOVEMBER 2011

- Pelancaran Jenama Galleria @ Kotaraya. Majlis disempurnakan oleh YAB Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor, berlangsung di Plaza Kotaraya.

### 10 – 11 NOVEMBER 2011

- Pertandingan Catur Bistari IPT Peringkat Kebangsaan 2011. Ia diadakan di Universiti Utara Malaysia, Kedah.

### 12 NOVEMBER 2011

- Majlis Menandatangani Perjanjian Usahasama Bagi Pembangunan Pusat Bandar Tamboi di antara Damansara Assets Sdn Bhd, UDA Holdings Berhad dan Johor Land Berhad. Turut hadir, YAB Dato' Haji Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor dan YB Datuk Nurjazlan Bin Tan Sri Mohamed Rahmat, Pengurus UDA Holdings Berhad merangkap Ahli Parlimen Pulai. Majlis berlangsung di tapak projek Pusat Bandar Tamboi.

### 15 NOVEMBER 2011

- Majlis Makan Malam NACRA 2011 dihadiri oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob. Bertempat di Pusat Konvensyen Sime Darby, Kuala Lumpur.

### 7 NOVEMBER 2011

- Majlis Perasmian Pecah Tanah Kem Askar Timbalan Setia Negeri Johor. Bertempat di Tapak Projek Kem KSN di Jalan Datin Halimah, Johor Bahru.

### 18 – 20 NOVEMBER 2011

- JCorp serta Pameran BN Youth Job Fair 2011. Majlis Perasmian disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia bertempat di PWTC, Kuala Lumpur.



#### 26 NOVEMBER 2011

- Program Halatuju Transformasi Ekonomi Bumiputera TERAJU bertempat di Konvensyen Antarabangsa Kuala Lumpur.

#### 28 NOVEMBER 2011

- Majlis Pelancaran Tanaman Nanas MD2 disempurnakan Y.B. Datuk Seri Haji Noh Omar, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani. Bertempat di Ladang Ulu Tiram, milik Kulim (Malaysia) Berhad, Ulu Tiram.

#### 29 NOVEMBER 2011

- Taklimat Johor Corporation Kepada Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Raya Negeri Johor. Bertempat di Persada Johor.

### DISEMBER

#### 1 DISEMBER 2011

- Majlis Makan Malam Mutiara Kasih bertempat di Tanjung Puteri 301, Persada Johor.

#### 5 DISEMBER 2011

- Konvokesyen KPJ International University College Of Nursing & Healthcare Sciences diadakan di PICC, Putrajaya.

#### 7 – 9 DISEMBER 2011

- Hari Mekar 2011 Kumpulan Johor Corporation anjuran JLand Berhad diadakan di Persada Johor.

#### 11 DISEMBER 2011

- MOU antara JCorp dengan Evyap Sabun Malaysia Sdn Bhd, Musim Mastika Oils & Fats (Malaysia) Sdn Bhd, Kiswie Cord Sdn Bhd serta Perjanjian Konsesi antara Tanjung Langsat Port Sdn Bhd dengan Langsat Terminal (Three) Sdn Bhd dan Perjanjian untuk Pajakan antara Langsat Marine Base Sdn Bhd dengan Langsat Terminal (Three) Sdn Bhd. Majlis disaksikan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Razak, di Puteri Habour, Nusajaya.

#### 12 DISEMBER 2011

- Majlis Konvokesyen PUSPATRI 2011 dirasmikan oleh YB M Asojan, Exco kerajaan Negeri Johor. Majlis ini juga turut dihadiri oleh Tuan Haji Kamaruzzaman bin Abu Kasim selaku Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation di adakan dewan Tanjung Puteri 301, Persada Johor.







## ANUGERAH DAN PENGIFTIRAFAN



### ANUGERAH ADFIAP 2011

- **ANUGERAH KHAS LAPORAN TAHUNAN TERBAIK 2009.**
- **ANUGERAH PROJEK PEMBANGUNAN CEMERLANG TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT**

*Bagi Projek Briged Waqaf dan Hospital Waqaf An-Nur  
dan Rangkaian Klinik Waqaf An-Nur.*

1. **NACRA 2011**
  - WINNER OF INDUSTRY EXCELLENCE - PLANTATIONS & MINING (MAIN MARKET)
2. **THE EDGE : BILLION RINGGIT CLUB AWARD 2011**
  - Best Performing Stock - Highest Returns to Shareholders Over Three Years (Plantation Sector)
  - Highest Profit Growth Company – Highest Growth in Profit Before Tax Over Three Years (Plantation Sector)
3. **MALAYSIA 1000:**
  - INDUSTRY EXCELLENCE AWARD
    - PLANTATION SECTOR 2010/2011
  - (By Basis Holdings SdnBhd, BERNAMA& MATRADE)
4. **GLOBAL LEADERSHIP AWARD**
  - PLANTATION SECTOR (By The Leaders International)
5. **SCORED 'A' IN MCG INDEX 2011**
  - INDUSTRY EXCELLENCE – PLANTATIONS
  - (By Minority Shareholders Watchdog Group (MSWG))
6. **MASRA 2011**
  - SHORTLISTED (AR 2010)
  - SUST. REPORT WITHIN ANNUAL REPORT
  - (By ACCA Malaysia)
7. **MALAYSIA'S BEST CERTIFICATE**
  - Kulim Montel Farm (Basir Ismail Estate)
  - (By Federal Agriculture Malaysia Authority (FAMA))
8. **KULIM CIVILWORKS SDN BHD**
  - 3 Star : SME Competitiveness Rating for Enhancement (By SME Corp Malaysia)





## KPJ HEALTHCARE BERHAD

### Anugerah 2011

1. Asia's Leading Women CEO of the Year dari Women in Leadership Asia Awards – Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir, Pengarah Urusan KPJ Healthcare Berhad.
2. Healthcare Service Provider of the Year dari Frost & Sullivan – KPJ Healthcare Berhad.
3. Innovate Leadership in Globalization (Healthcare) dari Malaysia Institute of Directors – KPJ Healthcare Berhad.
4. Best Performing Stock – Highest Return to Shareholder Over 3 years (Trading/Services) dari The Edge 100 Billion Club – KPJ Healthcare Berhad.
5. Global Leadership Award: Masterclass Woman CEO of the Year dari Malaysian Business Leadership Award – Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir, Pengarah Urusan KPJ Healthcare Berhad.
6. The Most Outstanding Healthcare Provider in Ais 2011 – KPJ Healthcare dari The Globals – KPJ Healthcare Berhad.
7. Malaysia Service To Care from Mark Plus – KPJ Ampang Puteri Specialist Hospital.
8. The 10th Asia Pacific International Entrepreneur Excellence Award dari Asia Pacific Excellence Entrepreneur Alliance – KPJ Johor Specialist Hospital.
9. International Standard Quality (ISQ) Award dari The EU Analysis Alliance – KPJ Johor Specialist Hospital.
10. International Standard Quality (ISQ) Award - Quality Beauty and Healthcare Award Category dari The EU Analysis Alliance – KPJ Penang Specialist Hospital.
11. 3 Gold Star Award - 5S Convention (Quality Environment Practices) dari Malaysian Productivity Award – Kuantan Specialist Hospital.
12. Brand Laureate Award (Best Brand Award) dari Asia Pacific Brands Foundation – KPJ Selangor Specialist Hospital.
13. HRDF Award dari Kementerian Sumber Manusia – KPJ Selangor Specialist Hospital.

KPJ memenangi 'Employer of Choice Award 2011' dari 'Malaysian Institute of Human Resource Management'.

KPJ juga memenangi anugerah iaitu 'Lumesse e-Recruitment Award 2011', di mana menewaskan 30 yang lain di negara ini untuk memenangi pingat di 'The Business Impact of New Talent Acquisition 2011 e-Recruitment Awards & Symposium'.



## SINDORA BERHAD

### METRO PARKING (M) SDN BHD

1. Best Brand in Product Branding, Best Brand in Services – Parking Management and Consultancy in The Brand Laureate
2. Business Ethic Excellence Award 2010/2011 Big Company Category
3. Service Provider of The Year Award 2009 in Business Of The Year Award

## METRO PARKING (S) PTE LTD

1. Excellent Service Award 2010, Metro Parking Singapore

## QSR BRANDS BHD & KFC HOLDINGS (MALAYSIA) BHD

### KFC

1. Yum! Reel Advertising Excellence Award - "New Discoveries"
2. Reader's Digest Most Trusted Brands
3. Putra Brand Awards 2010 (Silver)
4. Trusted Brand 2010 – Gold Award (Voted by Consumers for Family Restaurant Category)

### PIZZA HUT

1. Yum! Best New Product – Crunchy Cheesy Bites
2. Yum! Best Overall Marketing
3. Mocktail Innovation Award
4. Above & Beyond Award
5. Yum! Reel Advertising Excellence Award – "Neighbours"
6. Trusted Brand 2010 – Gold Award (Voted by Consumers for Family Restaurant Category)
7. The BrandLaureate Award 2009-2010 Best Brands Category Food & Beverage Pizzas 2009-2010
8. Trusted Brand 2010 – Gold Award (Voted by Consumers for Family Restaurant Category)

## AYAMAS

1. Domestic Diva Awards for Ayamas Golden Nuggets in Best Ready To Eat Frozen Meat Category
2. Domestic Diva Awards for Ayamas Premium Frankfurter Cheese in Best Processed Meat Category
3. Best Brand Product Branding - Consumer Chicken Based Products Category

# SEJARAH KORPORAT

## PERTUMBUHAN

### 1968

- Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) ditubuhkan oleh kerajaan Negeri Johor di bawah Enakmen Bil. 4 Tahun 1968.

### 1970

- PKENJ memulakan operasi pada 1 Ogos 1970.

### 1971

- Mendapat mandat dari kerajaan negeri untuk menguruskan Ladang Tebrau seluas 1,580 hektar yang merupakan aktiviti bisnes pertama yang dijalankan oleh PKENJ.

### 1972

- PKENJ mendapat kebenaran dari kerajaan negeri untuk menjalankan aktiviti perlombongan bijih timah di kawasan seluas 12,950 hektar di Kota Tinggi.
- PKENJ dikurniakan sebidang tanah seluas 3.5 hektar, di kawasan Bandaraya Johor Bahru oleh kerajaan negeri untuk membina sebuah kompleks beli-belah iaitu Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR).
- Pembukaan kawasan-kawasan perindustrian di Pasir Gudang, Tanjung Agas di Muar dan Tongkang Pecah di Batu Pahat.

### 1975

- Pembelian saham-saham Kulim (Malaysia) Berhad, iaitu sebuah syarikat perladangan kelapa sawit dan getah yang tersenarai di London Stock Exchange di bawah nama Kulim Group Limited. Pembelian ini merupakan titik tolak penglibatan PKENJ di dalam sektor perladangan kelapa sawit dengan pegangan saham di dalam Kulim sebanyak 8.72%.

### 1977

- Penyusunan semula Sindora Berhad, di mana PKENJ memiliki 65% ekuiti sekaligus

menjadi pemegang saham terbesar di dalam Sindora Berhad.

- PKENJ telah dilantik sebagai pentadbir kawasan Pasir Gudang di bawah Seksyen 150, Enakmen Lembaga Perbandaran, No. 118.

### 1988

- PKENJ mengambil alih Kemajuan Intisari Sdn Bhd yang kemudian ditukarkan namanya kepada Kumpulan Perubatan (Johor) Sdn Bhd.

## PENGEMBANGAN

### 1991

- Penglibatan PKENJ secara usaha sama dalam pengeluaran jongkong aluminium melalui syarikatnya, Johor Aluminium Processing Sdn Bhd.
- PKENJ dilantik sebagai 'master franchiser' bagi The Medicine Shoppe International Inc. bagi Malaysia, Singapura dan Brunei.
- Masjid An-Nur Kotaraya, Johor Bahru iaitu masjid pertama di Malaysia di dalam kompleks beli-belah siap dibina.

### 1992

- Pelancaran Amanah Saham Johor (ASJ).
- PKENJ memperkenalkan Skim Perumahan BAKTI LADANG iaitu skim perumahan percuma untuk pekerja ladang.

### 1993

- PKENJ telah diumumkan sebagai pemenang dua Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam 1993 bagi Penggunaan Kupon Di Tapak Pelupusan Sampah, Pasir Gudang dan inovasi BADANG atau 'Mechanical Buffalo'.
- Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (PBTPG) menerima Anugerah Khas Perkhidmatan Awam 1993 bagi Kategori Pengurusan Kewangan.

- Pusat Pembangunan dan Latihan Tenaga Industri (PUSPATRI) telah ditubuhkan oleh PKENJ di Pasir Gudang untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja mahir.

## 1994

- Kawasan Perindustrian Pasir Gudang telah menerima anugerah FIABCI 'Malaysian Chapter's Industrial Development Award 1994'.
- PKENJ melalui KPJSB telah menubuhkan kolej jururawat, Puteri Nursing College dengan matlamat utama untuk mengatasi masalah kekurangan jururawat terlatih.
- Pembukaan Hotel Selesa Pasir Gudang yang dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.
- Penyenaraian KPJ Healthcare Berhad iaitu sebuah syarikat anak Kumpulan Perubatan Johor Sdn Bhd yang merupakan syarikat anak milik penuh PKENJ di Papan Utama KLSE.

## 1995

- PKENJ menukar namanya kepada PERBADANAN JOHOR.
- Medaniaga BISTARI pertama diadakan iaitu acara kemuncak kepada program Tunas Bistari di mana pelajar-pelajar Tunas Bistari diberi peluang untuk menunjukkan kemahiran keusahawanan mereka.
- Pelancaran Dana Johor oleh YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.
- Penyenaraian 'The Archipelago Fund', iaitu satu projek usaha sama dengan Jupiter International of London, di Luxembourg Stock Exchange.
- Festival Layang-layang Antarabangsa Pasir Gudang yang pertama diadakan.

- Nama Perbadanan Johor secara rasminya telah ditukar kepada JOHOR CORPORATION (JCorp).

## 1996

- JCorp menjadi penaja kepada rancangan Jejak Rasul 2 di TV3 sepanjang bulan Ramadhan.
- Pembukaan rasmi Hospital Pakar Ampang Puteri oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia.
- Pelancaran buku 'Membujur Lalu' hasil tulisan YB Dato' Muhammad Ali Hashim, Ketua Eksekutif Perbadanan Johor.
- Majlis Pembukaan Rasmi Rumah Sakit Selasih di Padang, Sumatera dan Kawasan Perindustrian Padang di Padang Sumatera Barat yang dirasmikan bersama oleh Bapak Hasan Basri Durin dan YAB Dato' Abdul Ghani Othman, Menteri Besar Johor.
- Melalui Kulim (Malaysia) Berhad, JCorp telah mengambil alih 90% kepentingan di dalam New Britain Palm Oil Limited (NBPOL) sebuah syarikat perludungan terbesar di Papua New Guinea.

- Penyenaraian Johor Land Berhad iaitu sebuah syarikat anak JCorp di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur.

## TRANSFORMASI

## 1997

- Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang menerima sijil pengiktirafan ISO 9002, menjadikannya Pihak Berkuasa Tempatan yang pertama menerima pengiktirafan daripada pihak SIRIM.
- Pentadbiran Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ) diserahkan oleh kerajaan negeri kepada JCorp.
- Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunus, Johor Bahru menjadi satu daripada gelanggang untuk Kejohanan Bola Sepak Piala Dunia Remaja Ke IX.

## SEJARAH KORPORAT

- Johor Franchise Development Sdn Bhd menandatangani perjanjian dengan HC Duraclean Inc (USA) bagi menubuhkan 'Duraclean Franchise Outlet' di Malaysia, Singapura, Indonesia dan Brunei.
- Majlis Menandatangani Perjanjian Usahasama di antara Johor Capital Holdings Sdn Bhd dengan Albarakah Islamic Investment Bank of Bahrain. Dengan ini, Asian Islamic Equity Fund telah dilancarkan dan diuruskan oleh Albarakah-PJB Pacific Investment Company.
- Majlis Pecah Tanah Hospital Pakar Perdana, Kota Bahru yang dirasmikan oleh YAB Dato' Nik Aziz bin Nik Mat.

### 1998

- Pembukaan Klinik Waqaf An-Nur yang pertama di Tingkat 3, Plaza Kotaraya. 2000
- Majlis Menandatangani Perjanjian Pembelian Majoriti Saham di dalam Medicare Specialist Centre di antara Kumpulan Perubatan Johor Sdn Bhd dengan DBS Land Group of Singapore.
- YB Dato' Muhammad Ali Hashim, Ketua Eksekutif JCorp telah dikurniakan Pingat Darjah Kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri.

### 2001

- Falsafah Korporat dilancarkan iaitu 'JCorp - Satu Rumpun Enterpris!'.

### 2002

- Pelan Induk Penstrukturkan Korporat (PIPK) telah diluluskan dengan penstrukturkan pinjaman JCorp yang berjumlah RM3.4 bilion kepada instrumen pinjaman jangka panjang.

### 2003

- Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) di antara kerajaan Negeri Johor dan Kumpulan JCorp bagi pemulihan harga Amanah Saham Johor dan Dana Johor melalui Skim Sokongan Harga.

- JCorp, menerusi KPJ Healthcare Berhad menandatangani perjanjian pengurusan dengan United Group Ltd, Dhaka, Bangladesh untuk mentauliah dan membekalkan kepakaran teknikal kesihatan serta menguruskan Continental Hospital di Dhaka Bangladesh.

### 2004

- Lapan daripada 10 hospital di bawah Kumpulan KPJ Healthcare Berhad meneruskan pengiktirafan MS ISO 9001:2000.
- Pembinaan pusat konvensyen yang dikenali sebagai Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor.

## PERKEMBANGAN STRATEGIK

### 2005

- Pengambilalihan saham QSR sebanyak 36.7% oleh Kulim.
- Pengambilalihan Waqaf Korporat oleh JCorp yang melibatkan peralihan sebanyak 75% ekuiti dalam Tiram Travel Sdn Bhd.
- Pengambilalihan dua syarikat Intrapreneur oleh Sindora, iaitu EPASA Shipping Sdn Bhd dan MM Vita oils Sdn Bhd.
- Perasmian Al-Aqr, KPJ REIT oleh KPJ Healthcare Berhad.
- Penyerahan JMF Asset Management Sdn Bhd oleh Sindora kepada Amanah Raya Berhad.
- Pelupusan ladang kelapa sawit di Sumatera oleh Kulim sebanyak AS\$60 juta.
- Pembukaan Hospital Pakar Seremban oleh KPJ Healthcare Berhad.
- Natoleo meningkatkan pengeluaran tahunan asid tepsu sebanyak 380,000 tan menjadikan Natoleo sebagai sebuah kilang oleokimia terbesar di dunia.

## 2006

- JCorp menerusi Kulim berjaya mengambilalih QSR Brands Berhad dengan memiliki 51.9% sahamnya.
- JCorp menerusi Kulim (Malaysia) Berhad berjaya menceburi bidang biodiesel secara usaha sama dengan Cremer Gruppe untuk mengeluarkan 100,000 tan biodiesel setahun di Tanjung Langsat.
- Pembukaan Hospital Waqaf pertama – Hospital Waqaf An-Nur di Pasir Gudang dirasmikan oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor.
- Pelancaran dan penyeraian Al-'Aqar KPJ REIT-REIT prisihatir berlandaskan syariah Islam yang pertama di dunia.
- Pelancaran Waqaf Korporat di mana JCorp mewakafkan saham-saham miliknya di dalam Kulim (Malaysia) Berhad sebanyak 12.4 juta unit saham, KPJ Healthcare Berhad sebanyak 18.9 juta unit saham dan Johor Land Berhad sebanyak 4.3 juta unit saham.
- Perasmian dan pengisytiharan Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat sebagai kawasan Biofuel Park oleh YAB Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia.

## 2007

- Penyenaraian semula New Britain Palm Oil (syarikat di bawah Kulim) di London Stock Exchange.
- Pembelian majoriti pegangan saham Sindora oleh Kulim melalui JCorp.
- Pengambilalihan Pusat Perubatan Taiping oleh KPJ Healthcare Berhad.
- KPJ Healthcare Berhad membuka kampus cawangan KPJ International College of Nursing and Health Sciences di Metropolis Tower, Johor Bahru.
- JCorp berjaya melaksanakan penebusan siri pertama bon Pelan Induk

Penstruktur Korporat (PIP) bernilai RM393.8 juta pada 31 Julai 2007.

- Buat pertama kalinya JCorp menerima pengiktirafan 4 Bintang dalam pengurusan Kewangan Indeks Aktauntabiliti Negeri Johor oleh Jabatan Audit Negara.

## 2008

- Pembiayaan Skim Sokongan Harga Akhir dan pembubaran Amanah Saham Johor. Skim Sokongan Harga Dana Johor telah diteruskan untuk kali kelima.
- Perubahan taraf pihak berkuasa tempatan kepada Majlis Perbandaran Pasir Gudang.
- Perjanjian pajakan tanah seluas keseluruhan 32 hektar bersamaan RM87.1 juta antara Tanjung Langsat Port dengan dua syarikat antarabangsa dan syarikat tempatan iaitu Asiaflex Products Sdn Bhd (Technip), Kiswire Neptune Sdn Bhd serta Johor Shipyard and Engineering Sdn Bhd (JSE).
- Menandatangani perjanjian pinjaman di antara Tanjung Langsat Port dan MIDF Amanah Investment Bank Berhad melalui Sukuk Musyarakah berjumlah RM250 juta dan Kertas Komersil Musyarakah / Program Nota Jangka Sederhana berjumlah RM135 juta.
- Permulaan pembinaan empat dermaga baru iaitu tiga dermaga tambahan kargo cecair pukal dan sebuah dermaga kargo kering dengan kos RM480 juta.
- Mengendalikan kapal tangki pertama Langsat Bulkers yang membawa keluar sebanyak 2,817 meter padu 'Palm Fatty Acid Distillated' dan 'Palm Kernel Fatty Acid Distillates'.
- Perjanjian Unincorporated Joint Venture antara Damansara Assets Sdn Bhd dengan Majlis Perbandaran Pasir Gudang bagi pembinaan Menara Aqqabah yang bernilai RM11 juta.

## SEJARAH KORPORAT

- Pembinaan pejabat JCorp yang baru di Bandar Dato' Onn bernilai RM28 juta.

### 2009

- JCorp berjaya melaksanakan penebusan siri kedua bon di bawah Pelan Induk Penstrukturkan Korporat pada 31 Julai 2009 iaitu Bon Islam Boleh Tebus Terjamin (Bai' Bithaman Ajil) JCorp Siri Kedua bernilai RM653,530,785 dan Sijil Boleh Tebus Terjamin (Bai' Bithaman Ajil) JCorp Siri Kedua bernilai RM18,983,000.
- JCorp berjaya mengekalkan taraf 4 Bintang bagi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan 2008 dengan peratusan sebanyak 94.4%.
- Siri ceramah *Business Jihad Lectures Series* bertajuk '*Management Lessons From Ottoman Leadership*' telah disampaikan oleh Dr. Mustafa Ozel, Pensyarah Universiti Fatih, Istanbul, Turki bertempat di Bunga Room, Level 3, Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. Siri ceramah tersebut dianjurkan oleh JCorp dengan kerjasama Biro Korporat Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM).
- Majlis Pelancaran Briged Waqaf pada 9 Ogos 2009 bertempat di Astaka Bukit Layang-Layang, Pasir Gudang.
- Kulim (Malaysia) Berhad telah memenangi anugerah '*Best First Time Report & Commendation For Strategy And Governance*' di majlis Anugerah Laporan Kemapanan Malaysia (ACCA) MaSRA 2009 bertempat di Hotel Hilton, Kuala Lumpur.
- Majlis Akad Sumbangan Barang Farmaseutikal Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) Kepada Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) Untuk Rangkaian Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) di seluruh negara bertempat di KPJ Ampang Puteri Specialist Hospital, Ampang, Selangor.
- Sesi Taklimat JCorp kepada Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor, Ahli Dewan Undangan Negeri Johor dan

Ketua-ketua Jabatan Negeri Johor telah diadakan pada 4 Disember 2009.

- Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Waqaf Khas (Waqaf Korporat) antara JCorp Dengan Majlis Agama Islam Johor dan telah diadakan pada 4 Disember 2009 bertempat di Bilik 306 Persada Johor.
- JCorp dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menerbitkan program realiti televisyen sebanyak 13 siri yang diadaptasi daripada permainan CATUR BISTARI yang dibangunkan oleh JCorp iaitu CATUR BISTARI d'TV. Program tersebut telah disiarkan di saluran RTM 1 bermula hingga 21 Februari 2010 hingga 9 Mei 2010.
- Kulim (Malaysia) Berhad telah menerima pengiktirafan dan penganugerahan '*Global CSR Summit Awards 2009*' bagi kategori '*Gold For Best Environmental Excellence*' pada di Singapura.

### 2010

- Perubahan pucuk pimpinan tertinggi JCorp apabila Tuan Haji Kamaruzzaman Abu Kassim dilantik menjadi Presiden & Ketua Eksekutif berkuatkuasa 1 Disember 2010.
- Pembukaan bangunan baru Hospital Pakar KPJ Tawakkal di Kuala Lumpur.
- JCorp memenangi dua anugerah ADFIAP 2009 iaitu Laporan Tahunan Terbaik 2009 dan Pemenang bagi Kategori Tanggungjawab Sosial Korporat.
- Kulim (Malaysia) Berhad dipilih sebagai pemenang Laporan Kemapanan Terbaik dan Kepujian dalam Pelaporan bagi Strategi dan Tadbir Urus di ACCA Malaysia Sustainability Reporting Awards (MaSRA) 2010.
- JCorp berjaya mengekalkan taraf 4 Bintang bagi Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan 2010.

# SEKSYEN 9

## LAPORAN KEWANGAN

|   |     |
|---|-----|
| SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  | 134 |
| LAPORAN PENGARAH  | 137 |
| PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA<br>PENGARAH JOHOR CORPORATION (AKAUN KUMPULAN)           | 140 |
| PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB<br>KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN JOHOR CORPORATION | 141 |
| PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF   | 142 |
| PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  | 144 |
| PENYATA PERUBAHAN EKUITI  | 146 |
| PENYATA ALIRAN TUNAI  | 149 |
| NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN   | 152 |
| SENARAI ANAK-ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU  | 259 |



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA**  
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**  
**JOHOR CORPORATION**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Penyata Kewangan Johor Corporation dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan perseimbahan penyata kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Johor Corporation dan Kumpulan pada 31 Disember 2011, hasil operasi serta aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan Penyata Kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan disatukan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Johor Corporation adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjelaskan penyata kewangan yang disatukan.

Sijil ini hendaklah dibaca bersama Laporan Ketua Audit Negara tanpa menjelaskan pendapat saya.



(TAN SRI DATO' SETIA AMBRIN BIN BUANG)  
KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA

PUTRAJAYA

12 APRIL 2012





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
JOHOR CORPORATION  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Laporan Ketua Audit Negara ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Sijil Ketua Audit Negara bagi menyokong pendapat Audit terhadap Penyata Kewangan tersebut.

**2. Pemerhatian Audit terhadap Penyata Kewangan adalah seperti berikut:**

**2.1 Pembayaran Balik Pinjaman – RM3.48 bilion**

Liabiliti semasa Johor Corporation dan Kumpulan telah melebihi aset semasa masing-masing sebanyak RM1.95 bilion dan RM2.12 bilion. Johor Corporation mempunyai pinjaman berjumlah RM3.48 bilion yang akan matang pada 31 Julai 2012 terdiri daripada *Islamic Committed Revolving Credit Facility ("CRCF")* sebanyak RM0.40 bilion, *Redeemable Secured Certificates ("RSC")* sebanyak RM0.19 bilion dan *Guaranteed Redeemable Islamic Bond ("GRIB")* sebanyak RM2.891 bilion. Johor Corporation telah menjual sebahagian aset perladangannya dan Lembaga Pengarah Johor Corporation telah meluluskan pelantikan bank-bank pelaburan sebagai Pengatur Utama Bersama dan Penggerak Utama Bersama bagi penerbitan Sukuk Wakalah berjumlah RM3 bilion bagi memenuhi obligasi kewangannya. Penerbitan Sukuk akan dijamin oleh Kerajaan Malaysia.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Ambrin".  
**(TAN SRI DATO' SETIA AMBRIN BIN BUANG)**  
**KETUA AUDIT NEGARA MALAYSIA**

**PUTRAJAYA**  
**12 APRIL 2012**



## LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan tahunan beserta dengan Penyata Kewangan beraudit Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2011.

### KEGIATAN UTAMA

Johor Corporation telah diperbadankan di bawah enakmen Johor Corporation (Bil. 4, 1968), (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995) sebagai agensi pembangunan dan perusahaan awam. Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan harta tanah dan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri terutamanya daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan kesihatan pakar (prisihatian), pembangunan dan pengurusan harta tanah, "intrapreneur ventures", restoran khidmat cepat dan pelaburan.

### KEPUTUSAN KEWANGAN

|                                 | Kumpulan<br>RM Juta | Johor<br>Corporation<br>RM Juta |
|---------------------------------|---------------------|---------------------------------|
| Keuntungan sebelum cukai        | 1,417               | 114                             |
| Cukai                           | (359)               | 23                              |
| Keuntungan bersih selepas cukai | 1,058               | 137                             |
| Keuntungan dikaitkan kepada:    |                     |                                 |
| Johor Corporation               | 368                 | 137                             |
| Kepentingan bukan kawalan       | 690                 | -                               |
|                                 | 1,058               | 137                             |

### RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pemindahan material kepada atau daripada rizab dan peruntukan sepanjang tahun kewangan ini selain dari yang telah dinyatakan dalam penyata kewangan ini.

## LAPORAN PARA PENGARAH

### SAMBUNGAN

#### LEMBAGA PENGARAH

Ahli Lembaga Pengarah yang memegang jawatan semenjak tarikh laporan yang lalu dan pada tarikh laporan ini adalah:

|   |  |
|---|--|
| YAB Dato' Haji Abdul Ghani Bin Othman           | (Pengerusi)  |
| YBhg Dato' Sri Dr Ali Bin Hamsa                 | (Timbalan Pengerusi)   |
| YBhg Tuan Haji Kamaruzzaman Bin Abu Kassim      | (Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan)                                    |
| YB Dato' Haji Ahmad Zahri Bin Jamil             |  |
| YB Dato' Haji Obet Bin Tawil                    | (Dilantik pada 14 Mac 2011)  |
| YB Datuk Abdul Rahman Putra Bin Dato' Haji Taha |  |
| YB Datuk Paduka Zainon Binti Haji Yusof         | (Bersara pada 28 Jun 2011 dan dilantik semula pada 15 Ogos 2011)         |
| YBhg Dato' Paduka Ismee Bin Ismail              |  |
| YBhg Datuk Dr Rahamat Bivi Binti Yusoff         | (Bersara* pada 18 Oktober 2011 dan dilantik semula pada 1 November 2011) |
| YB Tuan Haji Marsan Bin Kassim                  | (Dilantik pada 28 Jun 2011)  |
| YBhg Datuk Dr Rebecca Fatima Sta Maria          | (Dilantik pada 1 Julai 2011)   |
| YB Dato' Haji Abd Latiff Bin Yusof              | (Bersara pada 14 Mac 2011)   |
| YBhg Datuk Dr Haji Haris Bin Haji Salleh        | (Bersara pada 1 Julai 2011)  |

Nota:

- \* Beliau yang asalnya memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sistem Dan Kawalan), Kementerian Kewangan dan kemudiannya dilantik sebagai Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri berkuatkuasa mulai 19 Oktober 2011, telah dilantik semula sebagai Ahli Johor Corporation bagi mewakili Kerajaan Persekutuan mulai 1 November 2011.

#### MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN

- (a) Sebelum Penyata Pendapatan Komprehensif dan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah munasabah untuk menentukan bahawa:
  - (i) tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan kira hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang rugu dan telah berpuashati bahawa semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang rugu; dan
  - (ii) untuk memastikan bahawa segala aset semasa, yang tidak mungkin diperolehi nilainya dalam urusan biasa perniagaan, nilainya seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation telah dikurangkan nilai kepada satu amaun yang dijangka boleh diperolehi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan:
  - (i) yang boleh menyebabkan jumlah hutang lapuk yang dihapuskira, atau jumlah peruntukan bagi hutang rugu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation tidak mencukupi sehingga tahap yang ketara; atau
  - (ii) yang boleh menyebabkan nilai bagi aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan; atau
  - (iii) yang telah timbul yang akan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian sedia ada ke atas aset atau liabiliti Kumpulan dan Johor Corporation mengelirukan atau tidak sesuai.

#### **MAKLUMAT BERKANUN KE ATAS PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan yang tidak dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation ini, yang akan menjadikan sebarang amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan ini mengelirukan.
- (d) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:
- (i) sebarang gadaian ke atas aset-aset Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul semenjak akhir tahun kewangan sebagai sandaran kepada liabiliti pihak lain; atau
  - (ii) sebarang liabiliti luar jangka bagi Kumpulan atau Johor Corporation yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (e) Pada pendapat para Pengarah:
- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain yang telah menjadi boleh dikuatkuasakan atau berkemungkinan menjadi boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas dari tarikh akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan dengan ketara keupayaan Kumpulan atau Johor Corporation untuk memenuhi segala tanggungjawabnya apabila tiba masanya; dan
  - (ii) kecuali sebagaimana yang didedahkan dalam penyata kewangan, dalam tempoh antara akhir tahun dan tarikh laporan ini, tidak timbul sebarang perkara, urusniaga atau peristiwa yang material dan luar biasa yang mungkin menjelaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Johor Corporation bagi tahun kewangan di mana laporan ini dibuat.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



**DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN**

Pengerusi



**HAJI KAMALUZZAMAN BIN ABU KASSIM**

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan

Johor Bahru

26 Mac 2012

## PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH JOHOR CORPORATION (AKAUN KUMPULAN)

Kami, Dato' Haji Abdul Ghani Bin Othman dan Haji Kamaruzzaman Bin Abu Kassim, yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation masing-masing, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember 2011 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



**DATO' HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN**  
Pengerusi



**HAJI KAMARUZZAMAN BIN ABU KASSIM**  
Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan

Johor Bahru

26 Mac 2012

## PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN JOHOR CORPORATION

Saya, Zulkifli Bin Ibrahim, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan dan Johor Corporation, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada penyata kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar, dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya  
diakui oleh penama di atas  
di Johor Bahru pada

**26 MAC 2012**



Dihadapan saya,  
  
Pesuruhjaya sumpah



S20B-PODIUM 1  
MENARA ANSAR  
JOHOR BAHRU

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya

|   | Nota | Kumpulan<br>2011 | Kumpulan<br>2010 | Johor Corporation<br>2011 | Johor Corporation<br>2010 |
|---|------|------------------|------------------|---------------------------|---------------------------|
| <b>Operasi berterusan</b>   |      |                  |                  |                           |                           |
| Hasil   | 4    | 7,813            | 7,524            | 474                       | 388                       |
| Kos jualan  |      | (4,000)          | (4,207)          | (189)                     | (217)                     |
| Keuntungan kasar  |      | 3,813            | 3,317            | 285                       | 171                       |
| <b>Lain-lain item pendapatan</b>                                      |      |                  |                  |                           |                           |
| Lain-lain pendapatan  | 5    | 549              | 561              | 135                       | 247                       |
| <b>Lain-lain item perbelanjaan</b>                                    |      |                  |                  |                           |                           |
| Perbelanjaan pengedaran   |      | (1,760)          | (1,549)          | (5)                       | (5)                       |
| Perbelanjaan pentadbiran  |      | (769)            | (925)            | (55)                      | (86)                      |
| Kos kewangan  | 7    | (380)            | (351)            | (195)                     | (185)                     |
| Lain-lain perbelanjaan  | 6    | (115)            | (161)            | (51)                      | (24)                      |
| Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu, bersih selepas cukai |      | 79               | 70               | -                         | -                         |
| <b>Keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan</b>           | 8    | 1,417            | 962              | 114                       | 118                       |
| Perbelanjaan cukai  | 11   | (359)            | (280)            | 23                        | 1                         |
| <b>Keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai</b>   |      | <b>1,058</b>     | <b>682</b>       | <b>137</b>                | <b>119</b>                |
| <b>Operasi yang dihentikan</b>  |      |                  |                  |                           |                           |
| Kerugian daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai       | 12   | -                | (2)              | -                         | -                         |
| Keuntungan atas pelupusan operasi yang dihentikan                     | 12   | -                | 154              | -                         | -                         |
| <b>Keuntungan bersih selepas cukai</b>                                |      | <b>1,058</b>     | <b>834</b>       | <b>137</b>                | <b>119</b>                |

|   | Nota | Kumpulan<br>2011 | Kumpulan<br>2010 | Johor Corporation<br>2011 | Johor Corporation<br>2010 |
|---|------|------------------|------------------|---------------------------|---------------------------|
| <b>Lain-lain pendapatan komprehensif:</b>                                       |      |                  |                  |                           |                           |
| Lebihan bersih daripada penilaian semula  |      | 1                | 6                | -                         | -                         |
| Aliran tunai lindung nilai  |      | 121              | (97)             | -                         | -                         |
| Nilai saksama ke atas aset kewangan<br>sedia untuk dijual                       |      | (2)              | 56               | -                         | -                         |
| Penterjemahan matawang asing  |      | 486              | 5                | -                         | -                         |
| <b>Lain-lain pendapatan komprehensif<br/>tahun semasa, bersih selepas cukai</b> |      | <b>606</b>       | <b>(30)</b>      | <b>-</b>                  | <b>-</b>                  |
| <b>Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa</b>                              |      | <b>1,664</b>     | <b>804</b>       | <b>137</b>                | <b>119</b>                |
| <b>Keuntungan dikaitkan kepada:</b>   |      |                  |                  |                           |                           |
| Johor Corporation   |      | 368              | 302              | 137                       | 119                       |
| Kepentingan bukan kawalan   |      | 690              | 532              | -                         | -                         |
|   |      | 1,058            | 834              | 137                       | 119                       |
| <b>Jumlah pendapatan komprehensif dikaitkan kepada:</b>                         |      |                  |                  |                           |                           |
| Johor Corporation   |      | 545              | 287              | 137                       | 119                       |
| Kepentingan bukan kawalan   |      | 1,119            | 517              | -                         | -                         |
|   |      | 1,664            | 804              | 137                       | 119                       |

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**

PADA 31 DISEMBER 2011

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya

|  | Nota | Kumpulan      |               | Johor Corporation |              |  |
|--|------|---------------|---------------|-------------------|--------------|--|
|  |      | 2011          | 2010          | 2011              | 2010         |  |
| <b>ASET</b>  |      |               |               |                   |              |  |
| <b>Aset bukan semasa</b>   |      |               |               |                   |              |  |
| Harta, loji dan kelengkapan  | 14   | 8,658         | 7,225         | 164               | 334          |  |
| Pembangunan harta tanah  | 23   | 124           | 117           | 25                | 25           |  |
| Harta tanah pelaburan  | 15   | 2,062         | 1,904         | 286               | 390          |  |
| Aset tidak zahir   | 16   | 1,093         | 1,042         | -                 | -            |  |
| Hak-hak guna tanah   | 17   | 53            | 92            | -                 | -            |  |
| Pelaburan dalam anak-anak syarikat                                     | 18   | -             | -             | 2,513             | 2,508        |  |
| Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu                            | 19   | 531           | 507           | 180               | 180          |  |
| Aset cukai tertunda  | 21   | 120           | 86            | 24                | 27           |  |
| Lain-lain pelaburan  | 13   | 61            | 232           | 4                 | 14           |  |
|  |      | 12,702        | 11,205        | 3,196             | 3,478        |  |
| <b>Aset semasa</b>   |      |               |               |                   |              |  |
| Pembangunan harta tanah  | 23   | 494           | 556           | 157               | 190          |  |
| Inventori  | 24   | 1,005         | 791           | 41                | 54           |  |
| Penghutang perdagangan dan lain-lain                                   | 22   | 1,070         | 876           | 1,302             | 1,305        |  |
| Lain-lain aset semasa  | 25   | 82            | 29            | 6                 | 1            |  |
| Lain-lain pelaburan  | 13   | 253           | 169           | 153               | 10           |  |
| Cukai boleh diperolehi kembali   |      | -             | 32            | 66                | 57           |  |
| Baki tunai dan bank  | 28   | 1,557         | 668           | 786               | 78           |  |
|  |      | 4,461         | 3,121         | 2,511             | 1,695        |  |
| Pelupusan aset Kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual | 20   | 112           | 58            | 99                | -            |  |
|  |      | 4,573         | 3,179         | 2,610             | 1,695        |  |
| <b>Jumlah aset</b>   |      | <b>17,275</b> | <b>14,384</b> | <b>5,806</b>      | <b>5,173</b> |  |

|  | Nota | Kumpulan<br>2011 | Kumpulan<br>2010 | Johor Corporation<br>2011 | Johor Corporation<br>2010 |
|--|------|------------------|------------------|---------------------------|---------------------------|
| <b>EKUITI DAN LIABILITI</b>                  |      |                  |                  |                           |                           |
| <b>Liabiliti semasa</b>                      |      |                  |                  |                           |                           |
| Cukai perlu dibayar                          |      | 151              | 121              | -                         | -                         |
| Pembentangan dan pinjaman                    | 30   | 5,030            | 2,151            | 3,542                     | 461                       |
| Pembiayaan perdagangan<br>dan lain-lain      | 31   | 1,519            | 1,452            | 1,024                     | 824                       |
| Lain-lain liabiliti semasa                   | 32   | -                | 2                | -                         | -                         |
| Derivatif instrumen kewangan                 | 27   | 2                | 150              | -                         | -                         |
|  |      | 6,702            | 3,876            | 4,566                     | 1,285                     |
| <b>Jumlah (liabiliti)/aset bersih semasa</b> |      | <b>(2,129)</b>   | <b>(697)</b>     | <b>(1,956)</b>            | <b>410</b>                |
| <b>Liabiliti bukan semasa</b>                |      |                  |                  |                           |                           |
| Lain-lain liabiliti jangka panjang           | 29   | 357              | 149              | 201                       | 3                         |
| Liabiliti cukai tertunda                     | 21   | 1,141            | 791              | 7                         | 33                        |
| Pembentangan dan pinjaman                    | 30   | 2,690            | 4,508            | 28                        | 2,982                     |
| Derivatif instrumen kewangan                 | 27   | -                | 25               | -                         | -                         |
|  |      | 4,188            | 5,473            | 236                       | 3,018                     |
| <b>Jumlah liabiliti</b>                      |      | <b>10,890</b>    | <b>9,349</b>     | <b>4,802</b>              | <b>4,303</b>              |
| <b>Jumlah aset bersih</b>                    |      | <b>6,385</b>     | <b>5,035</b>     | <b>1,004</b>              | <b>870</b>                |
| <b>Ekuiti</b>                                |      |                  |                  |                           |                           |
| Rizab modal                                  | 33   | 955              | 998              | 55                        | 55                        |
| Rizab lindung nilai                          | 33   | (28)             | (41)             | -                         | -                         |
| Rizab urusniaga ekuiti                       | 33   | (17)             | -                | -                         | -                         |
| Rizab turun naik matawang                    | 33   | (12)             | (109)            | -                         | -                         |
| Rizab pelarasan nilai saksama                | 33   | 53               | 30               | -                         | -                         |
| Rizab hasil                                  |      | 926              | 518              | 949                       | 815                       |
|  |      | 1,877            | 1,396            | 1,004                     | 870                       |
| <b>Kepentingan bukan kawalan</b>             |      | <b>4,508</b>     | <b>3,639</b>     | <b>-</b>                  | <b>-</b>                  |
| <b>Jumlah ekuiti</b>                         |      | <b>6,385</b>     | <b>5,035</b>     | <b>1,004</b>              | <b>870</b>                |
| <b>Jumlah ekuiti dan liabiliti</b>           |      | <b>17,275</b>    | <b>14,384</b>    | <b>5,806</b>              | <b>5,173</b>              |

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang dilampirkan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011  
Amaun Dalam RM Juta Meleainkan Dirinyaikan Sebaliknya

|   | <b>2010<br/>Kumpulan</b> | <b>Rizab<br/>modal</b> | <b>Rizab<br/>lindung-<br/>nilai</b> | <b>Rizab<br/>turun naik<br/>matawang</b> | <b>Rizab<br/>pelarasan<br/>nilai<br/>saksama</b> | <b>Rizab<br/>hasil</b> | <b>Jumlah</b> | <b>Kepentingan<br/>bukan<br/>kawalan</b> | <b>Jumlah<br/>ekuiti</b> |
|---|--------------------------|------------------------|-------------------------------------|--|--|------------------------|---------------|--|--------------------------|
| <b>Baki awal</b>  |                          |                        |                                     |  |  |                        |               |  |                          |
| <b>Pada 1 Januari 2010</b>                                  | <b>992</b>               | -                      | (87)                                | -  | -  | <b>198</b>             | <b>1,103</b>  | <b>3,639</b>                             | <b>4,742</b>             |
| Kesan menggunakan FRS 139                                   | -                        | (12)                   | -                                   | -  | -  | 20                     | 8             | (12)                                     | (4)                      |
|   | 992                      | (12)                   | (87)                                | -  | -  | 218                    | 1,111         | 3,627                                    | 4,738                    |
| Keuntungan bersih selepas cukai                             | -                        | -                      | -                                   | -  | -  | 302                    | 302           | 532                                      | 834                      |
| Lain-lain pendapatan komprehensif                           |                          |                        |                                     |  |  |                        |               |  |                          |
| Lebihan penilaian semula                                    | 6                        | -                      | -                                   | -  | -  | -                      | 6             | -  | 6                        |
| Pelarasan pertukaran asing                                  | -                        | (29)                   | -                                   | (22)                                     | -  | -                      | (22)          | 27                                       | 5                        |
| Airian tunai lindung-nilai                                  | -                        | -                      | -                                   | -  | 30   | -                      | (29)          | (68)                                     | (97)                     |
| Nilai saksama aset kewangan sedia untuk dijual              | -                        | -                      | -                                   | -  | -  | -                      | 30            | 26                                       | 56                       |
| Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun semasa  | 6                        | (29)                   | (22)                                | 30                                       | -  | -                      | (15)          | (15)                                     | (30)                     |
| Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa            | 6                        | (29)                   | (22)                                | 30                                       | 302  | 287                    | 517           | 804                                      |                          |
| Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti              | -                        | -                      | -                                   | -  | -  | -                      | -             | (9)                                      | (9)                      |
| Pelupusan anak-anak syarikat                                | -                        | -                      | -                                   | -  | -  | -                      | -             | (424)                                    | (424)                    |
| Pengurangan kepentingan dalam anak-anak syarikat            | -                        | -                      | -                                   | -  | -  | -                      | -             | (115)                                    | (115)                    |
| Pengambilahan anak-anak syarikat baru                       | -                        | -                      | -                                   | -  | -  | -                      | -             | (4)                                      | (4)                      |
| Tambahan kepentingan dalam anak-anak syarikat               | -                        | -                      | -                                   | -  | -  | -                      | -             | 58                                       | 58                       |
| Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri                      | -                        | -                      | -                                   | -  | -  | (2)                    | (2)           | -  | (2)                      |
| Belian balik saham oleh anak-anak syarikat                  | -                        | -                      | -                                   | -  | -  | -                      | -             | (6)                                      | (6)                      |
| Timbul daripada pengambilahan daripada kepentingan minoriti | -                        | -                      | -                                   | -  | -  | -                      | -             | (5)                                      | (5)                      |
|   | 998                      | (41)                   | (109)                               | 30                                       | 518  | (2)                    | (2)           | (505)                                    | (507)                    |
| Baki akhir pada 31 Disember 2010                            | 998                      | (41)                   | (109)                               | 30                                       | 518  | 1,396                  | 3,639         | 5,035                                    |                          |



**PENYATA PERUBAHAN EKUITI**

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011  
 Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya  
 SAMBUNGAN

| <b>Johor Corporation</b>  | <b>Rizab<br/>Modal</b> | <b>Rizab<br/>Hasil</b> | <b>Jumlah<br/>Ekuiti</b> |
|---|------------------------|------------------------|--------------------------|
| <b>Baki awal pada 1 Januari 2010</b>  | <b>55</b>              | <b>676</b>             | <b>731</b>               |
| Kesan menggunakan FRS 139   | -                      | 22                     | 22                       |
| Jumlah pendapatan komprehensif  | 55                     | 698                    | 753                      |
| Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri  | -                      | 119                    | 119                      |
| <b>Baki akhir pada 31 Disember 2010 dan<br/>baki awal pada 1 Januari 2011</b> | <b>55</b>              | <b>815</b>             | <b>870</b>               |
| Jumlah pendapatan komprehensif  | -                      | 137                    | 137                      |
| Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri  | -                      | (3)                    | (3)                      |
| <b>Baki akhir pada 31 Disember 2011</b>                                       | <b>55</b>              | <b>949</b>             | <b>1,004</b>             |

## PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya

|  | Kumpulan<br>2011 | Kumpulan<br>2010 | Johor Corporation<br>2011 | Johor Corporation<br>2010 |
|--|------------------|------------------|---------------------------|---------------------------|
| <b>KEGIATAN OPERASI</b>  |                  |                  |                           |                           |
| Keuntungan sebelum cukai:  |                  |                  |                           |                           |
| Operasi berterusan   | 1,417            | 962              | 114                       | 118                       |
| Operasi dihentikan   | -                | 1                | -                         | -                         |
| Pelarasan-pelarasan:   |                  |                  |                           |                           |
| Harta, loji dan kelengkapan:   |                  |                  |                           |                           |
| - Keuntungan bersih atas pelupusan   | (4)              | (1)              | (17)                      | -                         |
| - Hapuskira  | 2                | 11               | -                         | -                         |
| - Susutnilai   | 480              | 419              | 9                         | 10                        |
| - Kerugian kerosotan   | 7                | 47               | -                         | -                         |
| Hartanah pelaburan:  |                  |                  |                           |                           |
| - Perubahan dalam nilai saksama  | (37)             | (22)             | -                         | (17)                      |
| - (Keuntungan)/kerugian bersih atas pelupusan                                | (3)              | -                | (3)                       | 2                         |
| Hak-hak guna tanah:  |                  |                  |                           |                           |
| - Pelunasan  | 1                | 2                | -                         | -                         |
| (Keuntungan)/kerugian atas pelupusan:  |                  |                  |                           |                           |
| - Anak-anak syarikat   | (98)             | (110)            | 8                         | -                         |
| - Operasi dihentikan   | -                | (154)            | -                         | -                         |
| - Sebahagian kepentingan di dalam anak syarikat                              | -                | (47)             | (1)                       | (15)                      |
| - Syarikat-syarikat bersekutu  | -                | 19               | -                         | (79)                      |
| - Lain-lain pelaburan  | (41)             | (108)            | (3)                       | (109)                     |
| - Perbelanjaan pembangunan   | -                | 1                | -                         | -                         |
| Pelaburan:   |                  |                  |                           |                           |
| - Perubahan dalam nilai saksama  | (115)            | (8)              | (97)                      | (3)                       |
| - Peruntukan bagi penghausan nilai   | -                | 4                | 20                        | 15                        |
| Aset tidak ketara:   |                  |                  |                           |                           |
| - Pelunasan  | 9                | 10               | -                         | -                         |
| - Hapuskira  | -                | 3                | -                         | -                         |
| Pendapatan dividen   | (3)              | (3)              | (186)                     | (141)                     |
| Untung atas pertukaran matawang  | (151)            | -                | -                         | -                         |
| Pelunasan geran kerajaan   | (13)             | (22)             | (3)                       | (6)                       |
| Peruntukan kerosotan nilai penghutang  | 13               | 3                | 24                        | 21                        |
| Perbelanjaan faedah  | 380              | 351              | 195                       | 185                       |
| Pendapatan faedah  | (6)              | (12)             | (10)                      | (4)                       |
| Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu                              | (79)             | (70)             | -                         | -                         |
| <b>Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan<br/>dalam modal kerja</b> | <b>1,759</b>     | <b>1,276</b>     | <b>50</b>                 | <b>(23)</b>               |

## PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Sebaliknya  
SAMBUNGAN

|  | Kumpulan<br>2011 | Kumpulan<br>2010 | Johor Corporation<br>2011 | Johor Corporation<br>2010 |
|--|------------------|------------------|---------------------------|---------------------------|
| Perubahan dalam modal kerja  |                  |                  |                           |                           |
| Deposit bank tidak dianggap sebagai kesamaan tunai                       | (507)            | (26)             | (515)                     | (25)                      |
| Inventori  | (219)            | (196)            | 3                         | 10                        |
| Kos pembangunan harta tanah  | (106)            | 23               | 31                        | (26)                      |
| Penghutang perdagangan   | (217)            | 142              | 20                        | (9)                       |
| Pembiutang perdagangan   | 499              | (143)            | 186                       | 43                        |
| Syarikat-syarikat bersekutu  | 70               | (157)            | -                         | -                         |
| Pinjaman jangka pendek   | -                | (353)            | -                         | -                         |
| <b>Tunai dijana daripada/(digunakan) dalam kegiatan operasi</b>          | <b>1,279</b>     | <b>566</b>       | <b>(225)</b>              | <b>(30)</b>               |
| Pembangunan harta tanah dan tanah  | -                | (118)            | -                         | -                         |
| Pulangan cukai   | 1                | -                | -                         | -                         |
| Cukai dibayar  | (100)            | (31)             | -                         | -                         |
| Dividen diterima   | -                | 3                | 151                       | 28                        |
| Faedah diterima  | 6                | 12               | 6                         | 1                         |
| <b>Tunai bersih dijana/(digunakan) dalam kegiatan operasi</b>            | <b>1,186</b>     | <b>432</b>       | <b>(68)</b>               | <b>(1)</b>                |
| <b>KEGIATAN PELABURAN</b>  |                  |                  |                           |                           |
| Perolehan daripada pelupusan pelaburan dalam:                            |                  |                  |                           |                           |
| - Anak-anak syarikat   | -                | 531              | 5                         | 50                        |
| - Syarikat-syarikat bersekutu  | -                | 87               | -                         | 96                        |
| - Lain-lain pelaburan  | 212              | 75               | -                         | 133                       |
| - Pelaburan jangka pendek  | -                | -                | 13                        | -                         |
| Harta, loji dan kelengkapan:   |                  |                  |                           |                           |
| - Perolehan daripada pelupusan   | 37               | 176              | 184                       | -                         |
| - Pembelian  | (1,326)          | (1,012)          | (12)                      | (10)                      |
| Harta tanah pelaburan:   |                  |                  |                           |                           |
| - Perolehan daripada pelupusan   | 28               | 36               | 23                        | -                         |
| - Pembelian  | (29)             | (131)            | -                         | (3)                       |
| Aset tidak ketara:   |                  |                  |                           |                           |
| - Tambahan   | (8)              | (18)             | -                         | -                         |
| Hak-hak guna tanah:  |                  |                  |                           |                           |
| - Pembelian  | (2)              | -                | -                         | -                         |
| Pengambilalihan anak-anak syarikat, tunai bersih diperolehi              | (17)             | (646)            | -                         | -                         |
| Pengambilalihan syarikat bersekutu                                       | -                | (168)            | -                         | -                         |
| Pembelian:   |                  |                  |                           |                           |
| - Sebahagian kepentingan dalam anak-anak syarikat                        | (97)             | -                | (31)                      | (203)                     |
| - Sebahagian kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu               | -                | -                | -                         | (4)                       |
| - Lain-lain pelaburan  | (214)            | (213)            | (51)                      | (27)                      |
| <b>Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada kegiatan pelaburan</b> | <b>(1,416)</b>   | <b>(1,283)</b>   | <b>131</b>                | <b>32</b>                 |

|   | Kumpulan<br>2011 | 2010       | Johor Corporation<br>2011 | 2010        |
|---|------------------|------------|---------------------------|-------------|
| <b>KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>  |                  |            |                           |             |
| Pembayaran balik pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang | (894)            | (662)      | (3)                       | (2)         |
| Pembayaran balik sewa beli dan pajakan                                    | (7)              | (12)       | -                         | -           |
| Pengeluaran pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang      | 1,791            | 1,762      | -                         | 15          |
| Geran kerajaan diterima   | 189              | 23         | 182                       | 7           |
| Faedah dibayar  | (380)            | (351)      | (47)                      | (45)        |
| Dividen dibayar kepada kepentingan minoriti                               | (124)            | (9)        | -                         | -           |
| Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri                                    | (3)              | (2)        | (3)                       | (2)         |
| <b>Tunai bersih dijana daripada/(digunakan) dalam kegiatan pembiayaan</b> | <b>572</b>       | <b>749</b> | <b>129</b>                | <b>(27)</b> |
| Penambahan/(pengurangan) bersih dalam tunai dan kesamaan tunai            | 342              | (102)      | 192                       | 4           |
| <b>Tunai dan kesamaan tunai pada 1 Januari</b>                            | <b>512</b>       | <b>527</b> | <b>21</b>                 | <b>17</b>   |
| Kesan kadar pertukaran ke atas tunai dan kesamaan tunai                   | 2                | 87         | -                         | -           |
| <b>Tunai dan kesamaan tunai pada 31 Disember</b>                          | <b>856</b>       | <b>512</b> | <b>213</b>                | <b>21</b>   |
| <b>TUNAI DAN KESAMAAN TUNAI</b>   |                  |            |                           |             |
| Baki tunai dan bank   | 576              | 385        | 10                        | 1           |
| Simpanan tetap  | 981              | 283        | 776                       | 77          |
| Simpanan tetap tertakluk kepada sekatan/dicagarkan                        | 1,557            | 668        | 786                       | 78          |
| Overdraf bank   | (581)            | (73)       | (573)                     | (57)        |
|   | (120)            | (83)       | -                         | -           |
|   | 856              | 512        | 213                       | 21          |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

### 1. MAKLUMAT KORPORAT

Johor Corporation telah diperbadankan dibawah Enakmen Johor Corporation (Bil. 4, 1968) (sebagaimana dipinda melalui Enakmen Bil. 5, 1995).

Alamat tempat perniagaan utama bagi Johor Corporation adalah seperti berikut:

Tingkat 2, PERSADA JOHOR  
Jalan Abdullah Ibrahim  
80000 Johor Bahru, Johor  
Malaysia.

Penyata kewangan Johor Corporation yang disatukan pada dan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 meliputi Johor Corporation dan anak-anak syarikatnya dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu.

Kegiatan utama Johor Corporation adalah bisnes minyak sawit, pembangunan dan pengurusan harta tanah dan pelaburan. Kegiatan utama Kumpulan terdiri terutamanya daripada bisnes minyak sawit, perkhidmatan penjagaan kesihatan pakar (prisihatian), pembangunan dan pengurusan harta tanah, "intrapreneur venture", restoran khidmat cepat dan pelaburan.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 26 Mac 2012.

### 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA

#### 2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Johor Corporation telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) dan prinsip-prinsip perakaunan yang diterima pada amnya di Malaysia. Pada permulaan tahun kewangan semasa, Kumpulan dan Johor Corporation telah menerima pakai FRS baru dan dipinda yang merupakan satu syarat mandatori bagi tempoh-tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2011 sebagaimana yang dinyatakan sepenuhnya dalam Nota 2.2.

Penyata kewangan ini telah disediakan berdasarkan kos sejarah kecuali sebagaimana yang dinyatakan dalam asas-asas perakaunan di bawah.

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibundarkan ke juta terdekat (RM Juta) melainkan dinyatakan selainnya.

#### 2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan

Asas-asas perakaunan yang diterima pakai adalah konsisten dengan tahun kewangan yang lepas kecuali seperti berikut:

Pada 1 Januari 2011, Kumpulan dan Johor Corporation telah menerima pakai FRS baru dan yang dipinda dan interpretasi IC berikut:

**FRS, Interpretasi dan Pindaan berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Mac 2010**

Pindaan FRS 132 Klasifikasi terbitan hak

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.2 Perubahan dalam asas-asas perakaunan (sambungan)

#### **FRS, Interpretasi dan Pindaan berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010**

- FRS 1 Penerimaan Piawaian Laporan Kewangan Buat Kali Pertama
- FRS 3 Penggabungan Perniagaan (Disemak)
- Pindaan FRS 2 Pembayaran Berasaskan Saham
- Pindaan FRS 5 Aset Bukan Semasa Dipegang Untuk Dijual Dan Penamatkan Operasi
- Pindaan FRS 127 Penyatuan Dan Penyata Kewangan Berasingan
- Pindaan FRS 138 Aset Tidak Zahir
- IC Interpretasi 12 Perkhidmatan Konsesi Yang Telah Diaturkan
- IC Interpretasi 16 Lindung-nilai Untuk Pelaburan Bersih Dalam Operasi Asing
- IC Interpretasi 17 Pengagihan Aset Bukan Tunai Kepada Pemilik
- Pindaan IC Interpretasi 9 Pernilaian Semula Derivatif Terbenam

#### **FRS, Interpretasi dan Pindaan berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2011**

- Pindaan FRS 1 Penerimaan Piawaian Laporan Kewangan Buat Kali Pertama
  - Pengecualian Tambahan Bagi Penggunaan Kali Pertama
- Pindaan FRS 2 Pembayaran Berasaskan Saham Kumpulan
- Penambahbaikan Kepada FRS Yang Telah Dikeluarkan Dalam 2010
- IC Interpretasi 4 Penentuan Samada Sesuatu Aturan Mengandungi Suatu Pajakan
- IC Interpretasi 18 Pindahan Aset Daripada Pelanggan

Penggunaan piawaian baru dan dipinda dan interpretasi di atas tidak akan memberi kesan ke atas prestasi kewangan atau kedudukan Kumpulan dan Johor Corporation kecuali yang dibincangkan di bawah:

#### **FRS 127 Penyatuan dan Penyata Kewangan Berasingan disemak semula**

- Satu perubahan dalam kepentingan pemilikan anak syarikat yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan, diambilkira sebagai urusniaga ekuiti. Oleh itu, perubahan sedemikian tidak mempunyai kesan ke atas muhibbah, ia tidak akan membawa kepada keuntungan atau kerugian;
- Kerugian yang ditanggung oleh sebuah anak syarikat telah diperuntukkan kepada kepentingan bukan kawalan walaupun sekiranya kerugian melebihi kepentingan bukan kawalan dalam ekuiti anak syarikat; dan
- Apabila kawalan ke atas anak syarikat hilang, apa-apa kepentingan yang tertangguh diukur pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian sepadan yang diiktiraf dalam untung atau rugi.

Menurut peruntukan peralihan, FRS 127 disemak telah digunakan secara prospektif, dan ia tidak memberi kesan kepada penyata kewangan disatukan Kumpulan berhubung urusniaga dengan kepentingan bukan-kawalan, agihan kerugian kepada kepentingan bukan-kawalan, dan pelupusan anak syarikat sebelum 1 Januari 2011. Perubahan akan memberi kesan kepada urusniaga masa hadapan dengan kepentingan bukan-kawalan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
**SAMBUNGAN**

**2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

**2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa**

Kumpulan dan Johor Corporation belum menggunakan piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi berikut yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa:

| Perihal  | <b>Berkuatkuasa bagi tempoh kewangan bermula pada atau selepas</b> |
|--|--|
| IC Interpretasi 19 Pemadaman Liabiliti Kewangan Dengan Instrumen Ekuiti                    | 1 Julai 2011   |
| Pindaan IC Interpretasi 14 Bayaran Terdahulu Daripada Keperluan Pembentukan Minimum        | 1 Julai 2011   |
| FRS 124 Pendedahan Pihak Berkaitan   | 1 Januari 2012   |
| Pindaan FRS 1 Hiperinflasi Ketara Dan Pemansuhan Tarikh Tetap Bagi Penggunaan Kali Pertama | 1 Januari 2012   |
| Pindaan FRS 7 Pindahan Aset Kewangan   | 1 Januari 2012   |
| Pindaan FRS 112 Cukai Tertunda: Pemulihan Aset Dasar                                       | 1 Januari 2012   |
| Pindaan FRS 101 Persempahan Butiran Lain-Lain Pendapatan Komprehensif                      | 1 Julai 2012   |
| FRS 10 Penyata Kewangan Disatukan  | 1 Januari 2013   |
| FRS 11 Penyusunan Bersama  | 1 Januari 2013   |
| FRS 12 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain  | 1 Januari 2013   |
| FRS 13 Pengukuran Nilai Saksama  | 1 Januari 2013   |
| FRS 119 Manfaat Pekerja  | 1 Januari 2013   |
| FRS 127 Penyata Kewangan Berasingan  | 1 Januari 2013   |
| FRS 128 Pelaburan Dalam Syarikat Sekutu Dan Usahasama                                      | 1 Januari 2013   |
| IC Interpretasi 20 Kos Pelucutan Dalam Fasa Pengeluaran Lombong Pada Dasar Permukaan       | 1 Januari 2013   |
| Pindaan FRS 7 Pendedahan - Imbangan Aset-aset Kewangan dan Liabiliti-liabiliti Kewangan    | 1 Januari 2013   |
| Pindaan FRS 132 Imbangan Aset-aset Kewangan dan Liabiliti-liabiliti Kewangan               | 1 Januari 2014   |
| FRS 9 Instrumen Kewangan   | 1 Januari 2015   |

Kecuali yang didekahkan di bawah, para pengarah tidak menjangkakan sebarang kesan yang penting ke atas penyata kewangan dalam tempoh permulaan penggunaannya:

**Pindaan FRS 112 Cukai tertunda: Pemulihan aset dasar**

Pindaan menjelaskan penentuan cukai tertunda ke atas harta tanah pelaburan diukur pada nilai saksama. Pindaan itu memperkenalkan anggapan yang boleh dipatahkan bahawa cukai tertunda ke atas harta tanah pelaburan diukur dengan menggunakan model nilai saksama dalam FRS 140 hendaklah ditentukan atas dasar bahawa jumlah yang dibawa akan diperolehi semula melalui penjualan. Selain itu, ia memperkenalkan keperluan bahawa cukai tertunda aset tidak susut nilai yang diukur menggunakan model penilaian semula dalam FRS 116 akan sentiasa diukur atas dasar penjualan aset itu.

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.3 Piaawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)

#### Pindaan FRS 101 Persembahan item lain-lain pendapatan komprehensif

Pindaan kepada FRS 101 mengubah kumpulan item yang dibentangkan dalam Lain-lain Pendapatan Komprehensif. Item-item yang boleh diklasifikasikan semula (atau "dikitar semula") ke atas keuntungan atau kerugian pada satu masa akan datang (contohnya, atas penyahitrafan atau penyelesaian) akan dibentangkan secara berasingan daripada perkara yang tidak pernah diklasifikasikan semula. Pindaan tersebut hanya menjelaskan pembentangan dan tidak mempunyai kesan ke atas kedudukan kewangan Kumpulan atau prestasi.

#### FRS 9 Instrumen kewangan

FRS 9 menggambarkan fasa pertama kerja ke atas penggantian FRS 139 dan diguna pakai bagi pengklasifikasi dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan sebagaimana yang ditakrifkan dalam FRS 139. Penggunaan fasa pertama FRS 9 ini akan mempunyai kesan ke atas pengklasifikasi dan pengukuran aset kewangan Kumpulan tetapi mungkin tidak akan memberi kesan kepada pengklasifikasi dan pengukuran liabiliti kewangan. Kumpulan dalam proses membuat penilaian terhadap kesan penggunaan FRS 9.

#### FRS 10 Penyatuan Penyata Kewangan Disatukan

FRS 10 menggantikan bahagian FRS 127 Penyatuan dan Penyata Kewangan dan Berasingan yang menangani perakaunan bagi penyata kewangan yang disatukan. FRS 10 mewujudkan satu model kawalan tunggal yang terpakai kepada semua entiti, termasuk entiti tujuan khas. Perubahan yang diperkenalkan oleh FRS 10 akan memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan penting untuk menentukan entiti mana yang dikawal, dan oleh itu, perlu disatukan oleh induk, berbanding dengan keperluan dalam FRS 127.

#### FRS 12 Pendedahan Kepentingan Dalam Entiti Lain

FRS 12 termasuk semua keperluan pendedahan untuk kepentingan dalam anak syarikat, pengaturan bersama, syarikat bersekutu dan entiti berstruktur. Beberapa pendedahan yang baru diperlukan. Piaawaian ini melibatkan pendedahan sahaja dan tidak mempunyai kesan ke atas kedudukan kewangan atau prestasi Kumpulan.

#### FRS 13 Pengukuran nilai saksama

FRS 13 mewujudkan satu sumber tunggal panduan di bawah FRS untuk semua ukuran nilai saksama. FRS 13 tidak berubah apabila sesuatu entiti itu diperlukan untuk menggunakan nilai saksama, tetapi menyediakan panduan tentang bagaimana untuk mengukur nilai saksama di bawah FRS apabila nilai saksama dikehendaki atau dibenarkan. Kumpulan kini sedang menilai kesan penggunaan FRS 13.

#### FRS 127 Penyata Kewangan Berasingan

Disebabkan pembaharuan FRS 10 dan FRS 12, FRS 127 adalah terhad kepada perakaunan untuk anak-anak syarikat, entiti dikawal bersama dan syarikat-syarikat bersekutu dalam penyata kewangan berasingan.

#### FRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama

Kesan daripada FRS 11 dan FRS 12 yang baru, FRS 128 dinamakan semula sebagai FRS 128 Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama. Piaawaian baru ini menggambarkan penggunaan kaedah ekuiti kepada pelaburan dalam syarikat usahasama sebagai tambahan kepada syarikat-syarikat bersekutu.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
**SAMBUNGAN**

**2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

**2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuatkuasa (sambungan)**

**Pendedahan Pindaan FRS 7 - Imbangan Aset-aset Kewangan dan Liabiliti-liabiliti Kewangan**

Pindaan memerlukan maklumat tambahan untuk didedahkan bagi membolehkan pengguna penyata kewangan untuk menilai kesan atau potensi kesan perkiraan penghasilan bersih, termasuk hak tolakan yang berkaitan dengan entiti yang diiktiraf asset kewangan dan diiktiraf liabiliti kewangan, pada kedudukan kewangan entiti. Pindaan itu memberi kesan pendedahan sahaja dan tidak mempunyai kesan ke atas kedudukan kewangan Kumpulan atau prestasi.

**Pindaan FRS 132 Imbangan Aset Kewangan dan Liabiliti Kewangan**

Pindaan FRS 132 menjelaskan bahawa hak yang boleh dikuatkuasa menerusi undang-undang untuk mengimbang adalah satu hak imbangan yang tidak seharusnya bergantung kepada peristiwa masa hadapan; dan mestilah dikuatkuasakan mengikut undang-undang dalam urusan perniagaan biasa, bila berlakunya kegagalan membayar dan bila berlakunya ketidakmampuan bayar atau kebankrutan entiti dan semua rakan niaganya. Pindaan tersebut menjelaskan seterusnya bahawa sesuatu entiti akan memenuhi kriteria penyelesaian sebagaimana yang diperuntukkan dalam FRS 132 sekiranya entiti tersebut dapat menjelaskan jumlah dalam satu cara dimana hasilnya, sebagai kesan, adalah sama seperti penjelasan bersih.

**Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Rangka Kerja MFRS)**

Pada 19 November 2011, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) telah mengeluarkan rangka kerja perakaunan baru yang telah diluluskan, Piawaian Laporan Kewangan Malaysia (Rangka Kerja MFRS).

Rangka Kerja MFRS digunakan oleh semua Entiti Selain Daripada Entiti Persendirian bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2012, dengan pengecualian entiti yang berada dalam skop MFRS 141 Pertanian (MFRS 141) dan IC Interpretasi 15 Perjanjian bagi Pembinaan Harta Tanah (IC 15), termasuk induk, pelabur besar dan pengusaha (di sini dipanggil 'Entiti Peralihan').

Entiti Peralihan akan dibenarkan untuk menangguhkan penggunaan Rangka Kerja MFRS baru untuk tempoh tambahan selama setahun. Oleh itu, penggunaan Rangka Kerja MFRS oleh Entiti Peralihan akan menjadi mandatori bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2013.

Kumpulan termasuk dalam definisi skop Entiti Peralihan dan telah memilih untuk menangguhkan penggunaan Rangka Kerja MFRS baru. Sehubungan itu, Kumpulan akan diperlukan untuk menyediakan penyata kewangan yang menggunakan Rangka Kerja MFRS dalam penyata kewangan MFRSnya yang pertama bagi tahun berakhir 31 Disember 2013. Dalam membentangkan penyata kewangan MFRSnya yang pertama, Kumpulan akan diperlukan untuk menyatakan semula penyata kewangan perbandingan kepada jumlah yang menggambarkan pemakaian Rangka Kerja MFRS. Majoriti pelarasian yang diperlukan pada peralihan akan dibuat, secara retrospektif, terhadap baki awal keuntungan terkumpul.

Kumpulan belum lagi selesai melakukan penilaiannya terhadap kesan kewangan bagi perbezaan antara Piawaian Pelaporan Kewangan dan piawaian perakaunan di bawah Rangka Kerja MFRS. Sehubungan itu, prestasi kewangan dan kedudukan kewangan seperti yang dinyatakan dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 mungkin berbeza jika disediakan di bawah Rangka Kerja MFRS.

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.4 Asas-asas penyataan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Johor Corporation dan anak-anak syarikat pada tarikh laporan tersebut. Penyata kewangan anak-anak syarikat yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan yang disatukan disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan Johor Corporation. Dasar-dasar perakaunan yang konsisten digunakan ke atas urusniaga serupa dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

Semua baki, pendapatan dan perbelanjaan dan untung dan rugi tidak direalisasi dalam kumpulan yang terhasil daripada urusniaga dalam kumpulan dilupuskan sepenuhnya.

Pengambilalihan anak-anak syarikat diambilkira dengan menggunakan kaedah pengambilalihan. Aset-aset boleh dikenal pasti yang diperolehi dan liabiliti kontingen diandai dalam satu kombinasi perniagaan diukur pada mulanya pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Kos berkaitan pengambilalihan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh di mana kos ditanggung dan perkhidmatan diterima.

Dalam kombinasi perniagaan yang dicapai secara berperingkat, kepentingan ekuiti yang sebelum ini dipegang dalam syarikat yang diambilalih diukur semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan dan sebarang keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi.

Kumpulan memilih kombinasi perniagaan setiap individu, sama ada kepentingan bukan-kawalan dalam syarikat yang diambilalih (jika ada) diiktiraf pada tarikh pengambilalihan pada nilai saksama, atau di bahagian kepentingan bukan-kawalan aset bersih dikenal pasti yang diambilalih.

Mana-mana lebihan jumlah balasan nilai saksama yang dipindahkan dalam penggabungan perniagaan, jumlah kepentingan bukan-kawalan syarikat yang diambilalih (jika ada), dan nilai saksama Kumpulan yang sebelum ini memegang kepentingan ekuiti dalam syarikat yang diambilalih (jika ada), atas nilai saksama bersih aset dan liabiliti dikenalpasti diambilalih direkodkan sebagai muhibbah dalam penyata kedudukan kewangan. Polisi perakaunan bagi muhibbah dinyatakan dalam Nota 2.9 (a). Dalam keadaan di mana jumlah yang terkemudian melebihi sebelumnya, lebihan tersebut diiktiraf sebagai keuntungan atas pembelian tawar-menawar dalam keuntungan atau kerugian pada tarikh pengambilalihan.

Anak-anak syarikat adalah disatukan dari tarikh pengambilalihan, iaitu pada tarikh Kumpulan mendapat kawalan, dan terus disatukan sehingga ke satu tarikh di mana kawalan sedemikian tidak lagi wujud.

### 2.5 Urusniaga dengan kepentingan bukan kawalan

Kepentingan bukan kawalan mewakili ekuiti dalam anak-anak syarikat yang tidak boleh dikaitkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada pemilik Syarikat, dan dibentangkan secara berasingan dalam penyata pendapatan komprehensif yang disatukan dan dalam ekuiti dalam penyata kedudukan kewangan yang disatukan, berasingan daripada ekuiti dikaitkan kepada pemilik Syarikat.

Perubahan dalam kepentingan pemilikan pemilik Syarikat dalam anak syarikat yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diambil kira sebagai urusniaga ekuiti. Dalam keadaan sedemikian, jumlah dibawa kepentingan kawalan dan bukan-kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan relatif mereka dalam anak syarikat. Sebarang perbezaan antara jumlah yang mana kepentingan bukan-kawalan dilaraskan dan nilai saksama pertimbangan yang dibayar atau diterima diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan dikaitkan kepada syarikat induk.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
**SAMBUNGAN**

**2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

**2.6 Mata wang asing**

**a) Mata wang fungsi dan mata wang pembentangan**

Penyata kewangan individu bagi setiap entiti dalam Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti tersebut beroperasi ("mata wang berfungsi"). Penyata kewangan yang disatukan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang juga merupakan mata wang berfungsi Johor Corporation.

**b) Urusniaga mata wang asing**

Urusniaga dalam mata wang asing adalah diukur dalam mata wang berfungsi Johor Corporation dan anak-anak syarikat masing-masing dan direkod pada pengiktirafan awal dalam mata wang berfungsi pada kadar pertukaran yang berhampiran dengan kadar yang digunakan pada tarikh urusniaga tersebut. Liabiliti dan aset monetari yang didenominasi dalam mata wang asing adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh laporan. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing yang diukur pada kos sejarah saksama adalah diterjemah menggunakan kadar pertukaran pada tarikh urusniaga awal. Item-item bukan monetari yang didenominasi dalam mata wang asing diukur pada nilai saksama adalah diterjemah menggunakan kadar pertukaran pada tarikh apabila nilai saksama tersebut ditentukan.

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada penyelesaian item-item monetari atau atas pertukaran item-item monetari pada tarikh laporan adalah diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali perbezaan pertukaran yang timbul daripada item-item monetari yang merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam operasi-operasi asing, yang diiktiraf pada awalnya dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan terkumpul sebagai rizab pertukaran mata wang asing dalam ekuiti. Rizab pertukaran mata wang asing tersebut diklasifikasikan daripada ekuiti kepada untung atau rugi Kumpulan di atas pelupusan operasi luar negara tersebut.

**c) Operasi Luar Negara**

Perbezaan pertukaran yang timbul daripada terjemahan item-item bukan monetari dibawa pada nilai saksama adalah diambilkira didalam untung atau rugi bagi tempoh tersebut melainkan perbezaan yang timbul di atas terjemahan item-item bukan monetari di mana untung atau rugi diiktiraf terus di dalam ekuiti. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada item-item bukan monetari tersebut adalah juga diiktiraf secara langsung didalam ekuiti.

Aset dan liabiliti operasi luar negara diterjemah ke dalam RM pada kadar pertukaran pada tarikh laporan dan pendapatan dan perbelanjaan adalah diterjemah pada kadar pertukaran pada tarikh urusniaga. Perbezaan pertukaran yang timbul daripada terjemahan adalah diambilkira terus sebagai lain-lain pendapatan komprehensif.

Selepas pelupusan sebuah operasi luar negara, jumlah terkumpul diiktiraf di dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul di dalam ekuiti di bawah rizab terjemahan matawang asing berkaitan dengan operasi luar negara tersebut diiktiraf di dalam untung atau rugi.

Muhibbah dan pelarasan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan operasi luar negara adalah dianggap sebagai aset dan liabiliti operasi luar negara tersebut dan direkodkan mengikut matawang berfungsi bagi operasi luar negara tersebut dan diterjemahkan pada kadar penutup pada tarikh laporan.

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.7 Harta, loji dan kelengkapan

Semua item harta, loji dan peralatan pada mulanya direkod pada kos. Kos sesuatu harta, loji dan peralatan hanya diiktiraf sebagai aset jika, dan hanya jika manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan item tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan kos item tersebut boleh diukur dengan pasti.

Tanah milik bebas dan tanah pajakan perladangan Kumpulan belum pernah dinilaikan sejak dinilaikan kali terakhir pada tahun 1997. Para Pengarah tidak menggunakan polisi menilai semula secara berkala bagi aset-aset tersebut dan tiada penilaian semula direkodkan. Sepertimana dibenarkan di bawah peruntukan peralihan IAS16 (dipinda) Harta, loji dan kelengkapan, aset-aset tersebut adalah dinyatakan pada penilaian ditolak susut nilai terkumpul.

Semua perbelanjaan berhubung kepada pembangunan ladang minyak sawit (ladang belum matang) akan diklasifikasikan di bawah perbelanjaan pembangunan ladang. Kos tersebut akan dilunaskan apabila ladang tersebut matang. Tarikh matang bagi perbelanjaan pembangunan ladang adalah masa di mana kawasan baru ditanam menghasilkan 8.60 tan buah tandan segar sehektar setahun atau 48 bulan daripada tarikh tanaman, yang mana lebih dahulu. Perbelanjaan overhed ladang dibahagikan kepada hasil dan perbelanjaan pembangunan ladang pada kadar pembahagian kawasan matang kepada tidak matang.

Selepas pengiktirafan, harta, loji dan kelengkapan diukur pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul. Apabila bahagian-bahagian signifikan harta, loji dan peralatan diperlukan untuk diganti secara berjarak, Kumpulan mengiktiraf bahagian-bahagian sedemikian sebagai aset-aset individu dengan jangka hayat tertentu, dan susut nilai, masing-masing. Begitu juga, bila pemeriksaan besar-besaran dijalankan, kosnya diiktiraf dalam nilai bawa loji dan kelengkapan sebagai satu gantian sekiranya kriteria pengiktirafan dipenuhi. Semua kos baik pulih dan penyelenggaraan lain diiktiraf dalam untung atau rugi bila ianya ditanggung.

Tanah milik bebas mempunyai jangka hayat tidak terhad, dan oleh demikian tidak disusutnilai. Susutnilai dikira atas dasar garis lurus bagi tempoh jangka hayat boleh guna yang dijangkakan bagi aset-aset tersebut seperti mana berikut:

|  |                                    |
|--|------------------------------------|
| - Tanah pajakan  | 15 – 904 tahun                     |
| - Penambahbaikan dan pengubahaian harta tanah pegangan pajak | 10 tahun                           |
| - Perbelanjaan pembangunan ladang                            | 17 – 20 tahun dari<br>tahun matang |
| - Bangunan   | 4 – 50 tahun                       |
| - Kapal, loji dan kelengkapan                                | 3 – 25 tahun                       |
| - Restoran dan kelengkapan pejabat                           | 5 – 15 tahun                       |
| - Lekapan dan kelengkapan                                    | 4 – 20 tahun                       |
| - Kenderaan bermotor   | 3 – 5 tahun                        |

Aset-aset dalam pembinaan termasuk di dalam loji dan kelengkapan adalah tidak disusutnilai memandangkan aset-aset tersebut belum sedia untuk digunakan.

Nilai bawa harta, loji dan kelengkapan dipertimbangkan bagi kerosotan apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawa tersebut mungkin tidak dapat diperolehi semula.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
**SAMBUNGAN**

**2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

**2.7 Harta, loji dan kelengkapan (sambungan)**

Baki nilai, jangka hayat dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap akhir tahun kewangan, dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai.

Sesuatu item harta, loji dan kelengkapan dinyahiktiraf atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka daripada penggunaannya atau pelupusan. Sebarang untung atau rugi atas nyahiktiraf aset tersebut diambilkira di dalam untung atau rugi dalam tahun aset tersebut dinyahiktiraf.

**2.8 Hartanah pelaburan**

Hartanah pelaburan pada mulanya diukur pada kos, termasuk kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, harta-harta pelaburan diukur pada nilai saksama yang menggambarkan keadaan-keadaan pasaran pada tarikh laporan. Nilai saksama diperolehi dengan merujuk kepada bukti pasaran bagi harga-harga urusniaga bagi harta yang serupa dan dilakukan oleh para penilai bebas yang berdaftar yang memiliki kelayakan profesional diiktiraf yang sewajarnya dan mempunyai pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori harta yang dinilai. Untung atau rugi yang timbul daripada perubahan dalam nilai-nilai saksama bagi harta pelaburan dimasukkan dalam untung atau rugi dalam tahun di mana ianya timbul.

Hartanah pelaburan adalah dinyahiktiraf sama ada selepas ia dilupus atau bila harta pelaburan tersebut tidak lagi digunakan selama-lamanya dan tiada manfaat ekonomi pada masa depan akan diperolehi daripada penjualannya. Sebarang untung atau rugi atas penamatkan penggunaan atau penjualan harta pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi pada tahun penamatkan penggunaan atau penjualannya.

Pindahan-pindahan dibuat kepada atau daripada harta pelaburan hanya apabila ada perubahan dalam kegunaannya. Bagi pindahan daripada harta pelaburan kepada harta didiami-pemilik, kos yang dianggar bagi perakaunan seterusnya adalah nilai saksama pada tarikh perubahan dalam kegunaan. Bagi pindahan daripada harta didiami-pemilik kepada harta pelaburan, harta tersebut diambilkira menurut dasar perakaunan bagi harta, loji dan peralatan yang dibentangkan dalam Nota 2.7 sehingga ke tarikh perubahan dalam kegunaan.

**2.9 Aset-aset tidak zahir**

**a) Muhibbah**

Muhibbah diukur pada kos pada awalnya. Selepas pengiktirafan awal, muhibbah diukur pada kos tolak kerugian penurunan nilai terkumpul. Bagi tujuan menguji penurunan nilai, muhibbah yang diperolehi diperuntukkan, dari tarikh pemerolehan, kepada setiap satu unit menjana tunai Kumpulan yang dijangka akan menerima manfaat daripada sinergi kombinasi tersebut.

Unit yang menjana tunai kepada mana muhibbah telah diperuntukkan diuji untuk penurunan nilai secara tahunan dan apabila terdapat satu indikasi bahawa unit yang menjana tunai tersebut mungkin disusut nilai, dengan membandingkan nilai bawa bagi unit yang menjana tunai tersebut, termasuk muhibbah yang diperuntukkan, dengan jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut. Bagi situasi di mana jumlah boleh didapatkan semula bagi unit yang menjana tunai tersebut adalah kurang daripada nilai bawa, kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian penurunan nilai diiktiraf bagi muhibbah tidak diterbalikkan dalam tempoh-tempoh seterusnya.

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.9 Aset-aset tidak zahir (sambungan)

#### b) Aset-aset tidak zahir lain

Aset-aset tidak zahir diperolehi berasingan diukur pada kos pada awalnya. Kos aset-aset tidak zahir diperolehi dalam satu kombinasi perniagaan adalah nilai saksama mereka pada tarikh pengambilalihan. Selepas pengambilalihan awal, aset-aset tidak zahir diukur pada kos tolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul.

Aset-aset tidak zahir dengan tempoh hayat berguna yang terbatas adalah dilunaskan atas tempoh hayat berguna yang dijangkakan dan ditaksir semula bagi penurunan nilai bila-bila masa terdapatnya satu indikasi bahawa aset tidak zahir tersebut mungkin akan diturun nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan dikaji semula sekurang-kurangnya pada setiap penghujung tahun kewangan. Perubahan-perubahan kepada tempoh hayat berguna dijangka atau corak penggunaan dijangka bagi faedah-faedah ekonomi masa depan yang terkandung dalam aset tersebut dinyatakan dengan mengubah tempoh atau kaedah pelunasan, mengikut kesesuaian, dan dianggap sebagai perubahan-perubahan dalam anggaran-anggaran perakaunan. Perbelanjaan pelunasan atas aset-aset tidak zahir dengan hayat terbatas diiktiraf dalam untung atau rugi.

Aset-aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas atau belum lagi dapat digunakan diuji untuk penurunan nilai secara tahunan, atau dengan lebih kerap jika peristiwa atau keadaan menunjukkan bahawa nilai bawa mungkin disusut nilai sama ada secara individu atau pada tahap unit yang menjana tunai. Aset-aset tidak zahir sedemikian tidak dilunas. Hayat berguna bagi aset tidak zahir dengan hayat berguna tidak terbatas dikaji semula secara tahunan untuk menentukan sama ada penilaian hayat berguna tersebut masih boleh terus disokong. Jika tidak, perubahan dalam hayat berguna daripada tidak terbatas kepada terbatas dibuat secara prospektif.

Untung atau rugi yang timbul daripada aset tidak zahir yang dinyahiktiraf diukur sebagai perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan nilai bawa aset tersebut dan diiktiraf dalam untung atau rugi bila aset tersebut dinyahiktiraf.

#### i) Jenama-jenama

Jenama-jenama tersebut telah diperolehi dalam kombinasi-kombinasi perniagaan. Hayat-hayat berguna jenama-jenama dianggar tidak terbatas kerana berdasarkan bahagian penguasaan pasaran semasa jenama-jenama tersebut, pihak pengurusan percaya tidak terdapat satu had yang dapat diramal bagi tempoh di mana jenama-jenama tersebut dijangka akan menjana aliran masuk tunai untuk Kumpulan.

### 2.10 Hak-hak guna tanah

Hak-hak guna tanah diukur pada kos pada awalnya. Menyusuli pengiktirafan awal, hak-hak guna tanah diukur pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian penurunan nilai terkumpul. Hak-hak guna tanah dilunas menurut terma-terma pajakan.

### 2.11 Penurunan nilai-nilai aset bukan kewangan

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat satu indikasi bahawa aset mungkin disusut nilai. Sekiranya indikasi sedemikian wujud, atau bila penilaian penurunan nilai secara tahunan bagi aset diperlukan, Kumpulan membuat anggaran jumlah boleh diperolehi semula daripada aset tersebut.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
**SAMBUNGAN**

**2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

**2.11 Penurunan nilai-nilai aset bukan kewangan (sambungan)**

Jumlah boleh diperolehi semula daripada sesuatu aset adalah jumlah yang lebih tinggi bagi nilai saksama aset tolak kos untuk menjual dan nilainya bila diguna. Bagi tujuan penilaian penurunan semula, aset dikumpulkan pada tahap yang paling rendah untuk mana terdapat aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan ("Unit Penjanaan Tunai") (UPT).

Dalam menaksir nilai kegunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan yang dijangka akan dijana oleh aset tersebut didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskauan pra-cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko yang khusus terhadap aset tersebut. Jika nilai bawa sesuatu aset melebihi jumlah boleh diperolehi semula, aset tersebut dikurangkan kepada jumlah boleh diperolehi semula. Kerugian penurunan nilai berhubung dengan UPT atau kumpulan UPT diperuntukkan dahulu untuk mengurangkan nilai bawa bagi sebarang muhibbah yang diperuntukkan kepada unit-unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudian, untuk mengurangkan nilai bawa aset-aset lain dalam unit atau kumpulan unit berdasarkan pro-rata.

Kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang indikasi bahawa kerugian penurunan semula diiktiraf terdahulu mungkin tidak lagi wujud atau mungkin telah berkuranjan. Kerugian penurunan semula diiktiraf terdahulu diterbalikkan semula hanya jika terdapatnya perubahan dalam anggaran-anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah boleh didapatkan semula aset sejak kerugian penurunan nilai kali terakhir. Sekiranya demikian, nilai bawa aset tersebut ditingkatkan kepada jumlah boleh didapatkan semula. Peningkatan tersebut tidak boleh melebihi nilai bawa yang mungkin telah ditentukan, bersih setelah ditolak susut nilai, tidak mempunyai kerugian penurunan nilai yang telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikan semula sedemikian diiktiraf dalam untung atau rugi. Kerugian penurunan nilai atas muhibbah tidak diterbalikkan semula dalam tempoh berikutnya.

**2.12 Anak-anak syarikat**

Anak-anak syarikat adalah sebuah entiti di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasinya untuk mendapatkan manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Dalam penyata kewangan Johor Corporation yang berasingan, pelaburan dalam anak-anak syarikat diambilkira pada kos ditolak kerugian penurunan nilai.

**2.13 Syarikat-syarikat bersekutu**

Syarikat bersekutu adalah sebuah entiti, bukan sebuah anak syarikat atau sebuah usaha sama, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang signifikan. Sebuah syarikat bersekutu adalah diambilkira secara ekuiti dari tarikh Kumpulan memperolehi pengaruh yang signifikan sehingga tarikh Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas syarikat bersekutu tersebut.

Pelaburan-pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu diambilkira menggunakan kaedah ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu diukur dalam penyata kedudukan kewangan pada kos campur perubahan-perubahan pasca-pengambilalihan dalam bahagian aset-aset bersih Kumpulan bagi syarikat-syarikat bersekutu. Muhibbah berkaitan dengan syarikat-syarikat bersekutu dimasukkan dalam nilai bawa pelaburan tersebut. Sebarang lebihan bahagian Kumpulan bagi nilai saksama bersih bagi aset-aset boleh dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka syarikat bersekutu tersebut ke atas kos pelaburan tidak diambilkira daripada nilai bawa pelaburan tersebut dan sebaliknya dimasukkan sebagai pendapatan dalam menentukan bahagian Kumpulan dalam untung atau rugi syarikat bersekutu tersebut bagi tempoh dalam mana pelaburan tersebut diperolehi.

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.13 Syarikat-syarikat bersekutu (sambungan)

Apabila bahagian Kumpulan atas kerugian dalam syarikat bersekutu menyamai atau melebihi faedahnya dalam syarikat bersekutu tersebut, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian seterusnya, melainkan ia telah menanggung atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu tersebut.

Setelah menggunakan kaedah ekuiti, Kumpulan akan menentukan samada ianya perlu untuk mengiktiraf tambahan kerugian kerosotan ke atas pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat sekutunya. Kumpulan menentukan pada setiap tarikh pelaporan samada terdapat sebarang objektif yang mana pelaburan dalam syarikat sekutu dirosotnilai. Sekiranya ini berlaku, Kumpulan mengambil kira jumlah kerosotan sebagai perbezaan antara jumlah boleh diperolehi oleh syarikat-syarikat sekutu dan nilai bawanya serta diiktiraf jumlahnya dalam untung atau rugi.

Penyata kewangan syarikat-syarikat bersekutu disediakan pada tarikh laporan yang sama dengan Johor Corporation. Jika perlu, pelarasan dibuat untuk menjadikan dasar-dasar perakaunan seajar dengan dasar-dasar perakaunan Kumpulan.

Dalam penyata kewangan berasingan Johor Corporation, pelaburan-pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos ditolak kerugian penurunan nilai. Bagi pelupusan pelaburan-pelaburan sedemikian, perbezaan antara perolehan pelupusan bersih dan nilai-nilai bawa mereka dimasukkan dalam untung atau rugi.

### 2.14 Aset-aset kewangan

Aset-aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya bila, Kumpulan dan Johor Corporation menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Apabila aset-aset kewangan diiktiraf pada awalnya, ia diukur pada nilai saksama, serta, bagi kes aset-aset kewangan tidak pada nilai saksama menerusi untung atau rugi, kos-kos transaksi yang berkaitan secara langsung.

Kumpulan dan Johor Corporation menentukan klasifikasi aset-aset kewangan mereka pada pengiktirafan awal, dan kategori-kategori tersebut termasuk aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi, pinjaman dan piutang, pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang dan aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual.

#### a) Aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi

Aset-aset kewangan diklasifikasikan sebagai aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi jika mereka dipegang untuk dagangan atau ditentukan sedemikian selepas pengiktirafan awal. Aset-aset kewangan yang dipegang untuk dagangan adalah derivatif-derivatif (termasuk derivatif-derivatif terbenam berasingan) atau aset-aset kewangan diperolehi terutamanya untuk tujuan menjual pada masa terdekat.

Selepas pengiktirafan awal, aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian (selain daripada yang berkaitan dengan derivatif yang layak bagi perakaunan lindung nilai sebagaimana diterangkan dalam Nota 2.32) yang timbul daripada perubahan-perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
**SAMBUNGAN**

**2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

**2.14 Aset-aset kewangan (sambungan)**

**a) Aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi (sambungan)**

Keuntungan atau kerugian bersih atas aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi tidak termasuk perbezaan pertukaran, pendapatan faedah dan dividen. Perbezaan-perbezaan pertukaran, pendapatan faedah dan dividen atas aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi diiktiraf berasingan dalam untung atau rugi sebagai sebahagian daripada kerugian atau pendapatan lain.

Aset-aset kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi boleh dinyatakan sebagai semasa atau bukan-semasa. Aset-aset kewangan yang dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa manakala aset-aset kewangan yang tidak dipegang terutamanya untuk tujuan dagangan dinyatakan sebagai semasa atau bukan-semasa berdasarkan pada tarikh penyelesaian.

**b) Pembiayaan dan piutang**

Aset-aset kewangan dengan pembayaran tetap dan boleh ditentukan yang tidak tersenarai dalam pasaran aktif diklasifikasikan sebagai pembiayaan dan piutang.

Selepas pengiktirafan awal, pembiayaan dan piutang diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila pembiayaan dan piutang dinyah-iktiraf atau disusut nilai, dan menerusi proses pelunasan.

Pembiayaan dan piutang diklasifikasi sebagai aset-aset semasa, kecuali bagi yang mempunyai tarikh-tarikh matang lebih daripada 12 bulan selepas tarikh ia dilaporkan diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

**c) Pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang**

Aset-aset kewangan dengan pembayaran tetap dan boleh ditentukan dan kematangan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang-hingga-matang bila Kumpulan mempunyai hasrat dan keupayaan positif untuk memegang pelaburan tersebut hingga matang.

Selepas pengiktirafan awal, pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang dinyah-iktiraf atau disusut nilai, dan menerusi proses pelunasan.

Pelaburan-pelaburan dipegang-hingga-matang diklasifikasi sebagai aset-aset bukan semasa, kecuali pelaburan-pelaburan yang mempunyai kematangan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan yang diklasifikasi sebagai semasa.

**d) Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual**

Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual diklasifikasikan sebagai aset-aset kewangan yang ditentukan sebagai tersedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana tiga kategori di atas.

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.14 Aset-aset kewangan (sambungan)

#### d) Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual (sambungan)

Selepas pengiktirafan awal, aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual diukur pada nilai saksama. Sebarang keuntungan atau kerugian daripada perubahan-perubahan dalam nilai saksama aset-aset kewangan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain, kecuali kerugian penurunan nilai, keuntungan dan kerugian pertukaran asing ke atas instrumen monetari dan faedah dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Keuntungan atau kerugian kumulatif yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi sebagai satu pelarasan klasifikasi semula bila aset kewangan dinyah-iktiraf. Pendapatan faedah yang dikira menggunakan kaedah faedah berkesan diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen-dividen daripada instrumen ekuiti tersedia-untuk-dijual diiktiraf dalam untung atau rugi bila hak Kumpulan dan Johor Corporation untuk menerima pembayaran diwujudkan.

Pelaburan-pelaburan dalam instrumen ekuiti yang nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti diukur pada kos tolak kerugian penurunan nilai.

Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual diklasifikasi sebagai aset-aset bukan semasa melainkan mereka dijangka akan direalisasikan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh laporan.

Satu aset kewangan dinyah-iktiraf bila hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset tersebut telah luput. Bila suatu aset kewangan dinyah-iktiraf secara keseluruhan, perbezaan antara nilai bawa dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pembelian atau jualan cara biasa adalah pembelian atau jualan aset-aset kewangan yang memerlukan penyediaan aset-aset dalam tempoh yang secara amnya diwujudkan oleh peraturan atau konvensyen dalam pasaran yang berkenaan. Semua pembelian dan jualan cara biasa aset-aset kewangan diiktiraf atau dinyah-iktiraf pada tarikh dagangan tersebut iaitu, tarikh Kumpulan dan Johor Corporation memberi komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

### 2.15 Kerosotan nilai aset-aset kewangan

Kumpulan dan Johor Corporation menilai pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan dirosot nilai.

#### a) Piutang dagangan dan piutang lain dan aset-aset kewangan lain dibawa pada kos selepas pelunasan

Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa kerugian penurunan nilai atas aset-aset kewangan telah ditanggung, Kumpulan dan Johor Corporation mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan penghutang yang signifikan dan kemungkiran bayaran atau tundaan yang signifikan dalam pembayaran.

Sekiranya sebarang bukti sedemikian wujud, jumlah kerugian penurunan nilai diukur sebagai perbezaan antara jumlah bawa aset dan nilai semasa bagi aliran tunai masa depan yang dianggarkan didiskaun pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan tersebut. Kerugian penurunan nilai tersebut diiktiraf dalam untung atau rugi.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
**SAMBUNGAN**

**2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

**2.15 Kerosotan nilai aset-aset kewangan (sambungan)**

**a) Piutang dagangan dan piutang lain dan aset-aset kewangan lain dibawa pada kos selepas pelunasan (sambungan)**

Nilai bawa aset kewangan tersebut dikurangkan menerusi akaun peruntukan. Bila si berhutang dagangan menjadi tidak boleh dikutip, ianya dihapus kira terhadap akaun peruntukan tersebut.

Jika dalam tempoh seterusnya, jumlah kerugian penurunan nilai berkang dan pengurangan ini boleh dikaikkan dengan secara objektif kepada satu peristiwa terjadi selepas penurunan nilai tersebut diiktiraf, kerugian penurunan nilai diiktiraf terdahulu diterbalikkan ke tahap di mana nilai bawa aset tersebut tidak melebihi kos dilunaskan pada tarikh tersebut. Jumlah yang diterbalikkan diiktiraf dalam untung atau rugi.

**b) Sekuriti-sekuriti ekuiti tidak tersiar harga dibawa pada kos**

Jika terdapatnya bukti yang objektif (seperti perubahan-perubahan kurang baik yang signifikan dalam persekitaran perniagaan di mana penerbit beroperasi, kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan yang signifikan penerbit) bahawa kerugian penurunan nilai atas aset-aset kewangan dibawa pada kos telah ditanggung, jumlah kerugian diukur pada perbezaan antara nilai bawa aset tersebut dan nilai semasa aliran tunai masa depan dianggar didiskau pada kadar pulangan pasaran semasa bagi aset kewangan yang serupa. Kerugian-kerugian penurunan nilai sedemikian tidak diterbalikkan dalam tempoh-tempoh seterusnya.

**c) Aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual**

Penurunan yang signifikan atau berpanjangan dalam nilai saksama di bawah kos, kesukaran kewangan penerbit atau penanggung obligasi yang signifikan, dan ketiadaan pasaran dagangan yang aktif adalah pertimbangan-pertimbangan untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa sekuriti pelaburan diklasifikasi sebagai aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual disusut nilai.

Jika aset kewangan tersedia-untuk-dijual disusut nilai, satu jumlah yang terdiri daripada perbezaan antara kosnya (bersih dari sebarang pembayaran prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, ditolak sebarang kerugian penurunan nilai diiktiraf sebelum ini dalam untung atau rugi, dipindah daripada ekuiti kepada untung atau rugi.

Kerugian penurunan nilai atas pelaburan-pelaburan ekuiti tersedia-untuk-dijual tidak diterbalikkan dalam untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya. Peningkatan dalam nilai saksama, jika ada, selepas kerugian penurunan nilai diiktiraf dalam lain-lain pendapatan komprehensif.

**2.16 Tunai dan kesamaan tunai**

Tunai dan kesamaan tunai terdiri daripada tunai di bank dan dalam tangan, simpanan semasa, dan pelaburan-pelaburan jangka-pendek dan yang sangat mudah untuk ditukar kepada tunai yang diketahui jumlahnya dan yang tertakluk kepada risiko perubahan dalam nilai yang tidak signifikan. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesamaan tunai dinyatakan selepas ditolak overdraf bank dan deposit dicagarkan.

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.17 Kontrak pembinaan

Di mana hasil daripada kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak dan kos kontrak diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan masing-masing dengan menggunakan kaedah tahap penyiapan. Peringkat penyiapan dinilai dengan merujuk kepada bahagian kos kontrak yang ditanggung bagi kerja yang telah dijalankan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos kontrak.

Di mana hasil daripada kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak diiktiraf setakat kos kontrak yang ditanggung yang mungkin boleh diperolehi semula. Kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia ditanggung.

Apabila terdapat kemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian yang dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta-merta.

Hasil kontrak terdiri daripada jumlah awal hasil yang dipersetujui dalam kontrak dan variasi dalam kerja kontrak, tuntutan dan bayaran insentif sehingga ke tahap di mana ia berkemungkinan bahawa mereka akan memberikan hasil dan mereka mampu untuk diukur dengan pasti.

Apabila jumlah kos yang ditanggung atas kontrak pembinaan ditambah keuntungan diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf) melebihi bil berperingkat, baki diklasifikasikan sebagai jumlah terutang daripada pelanggan atas kontrak. Apabila bil berperingkat melebihi kos yang ditanggung, keuntungan yang diiktiraf (tolak kerugian diiktiraf), baki ditunjukkan sebagai jumlah terutang kepada pelanggan atas kontrak.

### 2.18 Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah dan kos pembangunan harta tanah

#### (i) Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah

Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah terdiri daripada tanah di mana tiada aktiviti-aktiviti pembangunan dijalankan atau di mana aktiviti-aktiviti pembangunan tidak dijangka akan disiapkan dalam kitaran operasi normal. Tanah sedemikian diklasifikasi dalam aset-aset bukan semasa dan dinyata pada kos tolak sebarang kerugian penurunan nilai terkumpul.

Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah diklasifikasi semula sebagai kos pembangunan harta tanah apabila aktiviti-aktiviti pembangunan telah bermula dan di mana ianya boleh ditunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti pembangunan boleh disiapkan dalam kitaran operasi normal.

#### (ii) Kos-kos pembangunan harta tanah

Kos-kos pembangunan harta tanah terdiri daripada segala kos yang berkaitan terus dengan aktiviti-aktiviti pembangunan atau yang boleh diperuntukkan secara munasabah kepada aktiviti-aktiviti sedemikian.

Apabila hasil kewangan bagi satu aktiviti pembangunan boleh dianggar dengan pasti, hasil dan perbelanjaan pembangunan harta tanah diiktiraf dalam untung atau rugi dengan menggunakan kaedah tahap penyiapan. Tahap penyiapan ditentukan berdasarkan kos-kos pembangunan harta tanah yang telah dibelanjakan setakat ini dan dibandingkan kepada kos-kos pembangunan harta tanah keseluruhan yang dianggarkan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
**SAMBUNGAN**

**2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

**2.18 Tanah dipegang untuk pembangunan harta tanah dan kos pembangunan harta tanah (sambungan)**

**(ii) Kos-kos pembangunan harta tanah (sambungan)**

Di mana hasil kewangan bagi suatu aktiviti pembangunan tidak dapat dianggar dengan pasti, hasil pembangunan harta tanah hanya diiktiraf sehingga kos-kos pembangunan harta tanah ditanggung yang berkemungkinan akan diperolehi, dan kos-kos pembangunan harta tanah atas harta tanah yang dijual diiktiraf sebagai satu perbelanjaan dalam tempoh ianya ditanggung.

Sebarang kerugian yang dijangka atas satu projek pembangunan, termasuk kos-kos yang akan ditanggung semasa tempoh liabiliti kecacatan, diiktiraf serta merta sebagai satu perbelanjaan.

Kos-kos pembangunan harta tanah yang tidak diiktiraf sebagai satu perbelanjaan, diiktiraf sebagai satu aset, yang diukur pada yang mana lebih rendah antara kos dan nilai boleh direalisasi bersih.

Lebihan hasil diiktiraf dalam untung atau rugi keatas tuntutan kepada pembeli-pembeli diklasifikasi sebagai tuntutan terakru dalam si berhutang dagangan dan lebihan tuntutan kepada pembeli-pembeli keatas hasil diiktiraf dalam untung atau rugi diklasifikasi sebagai tuntutan berperingkat dalam sipiutang dagangan.

**2.19 Inventori**

Inventori terdiri daripada bahan-bahan mentah, simpanan dalam gudang, kerja sedang dilaksana, kedai dan rumah yang telah siap. Inventori dinyatakan pada kos dan nilai realisasi bersih, yang mana lebih rendah. Kos ditentukan dengan menggunakan kaedah kos purata wajaran selain daripada inventori yang berkaitan dengan segmen perniagaan restoran khidmat segera Kumpulan. Inventori tersebut, yang terdiri daripada bahan mentah, barang runcit, ternakan ayam itik dan barang pengguna, peralatan dan alat ganti dan barang siap, ditentukan berdasarkan prinsip masuk-dahulu, keluar-dahulu.

Kos hasil pertanian adalah berdasarkan kaedah purata wajaran dan termasuk kos bahan langsung dan bahagian yang sesuai bagi perbelanjaan hasil ladang, kos pengeluaran dan kos overhead berdasarkan kapasiti operasi biasa.

Nilai realisasi bersih ialah anggaran harga jualan dalam perjalanan perniagaan biasa, ditolak anggaran kos penyiapan dan anggaran kos yang perlu untuk melaksanakan penjualan.

**2.20 Peruntukan-peruntukan**

Peruntukan-peruntukan diiktiraf bila Kumpulan mempunyai obligasi semasa (legal atau konstruktif) akibat satu peristiwa lepas, ianya berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut dan jumlah obligasi tersebut boleh dianggarkan dengan pasti.

Peruntukan-peruntukan dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dilaras untuk mencerminkan anggaran terbaik semasa. Sekiranya tiada lagi kemungkinan bahawa aliran keluar sumber-sumber ekonomi akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi tersebut, peruntukan tersebut diterbalikkan. Sekiranya kesan nilai masa wang adalah penting, peruntukan-peruntukan didiskaun menggunakan kadar pra-cukai semasa yang mencerminkan, di mana sesuai, risiko-risiko khusus kepada liabiliti tersebut. Bila diskauan digunakan, peningkatan dalam peruntukan disebabkan oleh masa yang berlalu diiktiraf sebagai kos kewangan.

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.21 Geran-geran kerajaan

Geran-geran kerajaan diiktiraf pada nilai saksama mereka di mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan semua syarat akan dipenuhi. Di mana geran tersebut berkaitan dengan satu aset, nilai saksama tersebut diiktiraf sebagai geran modal tertunda dalam penyata kedudukan kewangan dan dilunas kepada untung atau rugi disepanjang hayat berguna dijangka bagi aset yang relevan menerusi ansuran tahunan yang sama.

### 2.22 Liabiliti-liabiliti kewangan

Liabiliti-liabiliti kewangan diklasifikasi menurut kandungan perjanjian kontrak yang diikat dan definisi-definisi bagi suatu liabiliti kewangan.

Liabiliti-liabiliti kewangan, di dalam skop FRS 139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan bila, dan hanya bila, Kumpulan dan Johor Corporation menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan. Liabiliti-liabiliti kewangan diklasifikasi sebagai sama ada liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi atau liabiliti-liabiliti kewangan lain.

#### a) Liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi

Liabiliti-liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi termasuk liabiliti-liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan dan liabiliti-liabiliti kewangan ditentukan selepas pengiktirafan awal pada nilai saksama menerusi untung atau rugi.

Liabiliti-liabiliti kewangan dipegang untuk dagangan termasuk derivatif-derivatif yang dimasuki oleh Kumpulan dan Johor Corporation yang tidak memenuhi ciri-ciri perakaunan perlindungan nilai. Liabiliti-liabiliti derivatif diukur pada awalnya pada nilai saksama dan seterusnya dinyata pada nilai saksama, dengan sebarang untung atau rugi yang terhasil dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian bersih atas derivatif-derivatif termasuk perbezaan pertukaran.

Kumpulan dan Johor Corporation belum menentukan sebarang liabiliti kewangan pada nilai saksama menerusi untung atau rugi.

#### b) Liabiliti-liabiliti kewangan lain

Liabiliti-liabiliti kewangan lain Kumpulan dan Johor Corporation termasuk sipiutang dagangan dan lain-lain, pinjaman dan pembiayaan.

Sipiutang dagangan dan lain-lain diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama ditambah kos-kos urusniaga berkaitan secara langsung dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pinjaman dan pembiayaan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, selepas kos-kos urusniaga dan seterusnya diukur pada kos dilunas menggunakan kaedah faedah berkesan. Pinjaman diklasifikasi sebagai liabiliti-liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai satu hak tanpa syarat untuk menunda penjelasan liabiliti tersebut untuk sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh laporan kewangan.

Bagi liabiliti-liabiliti kewangan lain, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi bila liabiliti-liabiliti tersebut dinyahiktiraf, dan menerusi proses pelunasan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
**SAMBUNGAN**

**2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

**2.22 Liabiliti-liabiliti kewangan (sambungan)**

Suatu liabiliti kewangan dinyah-iktiraf bila obligasi di bawah liabiliti tersebut terhapus. Apabila suatu liabiliti kewangan sedia ada digantikan dengan yang lain daripada peminjam yang sama dengan terma-terma yang jauh berbeza, atau terma-terma bagi liabiliti sedia ada diubah dengan ketara, pertukaran tersebut atau modifikasi sedemikian dianggap sebagai nyah-iktiraf bagi liabiliti asal dan pengiktirafan satu liabiliti baru, dan perbezaan dalam nilai-nilai bawa masing-masing diiktiraf dalam untung atau rugi.

**2.23 Jaminan kontrak kewangan**

Suatu kontrak jaminan kewangan adalah kontrak yang memerlukan penerbit untuk membuat pembayaran tertentu untuk membayar balik kepada pemegang bagi kerugian yang ditanggung kerana penghutang tertentu gagal untuk membuat pembayaran apabila tiba tempoh.

Kontrak jaminan kewangan pada awalnya diiktiraf sebagai liabiliti pada nilai saksama, bersih daripada kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, kontrak jaminan kewangan diiktiraf sebagai pendapatan dalam untung atau rugi dalam tempoh jaminan. Jika penghutang gagal untuk membuat bayaran berhubung dengan kontrak jaminan kewangan apabila tiba tempohnya dan Kumpulan, sebagai penerbit, diperlukan untuk membayar balik kepada pemegang untuk kehilangan berkaitan, liabiliti diukur pada nilai yang lebih tinggi daripada anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi semasa pada tarikh pelaporan dan jumlah yang diiktiraf pada awalnya dan ditolak pelunasan terkumpul.

**2.24 Kos-kos pinjaman**

Kos-kos pinjaman dimodal sebagai sebahagian daripada kos bagi suatu aset kelayakan jika mereka berkaitan secara langsung kepada pemerolehan, pembinaan atau penyiapan aset tersebut. Permodalan kos-kos pinjaman bermula apabila aktiviti-aktiviti untuk menyediakan aset tersebut bagi kegunaan dirancang atau dijual adalah sedang dalam pelaksanaan dan perbelanjaan dan kos pinjaman yang telah ditanggung. Kos-kos pinjaman adalah dipermodal sehingga sebahagian besar aset-aset tersebut telah disiapkan bagi kegunaan yang dirancang atau dijual.

Semua kos-kos pinjaman lain diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh ianya ditanggung. Kos-kos pinjaman terdiri daripada kos-kos faedah dan kos-kos lain yang Kumpulan dan Johor Corporation menanggung berhubung dengan pinjaman dana berkenaan.

**2.25 Manfaat anggota pekerja**

**a) Pelan-pelan sumbangan ditakrif**

Kumpulan mengambil bahagian dalam skim-skim pencen kebangsaan sebagaimana yang ditakrif oleh undang-undang negara-negara di mana ia mempunyai operasi. Syarikat-syarikat Malaysia dalam Kumpulan membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja di Malaysia, satu skim pencen caruman yang ditakrif. Caruman-caruman kepada skim-skim pencen caruman ditakrif diiktiraf sebagai satu perbelanjaan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan dilaksanakan.

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.25 Manfaat anggota pekerja (sambungan)

#### b) Pelan-pelan Manfaat ditakrif

Kewajipan bersih Kumpulan berkenaan pelan manfaat persaraan diiktiraf, dikira secara berasingan bagi setiap pelan dengan menganggarkan jumlah manfaat masa depan yang telah diperolehi oleh para pekerja sebagai balasan bagi perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan sebelumnya; manfaat tersebut didiskaunkan untuk menentukan nilai semasa. Sebarang kos perkhidmatan terdahulu dan nilai saksama bagi sebarang aset rancangan yang tidak diiktiraf akan ditolak. Kadar diskau merupakan hasil pada tempoh laporan bagi 7 tahun bon korporat berkualiti tinggi yang mempunyai tarikh matang dalam anggaran jangka waktu yang ditentukan ke atas tanggungan Kumpulan dan yang disebutkan dalam mata wang yang sama bila mana manfaat tersebut dijangka akan dibayar. Pengiraan dilakukan oleh aktuari bertauliah yang dijalankan setiap 2 tahun dengan laporan aktuari terkini adalah bertarikh 13 Januari 2012 yang menggunakan kaedah unjuran unit kredit. Apabila pengiraan tersebut menghasilkan manfaat kepada Kumpulan, aset yang telah diiktiraf tersebut adalah terhad kepada jumlah bersih dari sebarang kos perkhidmatan terdahulu yang tidak diiktiraf dan nilai semasa pada sebarang bayaran balik masa hadapan daripada pelan tersebut atau pengurangan dalam caruman sumbangan masa hadapan ke dalam pelan tersebut.

Untuk mengira nilai semasa atas manfaat ekonomi, pertimbangan diberikan kepada mana-mana keperluan pembiayaan minima yang dikenakan pada mana-mana pelan dalam Kumpulan. Manfaat ekonomi tersedia kepada Kumpulan jika ia boleh direalisasi dalam jangka hayat pelan tersebut, atau sebarang penyelesaian bagi liabiliti pelan tersebut.

Apabila manfaat-manfaat pelan telah diperbaiki, sebahagian daripada peningkatan manfaat yang berkaitan dengan perkhidmatan lepas oleh para anggota pekerja diiktiraf dalam untung atau rugi menggunakan asas garis lurus bagi tempoh purata sehingga manfaat-manfaat tersebut menjadi hak. Ke suatu tahap di mana manfaat-manfaat tersebut menjadi hak secara serta merta, perbelanjaannya diiktiraf serta merta dalam untung atau rugi.

Kumpulan mengiktiraf kesemua keuntungan dan kerugian aktuarial yang terbit daripada pelan manfaat ditakrif dalam lain-lain pendapatan komprehensif dan kesemua perbelanjaan yang berkaitan dengan pelan manfaat ditakrif di dalam perbelanjaan kakitangan dalam untung atau rugi.

Kumpulan mengiktiraf keuntungan dan kerugian atas pengurangan atau penyelesaian pelan manfaat ditakrif apabila pengurangan atau penyelesaian tersebut berlaku. Keuntungan atau kerugian atas pengurangan terdiri daripada sebarang perubahan di dalam nilai saksama kepada aset-aset pelan, perubahan di dalam nilai semasa obligasi manfaat yang ditetapkan dan sebarang keuntungan dan kerugian aktuarial yang berkaitan dan kos perkhidmatan lepas yang tidak diiktiraf sebelum ini.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
**SAMBUNGAN**

**2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

**2.26 Pajakan-pajakan**

**a) Sebagai pemajak**

Pajakan-pajakan kewangan, yang memindahkan kepada Kumpulan secara ketara segala risiko dan ganjaran sampingan berkaitan kepada pemilikan item yang dipajak, dipermodal pada permulaan pajakan tersebut pada nilai saksama aset yang dipajak tersebut, sekiranya lebih rendah, pada nilai semasa bagi pembayaran pajakan minimum. Sebarang kos-kos langsung awal juga ditambah kepada jumlah yang dipermodal. Pembayaran pajakan dibahagikan antara caj-caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan tersebut untuk mencapai satu kadar faedah yang tetap atas baki liabiliti selebihnya. Caj-caj kewangan dicaj kepada untung atau rugi. Sewa-sewa luar jangka, jika ada, dicaj sebagai perbelanjaan dalam tempoh-tempoh dalam mana mereka ditanggung.

Aset-aset yang dipajak disusut nilai sepanjang hayat berguna yang dianggar bagi aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan akan memperolehi pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset tersebut disusut nilai bagi tempoh yang lebih pendek antara jangka hayat berguna yang dianggar dan juga tempoh pajakan tersebut.

Pembayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan tersebut. Manfaat agregat bagi insentif yang disediakan oleh pemberi pajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa bagi tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

**b) Sebagai pemberi pajak**

Pajakan-pajakan di mana Kumpulan secara ketara mengekalkan segala risiko dan ganjaran pemilikan bagi aset tersebut diklasifikasi sebagai pajakan-pajakan operasi. Kos-kos langsung awal yang ditanggung dalam perundingan satu pajakan operasi ditambah kepada nilai bawa bagi aset yang dipajak dan diiktiraf bagi tempoh pajakan tersebut atas dasar-dasar yang sama dengan pendapatan sewa. Dasar perakaunan bagi pendapatan sewa dibentang dalam Nota 2.28(g).

**2.27 Operasi yang dihentikan**

Satu komponen Kumpulan diklasifikasi sebagai "operasi dihentikan" apabila kriteria untuk diklasifikasi sebagai dipegang untuk jualan telah dipenuhi atau ianya telah dilupus dan satu komponen sedemikian mewakili satu cabang perniagaan utama atau tempat dari segi geografi bagi operasi atau sebahagian daripada suatu cabang perniagaan yang utama. Satu komponen dianggap sebagai dipegang untuk jualan jika nilai-nilai bawanya akan diperolehi semula terutamanya melalui urusniaga jualan dan bukan menerusi penggunaan yang berterusan.

Selepas diklasifikasikan sebagai dipegang untuk jualan, aset-aset bukan semasa dan kumpulan-kumpulan untuk dilupuskan tidak lagi disusut nilai dan diukur pada yang mana lebih rendah antara nilai bawa dan nilai saksama ditolak kos untuk menjual. Sebarang perbezaan diiktiraf dalam untung atau rugi.

**2.28 Pengiktirafan hasil**

Hasil diiktiraf ke satu tahap di mana terdapatnya kemungkinan bahawa manfaat-manfaat ekonomi akan mengalir kepada Kumpulan dan hasil tersebut boleh diukur dengan pasti. Hasil diukur pada nilai saksama bagi pertimbangan diterima atau akan diterima.

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.28 Pengiktirafan hasil (sambungan)

#### a) Jualan barang

Hasil daripada jualan barang diiktiraf selepas pemindahan risiko dan ganjaran pemilikan barang yang signifikan kepada pengguna. Hasil tidak diiktiraf ke satu tahap di mana terdapat ketidakpastian yang signifikan berhubung penerimaan wang daripada pertimbangan yang akan diperolehi, kos-kos berkaitan atau pemulangan barang yang mungkin berlaku.

#### b) Perkhidmatan yang diberi

Hasil daripada perkhidmatan yang diberi diiktiraf menurut tahap penyiapan pada tarikh laporan. Tahap penyiapan ditafsir dengan merujuk kepada tinjauan dan kerja yang telah terlaksana.

#### c) Jualan harta

Hasil daripada jualan harta diambilkira menurut kaedah tahap penyiapan sebagaimana dijelaskan dalam Nota 2.18(ii).

#### d) Kontrak-kontrak pembinaan

Hasil daripada kontrak-kontrak pembinaan diambilkira menurut kaedah tahap penyiapan sebagaimana yang dijelaskan dalam Nota 2.17.

#### e) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah berkesan.

#### f) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf bila hak Kumpulan untuk menerima pembayaran wujud.

#### g) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diambilkira atas dasar garis lurus bagi tempoh pajakan. Insentif pajakan diiktiraf sebagai sebahagian jumlah pendapatan sewa, bagi tempoh pajakan tersebut.

### 2.29 Cukai pendapatan

#### a) Cukai semasa

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti cukai semasa diukur pada jumlah dijangka akan diperolehi semula daripada atau dibayar kepada pihak-pihak berkuasa percuaian. Kadar-kadar cukai dan undang-undang cukai yang digunakan untuk mengira jumlahnya adalah berdasarkan undang-undang atau sebahagian besarnya telah menjadi undang-undang pada tarikh laporan.

Cukai-cukai semasa diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali ke satu tahap di mana cukai tersebut berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi, sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti.

#### b) Cukai tertunda

Cukai tertunda disediakan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan-perbezaan sementara pada tarikh laporan antara dasar-dasar cukai bagi aset dan liabiliti dan nilai bawa mereka bagi tujuan laporan kewangan.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
**SAMBUNGAN**

**2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

**2.29 Cukai pendapatan (sambungan)**

**b) Cukai tertunda (sambungan)**

Liabiliti-liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara, kecuali di mana liabiliti cukai tertunda timbul daripada pengiktirafan awal muhibbah atau satu aset atau liabiliti dalam satu urusniaga yang bukan merupakan satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urusniaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau untung atau rugi yang boleh dicukai.

Aset-aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, bawa kehadapan bagi kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan, ke satu tahap di mana kemungkinan terdapatnya keuntungan boleh dicukai untuk digunakan oleh perbezaan-perbezaan sementara boleh ditolak, dan kredit-kredit cukai yang tidak digunakan dan kerugian cukai yang tidak digunakan dibawa kehadapan yang boleh digunakan kecuali di mana aset cukai tertunda berhubung dengan perbezaan sementara boleh ditolak timbul daripada pengiktirafan awal bagi satu aset atau liabiliti dalam satu urusniaga yang bukannya satu kombinasi perniagaan dan, pada masa urusniaga, tidak memberi kesan kepada sama ada untung perakaunan atau untung atau rugi boleh dicukai.

Nilai bawa bagi aset-aset cukai tertunda dikaji semula pada setiap tarikh laporan dan dikurangkan kepada satu tahap di mana tiada kemungkinan bahawa untung boleh dicukai yang mencukupi akan ada untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda untuk digunakan. Aset-aset cukai tertunda yang tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh laporan dan diiktiraf ke satu tahap di mana terdapatnya kemungkinan bahawa untung boleh dicukai masa depan akan membolehkan aset-aset cukai tertunda digunakan.

Aset-aset dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar percukaian yang dijangka akan dikenakan pada tahun apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti dijelaskan, berdasarkan kadar percukaian dan undang-undang percukaian yang telah menjadi undang-undang atau sebahagian besarnya telah menjadi undang-undang pada tarikh laporan tersebut.

Cukai tertunda berkaitan dengan item-item yang diiktiraf di luar untung atau rugi diiktiraf di luar untung atau rugi. Item-item cukai tertunda diiktiraf dalam urusniaga yang berhubungkait sama ada dalam pendapatan komprehensif lain atau secara terus dalam ekuiti dan cukai tertunda yang timbul daripada satu kombinasi perniagaan dilaras terhadap muhibbah atas pengambilalihan.

Aset-aset cukai tertunda dan liabiliti-liabiliti cukai tertunda diimbangi, sekiranya hak yang boleh dikuatkuaskan wujud untuk mengimbangi aset-aset cukai semasa terhadap liabiliti-liabiliti cukai semasa dan cukai-cukai tertunda tersebut berkait dengan entiti boleh dicukai yang sama dan penguasa percukaian yang sama.

**2.30 Pelaporan segmen**

Bagi tujuan pengurusan, Kumpulan disusun mengikut segmen-segmen operasi berdasarkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan mereka yang diurus secara bebas oleh pengurus-pengurus segmen masing-masing yang bertanggungjawab ke atas prestasi segmen masing-masing. Para pengurus segmen melapor secara terus kepada pengurusan Johor Corporation yang mengkaji semula keputusan-keputusan segmen secara berkala bagi memperuntukkan sumber-sumber kepada segmen-segmen tersebut dan untuk menilai prestasi segmen tersebut. Pendedahan tambahan atas setiap daripada segmen-segmen ini ditunjukkan dalam Nota 40, termasuk faktor-faktor yang digunakan untuk mengenal pasti segmen-segmen yang boleh dilapor dan dasar pengukuran bagi maklumat segmen.

## 2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)

### 2.31 Kontingen-kontingen

Satu liabiliti atau aset kontingen adalah satu obligasi yang mungkin ada atau satu aset yang timbul daripada peristiwa-peristiwa lepas dan di mana kewujudannya akan dipastikan hanya dengan berlakunya atau tidak berlakunya peristiwa (peristiwa-peristiwa) masa depan yang tidak pasti yang tidak secara keseluruhannya dapat dikawal oleh Kumpulan. Liabiliti-liabiliti dan aset-aset kontingen tidak diiktiraf dalam pernyataan kedudukan kewangan Kumpulan.

### 2.32 Perakaunan untuk lindung nilai

Kumpulan menggunakan derivatif untuk mengurus pendedahan kepada risiko harga komoditi (khususnya naik turun dalam harga minyak sawit). Kumpulan menggunakan perakaunan lindung nilai untuk hubungan lindung nilai tertentu yang layak bagi perakaunan lindung nilai.

Bagi tujuan perakaunan lindung nilai, hubungan lindung nilai dikelaskan sebagai perlindungan aliran tunai. Lindung nilai aliran tunai digunakan apabila Kumpulan melindung-nilai pendedahan kepada kebolehubahan dalam aliran tunai yang sama ada dikaitkan kepada risiko tertentu berhubung dengan aset atau liabiliti yang diiktiraf atau dikaitkan kepada transaksi ramalan yang berkemungkinan tinggi atau risiko mata wang asing dalam komitmen yang tidak diiktiraf.

Pada permulaan hubungan lindung nilai, Kumpulan secara rasmi memperuntuk dan mendokumentkan hubungan perlindungan kepada mana Kumpulan ingin mengaplikasikan perakaunan lindung nilai serta objektif dan strategi pengurusan risiko untuk melaksanakan lindung nilai. Dokumentasi termasuklah pengenal-pastian instrumen lindung nilai perkara atau transaksi yang dilindung nilai, jenis risiko yang dilindung nilai dan bagaimana entiti tersebut akan menilai keberkesanan menggunakan instrumen lindung nilai ini dalam pengimbangan pendedahan kepada perubahan dalam nilai saksama bagi item yang dilindung nilai itu atau tunai aliran yang dikaitkan kepada risiko yang dilindung nilai. Lindung nilai sedemikian dijangka amat berkesan dalam mencapai imbalan perubahan dalam nilai saksama atau aliran tunai dan dinilai secara berterusan untuk menentukan bahawa mereka sebenarnya adalah amat berkesan sepanjang tempoh pelaporan kewangan di mana ianya diperuntukkan.

Lindung nilai yang memenuhi kriteria yang ketat bagi perakaunan lindung nilai diambil kira seperti berikut:

#### a) Aliran tunai lindung-nilai

Bahagian efektif daripada untung atau rugi ke atas instrumen lindung nilai diiktiraf secara langsung dalam pendapatan lain yang komprehensif ke dalam rizab lindung nilai aliran tunai, manakala mana-mana bahagian yang tidak efektif diiktiraf serta merta dalam keuntungan atau kerugian sebagai perbelanjaan operasi lain.

Jumlah yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sebelum ini diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada keuntungan atau kerugian apabila urusniaga dilindungi mempengaruhi untung atau rugi, seperti apabila pendapatan faedah atau perbelanjaan faedah yang dilindung nilai diiktiraf atau apabila ramalan jualan berlaku. Jika item yang dilindung nilai ialah aset kewangan atau liabiliti bukan kewangan, amaun yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam nilai bawa awal aset atau liabiliti bukan kewangan tersebut.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya  
SAMBUNGAN

### **2. RINGKASAN ASAS-ASAS PERAKAUNAN YANG KETARA (SAMBUNGAN)**

#### **2.32 Perakaunan untuk lindung nilai (sambungan)**

##### **a) Aliran tunai lindung-nilai (sambungan)**

Sekiranya transaksi ramalan atau komitmen firma tidak lagi dijangka akan berlaku, keuntungan atau kerugian terkumpul yang diiktiraf sebelumnya dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasikan semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi. Jika instrumen lindung nilai tamat tempoh atau dijual, ditamatkan atau dijalankan tanpa penggantian atau peralihan, atau jika jawatan sebagai lindung nilai dibatalkan, sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain kekal dalam ekuiti sehingga transaksi ramalan atau komitmen firma menjelaskan keuntungan atau kerugian.

Kumpulan menggunakan kontrak hadapan komoditi untuk pendedahan kepada turun naik dalam harga komoditi. Rujuk kepada Nota 27 untuk maklumat lanjut.

##### **b) Derivatif yang tidak diperuntukkan atau tidak layak bagi perakaunan lindung nilai**

Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada perubahan dalam nilai saksama derivatif pada tahun yang tidak layak bagi perakaunan lindung nilai adalah diiktiraf secara langsung dalam untung atau rugi.

### **3. PERTIMBANGAN DAN ANGGRAN PERAKAUNAN SIGNIFIKAN**

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah dilapor bagi hasil, perbelanjaan, aset-aset dan liabiliti-liabiliti, dan pendedahan liabiliti-liabiliti luar jangka pada tarikh laporan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian-andaian dan anggaran-anggaran ini boleh membawa kepada hasil yang memerlukan pelarasan penting kepada nilai bawa bagi aset atau liabiliti yang terlibat pada masa depan.

Dalam proses menggunakan polisi perakaunan Kumpulan, pengurusan telah membuat pertimbangan yang berikut, yang mempunyai kesan paling ketara ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan:

##### **a) Penurunan nilai muhibbah, jenama dan hak francais**

Muhibbah, jenama dan lain-lain aset tidak zahir yang mempunyai jangka hayat yang tidak menentu adalah diuji bagi penurunan nilai setiap tahun dan pada masa-masa lain apabila terdapat tandatanda sedemikian wujud. Ini memerlukan satu anggaran nilai guna unit-unit menjana-tunai kepada mana muhibbah dan jenama diperuntukkan.

Apabila pengiraan nilai guna dilakukan, pengurusan mesti menganggarkan aliran tunai masa depan jangkaan daripada aset tersebut atau unit menjana-tunai dan memilih kadar diskaun yang bersesuaian untuk mengira nilai semasa bagi aliran tunai tersebut. Butiran lanjut mengenai nilai bawa tersebut, andaian-andaian utama yang digunakan dalam penilaian penurunan nilai bagi muhibbah dan jenama dan analisis sensitiviti kepada perubahan dalam andaian-andaian tersebut diberi dalam Nota 16.

##### **b) Penurunan nilai pembiayaan dan piutang**

Kumpulan menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bahawa satu aset kewangan turun nilai. Untuk menentukan sama ada terdapatnya bukti yang objektif bagi penurunan nilai, Kumpulan mempertimbangkan faktor-faktor seperti kebarangkalian ketidakmampuan bayar atau kesukaran kewangan signifikan penghutang dan kemungkiran atau kelewatan signifikan dalam membuat bayaran.

### 3. PERTIMBANGAN DAN ANGGARAN PERAKAUNAN SIGNIFIKAN (SAMBUNGAN)

#### b) Penurunan nilai pembiayaan dan piutang (sambungan)

Di mana terdapat bukti yang objektif bagi penurunan nilai, jumlah dan penjadualan waktu bagi aliran tunai masa depan dianggar berdasarkan pengalaman kerugian asal bagi aset-aset dengan ciri-ciri risiko yang serupa. Nilai bawa dan perincian mengenai piutang Kumpulan pada tarikh laporan dinyatakan dalam Nota 22.

#### c) Pembangunan harta tanah

Kumpulan mengiktiraf hasil dan perbelanjaan pembangunan harta dalam penyata pendapatan komprehensif dengan menggunakan kaedah tahap penyiapan. Tahap penyiapan ditentukan oleh bahagian kos-kos pembangunan harta ditanggung bagi kerja yang telah dilaksanakan kepada anggaran kos-kos pembangunan harta keseluruhan.

Pertimbangan yang signifikan diperlukan dalam menentukan tahap penyiapan, ke tahap kos-kos pembangunan harta ditanggung, hasil dan kos pembangunan harta keseluruhan yang dianggarkan, serta sejauh mana kos-kos pembangunan harta boleh diperolehi. Dalam membuat pertimbangan ini, Kumpulan menilai berdasarkan pengalaman lampau dan merujuk kepada khidmat pakar.

Nilai-nilai bawa bagi aset-aset dan liabiliti-liabiliti Kumpulan yang timbul daripada aktiviti-aktiviti pembangunan harta dinyatakan dalam Nota 23.

### 4. HASIL

|   | Kumpulan<br>2011 | Kumpulan<br>2010 | Johor Corporation<br>2011 | Johor Corporation<br>2010 |
Had kemudahan adalah berjumlah RM385 juta dan TLP telah menggunakan sepenuhnya kemudahan tersebut pada akhir tahun.

Terimaan daripada Sukuk dan MCP digunakan bagi tujuan berikut:

- (i) Pembayaran balik pinjaman terdahulu;
- (ii) Perbelanjaan modal bagi pembesaran jeti sedia ada dan pembinaan tangki simpanan;
- (iii) Pembiayaan rizab keuntungan yang akan didepositkan kedalam Akaun Rizab Pembiayaan Perkhidmatan;
- (iv) Yuran dan perbelanjaan berkaitan kepada terbitan Sukuk dan MCP; dan
- (v) Bagi perbelanjaan modal dan keperluan modal kerja bagi TLP.

### 30. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)

#### **Waad-waad penting (sambungan)**

#### **Anak-anak syarikat (sambungan)**

Sukuk telah dicagar berdasarkan pari passu ke atas:

- (i) Penyerahan Surat Ikatan Pihak Pertama keatas
  - (a) 83.5 ekar tanah dikenali sebagai Plot 25, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Johor dimiliki secara benefisiari oleh TLP, selaras dengan Perjanjian Jual Beli bertarikh 30 Oktober 1999 antara TLP dan Johor Corporation;
  - (b) 50 ekar tanah dikenali sebagai Plot 25B, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Johor dimiliki secara benefisiari oleh TLP, selaras dengan Perjanjian Jual Beli bertarikh 9 Ogos 2000 antara TLP dan Johor Corporation;
  - (c) 20 ekar tanah dikenali sebagai Plot 25F, Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Johor dimiliki secara benefisiari oleh TLP, selaras dengan Perjanjian Jual dan Beli bertarikh 10 Ogos 2007 antara TLP dan Johor Corporation.
- (ii) Debentur menggabungkan caj tetap dan terapung atas aset-aset sedia ada dan masa hadapan TLP;
- (iii) Penyerahan semua polisi insuran dalam bentuk dan keadaan bahan yang memuaskan kepada MIDF Investment;
- (iv) Penyerahan semua Hasil TLP; dan
- (v) Penyerahan dan caj atas Akaun Yang Ditetapkan dan wang yang tersedia ada yang dikreditkan kepada akaun-akaun termasuk Pelaburan Dibenarkan.

Liabiliti-liabiliti pajakan kewangan adalah dicagarkan secara berkesan di mana hak kepada aset yang disewa beralih kepada pihak yang menyewakan jika gagal membuat bayaran.

- (d) Pada 5 Januari 2011, Kumpulan melalui anak syarikat tidak langsungnya, Langsat Marine Base Sdn Bhd ("LMB"), telah memeterai perjanjian kemudahan perbankan "Comodity Murabahah Term Financing Facility (CMTF-i)" sehingga RM250 juta dengan tarikh matang pada 24 Januari 2012. Pihak bank telah meluluskan lanjutan masa untuk pembayaran balik kepada 23 April 2012.

Kemudahan kewangan tersebut perlu dibayar sekaligus pada akhir tempoh kemudahan iaitu 1 tahun selepas pengeluaran pertama atau setelah selesai cadangan penjualan 13,999 hektar Aset Perladangan oleh Johor Corporation, yang mana terdahulu. Margin keuntungan yang dikenakan pada Kadar Pembiayaan Asas (BFR) termasuk 4% setahun atau 10% yang mana lebih tinggi.

Tujuan kemudahan itu adalah untuk membiayai sebahagian daripada perbelanjaan modal Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP"), sebuah syarikat berkaitan, menebus kertas komersil nilai muka sebanyak RM25 juta, membiayai semua yuran dan perbelanjaan yang berkaitan dengan kemudahan berkenaan dan membiayai pembayaran bagi bahagian keuntungan.

Beberapa bidang tanah LMB berukuran kira-kira 83 ekar, gadaian pihak ketiga ke atas kira-kira 180 ekar tanah Johor Corporation dan caj pihak ketiga ke atas sekuriti yang boleh dipasarkan yang terdiri daripada saham KPJ Healthcare ("KPJ") dicagarkan untuk pembiayaan tersebut.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
 Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya  
**SAMBUNGAN**

**30. PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN (SAMBUNGAN)**

**Waad-waad penting (sambungan)**

**Anak-anak syarikat (sambungan)**

- (e) Pada 4 Ogos 2011, Kumpulan melalui anak syarikat tidak langsungnya, Jedcon Engineering Survey Sdn Bhd ("JES") memeterai Perjanjian Kemudahan dengan sebuah bank berlesen untuk kemudahan pinjaman berjangka penyambung sehingga jumlah agregat maksimum RM50 juta.

Kemudahan kewangan tersebut perlu dibayar dengan pembayaran sekaligus pada akhir tempoh Pinjaman (iaitu 6 bulan dari tarikh apabila semua Syarat Terdahulu dipenuhi) atau apabila menerima hasil daripada penempatan saham, yang mana lebih awal. Kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada satu kadar tetap pada 7.50% dan 7.70% bagi tahun pertama dan kedua.

Tujuan kemudahan tersebut adalah untuk membiayai sebahagian daripada pengambilalihan saham tersiar harga dan waran dalam Kulim (Malaysia) Berhad.

Kemudahan telah dicagar oleh memorandum caj undang-undang pihak ketiga yang akan diwujudkan oleh JES bagi kepentingan bank ke atas 17.5 juta saham tersiar harga yang mana dibiayai oleh kemudahan tersebut dan dibeli oleh Johor Corporation sebelum kemudahan tersebut dikeluarkan. Jumlah belum jelas bagi kemudahan tersebut tidak boleh melebihi 50% daripada nilai pasaran saham tersiar harga tertentu. Johor Corporation hendaklah membayar balik sebahagian kemudahan tersebut atau menambah dengan saham tersiar tambahan jika ia melanggar had 50% seperti yang ditentukan oleh bank.

Kemudahan tersebut juga dijamin oleh perjanjian itu sendiri, caj ke atas Akaun Rizab Faedah yang ditanggung oleh Johor Corporation, debentur bercagar dan surat kebenaran.

- (f) Pada 7 Julai 2010, Kumpulan melalui anak syarikat tidak langsungnya, Johor Logistics Sdn Bhd ("JLSB"), memeterai Perjanjian Kemudahan dengan sebuah bank berlesen untuk kemudahan pinjaman berjangka penyambung sehingga jumlah maksimum agregat RM8.8 juta.

Kemudahan kewangan tersebut perlu dibayar dengan pembayaran sekaligus pada hari terakhir tempoh (iaitu 1 tahun selepas pengeluaran pertama) atau apabila menerima hasil daripada penempatan saham, yang mana lebih awal. Kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada kadar faedah tetap 6.5% setahun.

Tujuan kemudahan tersebut adalah untuk membiayai sebahagian daripada pengambilalihan saham tersiar harga. Kemudahan yang diperolehi adalah dicagar oleh memorandum pihak pertama caj undang-undang yang diwujudkan oleh JLSB bagi kepentingan bank melebih 12.83 juta saham tersiar harga yang mana dibiayai oleh kemudahan tersebut dan dibeli oleh JLSB sebelum pengeluaran kemudahan tersebut.

Kemudahan tersebut juga dijamin oleh perjanjian itu sendiri, caj ke atas Akaun Rizab Faedah, gadaian pihak ketiga ke atas saham tersiar harga, surat kebenaran dan surat subordinat.

**31. PEMIUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN**

|  | <b>Kumpulan</b><br><b>2011</b> | <b>2010</b>  | <b>Johor Corporation</b><br><b>2011</b> | <b>2010</b> |
|--|--------------------------------|--------------|---|-------------|
| Pemiutang perdagangan  | 579                            | 729          | 64                                      | 45          |
| Lain-lain pemiutang  | 732                            | 644          | 190                                     | 272         |
| Wang tahanan   | 136                            | -            | 136                                     | -           |
| Perdagangan terakru  | 60                             | 53           | 46                                      | 37          |
| Tuntutan terakru (pembangunan harta tanah)                           | 2                              | 2            | -                                       | -           |
| Jumlah ter hutang kepada lain-lain pemegang saham anak-anak syarikat | 7                              | 7            | -                                       | -           |
| Jumlah ter hutang kepada anak-anak syarikat                          | -                              | -            | 588                                     | 470         |
| Peruntukan   | 3                              | 15           | -                                       | -           |
| Jumlah ter hutang kepada syarikat-syarikat bersekutu                 | -                              | 2            | -                                       | -           |
|  | <b>1,519</b>                   | <b>1,452</b> | <b>1,024</b>                            | <b>824</b>  |

**32. LAIN-LAIN LIABILITI SEMASA**

|                              | <b>Kumpulan</b><br><b>2011</b> | <b>2010</b> |
|------------------------------|--------------------------------|-------------|
| Pemiutang tuntutan berjadual | -                              | 2           |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya  
SAMBUNGAN

**33. RIZAB**

(a) Rizab modal

Rizab modal Kumpulan dan Johor Corporation merangkumi terutamanya rizab penilaian semula yang timbul daripada penilaian semula harta, loji dan kelengkapan dan hak-hak guna tanah.

(b) Rizab lindung-nilai

Rizab lindung-nilai terdiri daripada bahagian efektif dari perubahan bersih terkumpul dalam nilai saksama aliran tunai lindung-nilai berkaitan dengan urusniaga lindung-nilai yang belum berlaku.

(c) Rizab urusniaga ekuiti

Rizab urusniaga ekuiti terdiri daripada perbezaan antara bahagian kepentingan bukan kawalan dalam anak syarikat yang diambilalih/dijual dan balasan telah dibayar/diterima.

(d) Rizab perubahan matawang

Rizab perubahan matawang terdiri daripada semua perbezaan matawang asing yang timbul daripada penterjemahan penyata kewangan operasi luar negara di mana matawang berfungsi adalah berbeza daripada matawang persembahan Kumpulan.

(e) Rizab pelarasan nilai saksama

Rizab pelarasan nilai saksama terdiri daripada perubahan bersih terkumpul dalam nilai saksama aset-aset kewangan tersedia-untuk-di-jual sehingga pelaburan tersebut tidak dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

**34. URUSNIAGA PENTING ANTARA PIHAK-PIHAK BERKAITAN**

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak-pihak adalah dianggap sebagai berkaitan dengan Kumpulan atau Johor Corporation sekiranya Kumpulan atau Johor Corporation mempunyai kemampuan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal sesuatu pihak atau melaksanakan pengaruh secara ketara ke atas pihak tersebut didalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana Kumpulan atau Johor Corporation dan pihak tersebut adalah tertakluk kepada kawalan bersama atau pengaruh ketara bersama. Pihak-pihak berkaitan terdiri daripada individu-individu atau lain-lain entiti.

Transaksi penting pihak-pihak berkaitan dalam Kumpulan dan Johor Corporation adalah seperti berikut:

|  | <b>Johor Corporation</b> |             |
|--|--------------------------|-------------|
|  | <b>2011</b>              | <b>2010</b> |
| Telah dibayar/perlu dibayar kepada anak-anak syarikat: |                          |             |
| Pembelian buah tandan segar                            | 37                       | 68          |
| Yuran pengurusan                                       | 8                        | 5           |
| Pembelian harta tanah pelaburan                        | -                        | 1           |
| Pulangan dijamin kepada anak syarikat                  | 3                        | 3           |
| Penerimaan/akan diterima daripada anak-anak syarikat:  |                          |             |
| Jualan harta, loji dan kelengkapan                     | 183                      | 25          |
| Pendapatan faedah                                      | 3                        | 3           |
| Dividen  | 152                      | 108         |

### 35. KOMITMEN

#### a) Komitmen modal

|  | Kumpulan<br>2011 | Kumpulan<br>2010 | Johor Corporation<br>2011 | Johor Corporation<br>2010 |
|--|------------------|------------------|---------------------------|---------------------------|
| Perbelanjaan modal dibenarkan tidak diperuntukan dalam penyata kewangan: |                  |                  |                           |                           |
| - Telah dikontrakkan   | 451              | 160              | 50                        | 28                        |
| - Tidak dikontrakkan   | 416              | 360              | -                         | -                         |
|  | 867              | 520              | 50                        | 28                        |
| Dianalisa seperti berikut:   |                  |                  |                           |                           |
| - Harta, loji dan kelengkapan  | 757              | 462              | -                         | -                         |
| - Perbelanjaan pembangunan   | 50               | 28               | 50                        | 28                        |
| - Pelaburan dalam koperasi lain  | 29               | 29               | -                         | -                         |
| - Hartanah pelaburan   | 31               | 1                | -                         | -                         |
|  | 867              | 520              | 50                        | 28                        |

#### b) Komitmen pajakan operasi tidak-boleh-batal - sebagai pemajak

Segmen perniagaan restoran khidmat cepat Kumpulan telah memeterai perjanjian pajakan operasi tidak-boleh-batal bagi kegunaan tanah dan bangunan. Pajakan ini mempunyai tempoh purata 15 tahun dan tiada pilihan pembaharuan atau pembelian termasuk dalam kontrak pajakan. Kontrak-kontrak tertentu juga memasukkan klausula pertambahan atau pengaturan sewa kontingen yang dikira berdasarkan jualan yang dicapai manakala yang lain termasuklah sewa tetap untuk purata 3 tahun. Tiada sekatan yang dikenakan ke atas Kumpulan dengan memasuki pajakan ini.

Anak syarikat tidak langsung Kumpulan, NBPOL, telah memeterai perjanjian pajakan operasi tidak-boleh-batal bagi penggunaan tanah estet mini, untuk tempoh 20 atau 40 tahun, dan tanah milik kerajaan negeri untuk tempoh 99 tahun. Pajakan ini boleh diperbaharui.

Sewa minima masa hadapan yang perlu dibayar di bawah pajakan operasi tidak-boleh-batal pada tarikh laporan adalah seperti berikut:

|   | Kumpulan<br>2011 | Kumpulan<br>2010 |
|---|------------------|------------------|
| Bayaran minima pajakan pada masa hadapan:                 |                  |                  |
| - Tidak lebih dari 1 tahun                                | 151              | 30               |
| - Lebih daripada 1 tahun dan tidak lebih daripada 5 tahun | 248              | -                |
| - Lebih daripada 5 tahun                                  | 104              | -                |
|   | 503              | 30               |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
 Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya  
 SAMBUNGAN

**36. LIABILITI LUAR JANGKA**

**Bercagar**

|  | Johor Corporation<br>2011 | 2010 |
|--|---------------------------|------|
| Jaminan bank/Korporat diberi kepada pihak ketiga | -                         | 1    |

Johor Corporation telah menjamin liabiliti luar jangka sebanyak RM480 juta yang timbul daripada kemudahan pembiayaan yang diberikan kepada anak-anak syarikat tertentu yang dijamin oleh saham-saham anak-anak syarikat tersenarai milik Johor Corporation seperti mana yang dinyatakan dalam Nota 18.

**Tidak bercagar**

|  | Kumpulan<br>2011 | 2010 | Johor Corporation<br>2011 | 2010 |
|--|------------------|------|---------------------------|------|
| Kemungkinan tuntutan oleh pihak-pihak ketiga | -                | 9    | -                         | -    |
|  | -                | 9    | -                         | -    |

- (a) Pada tarikh laporan ini, Kumpulan melalui anak syarikat tidak langsungnya, New Britain Palm Oil Limited ("NBPOL"), mempunyai liabiliti luar jangka berkaitan tuntutan perundangan dalam urusan lazim perniagaan berhubung pertikaian tanah, isu-isu pekerja dan pertikaian GST. NBPOL telah menafikan keseluruhan liabiliti dalam kes-kes ini dan dengan segala kesungguhan mempertahankan tindakan-tindakan tersebut. Adalah tidak praktikal untuk menganggarkan kebarangkalian kesan ke atas tuntutan-tuntutan tersebut akan tetapi nasihat perundangan menunjukkan bahawa sebarang liabiliti yang mungkin terbit sekiranya tuntutan-tuntutan tersebut berjaya walaupun tiada kemungkinan sedemikian, ianya tidak akan memberi kesan yang ketara.
- (b) Dalam bulan Mac 2011, salah satu penghutang kepada Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP"), sebuah anak syarikat Kumpulan, telah memberi notis awal berkenaan tuntutan kerugian produk akibat daripada kebakaran yang berlaku di Tanjung Langsat Port pada tahun 2008. Walaubagaimanapun, tuntutan tersebut perlu diputuskan oleh Jawatankuasa Resolusi Pertikaian di bawah Klausus 26.1 dalam Perjanjian Penyimpanan Barang yang mana telah dimeterai antara TLP dengan penghutang tersebut.

Pihak yang menuntut cuba mendapatkan ganti rugi untuk kerugian produk dan jumlah kerugian yang tidak diinsurkan dalam anggaran USD99 juta yang mana terbit daripada penutupan Kemudahan Penyimpanan tersebut akibat kejadian kebakaran dalam tahun 2008. Kedua-dua pihak telah melantik penimbang tara dan perkara tersebut masih menunggu permulaan timbang tara. TLP kemungkinan membuat tuntutan balas berjumlah RM115 juta untuk kerugian yuran yang perlu dibayar oleh pihak yang menuntut kepada TLP untuk kemudahan-kemudahan tersebut dan kos yang ditanggung oleh TLP berkenaan dengan kerja-kerja pembaikan yang dilakukan ke atas premis yang telah musnah.

Tribunal Timbang Tara telah ditubuhkan dan pihak-pihak terbabit sedang dalam proses mematuhi arahan prosedur Tribunal. Penimbang Taraan telah ditetapkan untuk didengar pada 2 Mei 2013 hingga 10 Mei 2013.

### 36. LIABILITI LUAR JANGKA (SAMBUNGAN)

#### Tidak bercagar (sambungan)

- (c) Salah satu kontraktor yang terlibat dalam pembinaan harta, loji dan kelengkapan TLP yang tertentu telah menghantar tuntutan faedah ke atas bayaran lewat berjumlah RM12,652,141. Walau bagaimanapun, TLP mempertikaikan jumlah yang dituntut tersebut dan ianya sedang dalam proses perbincangan.
- (d) Pada 25 November 2011, Impian Ekspresi Sdn. Bhd. ("IESB"), Kuan Choo Property Management Sdn. Bhd. dan Pembinaan Gapadu Berhad ("Plaintif") telah memulakan satu saman pelaksanaan spesifik terhadap anak syarikat Kumpulan, Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB") ("Defendant") yang dikatakan gagal untuk memenuhi Syarat Terdahulu dan Syarat Selepas menurut Perjanjian Usaha Sama ("JVA") bertarikh 7 Januari 2009 dan Perjanjian Tambahan bertarikh 31 Januari 2011. Plaintiff-plaintif menuntut ganti rugi sebanyak RM67,633,528 sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada pelaksanaan spesifik. Ini termasuk deposit sebanyak RM50,000,000 yang dibayar oleh IESB kepada anak syarikat di bawah JVA. Defendant telah memfailkan pembelaan mereka pada 27 Disember 2011. DASB telah dinasihatkan bahawa ia mempunyai peluang yang sama bagi mempertahankan saman itu dan oleh itu tiada peruntukan dibuat untuk tuntutan berkenaan.

Kes telah ditetapkan untuk pengurusan kes pada 30 Mac 2012 dan untuk perbicaraan pada 4 hingga 7 Jun 2012.

### 37. KATEGORI-KATEGORI INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan bagi Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember dikategorikan sebagaimana kelas-kelas berikut:

| Kumpulan   | 2011  | 2010  |
|--|-------|-------|
| Pembiayaan dan penghutang:   |       |       |
| Penghutang dagangan dan lain-lain  | 1,070 | 876   |
| Tunai dan kesamaan tunai   | 1,557 | 668   |
|  | 2,627 | 1,544 |
| Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi - dipegang untuk dagangan: |       |       |
| Lain-lain pelaburan  | 219   | 166   |
| Aset kewangan tersedia untuk dijual:   |       |       |
| Lain-lain pelaburan (pada nilai saksama)   | 89    | 228   |
| Lain-lain pelaburan (pada kos tolak rosotnilai)                                      | 6     | 7     |
|  | 314   | 401   |
| Liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan:                                       |       |       |
| Pemutang dagangan dan lain-lain  | 1,519 | 1,452 |
| Pembiayaan dan pinjaman  | 7,720 | 6,659 |
|  | 9,239 | 8,111 |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
 Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya  
**SAMBUNGAN**

**37. KATEGORI-KATEGORI INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

Instrumen kewangan bagi Kumpulan dan Johor Corporation pada 31 Disember dikategorikan sebagaimana kelas-kelas berikut: (sambungan)

| <b>Kumpulan</b>   | <b>2011</b>     | <b>2010</b>     |
|---|-----------------|-----------------|
| Liabiliti Derivatif ditetapkan sebagai instrumen dilindung nilai:                       |                 |                 |
| Semasa  | 2               | 150             |
| Bukan semasa  | -               | 25              |
| <br><b>Johor Corporation</b>  | <br><b>2011</b> | <br><b>2010</b> |
| Pembentangan dan pengutang:   |                 |                 |
| Pengutang dagangan dan lain-lain  | 1,302           | 1,305           |
| Tunai dan setara tunai  | 786             | 78              |
|   | 2,088           | 1,383           |
| Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi -<br>dipegang untuk dagangan: |                 |                 |
| Lain-lain pelaburan   | 145             | -               |
| Aset kewangan tersedia untuk dijual:  |                 |                 |
| Lain-lain pelaburan (pada nilai saksama)  | 12              | 24              |
| Lain-lain pelaburan (pada kos tolak rosotnilai)   | -               | -               |
|   | 157             | 24              |
| Liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan:  |                 |                 |
| Pembiayaan dagangan dan lain-lain   | 1,204           | 824             |
| Pembentangan dan pinjaman   | 3,570           | 3,443           |
|   | 4,774           | 4,267           |

### 38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Kumpulan dan Johor Corporation terdedah kepada risiko-risiko kewangan yang timbul daripada operasi mereka dan penggunaan instrumen-instrumen kewangan. Risiko-risiko kewangan yang utama termasuk risiko kredit, risiko mudah tunai, risiko kadar faedah, risiko matawang asing dan risiko harga pasaran.

Ahli-ahli Lembaga Pengarah mengkaji semula dan bersetuju polisi-polisi dan prosedur bagi menguruskan risiko-risiko tersebut, yang dilaksanakan oleh pasukan pengurusan. Ahli-ahli jawatankuasa audit memberikan pendapat bebas keatas keberkesanan proses pengurusan risiko.

Ianya, dan sebagaimana sepanjang tahun kewangan semasa dan lalu, polisi Kumpulan bahawa tiada derivatif akan diambil kecuali bagi penggunaan instrumen lindung-nilai dimana sesuai dan menjimatkan kos. Kumpulan menggunakan perakaunan aliran tunai lindung-nilai ke atas hubungan lindung-nilai yang layak bagi perakaunan lindung-nilai.

Seksyen berikut memberikan perincian berkaitan pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko-risiko kewangan yang telah dinyatakan di atas serta objektif, polisi dan proses-proses untuk menguruskan risiko-risiko tersebut.

#### a) Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian yang mungkin timbul atas instrumen-instrumen kewangan tertunggak sekiranya satu pihak gagal menjelaskan tanggungannya. Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada penghutang perdagangan dan lain-lain. Bagi aset-aset kewangan lain (termasuk sekuriti pelaburan, baki tunai dan bank dan derivatif), Kumpulan dan Johor Corporation meminimumkan risiko kredit dengan berurusan secara eksklusif dengan pihak-pihak yang mempunyai rekod kredit yang baik.

Kumpulan cuba untuk mendapatkan pelaburan aset tunai yang selamat dan menguntungkan. Kumpulan tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang signifikan dan ia bukanlah polisi Kumpulan untuk melindung nilai risiko kredit. Kumpulan akan memastikan bahawa penjualan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan dengan mengambilira sejarah hutang dan menghadkan jumlah pendedahan kepada satu-satu pelanggan. Bagi anak-anak syarikat yang signifikan, tiada berlakunya pemberian had kredit yang melampau sepanjang tempoh laporan dan pengurusan tidak menjangkakan sebarang kerugian ketara daripada pihak-pihak yang tidak produktif.

##### Pendedahan kepada risiko kredit

Pada tarikh laporan, pendedahan maksimum Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kredit diwakili oleh nilai bawa bagi setiap jenis aset kewangan yang diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan.

Jaminan Kewangan tidak diiktiraf dalam penyata kewangan kerana nilai saksama pada pengiktirafan awal adalah tidak material.

##### Profil tumpuan risiko kredit

Selain daripada jumlah terhutang daripada anak syarikat kepada Johor Corporation, Kumpulan dan Johor Corporation tidak terdedah kepada apa-apa tumpuan risiko kredit yang ketara dalam bentuk penghutang daripada penghutang tunggal atau kumpulan penghutang.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya  
SAMBUNGAN

### **38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

#### **a) Risiko kredit (sambungan)**

##### Aset-aset kewangan yang tidak melebihi tempoh bayaran dan tidak dirosot nilai

Maklumat mengenai penghutang perdagangan dan lain yang tidak melebihi tempoh bayaran dan tidak disusut nilai dinyatakan dalam Nota 22. Deposit-deposit dengan bank dan institusi kewangan lain dan pelaburan diletakkan dalam institusi-institusi kewangan bereputasi atau syarikat-syarikat yang mempunyai rekod kredit yang tinggi dan tiada sejarah kemungkiran bayaran.

##### Aset-aset kewangan yang samada lewat dibayar atau dirosot nilai

Maklumat mengenai aset-aset kewangan yang samada lewat dibayar atau dirosot nilai dinyatakan dalam Nota 22.

#### **b) Risiko kecairan**

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Kumpulan dan Johor Corporation akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi tanggungan kewangannya disebabkan kekurangan dana. Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada ketidakserasan tempoh matang aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan. Objektif Kumpulan dan Johor Corporation adalah untuk mengekalkan keseimbangan antara kesinambungan pembiayaan dan fleksibiliti menerusi penggunaan kemudahan-kemudahan kredit siap sedia.

Pada 31 Disember 2011, jumlah pinjaman Kumpulan dan Johor Corporation adalah berjumlah kira-kira RM7.7 bilion dan RM3.6 bilion masing-masing yang mana sejumlah RM3.48 bilion perlu dibayar pada 31 Julai 2012 yang terdiri daripada Kemudahan Kredit Pusingan Komited Cara Islam ("KKPKCI") berjumlah RM0.40 bilion, Sijil Bercagar Boleh Tebus ("SBBT") berjumlah RM0.19 bilion dan Bon Cara Islam Boleh Tebus Terjamin ("BIBTT") berjumlah RM2.891 bilion.

Pada tarikh laporan ini, Lembaga Pengarah Johor Corporation telah meluluskan pelantikan bank-bank pelaburan sebagai Pengatur Utama Bersama dan Pengatur-pengatur bersama untuk terbitan Sukuk Wakalah, yang berjumlah RM3 bilion untuk memenuhi keperluan kewangannya. Kerajaan Persekutuan Malaysia akan menjamin tanggungan Johor Corporation di bawah Sukuk yang diterbitkan. Peruntukanjaminan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan yang telah dipersetujui oleh Johor Corporation.

#### **Analisis instrumen kewangan menurut baki matang kontrak**

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti-liabiliti kewangan Kumpulan dan Johor Corporation pada tarikh laporan berdasarkan tanggungan bayaran balik tidak didiskaun mengikut kontrak:

| 2011<br>Kumpulan                                      | Atas desakan<br>atau dalam setahun | Satu hingga<br>lima tahun | Lebih<br>lima tahun | Jumlah |
|---|------------------------------------|---------------------------|---------------------|--------|
| <b>Liabiliti kewangan:</b>                            |                                    |                           |                     |        |
| Piutang dagangan dan lain-lain                        | 1,519                              | -                         | -                   | 1,519  |
| Pinjaman dan pembiayaan                               | 4,770                              | 3,308                     | 652                 | 8,730  |
| Kontrak komoditi hadapan<br>(dijelaskan secara kasar) |                                    |                           |                     |        |
| - Bayaran kasar                                       | (392)                              | -                         | -                   | (392)  |
| - Terimaan kasar                                      | 78                                 | -                         | -                   | 78     |
| Jumlah liabiliti kewangan tidak didiskaun             | 5,975                              | 3,308                     | 652                 | 9,935  |

### 38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### b) Risiko kecairan (sambungan)

| 2011<br>Johor Corporation             | Atas permintaan<br>atau dalam setahun | Satu hingga<br>lima tahun | Lebih<br>lima tahun | Jumlah |
|---------------------------------------|---------------------------------------|---------------------------|---------------------|--------|
| <b>Liabiliti kewangan:</b>            |                                       |                           |                     |        |
| Piutang dagangan dan lain-lain        | 1,024                                 | -                         | -                   | 1,024  |
| Pinjaman dan pembiayaan               | 3,570                                 | 18                        | 10                  | 3,598  |
| Jumlah pengurangan liabiliti kewangan | 4,594                                 | 18                        | 10                  | 4,622  |

Jaminan kewangan tidak termasuk di dalam analisis kematangan di atas kerana tiada kelalaian yang berlaku.

| 2010<br>Kumpulan                                      | Atas permintaan<br>atau dalam setahun | Satu hingga<br>lima tahun | Lebih<br>lima tahun | Jumlah |
|---|---------------------------------------|---------------------------|---------------------|--------|
| <b>Liabiliti kewangan:</b>                            |                                       |                           |                     |        |
| Piutang dagangan dan lain-lain                        | 1,452                                 | -                         | -                   | 1,452  |
| Pinjaman dan pembiayaan                               | 2,152                                 | 3,805                     | 702                 | 6,659  |
| Kontrak komoditi hadapan<br>(dijelaskan secara kasar) |                                       |                           |                     |        |
| - Bayaran kasar                                       | -                                     | -                         | -                   | -      |
| - Terimaan kasar                                      | -                                     | -                         | -                   | -      |
| Jumlah pengurangan liabiliti kewangan                 | 3,604                                 | 3,805                     | 702                 | 8,111  |

#### 2010 Johor Corporation

| Liabiliti kewangan:                   | Atas permintaan<br>atau dalam setahun | Satu hingga<br>lima tahun | Lebih<br>lima tahun | Jumlah |
|---------------------------------------|---------------------------------------|---------------------------|---------------------|--------|
| Piutang dagangan dan lain-lain        | 824                                   | -                         | -                   | 824    |
| Pinjaman dan pembiayaan               | 461                                   | 2,968                     | 14                  | 3,443  |
| Jumlah pengurangan liabiliti kewangan | 1,285                                 | 2,968                     | 14                  | 4,267  |

#### c) Risiko kadar faedah

Risiko kadar faedah adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan dan Johor Corporation akan turun naik disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam kadar faedah pasaran.

Pendedahan Kumpulan dan Johor Corporation kepada risiko kadar faedah yang timbul terutama daripada pinjaman dan pembiayaan. Pinjaman yang dikeluarkan pada kadar yang berbagai mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah aliran tunai manakala pinjaman yang dikeluarkan pada kadar tetap pula mendedahkan Kumpulan kepada risiko kadar faedah nilai saksama. Kumpulan menguruskan pendedahan kadar faedah dengan mengekalkan campuran kadar pinjaman tetap dan terapung.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
 Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya  
**SAMBUNGAN**

**38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

**c) Risiko kadar faedah (sambungan)**

Analisis sensitiviti bagi risiko kadar faedah

Pada tarikh laporan, perubahan 100 mata asas ("bp") dalam kadar faedah akan menyebabkan kenaikan/(penurunan) keuntungan atau kerugian selepas cukai bagi jumlah ditunjukkan di bawah. Analisis ini mengandaikan bahawa semua pembolehubah lain, khususnya kadar pertukaran wang asing, tidak berubah.

|  | <b>Kumpulan</b><br><b>2011</b> | <b>2010</b> | <b>Johor Corporation</b><br><b>2011</b> | <b>2010</b> |
|--|--------------------------------|-------------|---|-------------|
| Kadar faedah                                   |                                |             |   |             |
| - Meningkat dalam kadar faedah sebanyak 100 bp | 616                            | 599         | 278                                     | 337         |
| - Menurun dalam kadar faedah sebanyak 100 bp   | (616)                          | (599)       | (278)                                   | (337)       |

**d) Risiko mata wang asing**

Risiko mata wang asing adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen kewangan akan turun naik disebabkan oleh perubahan-perubahan dalam kadar pertukaran asing.

Kumpulan beroperasi di peringkat antarabangsa dan terdedah kepada risiko mata wang asing atas jualan, belian dan pinjaman yang didenominasi dalam mata wang selain daripada mata wang berfungsi entiti-entiti Kumpulan berkenaan. Mata wang asing dalam mana urus niaga ini didenominasi adalah terutamanya US Dollar ("USD") dan Papua New Guinea ("PNG") Kina.

Ianya bukanlah polisi kumpulan untuk melindung-nilai pendedahan risiko mata wang asing transaksinya.

Kumpulan juga mempunyai pelaburan-pelaburan dalam operasi asing, yang mana aset bersih terdedah kepada risiko terjemahanan mata wang asing. Ianya bukanlah polisi Kumpulan untuk melindung-nilai risiko terjemahanan mata wang asing. Kumpulan mengekalkan akaun bank yang didenominasi oleh mata wang asing, terutamanya dalam USD, sebagai satu lindung-nilai yang semula jadi berbanding risiko mata wang asing.

Pendedahan Kumpulan kepada risiko mata wang asing, berdasarkan nilai bawa pada tempoh laporan berakhir adalah:

| <b>2011</b>  | <b>Kumpulan</b><br><b>Didenominasi dalam</b><br><b>USD      PNG Kina</b> |
|--|--|
| Penghutang dagangan                                    | 347  |
| Piutang dagangan                                       | (56)   |
| Pinjaman dan pembiayaan                                | (1,000)  |
| Instrumen kewangan derivatif                           | (2)  |
| <br>Pendedahan bersih dalam penyata kedudukan kewangan | <br>(711)  |

### 38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### d) Risiko mata wang asing (sambungan)

|   | <b>2010</b> | <b>Kumpulan<br/>Didenominasi dalam<br/>USD    PNG KINA</b> |                 |  |
|---|-------------|--|-----------------|--|
|   |             | <b>USD</b>   | <b>PNG KINA</b> |  |
| Penghutang dagangan                                       |             | 216  | 60              |  |
| Piutang dagangan  |             | (9)  | (93)            |  |
| Pinjaman dan pembiayaan                                   |             | (755)  | (137)           |  |
| Instrumen kewangan derivatif                              |             | (175)  | -               |  |
| <br>Pendedahan bersih di dalam penyata kedudukan kewangan |             | (723)  | (170)           |  |

#### Analisis sensitiviti bagi risiko mata wang asing

Jadual di bawah menunjukkan sensitiviti keuntungan Kumpulan bersih selepas cukai terhadap perubahan yang mungkin dan munasabah dalam kadar-kadar pertukaran USD dan Kina berbanding mata wang berfungsi entiti-entiti Kumpulan, dengan semua pembolehubah lain adalah konstan.

|                 |  | <b>Keuntungan bersih<br/>selepas cukai</b> |             | <b>Pendapatan<br/>komprehensif lain<br/>bersih selepas cukai</b> |             |
|-----------------|--|--|-------------|--|-------------|
|                 |  | <b>2011</b>                                | <b>2010</b> | <b>2011</b>  | <b>2010</b> |
| USD/PNG KINA    |  |  |             |  |             |
| - dikukuhkan 5% |  | (160)                                      | (93)        | 318  | 6           |
| - disusutkan 5% |  | 160  | 93          | (318)  | (6)         |

#### e) Risiko harga pasaran

Risiko harga pasaran adalah risiko bahawa nilai saksama atau aliran tunai masa depan bagi instrumen-instrumen kewangan Kumpulan akan turun naik disebabkan oleh perubahan dalam harga-harga pasaran (selain daripada kadar-kadar faedah atau pertukaran).

Kumpulan terdedah kepada risiko harga ekuiti yang timbul daripada pelaburannya dalam instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga. Instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga di Malaysia adalah disenaraikan di Bursa Malaysia, manakala instrumen-instrumen ekuiti tersiar harga di luar Malaysia disenaraikan sebahagian besarnya di Bursa Saham London. Instrumen-instrumen ini diklasifikasi sebagai dipegang untuk dagangan atau aset-aset kewangan tersedia-untuk-dijual. Kumpulan tidak mempunyai pendedahan kepada risiko harga komoditi.

#### f) Harga Komoditi

Kumpulan meraih sebahagian besar daripada hasilnya daripada jualan produk minyak kelapa sawit. Kumpulan menggunakan instrumen-instrumen kewangan (jualan dan belian hadapan minyak kelapa sawit Malaysia) bagi menjamin harga jualan minyak kelapa sawit yang minima untuk menutup kedudukan yang dikeluarkan sebelumnya. Perakaunan aliran tunai lindung-nilai diaplikasikan ke atas risiko harga derivatif.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
 Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya  
**SAMBUNGAN**

**38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

**f) Harga Komoditi (sambungan)**

Pada tarikh laporan, turun-naik harga minyak kelapa sawit sebanyak 10% akan menyebabkan rizab Kumpulan dalam ekuiti seperti berikut:

|   | <b>2011</b> | <b>2010</b> |
|---|-------------|-------------|
| Peningkatan 10% dalam harga minyak kelapa sawit | (16)        | (12)        |
| Penurunan 10% dalam harga minyak kelapa sawit   | 16          | 12          |

**g) Nilai saksama**

Instrumen-instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama dan yang nilai bawanya adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama.

Berikut adalah kategori instrumen-instrumen kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama dan mempunyai anggaran nilai saksama yang munasabah:

|                                  | <b>Nota</b> |
|----------------------------------|-------------|
| Pengutang dagangan dan lain-lain | 22          |
| Pembiayaan dan pinjaman          | 30          |
| Pemutang dagangan dan lain-lain  | 31          |

Nilai bawa aset-aset dan liabiliti-liabiliti kewangan adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama, sama ada disebabkan oleh sifat jangka pendeknya atau kerana ia adalah instrumen kadar terapung yang diber harga semula pada kadar faedah pasaran pada atau berdekatan tarikh laporan.

Nilai saksama pinjaman dianggarkan dengan mendiskau aliran tunai masa hadapan yang dijangka pada kenaikan kadar pinjaman meningkat bagi pembiayaan, pinjaman atau pengaturan pemajakan yang serupa pada tarikh laporan.

**Instrumen ekuiti tersiar harga**

Nilai saksama ditentukan secara langsung dengan merujuk kepada terbitan tawaran harga pasaran pada tarikh laporan.

**Derivatif**

Nilai saksama kontrak komoditi hadapan dikira berdasarkan kepada kadar tersiar harga hadapan pada tarikh laporan bagi kontrak yang mempunyai profil kematangan yang sama.

**Jaminan kewangan**

Kumpulan menyediakan jaminan kewangan kepada bank untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada anak-anak syarikat tertentu. Nilai saksama untuk jaminan tersebut adalah tidak dijangka akan menjadi material memandangkan kemungkinan kegagalan anak syarikat membuat bayaran adalah terkawal.

### 38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)

#### g) Nilai saksama (sambungan)

##### Hierarki nilai saksama

Kumpulan menggunakan hierarki berikut untuk menentu dan menyatakan nilai saksama instrumen kewangan melalui teknik penilaian:

- Tahap 1: Harga tersiar (tidak berubah) dalam pasaran aktif untuk aset dan liabiliti yang serupa.
- Tahap 2: Teknik-teknik lain untuk semua input yang mempunyai kesan signifikan pada nilai saksama direkodkan adalah boleh dilihat, secara langsung atau tidak langsung.
- Tahap 3: Teknik-teknik yang menggunakan input yang mempunyai kesan ketara ke atas nilai saksama direkod yang tidak berdasarkan pada data pasaran yang boleh dilihat.

Pada 31 Disember 2011, Kumpulan mempunyai instrumen-instrumen kewangan berikut yang dinyatakan pada nilai saksama dalam penyata kewangan:

| 2011   | Kumpulan | Tahap 1 | Tahap 2 | Tahap 3 | Jumlah |
|--|----------|---------|---------|---------|--------|
| Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama: |          |         |         |         |        |
| - Saham tersiar harga                          | 89       | -       | -       | -       | 89     |
| - Waran tersiar harga                          | 219      | -       | -       | -       | 219    |
|  | 308      | -       | -       | -       | 308    |
| Liabiliti-liabiliti kewangan diukur:           |          |         |         |         |        |
| Instrumen-instrumen kewangan derivatif         | -        | 2       | -       | -       | 2      |

| 2010   | Kumpulan | Tahap 1 | Tahap 2 | Tahap 3 | Jumlah |
|--|----------|---------|---------|---------|--------|
| Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama: |          |         |         |         |        |
| - Saham tersiar harga                          | 80       | -       | -       | -       | 80     |
| - Waran tersiar harga                          | 166      | -       | -       | -       | 166    |
|  | 246      | -       | -       | -       | 246    |
| Liabiliti-liabiliti kewangan diukur:           |          |         |         |         |        |
| Instrumen-instrumen kewangan derivatif         | -        | 175     | -       | -       | 175    |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya  
SAMBUNGAN

**38. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN (SAMBUNGAN)**

**g) Nilai saksama (sambungan)**

**Hierarki nilai saksama (sambungan)**

**2011**

| <b>Johor Corporation</b>                       | <b>Tahap 1</b> | <b>Tahap 2</b> | <b>Tahap 3</b> | <b>Jumlah</b> |
|--|----------------|----------------|----------------|---------------|
| Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama: |                |                |                |               |
| - Saham tersiar harga                          | 12             | -              | -              | 12            |
| - Waran tersiar harga                          | 145            | -              | -              | 145           |
|  | 157            | -              | -              | 157           |

**2010**

| <b>Johor Corporation</b>                       | <b>Tahap 1</b> | <b>Tahap 2</b> | <b>Tahap 3</b> | <b>Jumlah</b> |
|--|----------------|----------------|----------------|---------------|
| Aset-aset kewangan dinilai pada nilai saksama: |                |                |                |               |
| - Saham tersiar harga                          | 24             | -              | -              | 24            |
|  | 24             | -              | -              | 24            |

**39. PENGURUSAN MODAL**

Objektif-objektif Kumpulan ketika menguruskan modal adalah untuk menjaga keupayaan Johor Corporation untuk diteruskan sebagai sebuah perusahaan berterusan dan bagi mengekalkan struktur modal yang optimal bagi mematuhi syarat-syarat hutang dan peraturan pihak berkuasa.

Kumpulan secara aktif dan secara berkala mengkaji semula dan menguruskan struktur modalnya untuk memastikan struktur modal yang optimal dan pulangan bagi pemegang saham, dengan mempertimbangkan keperluan modal masa hadapan Kumpulan dan keberkesanan modal, keuntungan sedia ada, aliran tunai, perbelanjaan modal dan peluang pelaburan strategik yang dijangka.

Pengurusan memantau modal berdasarkan kepada nisbah penggearan ("gearing ratio") bersih. Nisbah penggearan ini dikira sebagai hutang bersih dibahagi dengan ekuiti pemegang saham. Hutang bersih dikira sebagai pinjaman tolak tunai dan kesamaan tunai.

|   | <b>Kumpulan</b> |             |
|---|-----------------|-------------|
|   | <b>2011</b>     | <b>2010</b> |
| Pinjaman bank (Nota 30)                   | 7,720           | 6,659       |
| Tolak: Tunai dan kesamaan tunai (Nota 28) | (1,557)         | (668)       |
| Hutang bersih                             | 6,163           | 5,991       |
| Jumlah ekuiti                             | 6,385           | 5,035       |
| Nisbah hutang-kepada-ekuiti               | 0.96            | 1.19        |

### **39. PENGURUSAN MODAL (SAMBUNGAN)**

Tiada perubahan dalam pendekatan Kumpulan bagi pengurusan modal dalam tahun kewangan semasa.

Terdapat keperluan modal yang dikenakan oleh Bank Negara kepada sebuah anak syarikat tidak langsung yang terlibat dalam broker insuran dan perundingan. Pada ketika ini, anak syarikat tersebut telah mematuhi keperluan dana pemegang saham minimum RM600,000 pada bila-bila masa.

### **40. MAKLUMAT SEGMENT**

Maklumat segmen Kumpulan dibentangkan berhubung segmen-segmen bisnes dan geografi. Format pelaporan utama, segmen bisnes, adalah berdasarkan struktur pengurusan dan pelaporan dalaman Kumpulan. Penentuan harga antara segmen adalah berdasarkan terma-terma biasa atau terma-terma yang telah dirundingkan.

Keputusan-keputusan segmen, aset-aset dan liabiliti-liabiliti adalah termasuk item-item yang boleh diagihkan terus kepada suatu segmen dan juga yang boleh diagihkan atas dasar yang munasabah.

Perbelanjaan modal segmen adalah jumlah kos yang ditanggung dalam tahun semasa untuk membeli harta tanah, loji dan kelengkapan dan hak-hak guna tanah.

#### **Segmen bisnes**

Kumpulan adalah terdiri daripada segmen-segmen bisnes utama berikut:

- Minyak kelapa sawit – Perladangan kelapa sawit, pemprosesan minyak kelapa sawit mentah, perkhidmatan dan perundingan pengurusan perladangan
- Prisihatin – hospital dan perkhidmatan kesihatan
- Hartanah – Pembangunan harta tanah dan pembangunan perumahan
- Intrapreneur ventures – Pengangkutan laut, pengurusan letak kenderaan, jualan produk berdasarkan kayu dan mel pukal dan percetakan
- Restoran khidmat cepat – Kedai Pizza Hut, Ayamas and Kentucky Fried Chicken

Lain-lain operasi Kumpulan terutamanya terdiri daripada operasi-operasi yang saiznya tidak memadai untuk dilaporkan secara berasingan.

#### **Segmen-segmen geografi**

Segmen bisnes Kumpulan diuruskan atas dasar seluruh dunia, mereka beroperasi dalam dua kawasan geografi utama:

- Malaysia – Terutamanya operasi perladangan, operasi prisihatin, restoran khidmat cepat dan aktiviti pelaburan
- Papua New Guinea – Terutamanya operasi perladangan

Dalam membentangkan maklumat berdasarkan segmen-segmen geografi, segmen pendapatan adalah berdasarkan lokasi geografi para pelanggan. Segmen aset adalah berdasarkan lokasi geografi aset-aset tersebut.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011  
Amanu Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya  
SAMBUNGAN**

#### **40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)**

### (a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes

**40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)**  
**(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)**

|                               | <i>Minyak Sawit</i> | <i>Prisihatin</i> | <i>Hartanah</i> | <i>Intrapreneur Ventures</i> | <i>Restoran Khidmat Cepat</i> |                      | <i>Lain-lain</i> | <i>Kumpulan</i> |
|-------------------------------|---------------------|-------------------|-----------------|------------------------------|-------------------------------|----------------------|------------------|-----------------|
|                               |                     |                   |                 |                              | <i>Restoran</i>               | <i>Khidmat Cepat</i> |                  |                 |
| <b>Kumpulan - 2011</b>        |                     |                   |                 |                              |                               |                      |                  |                 |
| <b>Lain-lain informasi</b>    |                     |                   |                 |                              |                               |                      |                  |                 |
| Aset-aset segmen              | 8,249               | 181               | 2,659           | 509                          | 2,686                         | -                    | 2,531            | 16,815          |
| Syarikat-syarikat bersekutu   | 1                   | 186               | 162             | 24                           | -                             | -                    | 158              | 531             |
| Aset-aset tidak diperuntukkan |                     |                   |                 |                              |                               |                      |                  | (71)            |
| Jumlah asset disatukan        |                     |                   |                 |                              |                               |                      |                  | 17,275          |
| Liabiliti segmen              | 2,959               | 2                 | 1,752           | 440                          | 1,034                         |                      | 4,750            | 10,937          |
| Liabiliti tidak diperuntukkan |                     |                   |                 |                              |                               |                      |                  | (47)            |
| Jumlah liabiliti disatukan    |                     |                   |                 |                              |                               |                      |                  | 10,890          |
| Perbelanjaan modal            | 947                 | -                 | -               | 3                            | 393                           | 8                    |                  | 1,351           |
| Susuhnilai & pelunasan        | 268                 | 1                 | 6               | 22                           | 136                           | 47                   |                  | 480             |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya**

## 40. MAKLUMAT SEGMENT SAMBUNGAN

(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)

**40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)**  
**(a) Format pelaporan utama - Segmen bisnes (sambungan)**

|                               | <i>Minyak Sawit</i> | <i>Prisihatin</i> | <i>Hartanah</i> | <i>Intrapreneur Ventures</i> | <i>Restoran</i> |              | <i>Kumpulan</i> |
|-------------------------------|---------------------|-------------------|-----------------|------------------------------|-----------------|--------------|-----------------|
|                               |                     |                   |                 |                              | <i>Khidmat</i>  | <i>Cepat</i> |                 |
| <b>Kumpulan - 2010</b>        |                     |                   |                 |                              |                 |              |                 |
| <b>Lain-lain informasi</b>    |                     |                   |                 |                              |                 |              |                 |
| Aset-aset segmen              | 6,567               | 114               | 3,291           | 468                          | 1,475           | -            | 859             |
| Syarikat-syarikat bersekutu   | -                   | 186               | 18              | -                            | -               | -            | 303             |
| Aset-aset tidak diperuntukkan |                     |                   |                 |                              |                 |              | 1,103           |
| Jumlah asset disatukan        |                     |                   |                 |                              |                 |              | 14,384          |
| Liabiliti segmen              | 2,516               | 19                | 1,591           | 400                          | 846             | 4,159        | 9,531           |
| Liabiliti tidak diperuntukkan |                     |                   |                 |                              |                 |              | (182)           |
| Jumlah liabiliti disatukan    |                     |                   |                 |                              |                 |              | 9,349           |
| Perbelanjaan modal            | 361                 | -                 | 1               | 98                           | 261             | 13           | 734             |
| Susutnilai & pelunasan        | 183                 | 1                 | 5               | 24                           | 118             | 52           | 383             |

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
 Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya  
**SAMBUNGAN**

**40. MAKLUMAT SEGMENT (SAMBUNGAN)**

**(b) Format pelaporan sekunder - Segmen Bisnes**

|                               | <b>Jualan (luaran)</b> |             | <b>Jumlah Aset</b> |             | <b>Perbelanjaan Modal</b> |             |
|-------------------------------|------------------------|-------------|--------------------|-------------|---------------------------|-------------|
|                               | <b>2011</b>            | <b>2010</b> | <b>2011</b>        | <b>2010</b> | <b>2011</b>               | <b>2010</b> |
| <b>Kumpulan</b>               |                        |             |                    |             |                           |             |
| Malaysia                      | 5,426                  | 6,064       | 12,208             | 10,859      | 696                       | 421         |
| Indonesia                     | 20                     | 20          | 25                 | 17          | -                         | -           |
| Papua New Guinea              | 277                    | 243         | 4,075              | 3,001       | 655                       | 313         |
| United Kingdom                | 2,074                  | 109         | 413                | -           | -                         | -           |
| Negara-negara                 |                        |             |                    |             |                           |             |
| lain dalam Eropah             | -                      | 1,076       | -                  | -           | -                         | -           |
| Lain-lain negara              | 16                     | 12          | 13                 | -           | -                         | -           |
|                               | 7,813                  | 7,524       | 16,734             | 13,877      | 1,351                     | 734         |
| Syarikat-syarikat bersekutu   |                        |             | 532                | 507         |                           |             |
| Aset-aset tidak diperuntukkan |                        |             | 9                  | -           |                           |             |
| Jumlah aset                   |                        |             | 17,275             | 14,384      |                           |             |

**41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN**

**1. Johor Corporation**

- (a) Pada 31 Disember 2011, jumlah pinjaman Kumpulan dan Johor Corporation adalah berjumlah kira-kira RM7.7 bilion dan RM3.6 bilion masing-masing yang mana sejumlah RM3.48 bilion perlu dibayar pada 31 Julai 2012 yang terdiri daripada Kemudahan Kredit Pusingan Komited Cara Islam ("KKPKCI") berjumlah RM0.40 bilion, Sijil Bercagar Boleh Tebus ("SBBT") berjumlah RM0.19 bilion dan Bon Cara Islam Boleh Tebus Terjamin ("BIBTT") berjumlah RM2.891 bilion.

Pada 16 Ogos 2011, Johor Corporation telah memeterai perjanjian jual beli untuk melupuskan aset-aset perladangannya kepada Mahamurni Plantations Sdn Bhd ("MPSB"), anak syarikat milik penuh Kulim (Malaysia) Berhad ("KMB"), merangkumi enam (6) ladang (termasuk kesemua bangunan, loji dan mesin yang didirikan di atasnya), semuanya terletak dalam negeri Johor dengan jumlah keluasan tanah yang berukuran kira-kira 13,687 hektar untuk balasan tunai RM700 juta.

Selepas akhir tahun kewangan, sebahagian daripada hasil jualan berjumlah RM0.375 bilion telah diterima dan digunakan untuk sebahagian pembayaran KKPKCI. Oleh yang sedemikian, baki pinjaman yang perlu dibayar pada 31 Julai 2012 berkurangan kepada RM3.195 bilion.

Pada tarikh laporan ini, Lembaga Pengarah Johor Corporation telah meluluskan bank-bank pelaburan sebagai Pengatur Utama Bersama dan Pengatur-pengatur bersama untuk terbitan Sukuk Wakalah, yang berjumlah RM3 bilion untuk memenuhi keperluan kewangannya. Kerajaan Persekutuan Malaysia akan menjamin tanggungan Johor Corporation di bawah terbitan Sukuk. Peruntukan jaminan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan yang telah dipersetujui oleh Johor Corporation.

#### 41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

##### 1. Johor Corporation (sambungan)

- (b) Pada 31 Disember 2009, Johor Corporation dan penghutang perdagangan, Syarikat Perumahan Negara Berhad ("SPNB") telah bersetuju pada dasarnya untuk membatalkan perjanjian jual beli bertarikh 26 Januari 2006. Walau bagaimanapun, butiran-butiran dalam kandungan penyelesaian tersebut ketika ini masih lagi dalam perundingan.

##### 2. Johor Land Berhad

- (a) Pada Mesyuarat Agung Luar Biasa Johor Land Berhad ("JLB") yang diadakan pada 8 November 2011, pemegang saham telah meluluskan cadangan pengurangan modal terpilih dan pelaksanaan pembayaran semula menurut Seksyen 64 Akta Syarikat, 1965, di mana keseluruhan saham JLB (termasuk saham pertimbangan tetapi tidak termasuk saham yang dipegang oleh Johor Corporation ("JCorp") dan syarikat berkaitan, Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB")) akan dibatalkan melalui pembayaran semula modal sebanyak RM1.69 bagi setiap saham dibatalkan. Setelah selesai pelaksanaan, JLB akan menjadi sebuah anak syarikat milik penuh JCorp (88.18% pegangan saham langsung dan 11.82% pegangan tidak langsung melalui DASB) dan paduan yang dikeluarkan dan modal berbayar adalah RM445,745,488 yang terdiri daripada 445,745,488 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

Pada 13 Februari 2012, Mahkamah Tinggi Malaya memerintahkan perintah-dalam-terma bagi Petisyen modal terpilih dan pelaksanaan pembayaran ("SCR"). Perintah Mahkamah untuk cadangan SCR yang bertarikh 13 Februari 2012 telah dikemukakan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 21 Februari 2012 dan cek untuk pembayaran balik modal menurut SCR telah dihantar kepada para pemegang saham Syarikat yang layak pada 28 Februari 2012.

- (b) Pada 12 November 2011, JLB memeterai perjanjian usahasama bersyarat dengan pihak ketiga untuk pembangunan unit komersil di atas sebidang tanah seluas kira-kira 7 ekar dengan penyertaan ekuiti sebanyak 60% daripada JLB, dan JLB akan diberi kuasa untuk menerajui pembangunan sebagai pengurus pembangunan. Syarat-syarat tertentu yang ditetapkan dalam perjanjian usahasama masih belum diselesaikan pada tarikh kedudukan kewangan.

##### 3. Johor Paper & Publishing Sdn Bhd

- (a) Dalam tahun kewangan semasa, Langsat Marine Base Sdn Bhd ("LMB") anak syarikat Johor Paper & Publishing Sdn Bhd ("JPP"), telah memeterai perjanjian jual beli dengan syarikat yang berkaitan untuk membeli sebidang tanah seluas 10 ekar yang dikenali sebagai PLO 46A, yang terletak di Kawasan Perindustrian Tanjung Langsat, Pasir Gudang untuk jumlah balasan sebanyak RM15.246 juta. Tempoh pajakan tanah ini adalah 60 tahun.
- (b) Pada 4 Ogos 2011, Jedcon Engineering Survey Sdn Bhd ("JES"), anak syarikat JPP telah memeterai Perjanjian Kemudahan dengan sebuah bank berlesen bagi kemudahan pinjaman berjangka penyambung sehingga jumlah agregat maksimum RM50 juta. Tujuan kemudahan ini adalah untuk membayai sebahagian daripada pengambilalihan saham tersiar harga dan waran.
- (c) Pada 5 Januari 2011, LMB telah memeterai perjanjian kemudahan perbankan "Commodity Murabahah Term Financing-I Facility" (CMTF-i) sehingga RM250 juta dengan tarikh matang pada 24 Januari 2012. Pihak bank telah meluluskan lanjutan masa untuk pembayaran balik kepada 23 April 2012.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya  
SAMBUNGAN

### **41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)**

#### **4. Kulim (Malaysia) Berhad**

- (a) Sepanjang tahun kewangan, Kulim Malaysia Berhad ("KMB") telah mengumumkan penyelesaian dan kelulusan cadangan-cadangan berikut:
  - (i) 11 Februari 2011: Peningkatan dalam modal saham dibenarkan Syarikat daripada RM200,000,000 terdiri daripada 400,000,000 saham bernilai RM0.50 sesaham kepada RM500,000,000 terdiri daripada 2,000,000,000 saham disubbahagi bernilai RM0.25 sesaham ("Cadangan kenaikan modal saham yang dibenarkan");
  - (ii) 17 Februari 2011: Saham pisah yang melibatkan sub-pembahagian setiap satu (1) saham biasa sedia ada bernilai RM0.50 sesaham yang dipegang dalam Syarikat atau ("saham") kepada dua (2) saham biasa RM0.25 setiap satu ("saham-saham disubbahagi") ("pecahan saham yang dicadangkan");
  - (iii) 17 Februari 2011: Terbitan bonus bagi saham-saham disubbahagi baru ("saham bonus") atas dasar satu (1) saham bonus bagi setiap satu (1) saham disubbahagi yang dipegang selepas pemecahan saham yang dicadangkan ("terbitan bonus dicadangkan"); dan
  - (iv) 24 Februari 2011: Pengeluaran waran percuma dalam Syarikat ("waran") pada asas satu (1) waran untuk setiap lapan (8) saham disubbahagi yang dipegang selepas pemecahan saham yang dicadangkan dan terbitan bonus dicadangkan ("terbitan waran percuma dicadangkan").
- (b) Pada 16 Ogos 2011, KMB telah mengumumkan pengambilalihan aset perladangan daripada JCorp oleh Mahamurni Plantations Sdn Bhd ("MPSB"), anak syarikat milik penuh KMB, enam (6) ladang (bersama-sama dengan semua bangunan dan kilang (termasuk loji dan jentera mereka) yang didirikan di atasnya), semuanya terletak di negeri Johor dengan keluasan tanah tempatan yang berukuran lebih kurang 13,687 hektar untuk balasan tunai sebanyak RM700 juta.

Bagi cadangan pengambilalihan di atas, urusniaga di bawah telah diselesaikan pada akhir tahun:

- (i) Perjanjian Jual Beli ("SPA") antara MPSB dan JCorp bagi pengambilalihan ladang kelapa sawit dan (bersama-sama dengan semua bangunan yang dibina di atasnya bersama aset, peralatan, perkakas, dan loji dan jentera yang terletak dalam ladang kelapa sawit) yang dikenali sebagai "Ladang Sungai Papan" untuk balasan tunai sebanyak RM183,300,000 dan SPA antara MPSB dan JCorp Hotels and Resorts Sdn Bhd ("JHSB") (dahulunya dikenali sebagai Kumpulan Penambang (J) Sdn Bhd), sebuah anak syarikat milik penuh JCorp, bagi pengambilalihan tanah perladangan kelapa sawit (bersama-sama dengan semua bangunan yang didirikan di atasnya bersama-sama dengan aset, peralatan, perkakas, dan loji dan jentera yang terletak dalam lingkungan tanah kelapa sawit) yang dikenali sebagai "Sebahagian Ladang Siang" untuk balasan tunai sebanyak RM191,600,000. Pembayaran telah dilaksanakan pada 31 Disember 2011.

Cadangan pengambilalihan yang masih belum selesai pada akhir tahun adalah seperti berikut:

- (i) SPA antara MPSB dan JCorp bagi cadangan tanah yang sedang diusahakan dengan penanaman kelapa sawit (bersama-sama dengan semua bangunan dan kilang minyak sawit ("Kilang Pasir Panjang") didirikan di atasnya (bersama-sama dengan aset, peralatan, perkakas, dan loji dan jentera yang terletak dalam tanah dan Kilang Pasir Panjang)) yang dikenali sebagai "Sebahagian Ladang Pasir Panjang" untuk balasan tunai sebanyak RM71,783,000; dan

**41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)****4. Kulim (Malaysia) Berhad (sambungan)**

Cadangan pengambilalihan yang masih belum selesai pada akhir tahun adalah seperti berikut: (sambungan)

- (ii) SPA antara MPSB dan Johor Foods Sdn Bhd ("JFSB"), sebuah anak syarikat milik penuh JCorp, bagi cadangan pengambilalihan tanah yang kini diusahakan dengan penanaman kelapa sawit (bersama-sama dengan semua bangunan dan kilang kelapa sawit ("Kilang Palong") didirikan di atasnya (bersama-sama dengan aset, peralatan, perkakas, dan loji dan jentera yang terletak di dalam tanah dan Kilang Palong)) yang dikenali sebagai "Mungka, Kemedak dan Kilang Palong" untuk balasan tunai sebanyak RM253,317,000.
- (c) Pada 5 Disember 2011, KMB mengumumkan bahawa Sindora Berhad ("SB") telah berjaya menjadi anak syarikat penuh pada tahun semasa di bawah pengambilalihan bersyarat untuk mengambil alih ke semua baki saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam SB yang tidak dimiliki oleh KMB untuk tawaran harga tunai sebanyak RM3.10 sesaham.
- (d) Pada 10 Januari 2012, KMB mengumumkan, merujuk kepada pengumuman yang dibuat pada 9 Januari 2012 oleh NBPOL, sebuah anak syarikat 50.68% milik KMB, NBPOL sedang berusaha mendapatkan kuasa daripada pemegang sahamnya untuk tidak mengenakan hak-hak berpotensi bagi membeli ("pre-emption rights") terbitan baru saham yang mungkin dilaksanakan sehingga maksimum lima peratus daripada modal saham semasa yang dikeluarkan NBPOL. Tujuan terbitan baru saham berpotensi tersebut adalah untuk memperoleh kepentingan bukan-kawalan dalam syarikat-syarikat subsidiari tertentu NBPOL.

Penerbitan saham baru oleh NBPOL, jika diluluskan oleh pemegang saham NBPOL, akan mengurangkan pegangan saham KMB dalam NBPOL daripada 50.68% kepada 48.26%, dengan itu berpotensi menjadikan NBPOL sebuah syarikat bersekutu KMB. Resolusi yang memohon kelulusan daripada para pemegang saham NBPOL untuk tidak mengenakan hak keutamaan membeli mereka bagi terbitan saham-saham baru yang mungkin dilaksanakan hingga kepada maksimum lima peratus daripada modal saham semasa yang dikeluarkan NBPOL telah diluluskan oleh pemegang saham NBPOL pada 30 Januari 2012.

- (e) Pada 27 Disember 2007, KFC Holdings (Malaysia) Bhd ("KFCH") mengumumkan pembelian sebidang tanah (termasuk semua kilang, bangunan, struktur, infrastruktur dan kemudahan yang dibina atau didirikan di atas tanah) seluas 20.533 ekar yang menjadi sebahagian daripada tanah industri pegangan pajakan (tamat pada 30 Januari 2041) yang dipegang di bawah dokumen hakmilik HS (D) 2276, PTD 1384, Mukim Hulu Sungai Johor, Kota Tinggi, Johor bagi balasan tunai RM6.15 juta daripada Sindora Berhad ("SB").

SB telah mendapat kelulusan untuk memecah Tanah daripada Jawatankuasa Hasil Bumi, Johor pada 4 Mei 2011 dan kini menunggu pengeluaran dokumen hakmilik berasingan bagi harta tersebut di bawah nama SB. Syarat-syarat Terdahulu akan dipenuhi apabila dokumen berasingan hakmilik harta tersebut dikeluarkan.

- (f) Sindora Berhad pada 27 Februari 2008 mencadangkan pajakan sehingga dua puluh (20) ekar atau 871,200 kaki persegi kawasan tanah dalam Pelabuhan Tanjung Langsat yang dikenal pasti sebagai PLO 46, Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat, Mukim Sungai Tiram, Daerah Johor Bahru, Negeri Johor oleh Johor Shipyard and Engineering Sdn. Bhd. ("JSESB") daripada Tanjung Langsat Port Sdn. Bhd. ("TLP") (anak syarikat milik penuh Johor Corporation) bagi tempoh 30 tahun untuk sewa pajakan sehingga RM21.78 juta atau RM25 setiap kaki persegi.

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**  
 Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya  
**SAMBUNGAN**

**41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)**

**4. Kulim (Malaysia) Berhad (sambungan)**

Pada 28 Mac 2011 pihak-pihak dalam Perjanjian Pajakan telah sama-sama bersetuju untuk:

- (i) memanjangkan tempoh memenuhi syarat terdahulu kepada 28 September 2011;
- (ii) memanjangkan penyampaian Plot 1 hingga 42 bulan dari tarikh Perjanjian untuk Pajakan;
- (iii) memanjangkan penghantaran Plot 2 hingga 46 bulan dari tarikh Perjanjian untuk Pajakan

Pada 2 Jun 2011, TLPSB mengeluarkan notis ke JSESB untuk menamatkan Perjanjian untuk Pajakan kerana kegagalan untuk mendapatkan kelulusan yang diperlukan daripada pihak berkuasa yang berkaitan untuk membina sebuah limbungan kapal di atas tapak yang dicadangkan JSESB. Oleh itu, Pajakan Tanah Tanjung Langsat yang dicadangkan telah dibatalkan.

- (g) Selepas itu, pada 11 Julai 2011, KFCH mengumumkan pembelian sebahagian daripada tanah kosong pegangan kekal komersial yang berukuran kira-kira 3.095 ekar atau 134,818 kaki persegi di sebahagian daripada Lot PTD 156352 (sebelumnya di bawah sebahagian daripada Lot 84134) yang terletak dalam Bandar Dato 'Onn ("BDO") ("Parcel 2") pada jumlah balasan sebanyak RM9,167,624 atau RM68 setiap kaki persegi daripada JLB.
- (h) Pada 19 September 2011, Kumpulan melalui anak syarikatnya, QSR, mengumumkan penyusunan semula struktur Kumpulan yang menyebabkan QSR mengambil alih anak syarikat milik penuhnya seperti berikut daripada anak-anak syarikat yang lain:

| <b>Syarikat Sasaran</b>           | <b>Penjual</b>                        | <b>Kos<br/>RM '000</b> |
|-----------------------------------|---------------------------------------|------------------------|
| Pizza Hut Restaurants Sdn. Bhd.   | Pizza Hut Holdings (Malaysia) Sdn Bhd | 44,134                 |
| Multibrand QSR Holdings Pte. Ltd. | Pizza Hut Holdings (Malaysia) Sdn Bhd | 10,000                 |
|                                   |                                       | 54,134                 |

- (i) Pada 19 September 2011, KFCH mengumumkan penyusunan semula struktur Kumpulan yang menyebabkan KFCH mengambil alih anak-anak syarikatnya seperti berikut daripada anak-anak syarikat yang lain:

| <b>Syarikat Sasaran</b>                            | <b>Penjual</b>                     | <b>Kos<br/>RM '000</b> |
|--|------------------------------------|------------------------|
| KFC (Sarawak) Sdn. Bhd.                            | KFC (East Malaysia) Sdn Bhd        | 2,198                  |
| KFC (Sabah) Sdn. Bhd.                              | KFC (East Malaysia) Sdn Bhd        | 4,363                  |
| KFC (Peninsular Malaysia) Sdn. Bhd.                | KFC Restaurants Holdings Sdn. Bhd. | 9,250                  |
| Kentucky Fried Chicken (Malaysia) Sendirian Berhad | KFC Restaurants Holdings Sdn. Bhd. | 2,406                  |
| Asbury's (Malaysia) Sdn. Bhd.                      | KFC Restaurants Holdings Sdn. Bhd. | 1,145                  |
| WQSR Holdings (S) Pte. Ltd.                        | KFC Restaurants Holdings Sdn. Bhd. | 10,000                 |
| KFC (East Malaysia) Sdn. Bhd.                      | KFC Restaurants Holdings Sdn. Bhd. | 6,038                  |
| Ayamas Shoppe Sdn. Bhd.                            | Ayamas Food Corporation Sdn. Bhd.  | 1,829                  |
| Rasamas Holdings Sdn. Bhd.                         | Ayamas Food Corporation Sdn. Bhd.  | 3,000                  |
|  |                                    | 40,229                 |

#### 41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

##### 4. Kulim (Malaysia) Berhad (sambungan)

- (j) Pada 14 Disember 2011, QSR mengumumkan bahawa ia telah menerima surat tawaran daripada Massive Ekuiti Sdn. Bhd. ("MESB") bertarikh 14 Disember 2011, menyatakan niat MESB untuk mengambil alih sebahagian besar semua perniagaan dan akuanji QSR, termasuk sebahagian besar aset dan liabiliti QSR, pada balasan tunai agregat bersamaan dengan:
- (i) RM6.80 bagi setiap saham biasa berharga RM1.00 sesaham yang dipegang dalam QSR ("Saham QSR") didarab dengan jumlah baki Saham QSR (tolak saham perbendaharaan, jika ada) pada satu tarikh yang akan ditentukan kemudian; dan
  - (ii) RM3.79 setiap waran QSR ("QSR Waran") didarab dengan jumlah baki Waran QSR dalam terbitan pada tarikh yang akan ditentukan kemudian.
- (selepas ini dirujuk sebagai "Tawaran QSR")

MESB juga telah pada tarikh yang sama membuat tawaran untuk mengambil alih keseluruhan perniagaan dan akuanji KFC Holdings (Malaysia) Bhd ("KFCH"), termasuk semua aset dan liabiliti KFCH ("Tawaran KFCH"). Tawaran KFCH dan Tawaran QSR adalah antara-syarat.

Lembaga pengarah QSR dan KFCH pada 21 Disember 2011 telah mengumumkan bahawa mereka (kecuali pengarah yang berkepentingan di bawah Tawaran QSR dan Tawaran KFCH) telah bersetuju dengan Tawaran QSR dan Tawaran KFCH masing-masing, tertakluk kepada pelaksanaan penjualan berkenaan dan perjanjian pembelian.

Tawaran QSR dan Tawaran KFCH kini sedang dalam pelaksanaan untuk kelulusan para pemegang saham dan pemegang waran yang berkaitan. Butir-butir lengkap akan diumumkan dalam masa terdekat.

- (k) Dalam tahun semasa, anak syarikat yang dimiliki oleh SB sebanyak 51% iaitu E.A Technique Sdn Bhd telah membeli tambahan saham ekuiti sebanyak 4,600,000 bernilai RM1.00 sesaham, mewakili kira-kira 12% kepentingan ekuiti dalam Orkim Sdn Bhd ("Orkim"), menjadikan Orkim sebagai syarikat bersekutu milik KMB dengan pegangan saham sebanyak 49.9%.

Pada 31 Januari 2011, KMB telah melaksanakan opsyen panggilan selaras dengan Perjanjian Langganan dan Pemegang Saham untuk membeli tambahan sebanyak 1% kepentingan ekuiti dalam Orkim. Dengan itu, Orkim menjadi sebuah anak syarikat KMB.

- (l) Pada 14 Januari 2011, KMB melalui anak syarikat tidak langsungnya, New Britain Palm Oil Limited ("NBPOL") telah menandatangani Perjanjian Pemindahan dengan PT Ivo Mas Tunggal and Madascar Capital Pte Limited untuk pelupusan 50% kepentingannya dalam PT Damitama Mas Sejahtera, sebuah syarikat bersekutu NBPOL, berjumlah USD14.4 juta (selepas duti dan cukai kena dibayar) menurut Perjanjian Jual Beli Bersyarat bertarikh 17 Disember 2010. Urusniaga tersebut telah selesai dalam tahun kewangan semasa.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya  
SAMBUNGAN

### **41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)**

#### **4. Kulim (Malaysia) Berhad (sambungan)**

- (m) Pada 31 Mac 2011, NBPOL telah menandatangani Perjanjian Kemudahan dengan sebuah konsortium bank asing dan tempatan bagi kemudahan 5 tahun berjumlah USD240 juta, yang mana akan digunakan untuk membayar balik kemudahan 12 bulan berjumlah USD200 juta yang telah dikeluarkan bagi pengambilalihan Kula (pembayaran semula pada 15 April 2011), dan bakinya untuk pelbagai projek-projek modal dan modal kerja. Cagaran-cagaran berikut telah diberikan bagi kemudahan ini:
- gadai janji saksama berdaftar ke atas semua aset dan akuanji kumpulan NBPOL kecuali bagi dua anak syarikat, Ramu Agri Industries Limited dan New Britain Oils Limited; dan
  - pegangan pajak gadai janji berdaftar ke atas segala pajakan negeri dan pajakan-pajakan kecil kepada pihak lain lebih daripada 500 hektar merangkumi kesemua tanah dan bangunan sedia ada yang dimiliki oleh NBPOL.

Kemudahan tersebut merangkumi Bahagian 1 berjumlah USD120 juta dan Bahagian 2 berjumlah USD120 juta. Jumlah pokok belum dilunaskan di bawah Bahagian 1 akan dibayar balik secara 18 ansuran suku tahunan berjumlah USD6.3 juta bermula 6 bulan daripada pengeluaran pertama dan ansuran terakhir berjumlah USD6.6 juta. Jumlah pokok belum dilunaskan dibawah Bahagian 2 akan dibayar balik apabila matang.

- (n) Pada 7 Mac 2011, QSR Brands Bhd mengumumkan bahawa ia telah menujuhkan sebuah anak syarikat milik penuh, Integrated Poultry Industry (Kampuchea) Private Limited, bagi tujuan operasi ayam pedaging dan memproses pengeluaran di Phnom Penh, Cambodia.
- (o) Pada 11 Mac 2011, KFCH mengumumkan bahawa ia melalui anak syarikatnya, Ayamas Shoppe Sdn Bhd (dahulu dikenali sebagai Kedai Ayamas Sdn Bhd), menujuhkan sebuah syarikat, iaitu Ayamas Shoppe (Sabah) Sdn Bhd menurut Perjanjian Usaha Sama bertarikh 27 Oktober 2010 dengan Rastamas Trading Sdn Bhd bagi tujuan perniagaan Kedai Ayamas di Sabah.

#### **5. Damansara Assets Sdn Bhd**

- (a) Pada 31 Januari 2011, Damansara Assets Sdn Bhd ("DASB") telah memeterai Perjanjian Tambahan ("SA") dengan Impian Expresi Sdn. Bhd. untuk meminda atau menambah fasal kepada Perjanjian Usaha Sama ("JVA"). Menurut SA, semua pihak saling bersetuju bahawa Syarat Terdahulu yang masih belum dipenuhi pada 31 Januari 2011 telah digantung dan telah dijadikan Syarat Seterusnya untuk dipenuhi tidak lewat daripada 28 Februari 2011.

Satu Syarat Seterusnya adalah untuk melaksanakan Perjanjian Jual Beli ("SPA") dengan Kuan Choo Property Management Sdn. Bhd. (pemilik berdaftar dan pemaju VSQI), Malton Berhad (pemilik berdaftar VSQII) dan Pembinaan Gapadu Berhad (pemaju VSQII) untuk melupuskan VSQI dan VSQII sebagai balasan bagi hak untuk mendapat ruang pejabat dengan nilai pasaran sebanyak RM200 juta kepada DASB sebagaimana yang diperuntukkan dalam JVA itu.

Oleh kerana semua Syarat Seterusnya tidak dipenuhi pada atau sebelum tamat tempoh SA pada 28 Februari 2011, SPA tidak dilaksanakan dan pelupusan hartanah pelaburan adalah terbatas.

## 41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)

### 6. Damansara Realty Berhad

- (a) Pada 6 November 2009, Damansara Realty Berhad ("DBhd") bercadang untuk melaksanakan cadangan berikut:
- (i) cadangan pertukaran saham yang melibatkan pertukaran 250,140,754 saham biasa berharga RM0.50 sesaham dalam DBhd ("Saham DBhd") mewakili keseluruhan saham terbitan dan modal berbayar dalam DBhd dengan penerbitan 150,084,452 saham biasa baru bernilai RM0.50 sesaham dalam Insan Kualiti Sdn Bhd ("IKSB") ("IKSB Saham"), pada waktu ini anak syarikat milik penuh DBhd pada harga terbitan sebanyak RM0.80 setiap Saham baru IKS dan jumlah bayaran tunai berjumlah RM80,045,041 kepada para pemegang saham DBhd yang sedia ada pada asas 0.60 saham IKS baru dan pembayaran kira-kira RM0.32 pertukaran untuk setiap satu (1) saham DBhd yang dipegang;
  - (ii) pengambilalihan yang dicadangkan oleh IKS oleh syarikat-syarikat berikut daripada syarikat-syarikat dalam kumpulan JCorp:
    - 100% kepentingan ekuiti dalam Tanjung Langsat Port Sdn Bhd yang terdiri daripada 97,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham untuk pertimbangan pembelian kira-kira RM249.05 juta; dan
    - 100% kepentingan ekuiti dalam TPM Technopark Sdn Bhd yang terdiri daripada 20,048,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham untuk pertimbangan pembelian kira-kira RM54.80 juta.
- Pertimbangan yang berjumlah kira-kira RM303.85 juta perlu diselesaikan dengan pengeluaran 229,727,770 Saham baru IKS pada harga terbitan sebanyak RM0.80 bagi setiap Saham IKS dan baki RM120.07 juta untuk ditolak terhadap jumlah terutang kepada JCorp bagi cadangan (iii);
- (iii) pelupusan yang dicadangkan bagi 250,140,754 saham biasa dalam DBhd mewakili keseluruhan modal saham yang diterbitkan dan modal berbayar dalam DBhd oleh IKS kepada JCorp untuk pertimbangan sebanyak RM200,112,603 yang perlu dipenuhi secara tunai kira-kira RM80.05 juta dan baki RM120.07 juta untuk ditolak terhadap jumlah terutang kepada Johor Corporation untuk cadangan (ii); dan
  - (iv) pemindahan yang dicadangkan bagi status penyenaraian DBhd di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad kepada IKS.
- (b) Lanjutan kepada pengumuman yang dibuat pada 6 Mei 2010, pada 14 Julai 2010, DBhd telah mengumumkan penangguhan skim tersebut, sementara menunggu penyelesaian isu-isu antara DBhd dan JCorp berhubung syarikat-syarikat yang diambilalih yang dicadangkan. Skim tersebut sedang dilaksanakan dan pengumuman yang sewajarnya akan dibuat selepas penyelesaian isu-isu tersebut.

### 7. Tanjung Langsat Port Sdn Bhd

- (a) Pada 17 Ogos 2008, satu kebakaran telah berlaku pada Tank 1 (T-1) yang terletak di Tanjung Langsat Port dan dimiliki oleh Tanjung Langsat Port Sdn Bhd ("TLP"). Tangki tersebut mengandungi 17,800 meter padu gasolin tanpa plumbum. Pada hari kedua, api telah merebak ke Tank 2 (T-2) yang mengandungi 11,200 meter padu Naptha. Api itu akhirnya berjaya dipadamkan pada 20 Ogos 2008.

Semasa tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009, TLP menyerahkan tuntutan insuran kepada syarikat insuran untuk perbelanjaan pemadam api, perbelanjaan pembaikan kemudahan berdekatan yang terjejas, pembinaan semula tangki, pemulihan kemudahan sedia ada dan kerugian berbangkit.

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya  
SAMBUNGAN

### **41. PERISTIWA PENTING SEMASA DAN SELEPAS AKHIR TAHUN (SAMBUNGAN)**

#### **7. Tanjung Langsat Port Sdn Bhd (sambungan)**

TLP telah melantik kontraktor untuk membina semula T-1 dan T-2. Walau bagaimanapun, pembinaan tangki simpanan telah ditangguhkan sehingga selesai pembuangan sisa dan kerja-kerja meroboh, pemeriksaan oleh pihak insuran dan pihak berkuasa yang berkaitan. Pengurusan TLP menjangkakan bahawa sebahagian daripada operasi tangki simpanan akan disambung semula pada Jun 2012.

TLP sedang aktif berbincang dengan syarikat insuran dan telah melantik peguam untuk tindakan susulan bagi pihak mereka.

- (b) Pada 28 Disember 2011, Lembaga Pengarah TLP telah dimaklumkan mengenai cadangan pengambilalihan harta tanah, loji dan peralatan tertentu oleh JCorp.

Cadangan pengambilalihan adalah sebahagian daripada skim penstrukturkan semula jangka masa panjang sepertimana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa yang berkenaan. Skim ini, antara lain, melibatkan pembiayaan semula pinjaman sedia ada TLP.

Cadangan pengambilalihan seperti yang disebutkan di atas adalah tertakluk kepada penyelesaian skim pembiayaan semula. Pada tarikh penyata kewangan ini, skim ini masih belum dimuktamadkan.

#### **8. Larkin Sentral Management Sdn Bhd**

- (a) Dalam tahun 2004, sebuah anak syarikat tidak langsung Kumpulan, Larkin Sentral Management Sdn Bhd ("LSM") telah menandatangani satu perjanjian tiga pihak, yang mana boleh diperbaharui setiap tahun, dengan Pelaburan Johor Berhad ("PJB") dan Amanah Raya Berhad ("ARB"), yang mana masing-masing adalah pengurus dan pemegang amanah bagi kedua-dua Amanah Saham Johor ("ASJ") dan Dana Johor ("DJ") untuk pelaksanaan satu skim untuk pemegang-pemegang kedua-dua unit ASJ dan DJ. Di bawah skim ini, para pemegang unit boleh memohon untuk membeli semula sehingga lima ratus unit atau 10% daripada pegangan saham semasa dalam ASJ dan DJ, yang mana lebih tinggi untuk harga pembelian semula sebanyak RM1 dan RM0.50 masing-masing untuk setiap unit ASJ dan DJ. Dalam skim ini, peranan anak syarikat tidak langsung Kumpulan adalah untuk membeli unit-unit baru saham ASJ dan DJ daripada PJB yang mana PJB perlu membeli semula daripada para pemegang unit ASJ dan DJ. Skim ini juga membenarkan para pemegang unit untuk menjual semula unit-unit tersebut pada harga sebagaimana yang disebut terdahulu sehingga jumlah maksima 10% daripada jumlah pegangan unit setahun.

Pada Jun 2008, skim ASJ telah dihentikan dan semenjak dari itu, ARB telah menguruskan unit amanah tersebut.

Sebelum tahun 2010, LSM telah menandatangani satu perjanjian empat pihak dengan PJB dan ARB untuk pembelian semula DJ. Dalam tahun 2010, LSM telah menandatangani satu lagi perjanjian tiga pihak (kali ke enam) dengan PJB dan ARB untuk pembelian semula DJ. Di bawah perjanjian ini, PJB akan menawarkan pembelian semula sebahagian unit DJ yang telah dipersetujui daripada para pemegang unit.

Pada akhir tahun kewangan, LSM akan bertanggungjawab sehingga ke satu tahap dimana unit-unit selebihnya DJ dalam edaran di bawah skim ini. Sekiranya kesemua unit baki DJ ini pada 31 Disember 2011 telah dibeli semula atas andaian bahawa harga pasaran DJ untuk seunit adalah kosong, jumlah maksima pembelian semula adalah RM85,776,500 (2010: RM89,403,000). Tiada peruntukan dibuat untuk liabiliti yang terbit daripada skim tersebut dalam penyata kewangan akibat daripada kewujudan perubahan-perubahan yang terlibat seperti harga pasaran pada tarikh pembelian semula dan jumlah unit untuk dibeli semula, yang mana ianya belum boleh ditentukan.

## SENARAI ANAK-ANAK SYARIKAT DAN SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU

| Nama Syarikat                               | Kegiatan Utama  | Negara diperbadankan | Kepentingan        |                     |  |  |
|---|---|----------------------|--------------------|---------------------|--|--|
|   |   |                      | Efektif Dis 2011 % | Kumpulan Dis 2010 % |  |  |
| <b>1 BISNES ASAS</b>                        |   |                      |                    |                     |  |  |
| <b>A MINYAK SAWIT</b>                       |   |                      |                    |                     |  |  |
| <b>SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF</b>              |   |                      |                    |                     |  |  |
| Dami Australia Pty Ltd                      | Penyelidikan dan pengeluaran biji sawit   | Australia            | 28.97              | 28.11               |  |  |
| EPA Management Sdn Bhd                      | Pemegang pelaburan dan menyediakan perkhidmatan pengurusan dan perunding peladangan   | Malaysia             | 57.16              | 55.47               |  |  |
| Kula Palm Oil Limited                       | Penanaman dan pemprosesan kelapa sawit  | Papua New Guinea     | 23.18              | 22.48               |  |  |
| Kulim (Malaysia) Berhad #                   | Peladangan kelapa sawit, Pemegang pelaburan dan hartanah                              | Malaysia             | 57.16              | 55.47               |  |  |
| Kulim Energy Sdn Bhd                        | Pemegang pelaburan dan peladangan kelapa sawit  | Malaysia             | 57.16              | 55.47               |  |  |
| Kulim Plantations (Malaysia) Sdn Bhd        | Perladangan kelapa sawit  | Malaysia             | 57.16              | 55.47               |  |  |
| Kumpulan Bertam Plantations Berhad          | Perladangan kelapa sawit  | Malaysia             | 54.01              | 52.41               |  |  |
| Mahamurni Plantations Sdn Bhd               | Perladangan kelapa sawit  | Malaysia             | 57.16              | 55.47               |  |  |
| New Britain Nominees Limited                | Beroperasi sebagai entiti undang-undang bagi pemilikan saham New Britain Palm Oil Ltd | Papua New Guinea     | 28.97              | 28.11               |  |  |
| New Britain Oils Limited                    | Kilang penapis  | United Kingdom       | 28.97              | 28.11               |  |  |
| New Britain Palm Oil Ltd (NBPOL)            | Perladangan kelapa sawit  | Papua New Guinea     | 28.97              | 28.11               |  |  |
| New Britain Plantation Services Pte Limited | Penjualan tunas biji sawit  | Singapura            | 28.97              | 28.11               |  |  |
| Plantation Contracting Sevices Limited      | Kontrak kerja-kerja tanah dan projek pembuatan jalan                                  | Papua New Guinea     | 28.97              | 28.11               |  |  |
| Poliamba Limited                            | Penanaman kelapa sawit  | Papua New Guinea     | 18.85              | 18.27               |  |  |
| Pristine Bay Sdn Bhd                        | Pemegang pelaburan  | Malaysia             | 78.15              | 77.29               |  |  |
| PT Kulim Agro Persada                       | Perkhidmatan pengurusan   | Indonesia            | 57.16              | 55.47               |  |  |

**SENARAI ANAK-ANAK SYARIKAT DAN  
SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU**  
**SAMBUNGAN**

| <b>Nama Syarikat</b>                               | <b>Kegiatan Utama</b>  | <b>Negara diperbadankan</b> | <b>Kepentingan Efektif Kumpulan</b> |                   |  |  |
|--|--|-----------------------------|-------------------------------------|-------------------|--|--|
|  |  |                             | <b>Dis 2011 %</b>                   | <b>Dis 2010 %</b> |  |  |
| <b>1 BISNES ASAS (SAMBUNGAN)</b>                   |  |                             |                                     |                   |  |  |
| <b>A MINYAK SAWIT (SAMBUNGAN)</b>                  |  |                             |                                     |                   |  |  |
| <b>SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF (SAMBUNGAN)</b>         |  |                             |                                     |                   |  |  |
| Ramu Agri-industries Limited                       | Penanaman kelapa sawit, tebu dan pengeluar lain-lain hasil pertanian                                   | Papua New Guinea            | 28.97                               | 28.11             |  |  |
| Selai Sdn Bhd                                      | Perladangan kelapa sawit   | Malaysia                    | 57.16                               | 55.47             |  |  |
| SIM Manufacturing Sdn Bhd                          | Pengilang dan wakil penjual dalam produk getah pelbagai jenis dan barang yang diperbuat daripada getah | Malaysia                    | 51.44                               | 49.92             |  |  |
| The Secret of Secret Garden Sdn Bhd                | Pemasaran dan perniagaan barang penjagaan peribadi   | Malaysia                    | 57.16                               | 55.47             |  |  |
| Ulu Tiram Manufacturing Company (Malaysia) Sdn Bhd | Perladangan kelapa sawit   | Malaysia                    | 57.16                               | 55.47             |  |  |
| United Malayan Agricultural Corporation Bhd        | Perladangan kelapa sawit   | Malaysia                    | 57.16                               | 55.47             |  |  |
| <b>SYARIKAT-SYARIKAT DORMAN</b>                    |  |                             |                                     |                   |  |  |
| Cita Tani Sdn Bhd                                  | Penanaman tebu dan lain-lain produk pertanian  | Malaysia                    | 51.45                               | 49.47             |  |  |
| Dumpu Limited                                      | Pemegang hartanah  | Papua New Guinea            | 28.97                               | 28.11             |  |  |
| EPA Futures Sdn Bhd                                | Dorman   | Malaysia                    | 57.16                               | 55.47             |  |  |
| KCW Roadworks Sdn Bhd                              | Dorman   | Malaysia                    | 42.87                               | -                 |  |  |
| Nexsol (Malaysia) Sdn Bhd                          | Dorman   | Malaysia                    | 29.16                               | 28.29             |  |  |
| Palma Bumimas Sdn Bhd                              | Biocompost   | Malaysia                    | 42.87                               | 41.60             |  |  |
| Panquest Ventures Limited                          | Dorman   | British Virgin Island       | 57.16                               | 55.47             |  |  |
| Pembangunan Mahamurni Sdn Bhd                      | Pemegang pelaburan   | Malaysia                    | 57.16                               | 55.47             |  |  |
| Skellerup Foam Products (Malaysia) Sdn Bhd         | Dorman   | Malaysia                    | 57.16                               | 55.47             |  |  |
| Skellerup Industries (Malaysia) Sdn Bhd            | Syarikat induk dan pengilangan produk getah  | Malaysia                    | 57.16                               | 55.47             |  |  |
| Skellerup Latex Products (M) Sdn Bhd               | Dorman   | Malaysia                    | 57.16                               | 55.47             |  |  |

| Nama Syarikat   | Kegiatan Utama  | Negara diperbadankan | Kepentingan Efektif Kumpulan |            |  |  |
|---|---|----------------------|------------------------------|------------|--|--|
|   |   |                      | Dis 2011 %                   | Dis 2010 % |  |  |
| <b>1 BISNES ASAS (SAMBUNGAN)</b>  |   |                      |                              |            |  |  |
| <b>B HARTANAH</b>   |   |                      |                              |            |  |  |
| <b>SYARIKAT-SYARIKAT AKTIF</b>  |   |                      |                              |            |  |  |
| Advance Development Sdn Bhd   | Pemaju harta tanah  | Malaysia             | 98.15                        | 98.82      |  |  |
| Damansara Realty Berhad #   | Pemegang pelaburan, pembinaan dan pengurusan projek           | Malaysia             | 54.24                        | 54.24      |  |  |
| Damansara Realty (Johor) Sdn Bhd  | Pemaju harta tanah  | Malaysia             | 54.24                        | 54.24      |  |  |
| Damansara Realty (Pahang) Sdn Bhd   | Pemegang dan pemaju harta tanah                               | Malaysia             | 32.54                        | 32.54      |  |  |
| Damansara Realty (Terengganu) Sdn Bhd                                     | Pemaju harta tanah  | Malaysia             | 54.24                        | 54.24      |  |  |
| Damansara Realty Management Services Sdn Bhd                              | Khidmat pengurusan dan perniagaan insurans am                 | Malaysia             | 54.24                        | 54.24      |  |  |
| Dhealthcare Centre Sdn Bhd  | Pembekal perkhidmatan kesihatan                               | Malaysia             | 76.88                        | 76.66      |  |  |
| DRP Construction Sdn Bhd  | Pembinaan, pemaju harta tanah dan pelaburan (tidak aktif)     | Malaysia             | 54.66                        | 54.24      |  |  |
| Istiwa Sdn Bhd  | Pemaju harta tanah dan pengiklanan                            | Malaysia             | 54.24                        | 54.24      |  |  |
| Johor Land Berhad   | Pemaju harta tanah  | Malaysia             | 98.82                        | 98.82      |  |  |
| JOLS Construction Sdn Bhd   | Pembinaan, pemuliharaan, penyeliaan dan perkhidmatan sanitasi | Malaysia             | 54.24                        | 54.24      |  |  |
| Kesang Properties Sdn Bhd   | Pemaju harta tanah  | Malaysia             | 54.25                        | 54.25      |  |  |
| Pembinaan Prefab Sdn Bhd  | Dorman  | Malaysia             | 98.15                        | 98.82      |  |  |
| Synthomer Sdn Bhd (Dahulunya dikenali sebagai Revertex (Malaysia) Sdn Bhd | Pemprosesan bahan-bahan getah dan kimia                       | Malaysia             | 29.51                        | 29.72      |  |  |
| Tebing Aur Sdn Bhd  | Pengurusan kontrak dan pembinaan                              | Malaysia             | 54.26                        | 54.24      |  |  |

**SENARAI ANAK-ANAK SYARIKAT DAN  
SYARIKAT-SYARIKAT BERSEKUTU**  
**SAMBUNGAN**

| <b>Nama Syarikat</b>                                    | <b>Kegiatan Utama</b>   | <b>Negara diperbadankan</b> | <b>Kepentingan Efektif Kumpulan</b> |                   |  |  |
|---|---|-----------------------------|-------------------------------------|-------------------|--|--|
